

**ABDUL KARIM JAMAK DAN PEMIKIRANNYA  
TENTANG KONSEP KETUHANAN**

**AHMAD ZUHDI**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2017**

**ABDUL KARIM JAMAK DAN PEMIKIRANNYA  
TENTANG KONSEP KETUHANAN**

**AHMAD ZUHDI**

**TESIS INI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2017**

## ABSTRAK

Sebagai seorang ulama di Kabupaten Kerinci, pemikiran Abdul Karim Jamak perlu dikaji dikemukakan di tengah masyarakat, kerana sebelumnya ajaran Islam yang diajarkan kepada murid-muridnya dilihat dan difahami oleh masyarakat setempat dengan menyatakan bahawa beliau mengembangkan ajaran sesat. Tentu pandangan tersebut tidak dapat diterima begitu sahaja, tanpa ada bukti yang jelas dan dapat dipertanggung jawabkan. Kemashuran Abdul Karim Jamak terlihat pula dari muridnya bukan sahaja dari masyarakat awam, melainkan para pendidik, pegawai pemerintah dan pensyarah, serta suwasta lainnya. Masyarakat hendaknya perlu melihat secara jelas apa-apa ajaran Abdul Karim Jamak tersebut. Oleh kerananya sebelum memberikan kesimpulan dan keputusan tentang sesat tidaknya sesebuah aliran dan ajaran yang dikembangkan oleh sekelompok ulama, baik dilakukan secara individu mahupun organisasi, perlu melakukan beberapa pendekatan dan pelbagai metode. Kajian dengan tajuk ‘Abdul Karim Jamak dan Pemikirannya Tentang Konsep Ketuhanan’ menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif (*qualitative research*) dengan melalui dua pendekatan iaitu pendekatan sejarah (*Historical approach*) dan pendekatan teori Islam (*Islamic theory approach*). Tujuannya yang utama adalah untuk mengkaji dan meneliti biografi Abdul Karim Jamak dan Pemikirannya Tentang Konsep Ketuhanan. Yang secara terperinci membicarakan tentang, Sifat Allah, konsep Perbuatan Tuhan serta Qada dan Qadar. Dengan objektif kajian adalah untuk menganalisis serta mengenal pasti riwayat dan sejarah hidup Abdul Karim Jamak dan mengungkapkan peranan pemikiran terhadap hala tuju konsep Ketuhanannya. Penulis memilih tokoh ini sebagai objek kajian kerana beliau adalah tokoh terkemuka di Indonesia, kemudian mengadakan Analisa

perbandingan sebagai sebuah penyelidikan komperatif. Selain itu juga meluruskan pandangan masyarakat Kerinci yang sebelum ini pernah beranggapan bahawa Abdul Karim Jamak mengajarkan ajaran sesat. Dari hasil penyelidikan dapat diketahui bahawa Abdul Karim Jamak merupakan seorang ulama tersohor, yang telah berjuang dengan aktifiti dakwahnya mengajak masyarakat muslim di Kerinci untuk mengamalkan ajaran Islam sesuai dengan syariat Nabi Muhammad s.a.w. Dari konsep pemikirannya tentang Ketuhanan, Abdul Karim Jamak adalah menganut pemikiran Asyā'irah, berasaskan kepada al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Ajaran Ketuhanannya yang telah difahami dan diamalkan telahpun memberi implikasi kepada murid-murid beliau dan masyarakat muslim Kerinci bahkan sampai di belahan nusantara. Abdul Karim Jamak sewajarnya mendapat gelaran Kiyai Haji (Kh) setelah mengembangkan konsep pemikiran keislamannya serta konsep tentang Ketuhanan yang tidak bertentangan dengan al-Quran dan hadis

## ABSTRACT

As a scholar in Kerinci District, Abdul Karim Jamak's thinking needs to be examined in the middle of society, as previously the teachings of Islam taught to his students are seen and understood by the local community by stating that he developed deviant teachings. Of course, such views are not acceptable only to the truth of the teachings they convey. His students are not only from the general public, but also educators, government officials and lecturers, and others. People should see clearly what Abdul Karim Jamak teaches. Consequently, before the conclusions and decisions of the deviation, not a single flow of flow and the teachings developed by a group of scholars, both individually and collectively, need to carry out several approaches and various methods. The study, entitled 'Abdul Karim Jamak and His Thoughts on the Divine Concept', uses qualitative research methods through two approaches namely Historical approach and Islamic theory approach. His ultimate aim is to study and examine the biography of Abdul Karim Jamak and his Thoughts on the Divine Concept. Which in detail talks about, Nature of God, the concept of God's Action and Qada and qadar. With the objective of the study is to analyze and identify the history and life of Abdul Karim Jamak and to express the role of thinking on the direction of God's concept. The author chose this figure as the object of study as he was a prominent figure in Indonesia, then conducted a Comparative Analysis as a comparative research. In addition, it also regulates the views of Kerinci people who had previously thought that Abdul Karim Jamak taught misguided teachings. From research findings it can be seen that Abdul Karim Jamak is a famous scholar, who has fought with his missionary activities

inviting the Muslim community in Kerinci to practice the teachings of Islam in accordance with the law of the Prophet Muhammad s.a.w. From the concept of his thinking about the Godhead. Abdul Karim Jamak follows the thinking of Asyā'irah, based on the Quran and the hadith of the Prophet. S.a.w His divine teachings that have been understood and practiced have implicated his students and the Muslim community of Kerinci even to the archipelago. Abdul Karim Jamak deserves the title of Kiyai Haji (Kh) after developing his concept of Islamic thought and the concept of Divine not contrary to the Qur'an and the hadith

University of Malaysia

## PENGHARGAAN

Rasa syukur yang tidak terhingga dipersembahkan kehadirat Allah s.w.t dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya penulis dapat menyelesaikan kajian ini. Selawat dan Salam senantiasa dicurahkan ke atas Rasul junjungan Muhammad s.a.w. yang telah berjuang melepaskan umat manusia dari kejahilan menuju hidayah.

Penulis mengucapkan setinggi penghargaan dan rasa terima kasih kepada Dr. Ahmad Zuhdi bin Ismail, Pensyarah kanan selaku penyelia yang telah banyak meluang masa untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada penulis dalam menyiapkan tesis ini. Semoga jerih payah beliau mendapat balasan pahala daripada Allah s.w.t.

Penulis juga mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan kepada Pengarah Akademi Pengajian Islam, Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam serta seluruh kakitangan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang telah memberikan bantuan dan kerjasama kepada penulis.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada yang dikasihi Ayahanda Abu Bakar bin Hj Arsyad dan Ibunda Jasni binti Usman yang telah bersusah payah dengan tenaga, pikiran dan perasaan demi membesarkan dan mendidik penulis sejak kecil hingga mampu berdikari.

Terima kasih kepada isteri tercinta Mulyarti binti Abdul Muluk, S. Ag, yang selalu mendukung penulis dengan penuh perhatian dan bantuan baik secara pemikirannya mahupun tenaga dalam menyelesaikan kajian ini. Terima kasih juga kepada yang disayangi Ananda Nurul Zahida Febrianti yang selalu meberikan motivasi dan inspirasi bagi penulis.

Ucapan terima kasih dan penghargaan istimewa juga penulis sampaikan kepada bapak Dr. H. Aswin Rose Penasehat Jam'iyatul Islamiyah Indonesia, bapak Prof. Dr. H. Azhar Arsyad, MA Ketua Dewan Pimpinan Pusat Indonesia serta keluarga besar Jam'iyatul Islamiyah Kota Sungai Penuh dan Kerinci, tokoh agama yang telah memberikan pelbagai maklumat berhubung disertasi ini hingga selesai.

Akhirnya kata kepada semua pihak dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini, penulis sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih. Semoga segala sumbangan yang dicurahkan itu mendapat balasan yang terbaik dari Allah s.w.t.

Penulis berharap agar kajian ini dapat memberikan sumbangan dalam memperkaya khazanah Islam dan ilmu pengetahuan pada umumnya.

Sekian dan terima kasih.

Penulis

AHMAD ZUHDI BIN ABU BAKAR ARSYAD  
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam  
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya  
Lembah Pantai  
Kuala Lumpur



## DEDIKASI

### **Kupersembahkan**

Untuk Ayah, **Abu Bakar bin Hj. Arsyad Hj. Abd. Sa'id**

Nasehat dan arahanmu serta pengorbananmu semasa hidup, betapa bermaknanya bagiku, kegigihan dan semangat yang engkau titipkan padaku, kini keazaman dan semangat itu telah menghantar anaknda memperoleh harapan dan impianmu, pesan dan nasehatmu selalu diingat, meski ayahanda telah tiada, Inshaallah do'aku selalu menyertaimu.

Untuk Ibu, **Jasniah binti Usman Malim Sempurno**

Sentuhan dan belaian kasih sayangmu yang tulus, telah mengajariku erti perjuangan, kejujuran, ketabahan serta kesabaran dalam kehidupan ini, Ibu telah menghantar anaknda dengan do'a dan air mata ke jalan kebijaksanaan, sehingga kini terasa makna dan erti dari semuanya, betapa bahagia dan senangnya saat mendengar untaian kalimat tahniah atas kejayaan yang diperolehi. Tentu akan sia-sia dan hampa bila ibu tiada bersama meraikannya

Untuk Isteri, **Mulyarti binti Hj Abdul Muluk Saleh**

Sungguh banyak jasa dan pengorbananmu, kesabaran ketika harus ditinggalkan demi untuk mengejar cita-cita dan impian, semangat yang engkau perlihatkan membuat aku sentiasa kuat dan do'amumu akan sentiasa mengingatinya.

Untuk Anak, **Nurul Zahida Febrianti**

Harapan papa, semoga engkau menjadi orang yang berguna bagi agama, bangsa dan Negara, serta teruskanlah perjuangan dan pendidikanmu, ikutilah perjuangan hamba-hamba mulia para ulama.

## ISI KANDUNGAN

PERAKUAN	
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
ISI KANDUNGAN	x
TRANSLITERASI	xiv
KEPENDEKAN	xvi
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	26
1.4 Kepentingan Kajian	27
1.5 Metodologi Kajian	28
1.6 Kajian Lepas	31
1.7 Rangka Kajian	35
1.8 Penutup	36
<b>BAB 2 : ABDUL KARIM JAMAK : SUATU PENGENALAN</b>	
2.1 Pendahuluan	38
2.2 Salsilah	41
2.2.1 Bapa	41

2.2.2	Ibu	42
2.3	Pendidikan	46
2.3.1	Usia 1 – 12 Tahun	46
2.3.2	Usia 13 – 21 Tahun	46
2.3.3	Usia 22 – Wafat	47
2.4	Guru	48
2.5	Pekerjaan	55
2.5.1	Pendidik	57
2.5.2	Ulama	59
2.6	Pandangan ulama	60
2.7	Sumbangan dan Karya	67
2.7.1	Kegiatan Pentadbiran	69
2.7.2	Kegiatan Penyiaran Agama	75
2.7.3	Kegiatan Pendidikan	80
2.8	Penghargaan yang diberikan kepadanya	93
2.9	Wafat	95
2.10	Kesimpulan	97
<b>BAB 3</b>	<b>: KONSEP SIFAT ALLAH</b>	
3.1	Pendahuluan	98
3.2	Pengertian Sifat Allah	102
3.3	Kesucian Sifat Allah	117
3.4	Keyakinan Terhadap Sifat Allah	130
3.5	Kesempurnaan Sifat Allah.	141

3.6 Aspek Penting dalam Sifat Allah	155
3.7 Kepentingan yang Hakiki tentang Allah	164
3.8. Kesimpulan	172
<b>BAB 4 : KONSEP PERBUATAN TUHAN</b>	
4.1 Pendahuluan	174
4.2 Pengertian Perbuatan Tuhan	178
4.3 Aspek-Aspek Penting tentang Perbuatan Tuhan	183
4.4 Kesenangan dan Kebahagiaan	206
4.5 Aspek Pembalasan Tuhan	211
4.5.1 Aspek Kematian	212
4.5.2 Aspek Kehidupan di alam Barzah	216
4.5.3 Aspek Syurga	221
4.5.4 Aspek Neraka	224
4.6 Kesimpulan	231
<b>BAB 5 : KONSEP QADA DAN QADAR</b>	
5.1 Pendahuluan	233
5.2 Pengertian Qada dan Qadhar	235
5.2.1 Pengertian Qada dari sudut bahasa	235
5.2.2 Pengertian Qada dari sudut istilah	236
5.2.3 Pengertian Qadar dari sudut bahasa	239
5.2.4 Pengertian Qadar dari sudut istilah	244
5.3 Kesan Qadha dan Qadhar dalam Kehidupan Manusia	249
5.4 Bentuk-Bentuk Qadha	259

5.5 Al-Kasb (Usaha)	263
5.5.1 al-Kasb dari segi bahasa	265
5.5.2 Pengertian dari sudut istilah	266
5.6 Kesimpulan	280
BAB 6 : PENUTUP	
6.1 Kesimpulan Kajian	282
6.2 Cadangan	287
BIBIOGRAFI	289
LAMPIRAN	305
SENARAI INFORMAN	322

## PANDUAN TRANSLITERASI

### a. Konsonan

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أ	` (a,i,u)	الفأرة	al-fa`rah
2	ب	B	تبع	ba`atha
3	ت	T	تاب	Taba
4	ث	Th	حواب	Thawab
5	ج	J	جعل	ja`ala
6	ح	H	حلة	Halaba
7	خ	Kh	خطة	Khataba
8	د	D	دفع	dafa`a
9	ذ	Dh	ذة	Dhahaba
10	ر	R	رجع	raja`a
11	ز	Z	زرع	zara`a
12	س	S	سوع	sami`a
13	ش	Sy	شفع	shafa`a
14	ص	S	صعد	sa`ada
15	ض	D	ضلل	Dalala
16	ط	T	طاع	tala`a
17	ظ	Z	ظفر	Zafara
18	ع	' (a,i,u)	علي	`alayhi
19	غ	Gh	غفر	Ghafara
20	ف	F	فلح	Falaha
21	ق	Q	قلن	Qalama
22	ك	K	كاتب	Kataba
23	ل	L	لعة	la`iba
24	م	M	معه	mana`a
25	ن	N	نال	Nala
26	و	W	وعد	wa`ada
27	هـ	H	هدم	Hadama

28	ي	Y	يَلْعَن	ya'lamu
----	---	---	---------	---------

**b. Vokal Panjang**

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أ	Ā	قال	Qala
2	أو	Ū	موسى	Musa
3	إي	Ī	إيمان	Iman

**c. Vokal Pendek**

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	فَتْحَة (ـَ)	A	صَرَ	Nasara
2	كَسْرَة (ـِ)	I	نَسِر	Nasirun
3	مَضْمُونَة (ـُ)	U	يَنْسُرُ	Yansuru

**d. Diftong**

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أَوْ	Aw	أَوَّاب	Awwabun
2	أَيَّ	Ay	أَيَّام	Ayyamun
3	أَيَّ	Iy	أَيَّاكَ	Iyyaka

**Catatan:**

Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan Bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan Bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan

Bahasa Malaysia. Seperti perkataan Rasulullah, Muhammad, Ahmad, mazhab, ulama, ilmiah, al-Qur'an, hadith dan lain-lain.

University of Malaya



## KEPENDEKAN

ABRI	: Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
AD	: Anggaran Dasar
ART	: Anggaran Rumah Tangga
a.s	: alay wasalam
BA	: Bechlor Of Art
DPC	: Dewan Pimpinan Cabang/Cawangan
DPD	: Dewan Pimpinan Daerah
DPP	: Dewan Pimpinan Pusat
DPR	: Dewan Perwakilan Rakyat
Drs	: Doktorandus
GOLKAR	: Golongan Karya
H	: Haji
h	: Halaman
H.	: Haji
HAM	: Hak Asasi Manusia
Hj	: Hajjah
IAIN	: Institut Agama Islam Negeri
Ibid	: Ibidem, rujukan yang tidak diselangi oleh buku lain
Ir.	: Insinyur
ISNU	: Ikatan Sarjana Nahdatul Ulama
KEJARI	: Kejaksaan Negeri
KEJATI	: Kejaksaan Tinggi
Kh	: Kiyai Haji
MDI	: Majelis Dakwah Indonesia
MM	: Master Manajemen
MUBES	: Mesuarat Besar
MUI	: Majelis Ulama Indonesia
MUNAS	: Musuarat Nasional
MUSCAB	: Mesyuaat Cawangan
MUSDA	: Musyuarat Daerah
NKRI	: Negara Kesatuan Republik Indonesia
NU	: Nahdlatul Ulama
PERSIS	: Persatuan Islam
PN	: Pengadilan Negeri
PTUN	: Pengadilan Tata Usaha Negeri
RAKERNAS	: Rapat Kerja Nasional
s.a.w	: salla Allah 'alayh wa sallam
s.w.t	: subhanahu wa ta'ālā
SEKBERGOLKAR	: Surat Keputusan Bersama Golongan Karya
SH	: Sarjana Hukum
SMA	: Sekolah Menengah Atas
SKB	: Surat Keputusan Bersama
t.t	: Tanpa Tahun
STAIN	: Sekolah Tinggi Agama Islam Negri
STIT	: Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyah
Terj	: Terjemahan
TNI	: Tentara Nasional Indonesia

UB	: Usaha Bersama
UU	: Undang-Undang
UUD	: Undang-Undang Dasar
UUHAM	: Undang-Undang Hak Asasi Manusia
YPI	: Yayasan Pendidikan Islam

University of Malaya

## BAB 1: PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Keyakinan terhadap al-Quran menempatkan keimanan pejuang Islam seperti Kiyai<sup>1</sup> Haji Abdul Karim Jamak, menempuh perjalanan untuk menyebarkan ajaran Islam. Dalam perjalanan yang penuh dengan cobaan dan rintangan itu, beliau sangat berkeyakinan bahwa Allah pasti menolongnya. Dengan sandaran keyakinan seperti itulah, Allah Yang Maha Kuasa menganugerahkan hikmah kepadanya. Dengan keistimewaan itu, beliau tidak pernah patah semangat untuk melaksanakannya sesuai dengan firman Allah s.w.t :

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

Al-Baqarah 2 : 269

Terjemahannya : Allah memberikan hikmat kebijaksanaan (ilmu Yang berguna) kepada sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut aturan Yang ditentukanNya). dan sesiapa Yang diberikan hikmat itu maka Sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan Yang banyak. dan tiadalah Yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang Yang menggunakan akal fikirannya.

Dunia zahir sangat berbeza dengan dunia ghaib. Setiap manusia yang hadir di dunia ini pasti tidak buta matanya dapat melihat semua yang dilihatnya dan mengetahui suara yang didengar oleh telinganya. Akankah semua manusia melihat

---

<sup>1</sup> Kiyai maksudnya adalah salah satu gelaran yang diberikan oleh masyarakat untuk orang-orang yang dipandang ahli dalam agama, seperti yang lazim disebut dengan Ustaz dan ustazah, serta sebutan seperti Buya, panggilan seperti ini di Indonesia selalu ada perbezaan, contohnya di daerah Jawa, Kiyai itu lazim di panggil kepada ulama dalam kalangan Pesantren, sedang di Sumatera biasanya disebut Buya, dan ustaz.

dengan mata setiap yang hadir di dunia ghaib. Pengetahuan segala hal yang di luar zahir tak mungkin dapat dijangkau oleh mata dan telinga.

Abdul Karim Jamak seorang yang cerdas, alim dan taat beribadat kepada Allah, sentiasa menghabiskan masanya untuk mendekati diri kepada Allah s.w.t Kerana ibadah yang dikerjakan dianggap berlebihan, sehingga dianggap sebuah kesesatan, dan itulah yang sering dialami oleh ulama-ulama terdahulu, baik dalam bidang akidah, falsafah dan cabang yang lainnya. Contohnya pemahaman masyarakat, tentang tahlil yang menyebut nama Allah dalam bentuk zikir, masyarakat awam memahami nama Allah dengan suara yang keras dan kuat, dan bahkan dengan pelbagai gaya gerakan, sehingga mengeluarkan keringat. Seharusnya bila merujuk tatacara yang diajarkan dalam al-Quran tidak seperti itu, firman Allah :

وَأَذْكُر رَبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ

وَلَا تَكُن مِّنَ الْغَافِلِينَ

Al-A'raf 7 : 205

Terjemahannya : Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu Dalam hatimu, Dengan merendah diri serta Dengan perasaan takut (melanggar perintahNya), dan Dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang dan janganlah Engkau menjadi dari orang-orang Yang lalai.

Ini adalah anugerah yang dihadiahkan oleh Allah s.w.t kepada Abdul Karim Jamak untuk menuju ke wilayahNya. *Al-Hikmah* merupakan sebutan anugerah

karunia kepada Abdul Karim Jamak. Dan hanya orang-orang yang dipercayakan oleh Allah yang boleh menerimanya. Beliau mengajarkan cara menyebut dan mengingat Allah sebagaimana cara al-Quran yang telah dijelaskan dalam ayat tersebut. Seperti maksud firman Allah “Dan sebutlah Tuhan engkau di dalam hatimu, dengan mrendahkan diri dan takut dan tidak dengan kata-kata yang keras pada pagi hari dan petang”<sup>2</sup>

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Abdul Karim Jamak, sebagaimana manusia biasa, sangat berharap dalam menjalani kehidupan dengan petunjuk agama yang benar. Baik dalam bentuk kesedaran mahupun tidak, keinginan manusia secara umum menginginkan hal lebih baik, apakah dengan cara individu mahupun kelompok dan golongan. Semua orang berharap ingin memiliki pemimpin yang dapat menuntun mereka ke jalan yang benar.

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيُبْلُوَكُمْ

فِي مَا آتَاكُمْ ۗ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

Al-An‘ām 6 : 165

Terjemahannya : Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

<sup>2</sup> Al-Quran surat al-A‘rāf 7 : 205

Pemikiran Abdul Karim Jamak dilihat dan difahami masyarakat setempat dengan menyatakan bahawa beliau mengembangkan ajaran sesat<sup>3</sup>. Barang kali sangat tergesa-gesa memberikan kesimpulan dan keputusan tentang sesat tidaknya sesebuah aliran dan ajaran yang dikembangkan oleh sekelompok ulama, baik dilakukan secara individu mahupun organisasi. Apalagi melihat situasi umat hari ini, seakan-akan mengalami krisis pemikiran dan sudah kehilangan pandangan menyeluruh. Untuk itulah seharusnya manusia saling mengasihi dan memberikan pertolongan kepada orang yang sedang mengalami kebingungan malah mencerca dan menjelek-jelekan serta memfitnah orang dengan sebutan sesat<sup>4</sup>.

Masyarakat perlu pendalaman dan kajian supaya betul-betul dapat menyelam sampai ke kedalaman krisis dimana akal muslim yang diperlukan untuk perbaikan demi mencapai tujuan ajaran Islam yang sebenarnya. Oleh sebab itu perlu diketahui bahawa, secara prinsip manusia dituntut untuk belajar supaya apa yang mereka sampaikan dan ajarkan berdasarkan pendidikan yang ia dapatkan. Pendidikan adalah suatu proses usaha manusia untuk memanusikan manusia<sup>5</sup>.

Abdul Karim Jamak sudah memulai melakukan proses pendidikan dalam bentuk yang mungkin dipandang berbeza dengan pendidikan yang ada, Abdul Karim Jamak, melihat bahawa persoalan pendidikan sesungguhnya sudah bermula

---

<sup>3</sup> Menurut Susilawati Susmono, dalam bukunya "Apa itu Sesat ?" sesat adalah; suatu hasil upaya syaitan yang berhasil menggoda manusia, sehingga manusia yang tadinya sedang berproses atau berjalan menuju Allah, menjadi terhenti proses perjalanannya. Bahkan ia berjalan mundur, berbalik arah ke belakang, mencintai dunia dengan segala isinya, tetapi lupa untuk mengingat Allah dan akhirnya menjadi orang yang bertolak belakang dengan jalan Allah. (Yayasan Riyadathul Ihsan, 2007), 20

<sup>4</sup> Susilawati Susmono, Ibid, h, 25

<sup>5</sup> Lihat Jalaluddin dan Abdullah, Pendidik adalah individu yang mampu melaksanakan tindakan mendidik dalam satu situasi pendidikan untuk tujuan pendidikan. "Filsafat Pendidikan", Jakarta; t.th, Gaya Media Pertama, h, 122. Sedangkan Nur Uhbiyati, menjelaskan pula bahawa pendidik merupakan factor human kedua sesudah terdidik. Walaupun pandangan dari paham teacher sentered pada umumnya tidak diterima, tetapi pendidik mempunyai peranan yang amat penting didalam proses pendidikan. Dikatakan demikian kerana tanpa pendidik, pendidikan tidak mungkin dapat berlangsung. "Ilmu Pendidikan Islam", Bandung; Pustaka Setia, 1998, cet. II, h, 67

sejak adanya manusia dan akan berterusan menjadi masalah selama manusia itu ada<sup>6</sup>. Maksudnya adalah bila selama hidupnya manusia tidak berpendidikan, maka selama itu pula manusia akan mengalami masalahnya sendiri, ia hidup dengan tanpa sedikitpun pengetahuan yang membuat ia lebih dewasa. Sedangkan manusia akan menjalani kehidupannya dalam kelompok sosial, cara yang seperti ini makin lama makin maju, kemajuan itu oleh pewaris dengan daya berpikirnya diusahakan adanya pembaruan. Hasil pembaruan itu mempengaruhi kehidupan masyarakat, serta kehidupan beragama baik secara individu mahupun kelompok yang besar.

Abdul Karim Jamak berpandangan bahawa pengembangan dan penyajian ajaran agama Islam yang juga merupakan penyampaian kebenaran Ilahi kepada setiap manusia adalah suatu tugas kerisalahan setiap mukmin sepanjang hayatnya. Tugas ini merupakan implementasi Abdul Karim Jamak untuk membentuk masyarakat muslim dengan *khair al- ummah*. Namun bila melihat adanya cabaran dalam penyampaian risalah agama Islam, yang akhir-akhir ini menjadi ancaman terhadap implikasi pemahaman, khususnya dalam bentuk keyakinan dan ketauhidan.

Abdul Karim Jamak, berusaha meluruskan kecenderungan umat Islam, yang hidup dalam dunia moden sekarang ini, yang mengutamakan kebebasan berfikir, bahkan sampai pada tahap kesesatan, dalam beramal dan beribadah bahkan juga sampai ke tahap keimanan kepada Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w sebagai

---

<sup>6</sup> Audal Amlı, sebelumnya merupakan murid Karim Jamak yang yang berasal dari Sumatera Barat, ia sengaja pergi ke Kerinci untuk melihat dan mempelajari apa sahaja yang diajarkan, Karim Jamak kepada murid-muridnya, kemudian setelah ia mengikuti dan mempelajari serta memhami pendidikan yang diterimannya, maka dalam pandangannya pendidikan yang diberikan oleh Karim Jamak, bukanlah sebuah pendidikan yang menghantar seseorang memperkaya diri secara materil, apalagi berusaha untuk menyesatkan orang lain akan tetapi pendidikan yang dapat memperkuat dan memperteguh keyakinan terhadap Tuhan Allah SWT. Baik secara zahir mahupun secara bathin.

pembawa risalah dimana mereka lebih mengedepankan akal pikiran di bandingkan dengan asas ajaran agama, dalam menyelesaikan pelbagai perkara.

Abdul Karim Jamak<sup>7</sup> tidak mengingkari bahawa keyakinan manusia di era modernisasi, leberalisasi, sekularisme dan sebagainya tumbuh dan hidup di tengah-tengah kehidupan muslim, bila mereka tidak mendapat pendidikan asas tentang Islam. Tentu sangat merusak pemahaman mereka terhadap Tuhan, yang semestinya menjadi landasan keimanan kepada Allah s.w.t yang kuat dan kokoh.

Dalam pada itu, Abdul Karim Jamak sebagaimana yang dikemukakan oleh muridnya, Irwan Qulub<sup>8</sup> mengemukakan Umat Islam kini, lebih banyak menerima pendidikan yang jauh dari dasar asas-asas Islam yang sebenar. Hal ini dapat dilihat bagaimana orang boleh terjebak ke dalam pahaman fundamentalisme, ekstrimisme dan bahkan terorisme. Padahal secara sederhana perkara ini tidak perlu terjadi bila umat Islam benar-benar paham tentang ajaran Islam tersebut. Apatah lagi dihubungkan dengan pelbagai organisasi dan mazhab-mazhab yang ada dalam Islam. Tentu perkara ini tidak dapat dijawab secara serta merta, jika tidak melalui proses pendidikan yang panjang.

Abdul Karim Jamak sebagai ulama dan guru bagi pengikut dan muridnya<sup>9</sup>, telah menyampaikan ajaran ke Tuhanan (*al-Tauhid*) untuk membimbing manusia serta menanamkan keimanan kepada manusia agar sentiasa berpaut kepada Allah dan Rasulnya. Konsep Abdul Karim Jamak tersebut dikembangkan secara mendalam, yang berkaitan dengan persoalan keimanan, diantara lain adalah:

---

<sup>7</sup> Basrul Jamil, (Drs, H. Da'it Jam'iyatul Islamiyah Kota Sungai Penuh dan Kabupaten Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 16 Desember 2011

<sup>8</sup> Irwan Qulub (S.Pd, Mantan Ketua Jam'iyatul Islamiyah Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 16 Desember 2011

<sup>9</sup> Kh, adalah singkatan daripada Kiyai Haji. Ini adalah salah satu gelaran yang diberikan oleh masyarakat untuk orang-orang yang dipandang ahli dalam agama, seperti yang lazim disebut dengan Ustaz dan ustazah, serta sebutan seperti Buya, panggilan seperti ini di Indonesia selalu ada perbezaan, contohnya di daerah Jawa, Kiyai itu lazim di panggil kepada ulama dalam kalangan Pesantren, sedang di Sumatera biasanya disebut Buya, dan ustaz.



1. Pendidikan yang diberikan hendaklah dapat mengajarkan tauhid dengan segala sifat-sifatnya
2. Pendidikan turut mendorong serta mengajak umat manusia agar hanya menyembah dan meminta pertolongan kepada tuhan yang sebenar, yakni Allah s.w.t
3. Pendidikan juga membentuk dan mengajarkan kepada manusia tentang prilaku manusia yang bermoral dan berakhlak mulia
4. Pendidikan berusaha menanamkan kepada manusia tentang sistem kehidupan agar selamat dunia dan akhirat,
5. Pendidikan seharusnya mampu memotivasi manusia agar bersemangat untuk berkarya dan berusaha
6. Pendidikan sewajarnya dapat membentuk manusia ke jalan yang benar, agar tidak mengikuti hawa nafsunya
7. Pendidikan menyampaikan khabar dan berita-berita yang bersifat ghaib<sup>10</sup>.

Penjelasan Abdul Karim Jamak tersebut perlu difahami bahawa manusia yang tidak dibimbing dengan al-Quran dan al-Sunnah, atau memandang bahawa al-Quran dan al-Sunnah tidak penting bagi mereka. Mereka berani menyatakan bahawa semua agama sama. Semua agama mengajarkan kebenaran, mengajarkan sahsiah, akidah dan mengajarkan tentang ibadah. Penjelasan yang demikian itu

---

<sup>10</sup> Maulana Ibrahim, 2010, Kertas Kerja (Makalah) dalam Seminar Ja'iyatul Islamiyah, "Mencari Identitas Islam, dalam Perspektif Quran". Kemudian hadir pula dalam pertemuan di Pengajian bersama beberapa Pengurus Jam'iyatul Islamiyah serta beberapa orang murid Karim Jamak, setelah seminar Nasional di Kota Sungai Penuh, tahun 2010. Murid-murid Karim Jamak tersebut, antara lain adalah: M. Ridwan Tarmizi, Syarif Satimen, Yem Purna, Basrun Jamil, dan Zulman Anwar.

sangat bertentangan dengan akidah Islam, dan pemahaman Karim Jamak, serta bertentangan al-Quran dan al-Hadis Rasulullah s.a.w.

Selanjutnya Hasan Langgulung menjelaskan kenyataan Abdul Karim Jamak dengan menyatakan bahawa nilai moral dan akhlak sebagai landasan menjawab semua cabaran zaman, pada dasarnya, merupakan buah dari keimanan dan akhlak yang menyatu dalam diri. Kebaikan moral dan akhlak sangat bergantung pada kadar keimanan yang dimiliki dan sudah barang tentu pendidikan akhlak dan moral itu sendiri merupakan roh atau jiwa pendidikan agama Islam<sup>11</sup>.

Untuk menjawab cabaran seumpama itu, maka salah seorang ulama terkemuka Nusantara berjuang dan berusaha secara bersungguh-sungguh untuk , mendidik, mengasuh dan membina umat dengan metode yang khusus, dari peringkat pengajian orang awam seperti pengajian di surau sehinggalah ke peringkat intelektual, beliau adalah Kiyai Haji Abdul Karim Jamak. Karim Jamak adalah produk zaman dan lingkungannya. Situasi sosial yang melatarbelakangi kehidupannya telah membentuk perawatakannya menjadi tokoh akademik yang mengisi perjalanan sejarah, ia telah berfikir dan berbuat untuk menjawab masalah sosial, bangsa dan agamanya dengan memilih jalur pendidikan masyarakat melalui kelompok pengajian sebagai sisi yang ia anggap paling strategik pada waktu itu.

Menurut Abdul Karim Jamak, Islam menginginkan seluruh manusia menjadi masyarakat yang sejahtera dan bukan hanya kelompok kecil sahaja yang menikmati kekayaan. Ajaran itu digoreskan dalam jiwa pengikutnya agar mempunyai rasa kesedaran sosial dan menganjurkannya untuk hidup berhemat dan sederhana, menghindari keperluan pribadinya secara berlebihan dan dalam mencukupi

---

<sup>11</sup> Hasan Langgulung, *Manusia dan Pendidikan; Suatu Analisis Psikologi dan Pendidikan*, (Jakarta; al-Husna, 1995), 373

keperluannya, memerhatikan keperluan sanak saudaranya, rakan karib, jiran tetangganya dan masyarakat lainnya. Dengan hasil yang bersih dan halal<sup>12</sup>. Buktinya dengan firman Allah s.w.t;

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ

Al-Zāriyāt 51 : 19

Terjemahannya : Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian Yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin Yang meminta dan orang miskin Yang menahan diri (daripada meminta).

Islam sebagai agama (*al-din*) yang lengkap dan sempurna, tanpa ada cacat, maka Abdul Karim Jamak terus menjalankan aktiviti sebagai guru dan pendidik. Karim Jamak merupakan seorang pendakwah dan juga pemikir Islam moden di Kerinci. Beliau terkenal dengan sikap keterbukaannya dalam memaparkan Islam sebagai agama yang mesti dianut oleh semua manusia yang hidup di bumi Allah ini. Tanpa membezakan warna kulit, suku dan bangsa. Ia juga dikenal sebagai ulama yang idealis meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan tuduhan. Ideologinya<sup>13</sup>, yang mantap dan bergagasan membuat pengikutnya semakin yakin dan percaya bahawa gurunya bukanlah seorang yang mudah dikalahkan oleh pihak yang lain. Hal tersebut menandakan bahawa Abdul Karim Jamak mampu menunjukkan identitinya sebagai seorang tokoh agama Jamdiantara tokoh tokoh yang lainnya.

<sup>12</sup> Abdul Karim Jamak, Khotbah Rukun embahyang yang Tiga Belas, (Sungai Penuh, 1994), 6

<sup>13</sup> Lihat B.J. Boland, *The Struggle of Islam in Modern Indonesia*, (The Hague; Martinus Nijhoff, 1971), 20, menjelaskan Ideologi adalah seperangkat gagasan yang membentuk landasan teori ekonomi dan politik atau yang dipegangi oleh seseorang atau kelompok.

Menurut Syahrin Harahap, murid Abdul Karim Jamak, salah seorang pensyarah Universiti Sumatera Utara, menjelaskan bahawa ketokohan seseorang ditentukan oleh beberapa kriteria, diantaranya adalah: mempunyai kepakaran dalam ilmu pengetahuan, yang mempunyai pengikut atau murid, mempunyai tempat khusus seperti; Masjid, Musalla, Pondok atau Maktab, mempunyai pengaruh dan didengar oleh orang lain<sup>14</sup>. Pendengar tersebut sesuai dimiliki oleh Abdul Karim Jamak yang dapat diterima dari sisi mana-manapun.

Melihat kepada kemajuan penyiaran agama Islam yang dilakukan oleh Abdul Karim Jamak, memang wajar beliau sebagai tokoh pembaharuan meskipun ia dimulai dari kampung yang kecil. Namun yang perlu diingat dan diketahui bahawa Abdul Karim Jamak telah memperkenalkan konsep Islamnya secara nasional dan international. Justeru itu, beliau disebut sebagai tokoh yang menggabungkan pola pikir tradisional dan moden.

Abdul Karim Jamak sepatutnya ada dalam sejarah pembaharuan di Indonesia seperti sarjana terkemuka di Indonesia, antaranya Harun Nasution dan Nurchalis Madjid.

Konsep pembaharuan di atas mengalami perkembangan dan perbezaan dalam apresiasinya. Untuk melihat perkembangan dan perbezaan tersebut, ditampikan model pembaharuan dalam sejarah Islam yang masing-masing mempunyai konsep berbeza. antara kelompok-kelompok tersebut adalah:

1. Kelompok yang mengertikan *tajdid* sebagai upaya mengembalikan pemahaman-pemahaman agama yang salah kerana distorsi sejarah pada

---

<sup>14</sup> Sahrin Harahap, (Profesor, Doktor, Kertas Kerja yang disampaikan pada Seminar Internasional, (Provinsi bi), tanggal 28 September 2013.

paham Islam yang benar sebagaimana pada masa Rasulullah s.a.w dan sahabatnya<sup>15</sup>.

2. Kelompok yang memahami tajdid sebagai usaha mempengaruhi fahaman fahaman lama yang dianggap lemah dengan cara memasukkan unsur-unsur baru tanpa merosak bangunan, ciri, dan inti yang lama<sup>16</sup>.

Abdul Karim Jamak justeru dikenal sebagai seorang pemikir hebat bagi murid-muridnya telah menempatkan diri dengan mengajarkan ajaran Islam berpedoman al-Quran dan Hadits. Tentu hal tersebut juga menempatkan pemikiran Islamnya diluar kemampuan yang lain di Kabupaten Kerinci. Dengan pemikirannya yang khas dalam menjelaskan Islam, beliau berani berhadapan dengan sesiapa pun ketika itu. Sehingga ia dianggap sebagai ulama yang kontradiktif dan berbeza pemahaman serta dapat menyesatkan orang lain.

Namun demikian bukan berarti Abdul Karim Jamak tidak memahami atau tidak mengerti tentang ajaran Islam dengan metod-metod yang benar. Bahkan jalan yang dipakainya lebih mudah diterima oleh murid-muridnya dalam memahami ajaran Islam. Inilah yang diakui oleh salah seorang murid beliau<sup>17</sup>. Bahkan tidak jarang terjadi kesalah fahaman dalam masyarakat Kerinci, dikeranakan oleh cara penyampaian atau sistem pengajaran Abdul Karim Jamak yang dianggap unik dan tidak benar sehingga masyarakat mencari-cari kesalahan beliau dengan mereka cerita hal-hal yang tidak benar. Seperti adanya pengakuan masyarakat tentang

---

<sup>15</sup> Bustamî Said, *Mafhum Tajdid Ad-Din*, (Kuwait; Dar-Da'wat, 1984), 10-11. Lihat juga Al-Maududi, 1985, *Mu'jaz Tarikh Tajdid Al-Din Wa Ihya'ih*, (Jedah; Dar As-Su'udiyat li An-Nasyr, 1985), 48

<sup>16</sup> Yusuf Qardhawi, *Al-Fiqh Al-Islamy Bain Al-Ashlat wa Al-Tajdid*, (Kairo; Dar-Al-Shakwat, t.t.), cet. 1,

<sup>17</sup> Irwan Qulub, dan teman-temannya merupakan murid Abdul Karim Jamak yang telah menimba ilmu selama bertahun-tahun, bahkan (Irwan Qulub pernah diberi kepercayaan untuk mengurus organisasi yang didirikan oleh Karim Jamak selama lebih kurang lima tahun, Sungai penuh), dalam temubual dengan penulis, 16 Desember 2011

Abdul Karim Jamak mengajarkan muridnya membacakan disaat takbir al-ihram berbunyi *Allahu wo Akbar*<sup>18</sup> Kalimat tersebut tidak sama dengan kebiasaan seperti Allah-hu-Akbar dan mengajarkan bacaan sesudah imam dalam solat membaca *al-fatihah* Amm yang semestinya Amin. Padahal menurut yang sebenarnya Abdul Karim Jamak tidak pernah mengajarkan seperti yang demikian itu<sup>19</sup>.

Sentimen dan perasaan curiga masyarakat<sup>20</sup> tempatan terhadap Abdul Karim Jamak, pada dasarnya adalah kerana mereka memandang bahawa beliau adalah anak dusun yang dilahirkan di desa Tanjung Rawang, kecamatan Hamparan Rawang, Kabupaten Kerinci. Yang hanya asas atau pun dasar pendidikannya dimulai dalam sebuah keluarga kampung, melaksanakan amalan dengan ilmu fardu ain dan adab-adab Islam. Tanpa ada pendidikan sebagaimana layaknya seseorang yang boleh dipandang hebat dan memiliki kemampuan.

Dengan tidak menutup mata, ia menyadari bahawa betapa pentingnya belajar dan menuntut ilmu. Maka beliau banyak menuntut ilmu dari kedua orang tuanya, terutama ilmu-ilmu agama, seperti ilmu fiqh, ilmu tauhid, dan tasawuf serta ibadah. Selain dari ayah dan ibu, beliau turut pula dijaga oleh Kh. Muhammad Thaib yang juga datuknya, serta Kh. Kari Ahmad beliau juga pernah dibimbing oleh Syekh Muhammad Khatib Kadhi, Hakim Kabupaten Kerinci yang merupakan datuk beliau sendiri<sup>21</sup>.

---

<sup>18</sup> Kata-kata *Wo* maksudnya adalah panggilan atau sebutan untuk Abdul Karim Jamak, kerana di Kerinci, anak sulung/pertama dari kedua orang tuanya dipanggil WO.

<sup>19</sup> Irwan Qulub, (Murid Abdul Karim Jamak), dalam temubual dengan penulis, 16 Desember 2011

<sup>20</sup> Maksudnya, masyarakat hanya melihat keberadaan Karim Jamak yang bekerja sebagai nelayan dan guru silat, dan tidak melihat bahawa Abdul Karim Jamak orang yang belajar tinggi atau paling tidak pernah duduk di pondok pesantren dan sebagainya. Tentu pernyataan yang seumpama ini, masih perlu dikaji dan diteliti, sebagaimana konsep Islam tentang keinginan Allah untuk memberikan Hidayah kepada hambanya, tanpa melihat siapa mereka dan profesinya.

<sup>21</sup> Abdul Karim Jamak, Ikhtisar Tentang Buya Kh. Abdul Karim Jamak, (Sungai Penuh, 1994), 1

Dalam “ *Ikhtisar tentang Buya Kh. Abd. Karim Jamak* “ dijelaskan bahwa beliau juga dapat dikatakan seorang ulama menerima pendidikan secara luar biasa, seperti mendapat ilham, mimpi dan sebagainya. dengan berbekal pendidikan yang diberikan oleh kedua orang tua dan dibantu oleh kedua orang datuk dan kakeknya, telah meninggalkan bekas yang mendalam dalam jiwa dan pemikirannya untuk hidup sebagai seorang pejuang yang gigih dan mantap. Kecerdasan dan bakat kepimpinannya dapat dilihat sejak usianya masih belasan tahun<sup>22</sup>.

Ringkasnya pada usia 15 tahun beliau telah diberi kepercayaan untuk menyumbangkan ilmu beliau pada masyarakat, sebagai tenaga pengajar pada masjid-masjid dengan pelajaran akidah dan tadarus al-Quran. Kegigihan yang beliau miliki pada usia 20 tahun oleh ketua adat dan empat jenis dipercayakan memegang jabatan selaku pemangku adat yang digelar “Timah Daharo Tonggak Negeri Tiang Agama”. Gelaran ini beliau sandang sampai akhir hayat beliau, yang juga merupakan salah satu tanggung jawab beliau terhadap masyarakat<sup>23</sup>.

Abdul Karim Jamak sangat bersungguh-sungguh dalam mendidik dan membimbing anak asuhannya, harapan dan cita-cita beliau untuk menjadikan Jam“iyatul Islamiyah dikenal dan bahkan menjadi ikutan ramai. Paling tidak semasa hidup beliau cawangnya di luar negara sudah beliau dirikan, seperti, Singapura, Kuala Lumpur, Kucing-Serawak, Thailand, Madinah, Jeddah, Australia dan Jerman. Kerana itulah ketika beliau meninggal dunia pada tanggal 28 April 1996 pengikutnya gempar dan tidak percaya bahwa tuan gurunya telah meninggal dunia. Sehingga disaat upacara peengkebumian jenazah beliau ribuan pengikutnya, dari pelbagai penjuru tanah air dan luar negeri berkumpul di masjid beliau.

---

<sup>22</sup> Abdul Karim Jamak, Ibid, h, 3

<sup>23</sup> Abdul Karim Jamak, Ibid, h, 1

Pengikutnya mengiringi pemergian beliau dengan perarakan yang besar-besaran, dan belum pernah terjadi di kabupaten Kerinci, bila seorang ulama yang meninggal dunia diiringi oleh jamaah yang ramai.

Bukan suatu hal yang berlebihan bila seorang murid atau jamaah menghormati tuan gurunya. Walaupun dimata masyarakat awam hal itu dianggap aneh. Dari itulah muncul dugaan yang negatif. Sehingga timbul kecurigaan, dan tuduhan yang tidak berasas. Seperti anggapan seseorang bahawa gurunya menggunakan ilmu hitam, sihir dan lain sebagainya<sup>24</sup>. Adanya anggapan yang demikian, adalah kerana cemburu kepada kehebatan beliau dimata masyarakat. Sebagai manusia yang diberi anugerah oleh Allah s.w.t dan perasaan kemanusiaan tentu segala unsur yang mendatangkan kecurigaan tidak akan pernah mendapatkan jawapan yang pasti jika tidak mengenal, mengetahui, meneliti serta mengkaji secara objektif. Sehingga bila objektif berfikir dikedepankan maka lahirlah sikap saling menghormati, dan menghargai pendapat-pendapat orang lain.

Abdul Karim Jamak memang memiliki beberapa keistemewaan, keistemewaan itu telah sudah diterbitkan dalam salah satu media cetak iaitu Surat Kabar Sriwijaya Post. Sebagaimana pendedahan beliau sebagai berikut; “pada mulanya terjadi dan dapat dilihat orang ketika terjadi peperangan melawan penjajah Belanda beliau bersama dengan sembilan rakannya dikepung di sebuah lumbung padi, Belanda terlihat dari tiga penjuru bersenjata lengkap sedangkan mereka hanya memiliki enam bahan letupan untuk diletupkan, namun tidak mungkin dapat menyelamatkan beliau. Karim Jamak berserah diri kepada Allah, akhirnya

---

<sup>24</sup> Inilah yang dipandang oleh Masyarakat Kerinci, bahawa Karim Jamak adalah seorang dukun, dan guru silat. Ia memiliki cincin yang mampu memukau orang lain, ada pula tongkat yang keramat, air suci dan sebagainya. Doktrin tersebut sudah berkembang dan dijadikan salah satu alasan bahawa Karim Jamak bukan seorang yang memiliki kemampuan dalam ajaran Islam. Orang yang datang ke tempat Abdul Karim Jamak bukan belajar agama, tetapi menuntut ilmu hitam, ilmu kekebalan. Atau yang lebih dikenal dengan belajar ilmu bathin.



beliau mampu melompati sebuah lumbung padi/bilik padoi bahasa Kerinci.<sup>25</sup> dan terus berlari untuk memancing tentara Belanda. Agar rekan yang lain selamat, lalu ketika itu ada yang mengatakan bahawa beliau boleh terbang. Padahal beliau sendiri membantah dan tidak menerima ucapan itu, walaupun kenyataan pada waktu itu kelihatan beliau boleh melompati lumbung padi yang tinggi untuk menghindari serangan dari musuh, itu mungkin berkat pertolongan dari Allah s.w.t. Karena dalam al-Quran cukup jelas, bila seorang hamba dekat dengan sang Khaliq tentu ia sentiasa dalam perlindungan-Nya. Walaupun yang bakal terjadi semua itu telah tertulis dalam suratan Ilahi, tapi tinggal hambanya yang mengkaji dan mendalami rahasia Ilahi tersebut<sup>26</sup>.

Di sisi intelektualiti Abdul Karim Jamak juga tergolong manusia yang cendekiawan, hal itu dibuktikan dengan pemahaman beliau tentang ajaran Islam, yang diperolehi dari orang tua dan datuknya. Walaupun beliau tidak memiliki ijazah seperti intelektual moden, namun pola pemikiran beliau sempat mengejutkan Majlis Ulama Indonesia (MUI) Kabupaten Kerinci.

Abdul Karim Jamak dengan kemampuan bahasa dan wawasannya mengajarkan intinya adalah bagaimana ia dapat memperkenalkan Islam kepada murid-muridnya menurut pandangan beliau dengan tidak melanggar al-Quran dan al-Hadis. Contoh dalam sebuah ayat disebutkan oleh Allah s.w.t;

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافَ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَانِكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ

لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ

<sup>25</sup> Bilik Padoi atau lumbung padi merupakan salah satu ciri khas masyarakat Kerinci zaman dahulu, untuk menyimpan hasil panen mereka, dan tempat tersebut dapat mengamankan padi penduduk bertahun-tahun, dan sekarang masih ada lumbung padi tersebut.

<sup>26</sup> Berita Harian Sriwijaya Post, Rabu 19 Juli 1995

Terjemahannya : Dan di antara tanda-tanda Yang membuktikan kekuasaannya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya Yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan bagi orang-orang Yang berpengetahuan.

Menyentuh pandangan Abdul Karim Jamak diatas, salah seorang ulama tafsir, Muhammad Thahir bin „Asyur umpamanya menjelaskan bahawa perbezaan berfikir dengan menyatakan bahawa Islam tidak boleh dikembangkan tanpa ada rujukan daripada ketetapan syariah seperti al-Quran dan hadis. Justru itu Abdul Karim Jamak menegaskan tentang “Haluan Orang Muslim” mestilah merangkumi beberapa aspek seperti, kasih kepada semua para anbia, mengikuti perkataan dan menjauhi larangan serta terbiasa berselawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w.<sup>27</sup>.

Firman Allah s.w.t

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخْرُ مُتَشَابِهَاتٌ

فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَبَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ وَمَا

يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَأَمَّنَّا بِهِ ء كُلٌّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا

وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٧﴾

Āli – „Imrān 3 : 7

<sup>27</sup>

Abdul Karim Jamak, Rukun Sembahyang Yang Tiga Belas, .t.t. 8

Terjemahannya : Dialah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci Al-Quran. Sebahagian besar dari Al-Quran itu ialah ayat-ayat "Muhkamaat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamaat itu ialah ibu (atau pokok) isi Al-Quran dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "Mutasyaabihaat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbulah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari Al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari Takwilnya (memutarakan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui Takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran.

Berdasarkan ayat tersebut, masyarakat setempat Abdul Karim Jamak khususnya di Kerinci menuduh beliau mengembangkan ajaran sesat<sup>28</sup>. Tuduhan tersebut ternyata tidak berasa kerana pihak Mahkamah telahpun membuat keputusan Mahkamah, seperti dalam lembaran Keputusan Kepala Kejaksaan Negeri Sungai Penuh, Nomor : KEP - 02 /O. 5 . 12/Dsb. i/11/1995 Tentang larangan terhadap ajaran dan kegiatan Jam'iyatul Islamiyah yang dikembangkan oleh Kh. Abd. Karim Jamak. Akan tetapi dengan adanya kes yang dituduhkan tersebut, dengan mengikuti proses hukum di Mahkamah, justru menjadikan pengajian beliau semakin ramai.

---

<sup>28</sup> Ali Zuriyat, (anak kandung Abdul Karim Jamak, yang sentiasa menemani ayahnya dalam memberikan dakwah dan pengajian,) Sungai Penuh, dalam temu bual dengan penulis, 20 Desember 2003

Sebagaimana dalam keputusan mahkamah (Pengadilan Tata Usaha Negeri) nomor : 02/PTUN/G/PLG/1996/L<sup>29</sup>. dengan mengutip serta mengambil alih semua kejadian dan peristiwa yang tertera dalam Berita Acara Pemeriksaan Persiapan dan Berita Acara dalam persidangan serta putusan Pengadilan Tata Usaha Negara Palembang, yang amarnya berbunyi sebagai berikut : menyatakan gugatan tersebut gugur. Dengan adanya keputusan Mahkamah tersebut, maka mereka yang datang menuntut ilmu dengannya bukannya berkurang tetapi semakin lama Jama'ah yang belajar dengan beliau malah sebaliknya iaitu bertambah ramai. Kemudian dengan persoalan yang seharusnya tidak terjadi, bagi beliau ini merupakan salah satu bentuk usaha dan upaya beliau menambah kedewasaan dan kematangan.

Sungguhpun demikian Abdul Karim Jamak menghadapi cobaan yang pedih, beliau masih tetap bersemangat untuk mendidik masyarakat. Prinsip toleransi<sup>30</sup> (*tasamuh*)-nya ini menjadikan nama beliau semakin terkenal dan dihormati.

Memang mendakwahkan masyarakat Islam mahu tidak mahu mesti berhadapan dengan pelbagai dugaan dan tentangan. Niat beliau yang berkembang untuk menjalankan kegiatan suci seperti dakwah, maka seseorang tersebut menurut Abdul Karim Jamak, harus banyak bersabar. Inilah salah satu sifat yang ditunjukkan oleh Abdul Karim Jamak, yang menjadikan keistemewaan yang sangat sederhana beliau memiliki iaitu *sabar*<sup>31</sup>.

---

<sup>29</sup> Baca Salinan Keputusan Pengadilan Tata Usaha Negeri (PTUN) dalam Surat-Surat Penghargaan dan Piagama Buya KH. Abdul Karim Jamak dan Arsip Surat-Surat Administrasi DPD Al-Jamiyyatul Islamiyah Tk. II Kabupaten Kerinci

<sup>30</sup> Toleransi dalam bahasa Arab lebih dikenal dengan istilah *tasamuh* artinya; sikap membiarkan, lapang dada, murah hati dan suka berderma. Lihat Ibnu Manzhur, *Lisan al-Arab*, 1998, Beirut; Dar-Shadir, h, 95

<sup>31</sup> Ali Zuriyat, (anak kandung Karim Jamak, yang sentiasa menemani ayahnya dalam memberikan dakwah dan pengajian, menjelaskan bahawa perjalan dakwah Islam menurut Karim Jamak (ayahnya) harus memiliki sifat sabar. Kerana dakwah berhadapan dengan manusia, sedangkan yang namanya manusia tentu mempunyai pelbagai watak, sikap dan prilaku, ada yang suka dan ada pula yang benci dan marah. Maka perlu belajar bersabar. Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 20 Desember 2003

Menurut sarjana dan murid Abdul Karim Jamak Azwar Anas, bekas gubernor Sumatera Barat, dan Menteri Perhubungan kemudian Menteri Koordinator Kesejahteraan Rakyat di masa Presiden Soeharto dan juga penasehat Jam'iyatul Islamiyah mengemukakan tentang kedudukan Abdul Karim Jamak :

“Sangat sukar membuka hati seseorang yang dipenuhi oleh sikap permusuhan, sehingga apapun yang dilakukan oleh orang yang sudah dianggap musuh ( sesat ) maka tidak akan pernah nampak kebaikan dan kebenaran seseorang itu, maka dengan menanamkan sifat sabar seperti yang dimiliki oleh Kh. Abd. Karim Jamak, yang sentiasa gigih mendakwahkan Islam terus menjadi ikutan orang ramai sampai saat ini.<sup>32</sup>”

Huraian ringkas tersebut, dapat dipahami bahawa pelaksanaan dakwah Islam perlu kesabaran, kesabaran bukan berupa teori seperti berceramah sahaja, namun kesabaran yang dituntut dalam Islam, adalah sabar menerima kritikan, sabar menerima cemoohan, cacian dan penghinaan, dan sabar pula mengembangkan dakwah Islam. Perkara tersebut terasa berat namun itulah satu sifat yang diterapkan oleh Rasulullah dalam mengawali dakwahnya.

Konsep yang diketengahkan oleh Abdul Karim Jamak tersebut seiring pula dengan ulama-ulama lain, yang bersemangat mengajarkan Islam, seperti Hasan Al-Banna dari Mesir dan Abdullah bin Nuh Ulama yang lahir di Cianjur Jawa Barat, 30 Juni 1905, Imam Zarkasyi, yang lahir di Gontor, Ponorogo Jawa Timur, 21 Maret 1910<sup>33</sup> dan sebagainya. Diantara ulama ulama tersebut ada persamaan dengan pemikiran Karim Jamak adalah, Al Maududi, dari Pakistan dalam bukunya “

---

<sup>32</sup> Azwar Anas, (Mantan Gubernur Sumatera Barat dan Menteri Koordinator Kesejahteraan Rakyat, yang juga murid Abd. Karim Jamak, dan ia juga merupakan salah seorang Dewan Pimpinan Jam'iyatul Islamiyah Pusat, Sungai Penuh) dalam temubual dengan penulis, 22 Juni 2011

<sup>33</sup> Lihat Abuddin Nata, dalam Tokoh-Tokoh Pembaharuan Pendidikan di Indonesia, (Jakarta, Raja Grafindo, 2005), 179 dan 195

*Tazkiratud du'atil Islam* “ menjelaskan : “Berdakwah dalam arti yang sebenarnya, adalah mengajak ummat Islam dengan menggunakan semua potensi untuk dapat berhadapan dengan pelbagai persoalan keislaman, apakah dalam bentuk perdebatan, pidato dan mengadakan polimik dalam tulisan. Dan jika potensi pendakwahnya lemah, tentu kegiatan dakwahnya pun lemah. Dakwah Islam akan dilaksanakan dengan cara yang tidak sopan. Hal tersebut akan memberi kesan buruk. Adapun cara yang benar dan baik dalam berdakwah, hendaklah kamu memberikan contoh teladan yang baik sebagaimana yang kamu dakwahi”<sup>34</sup>.

Abdul Karim Jamak yang sentiasa berhadapan dengan cemuhan dan penghinaan, sentiasa menanamkan prinsip-prinsip kesabaran dalam dirinya dan para jamaahnya, karena bagi beliau motif kesabaran telah diingatkan oleh Allah s.w.t dengan firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ

لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Āli ,Imrān 3 : 200

Terjemahannya : Hai orang-orang yang beriman,  
bersabarlah kamu dan kuatanlah kesabaranmu..

Keistemewaan lain Abdul Karim Jamak, ialah tutur katanya yang tidak menyakiti orang lain, sepanjang pengajian dan dakwah yang beliau jalani, prinsip dakwahnya selalu mengingatkan tentang aspek perkataan. Sebagaimana yang sering beliau sampaikan kepada murid-murid dan pengikutnya: “ Dekati musuh, mudah-mudahan dia menjadi teman-kawan, hampiri orang jahil mudah-mudahan dia taubat

<sup>34</sup> Al-Maududi, *Tazkiratud du'atil Islam*, 1982, 41

kepada Allah dan Rasul, tetapi jangan kamu ikut jahil, masuki masyarakat sehingga kamu memperoleh kebenaran<sup>35</sup>

Islam baginya merupakan sistem dan akidah mengenai hidup dan kehidupan manusia berdasarkan bukti-bukti nyata. Islam adalah satu-satunya sistem hidup yang mampu menampung segala keperluan hidup manusia, baik bersifat materil mahupun spritual, jasmani dan rohani, dunia dan akhirat. Oleh sebab itu Islam memerlukan orang-orang yang ikhlas, yang berkemauan keras yang mampu memegang kondisi masa, serta dapat menjelas sejarah kewujudan dan kejayaan Islam.

Melihat kemampuan dan daya gerak Abdul Karim Jamak, beliau tergolong dalam kelompok guru yang profesional, meskipun tidak mudah untuk menentukan bahawa seseorang itu dapat dikatakan profesional atau tidak. Sebab menurut Piter Salim profesional itu adalah ahli atau pakar tentang sesuatu<sup>36</sup>. Dengan adanya fahaman tentang profesional ini, dengan mudah pula untuk menentukan dimana letak profesionalnya Abdul Karim Jamak. Bagi penulis, ahli atau pakar tersebut dapat dipisahkan dalam bentuk yang sempit dan bentuk yang luas. Dalam erti sempit mungkin dapat dikatakan bahawa lapangan atau garapan dalam kegiatan dakwahnya hanya melalui mimbar atau dari masjid ke masjid. Sedangkan dalam arti yang luas dapat dikatakan, bahawa lapangan dan garapan dakwahnya menerobos berbagai aspek. Kombinasi seperti ini dapat dikatakan bahawa seseorang itu merupakan guru atau da'ī dan pemikir yang profesional.

---

<sup>35</sup> Zulhadi Karim, (Ir. H., adalah anak kandung Abdul Karim Jamak, ia juga sebagai Ketua Umum Dewan Pimpinan Daerah (DPD) untuk wilayah Sungai Penuh, periode 2013-2018, dan sebelum ketua bahagian di Kabupaten Kerinci. . Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 28 Maret 2011

<sup>36</sup> Lihat Kamus Piter Salim, 1997, h, 1499

Abdul Karim Jamak yang tergolong dalam barisan pemikir, guru dan da'i yang profesional, karena ia tidak sahaja memberikan dakwah dan pengajiannya dengan berceramah, pidato dan lain-lain. Akan tetapi beliau jauh lebih dari itu, telah menjelaskan bagaimana memahami Islam dengan benar dan mendekatkan diri kepada Allah sesuai dengan keinginan Rasul-Nya. Karenanya beliau senantiasa mengingatkan bahawa Allah lah yang menjadi pelindung, pemelihara dan pemimpin utama manusia. Sehingga manusia dapat menghubungkan diri dengan kepribadiannya sebagai pusat ataupun sentral teladan, barulah tercapai hubungan harmonis dengan pelbagai macam individu dan golongan dalam kerangka susunan ummat.

Al-Quran telah menjelaskan tentang masalah ini secara umum dalam sekian banyak ayat dan juga Nabi Muhammad s.a.w telah membicarakannya dalam pelbagai haditsnya, demikian pula terlukis dalam lembaran sejarah para sahabat, akan ditemui contoh-contoh itu dalam kehidupan masyarakat mereka yang baik. Karena itu manusia sebagai hamba dan ikutan Rasul hendaknya mempelajari tingkah laku yang pernah ditunjuki oleh Rasul dan sahabat-sahabat beliau.

Pada pertemuannya dengan jamaah, Abdul Karim Jamak selalu mengingatkan cara-cara, bagaimana cara untuk memperkukuh hubungan dengan Allah s.w.t . Disamping itu beliau juga mengajarkan bagaimana cara supaya ibadah yang dikerjakan dapat diterima oleh Allah s.w.t bagi beliau cara yang dapat dilakukan agar dapat memperkukuh hubungan dengan Allah adalah:

1. Dengan meyakini bahawa Allah lah Tuhan semesta alam, dan tiada Tuhan selain daripadaNya.



2. Dengan mempelajari al-Quran dan hadis sahih dengan mendalami isinya dan membacanya berulang kali.
3. Sentiasa berzikir, dimana dan bila sahaja untuk mendekatkan diri kepada Allah.
4. Menyembah, mematuhi, mengabdikan dan mentaati Allah, sebagaimana terdapat dalam doa iftitah yang dibaca setiap kali melaksanakan solat<sup>37</sup>.

Sedangkan tentang ibadah agar dapat diterima oleh Allah, menurut beliau dapat dilakukan dengan cara:

1. Menjaga agar ibadah yang dikerjakan tidak keluar dari waktu yang telah ditentukan.
2. Menjauhi sikap riak, maksudnya ibadah yang dikerjakan itu bukan karena malu terhadap manusia atau juga supaya disanjung orang.
3. Ikhlas, yaitu ibadah yang dikerjakan itu bukan karena mengharap pemberian dari Tuhan, tetapi ibadah itu dikerjakan semata-mata perintah-Nya<sup>38</sup>.

Dengan memahami bahan pengajian yang diajarkan oleh Abdul Karim Jamak kepada jamaahnya ini, terlihat kemampuan beliau menterjemah ajaran Islam kepada semua orang. Sungguhpun dipihak lain juga masih ada yang tidak mengakui keunggulan dan kelebihan yang beliau miliki ini. Beliau memang pantas mendapatkan gelar “*tuan guru*”, kerana keberhasilan beliau membimbing,

---

<sup>37</sup> Abdul Karim Jamak, t.t, Materi Pengajian, h, 3

<sup>38</sup> Abdul Karim Jamak, Ibid, h, 4. Lihat juga penjelasan Audal Amli, keihlasan merupakan puncak ibadah, kerananya Allah s.w.t akan ia adalah murid Abdul Karim Jamak, kemudian menjadi menantu, ia menikah dengan putri kandung Abdul Karim Jamak, dan sekarang ia adalah sebagai Da'i Jam'iyatul Islamiyah Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh, 10 September 2011, pada tanggal 14 Oktober 2013 dilantik sebagai Ketua Umum Jam'iyatul Islamiyah Daerah (DPD) Kabupaten Kerinci periode 2013-2018.

mendidik serta mempersatukan jamaahnya dalam satu organisasi besar yakni “*Jam’iyyatul Islamiyah* yang disingkat (Jm)“. Di kabupaten Kerinci dapat dikatakan hanya dua kelompok organisasi yang terkemuka dibawah asuhan ulama, yakni Syaikh H. Mukhtar Abdul Karim<sup>39</sup> di Ambai yang melahirkan” Jami“atul Ihsaniyah”, hari ini masih menjadi ikutan orang ramai walaupun pengurusannya tidak seprofesional Jam“iyyatul Islamiah. Namun demikian Jami“atul Ihasniyah lebih memfokuskan kegiatannya dalam bentuk pendidikan. Sehingga pondok yang didirikan menjadi “Pondok Pesantren Jami“atul Ihsaniyah”. Anggota pengajiannya hanya pada golongan awam yang datang untuk mengaji seperti yang diadakan di surau-surau. Jadi bentuknya lebih klasik dan tradisional.

Selain itu ulama yang juga seangkatan dengan perjuangan Abdul Karim Jamak adalah Syaikh Yakub Kari bin H. Pengeran, beliau adalah tokoh pendidikan Tarbiyah Islamiyah, yang lahir pada tahun 1914. Beliau mendirikan sekolah pondok atau sekolah agama 6 tahun, yang berlokasi di Tanjung Pauh Hilir, Kecamatan Danau Kerinci-Kabupaten Kerinci<sup>40</sup>. Namun satu hal yang sangat disayangkan, pondok yang pernah melahirkan pendidik dan guru-guru agama yang hebat, tetapi sekarang sudah tidak ada lagi<sup>41</sup>.

Jika dibandingkan dengan Jami“iyyatul Islamiyah yang didirikan oleh Abdul Karim Jamak, lebih dinamis dan aktif, kegiatan pengajian tidak hanya di

---

<sup>39</sup> Ahmad Zuhdi, “H. Mukhtar Abdul Karim dan Usaha Dakwah Islamiyahnya di Kerinci”(Tesis Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), h. 5. Seorang Ulama yang juga tersohor di Kabupaten Kerinci yang sezaman dengan Abdul Karim Jamak, Hj. Mukhtar bin Abdul Karim, lahir pada 25 September 1902. Dan mendirikan Kumpulan Pengajian yang beliau beri nama Jami“atul Ihsaniyah, pada tahun 1960. Dan Hj. Mukhtar bin Abdul Karim meninggal dunia 5 Oktober 1977. Meskipun mereka berdua sezaman, namun keberadaan kumpulan yang dibangun oleh Abdul Karim Jamak sangat jauh daerah perkembangannya, sehingga mencapai daerah nusantara dan bahkan sampai ke luar negeri.

<sup>40</sup> Martunus Rahim, salah seorang anak didik Yakub Kari, sekarang sebagai pensyarah Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Kerinci, temubual, di Kerinci, 26 Maret 2012

<sup>41</sup> Menurut pengakuan dari salah seorang murid beliau, tertutup/luputnya perguruan tersebut kerana semenjak pemergian/wafatnya beliau.

DPP ( Dewan Pimpinan Pusat ) tetapi juga di DPW ( Dewan Pimpinan Wilayah ), dan DPD ( Dewan Pimpinan Daerah ), serta DPC ( Dewan Pimpinan Cabang ) bahkan sampai pada DPRt ( Dewan Pimpinan Ranting ). Penceramahnyanya tidak hanya dari ulama-ulama yang ada dalam Jam'iyatul Islamiyah, namun juga ulama-ulama luar yang sengaja dijemput untuk memberikan pengajian. Bentuk pengajian yang diadakan diserahkan kepada ulama dan ustaz yang berkenaan, sehingga kegiatan pengajian yang diberikan ada dalam bentuk ceramah, seminar dan soal jawab.

Disinilah keunikan pemikiran Abdul Karim Jamak yang mampu beradaptasi dengan perkembangan zaman. Interaksinya dengan masyarakat majmuk membuat ia lebih matang dan dewasa dalam berorganisasi. Karim Jamak telah melahirkan kekuatan sosial yang sangat bermakna. Oleh kerananya sangat bersesuaian dengan konsep Kimbal Young dan Raymond, W. Mack, yang menjelaskan Interaksi sosial adalah kunci dari semua kehidupan sosial, oleh kerana tanpa interaksi sosial, tidak akan mungkin ada kehidupan bersama<sup>42</sup>. Begitu pula apa yang dijelaskan oleh Gillin dan Gillin; interaksi sosial merupakan hubungan sosial yang dinamis yang berkait dengan hubungan antara orang perseorangan dengan kelompok manusia<sup>43</sup>.

Abdul Karim Jamak yang sangat tekun dan yakin tersebut, ia telah membuktikan kepada dunia, bahawa dirinya adalah salah seorang yang dipercayakan oleh Tuhan untuk mengumpulkan masyarakat, orang perorang untuk

---

<sup>42</sup> Kimbal Young dan Raymond, W. Mack, *Sociology and Social Life*, (New York; American Book Company, 1959), 137

<sup>43</sup> Gillin dan Gillin, *Cultural Sociology*, a revision of *An Introduction to Sociology* New York; The Macmillan Company, 1954), 489

di didik dan bimbing dengan ajaran-ajaran Islam, sesuai dengan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w.

Dari pemaparan ini, terlihat bahawa Abdul Karim Jamak sebagai seorang ulama dan tokoh untuk dijadikan bahan kajian penulisan dalam bentuk pemikiran dan konsepnya tentang Ketuhanan. Meskipun ada usaha untuk menuduh beliau mengajarkan ajaran sesat di Kerinci mestilah dilihat sebagai salah satu cara untuk melemahkan Abdul Karim Jamak. Lantas benarkah Abdul Karim Jamak yang merupakan representasi pemikiran yang berusaha memperbaiki keadaan ini dilihat sebagai sebuah alternative ? demikian juga dengan pemikirannya tentang ketuhanan dapat diterima di Kerinci ? apakah akibat yang ditimbulkan dengan adanya ajaran Ketuhanan Abdul Karim Jamak boleh memperbaiki keadaan di Kerinci ? apakah efek atau pengaruh yang ditimbulkan daripada munculnya pemikiran Ketuhanan Abdul Karim Jamak di Indonesia ?

### 1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan-permasalahan yang disebutkan diatas, kajian ini mempunyai objektif sebagai berikut :

- 1) Menganalisis serta Mengenal pasti riwayat dan sejarah hidup Abdul Karim Jamak yang diawali dari salsilah, pendidikan, guru, gelaran serta pekerjaan beliau dan juga pandangan-pandangan ulama di Kerinci tentang beliau, sampai beliau wafat

- 2) Selain itu kajian ini juga ditujukan untuk mengungkap peranan pemikiran Abdul Karim Jamak terhadap hala tuju konsep Ketuhanannya.
- 3) Mengkaji dan menganalisis pemikirann Abdul Karim Jamak tentang Konsep Ketuhan, sifat Allah, dan Konsep Perbuatan Ketuhanan, serta menghuraikan Konsep Qada dan Qadar

#### 1.4 Kepentingan Kajian

Abdul Karim Jamak merupakan satu diantara ramai tokoh yang konsep Pemikirann Ktuhanannya banyak memberikan pengaruh terhadap masyarakat Islam di Kerinci. Kajian ini diharapkan dapat membantu menjelaskan warna pemikiran Islam di Indonesia khususnya di Kerinci, supaya menghindari tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Selain itu kajian ini juga sangat memberi manfaat terhadap para peneliti, para pemikir, para pendakwah para pensyarah di Universiti yang mempunyai perhatian dalam bidang ktuhanan dari segi teori mauhupan konsep pengamalannya. Kepentingan kajian yang paling utama adalah sebagai salah satu sumbangan pemikiran dalam memperluas khazanah ilmiah terutama yang berkaitan dengan pemikiran tokoh tentang konsep ketuhanan.

#### 1.5 Metodologi Kajian

Dalam penyelidikan ini, penulis akan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif (*qualitative research*) dengan melalui dua pendekatan, iaitu: pendekatan sejarah (*historical approach*) dan pendekatan teori Islam (*Islamic theory approach*).

## A. Pendekatan dalam Penelitian Kualitatif

Pemilihan pendekatan ini bertujuan agar penelitian bertajuk Abdul Karim Jamak dan Pemikirannya Tentang Konsep Ketuhanan, dapat dikaji secara mendalam. Pertama, dalam bentuk pendekatan sejarah (*historical approach*), merupakan metode yang digunakan oleh para peneliti untuk memahami berbagai-bagai peristiwa reality atau peristiwa masa lalu. Dalam pendekatan ini penulis akan menganalisis sejarah kehidupan sebagai bentuk pelaksanaan daripada pemikiran Kh. Abdul Karim Jamak di abad ini, banyak yang mengakui dan menerima keberadaan pemikiran Abdul Karim Jamak yang tentunya diperlukan sikap objektif dan jauh daripada sikap subjektif dan priori dalam memberikan penilaian. Selain itu juga perlu diungkapkan mengenai sejarah berkembangnya pemikiran Abdul Karim Jamak di Indonesia khususnya di Kerinci. Untuk tinjauan yang pertama ini, penulis tidak hanya menggunakan studi pustaka, tetapi juga memerlukan adanya kaji lapangan yang berkaitan dengan keterlibatan beberapa tokoh sebagai sumber yang masih hidup. Kedua dari segi pendekatan teori Islam (*Islamic theory approach*), penulis akan mengungkapkan kaitan pemikiran Abdul Karim Jamak tentang konsep ketuhanan, apakah ada teori baru yang disampaikan atau hanya setakat pengembangan konsep pemikiran ulama klasik yang sudah sedia ada, ataupun membandingkannya dengan tokoh ulama kontemporer.

Selain kedua pendekatan diatas peneliti juga menggunakan metode komperatif yang membandingkan antara pemikiran Abdul Karim Jamak dengan ulama lain. Pendekatan komperatif berusaha membandingkan

dengan mengungkap persamaan, perbezaan dan kaitan antara objek penelitian tersebut. Perbandingan ini dilakukan bagi membuat kesimpulan atau keputusan secara adil terhadap beberapa data yang diperolehi supaya keputusan atau kesimpulan yang dibuat adalah tepat dan betul serta telus terutamanya dalam menilai ada atau tidaknya pengaruh pemikiran Abdul Karim Jamak.

## B. Sumber dan Teknik Pengumpulan Data

Sumber data dalam penyelidikan kualitatif adalah tindakan atau perkataan manusia dalam suatu peringkat yang bersifat alamiah (natural). Selain itu penulis membahagi sumber data kepada dua bahagian iaitu :

- (i). Sumber data primer yang meliputi seluruh majalah, akhbar, dokumen, arkib, jurnal ilmiah, laporan-laporan, media elektronik (internet) dan semua karya tulis yang berkaitan dengan pemikiran ketuhanan Abdul Karim Jamak di Kerinci.
- (ii). Sumber data sekunder yang meliputi berbagai-bagai studi ilmiah atau tesis untuk meraih gelar akademik dan juga buku-buku yang ditulis dan berhubungkait dengan tajuk tesis ini.

Teknik pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif ini, penulis akan menggunakan tekni; temu bual (*interview*), penyelidikan partisipatif (*participative research*), pengamatan (*observation*) dan kajian perpustakaan (*library research*). Pada dasarnya tekni pengumpulan data ini dilaksanakan untuk dapat menggambarkan mengenai ajaran Ketuhanan Abdul Karim Jamak di Kerinci. Selain itu teknik digunakan untuk memperkuat data yang

telah diperoleh dengan berbagai-bagai pihak yang memungkinkan dapat memberikan keterangan berupa data-data yang lebih kongkrit dan actual.

#### 1.6 Kajian Lepas.

Kajian-kajian mengenai pemikiran Abdul Karim Jamak, sebelumnya pernah dilakukan dalam bentuk artikel, penulisan ilmiah dan buku adalah :

Manuskrip (1994) “Ikhtisar Tentang Buya KH. Abdul Karim Jamak Pembina Tunggal Jam“iyaytul Islamiyah”. Yang didalamnya terkandung bigrafi beliau, nama, umur, pekerjaan, alamat dan pendidikan. Dalam penulisan manuskrip ini, Abdul Karim Jamak mengemukakan asal usul beliau serta perjuangan beliau ketika melawan penjajah dari bangsa Kolonial Belanda, dan pengalaman-pengalaman berorganisasi dan politik serta semangat beliau menuntut ilmu agama dari guru-guru beliau semasa hidupnya. Dan dalam ikhtisar tersebut juga disebutkan saat-saat beliau memulai kegiatannya pada usia 15 tahun hinggalah beliau wafat dalam ikhtisar tersebut belum banyak menjelaskan aktifitas beliau dan pemikirannya tentang Islam.

Abdul Karim Jamak, (1992), “Khutbah Rukun Sembahyang Tiga Belas” dalam tulisn ini KH. Abdul Karim Jamak menyusun sistematika pemikiran Keislamannya dengan mengajarkan murid-murid beliau untuk mengenali Allah dengan cara melaksanakan Salat. Dari menjanlankan ibadah salat seseorang menurut Abdul Karim Jamak akan mengetahui asal mula ia diciptakan, dan manusia akan mengetahui sesiapa sahaja musuh-musuhnya yang harus dilawan. Sehingga ia



akan mencapai makrifatnya untuk dapat mengenal sang Khaliq Tuhan pencipta sekalian makhluk. Rukun sembahyang yang tiga belas ini meskipun tidak dijelaskan secara panjang lebar, namun ia adalah menjadi asas pengajian bagi murid-murid Abdul Karim Jamak. Dalam Khutbah Rukun Sembahyang Tiga Belas, merupakan bentuk dasar pemikiran Abdul Karim Jamak dalam bidang Ketuhanan, meskipun penjelasannya belum terhuraikan secara sistematis.

Dalam bentuk Tesis (2001) yang bertajuk, “Peran Abdul Karim Jamak dalam Pendidikan Agama Islam di Kabupaten Kerinci”. Oleh Asmadi, pelajar Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Kerinci Dalam tesis tersebut menjelaskan beberapa persoalan tentang pengajaran Agama Islam yang dilakukan oleh Abdul Karim Jamak sebagai guru agama bagi masyarakat. Kemudian menjelaskan bagaimana cara Abdul Karim Jamak menanamkan kepehaman bagi murid-murid dan masyarakat supaya lebih mudah memahami ajaran Islam, seperti rahasia salat sehingga salatnya dapat diterima oleh Allah SWT dan hikmahnya, kemudian juga tujuan puasa bagi individu muslim dan menumbuhkan rasa kepedulian terhadap sesama manusia. Dalam kajian yang dilakukan tersebut, hanya terlihat bahawa penulis memandang bagaimana metode-metode Abdul Karim Jamak mengajarkan tata cara beribadah. Dengan mengemukakan asas-asas ibadah yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w.

Dewan Pimpinan Daerah Gorontalo (2013) tentang “Strategi Ajaran Kh. Abdul Karim Jamak di Kabupaten Kerinci” menjelaskan Pemikiran beliau tentang Nabi, yang dianggap dianggap aneh dan menyesatkan, seakan-akan pemikiran beliau

dianggap inkar sunnah, tetapi didalam tuntunan pengajian yang diberikan kepada pengikut dan jamaahnya, malah beliau sangat serius menjelaskan betapa penting meyakini keberadaan nabi, hal tersebut dapat dilihat dalam khutbah beliau tentang “Haluan Orang Muslim”, pada bagian haluan kepada nabi, beliau menjelaskan ada empat haluan: *pertama*, Kasih akan segala Rasul, *kedua*, Mengikut segala perkataan Rasul, *ketiga*, Menjauhi segala yang dilarang Rasul dan *keempat*, Membaca selawat. Dalam artikel ini juga dikemukakan “Profil Kh. Abdul Karim Jamak” yang menjelaskan tentang semangat dan kesungguhan Karim Jamak menyiarkan dakwah Islam di Kabupaten Kerinci, dari satu kampung ke kampung yang lain yang dibantu oleh murid-murid beliau. Dengan melihat ketekunan dan kesabaran yang dimiliki Abdul Karim Jamak terhadap tuduhan-tuduhan masyarakat terhadap beliau dengan menyatakan Abdul Karim Jamak menyebarkan ajaran sesat. Padahal tuduhan-tuduhan tersebut tidaklah bernas, kerana tidak ada seorngpun yang bertanggung jawab terhadap isu-isu tersebut.

Ahmad Zuhi bin Abu Bakar, dalam jurnal Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Kerinci, vol 09.no.02 Juli – Desember 2013 dengan tajuk “Konsep Tasawuf Karim Jamak, dalam Jam’iyatul Islamiyah, analisis Terhadap Pembentukan Akhlak”. Kajian ini menjelaskan aspek-aspek penting yang dilakukan oleh Abdul Karim Jamak untuk membina dan mendidik umat Islam terutama Jam’iyatul Islamiyah. Metode tasawuf yang beliau kembangkan adalah mengenal manusia pada khaliq, manusia sesama manusia dan manusia dengan alam. Dengan sentuhan pemahaman tersebut akan tumbuh dan hidup pada diri manusia agar sentiasa berbuat baik dan berakhlak mulia.

Kajian Ilmiah Pensarah Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Kerinci, oleh Bahrum Jalil, et al., (2013) dengan tajuk “Corak Pemikiran Fiqih Kh. Abdul Karim Jamak” kajian yang dilakukan oleh pensyarah Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Kerinci tersebut adalah membahas mengenai konsep ibadah serta amalan-amalan sunat dalam Islam. Serta usaha-usaha mendekati diri kepada Allah SWT. Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif, kerana kajiannya hanya bersifat mengamati amalan-amalan pengikut Abdul Karim Jamak dan pertemuan-pertemuan yang dijalankannya. Sehingga kajian ini masih terlihat pembahasannya mengenai praktek-praktek ibadah yang pernah diajarkan dan kemudian diteruskan oleh murid-murid Abdul Jamak sehingga sekarang ini.

Ahmad Zuhdi, MA dan Ahmad Yani, MSI, (2015) menulis buku tentang Kh. Abdul Karim Jamak, dengan tajuk “Dinamika Intelektual dan Rohani Kh. Abdul Karim Jamak (Pendiri Jam’iyatul Islamiyah), dalam buku tersebut sebelum mengemukakan nilai-nilai kerohanian yang ada pada diri manusia yang harus diwujudkan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT, juga menjelaskan biografi Kh. Abdul Karim Jamak, sejarah perjuangan dan pendidikan serta guru-guru yang pernah mencurahkan ilmu buat Abdul Karim Jamak. Dalam buku tersebut masih memperlihatkan konsep tentang ibadah dan amalan Kh. Abdul Karim Jamak. Dimana beliau merupakan seorang tasawuf dengan tarekat beliau sendiri. Ertinya ajaran-ajaran amalan beliau berbeza dengan amalan-amalan tarekat yang lain, yang ada di Kabupaten Kerinci, seperti Satariyah dan Naqsabandiyah. Namun ada persamaan dengan amalan yang diajarkan oleh Syaikh Burhanuddin di Pariaman.

Buku yang penulisnya Ahmad Zuhdi, MA dan Ahmad Yani, MSI, di terbitkan di Bandung; penerbit Sagara, Bandung, cet. 1, 2015.

Dari huraian yang telah dikemukakan diatas, kajian lepas terhadap pemikiran Abdul Karim Jamak masih tidak mendapat tempat dikalangan sarjana Islam. Dari artikel yang disebutkan diatas dapat dilihat bahawa masih sedikitnya usaha untuk memperkenalkan pemikiran seorang ulama yang terkemuka serta pengikutnya ribuan jumlah tersebut, baik dalam bentuk tesis, artikel bahkan buku. satu kajian khusus mengenai Karim Jamak tentang pemikiran ketuhanannya masih berkurangan.

#### 1.7. Kerangka Kajian

Tesis ini terdiri daripada 6 bab yang disusun mengikut kronologi kajian dalam beberapa bab seperti berikut : Bab I iaitu „Pendahuluan“ menghuraikan cara-cara penulisan sebuah tesis sebagaimana yang menjadi landasan sebuah penyelidikan yang meliputi pendahuluan, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, kajian sebelumnya, rangka kajian dan penutup. Pentingnya pemaparan dalam bab ini sebagai penjelasan awal mengenai apa dan bagaimana tesis ini selanjutnya.

Bab 2 iaitu „Abdul Karim Jamak; Suatu Pengenalan“ membahas riwayat hidup/salsilah daripada tokoh yang pemikiran dan pengaruhnya menjadi kajian utama dalam penulisan tesis ini. Pentingnya memahami biografinya yang terbagi atas salsilah, pendidikan, guru, gelaran, pekerjaan, pandangan ulama, sumbangan

dan karya, penghargaan yang diberikan kepadanya serta wafat, akan lebih mempermudah melakukan kajian tentang pemikiran dan konsep ketuhanannya bagi masyarakat muslim di Kerinci khususnya. Selain itu yang terpenting daripada pembahasan ini adalah menjelaskan alasan mengapa tokoh ini dianggap oleh masyarakat mengajarkan ajaran sesat, sehingga begitu penting pemikiran ketuhanannya untuk diteliti dan dijadikan bahan kajian.

Bab 3 iaitu „Konsep Sifat Allah“ pada bahagian ini penulis membahas mengenai pengertian sifat Allah, kesucian sifat Allah, keyakinan terhadap sifat Allah, kesempurnaan sifat Allah, aspek penting dalam sifat Allah dan kepentingan yang hakiki tentang Allah. Sebagai sebuah penelitian, pembahasan ini adalah kemestian untuk melihat pemikiran dan konsep ketuhanan Abdul Karim Jamak.

Bab 4 iaitu „Konsep Perbuatan Tuhan“ pada bahagian ini penulis membahas mengenai pengertian perbuatan Tuhan, aspek-aspek penting tentang perbuatan Tuhan, kesenangan dan kebahagiaan dan aspek pembalasan Tuhan. Pembahasan bab ini sangat penting untuk mengetahui sejauh mana pemikiran dan konsep Abdul Karim Jamak tentang perbuatan Tuhan, sebagai objek kajian dalam penulisan ini, yang kemudian melakukan analisis mengenai sub-sub pembahasan tersebut.

Bab 5 iaitu „Konsep Qada dan Qadar“ setelah melakukan pembahasan mengenai perbuatan Tuhan, sangat perlu membahas dan mengkaji pemikiran Abdul Karim Jamak tentang qada dan qadar, pembahasan ini dimulai daripada pengertian qada dan qadar, kesan qada dan qadar dalam kehidupan manusia, bentuk-bentuk qada dan al-kasb (usaha). Kajian ini merupakan inti pembahasan dalam penulisan tesis ini sebagai sebuah *elaborate* daripada bab-bab sebelumnya. Perbandingan antarpemikiran dan konsep ketuhanan Abdul Karim Jamak dengan ulama-ulama

sebelumnya yang menjadi kajian yang sangat menentukan dalam penyelidikan kualitatif ini. Kepentingan dalam bab ini adalah akan terlihat hasil kajian dalam penelitian ini dan memberikan jawapan terhadap permasalahan kajian.

Bab 6 iaitu „Kesimpulan“. Bab akhir ini akan menyimpulkan kajian-kajian sebelumnya daripada bab I sampai dengan bab 5. Kepentingan bab ini adalah untuk menyimpulkan dan melihat bagaimana hasil daripada penelitian ini. Selain itu, bab ini merupakan rumusan dan cadangan yang penulis sampaikan terhadap para pemikir, pendakwah dan ahli akademik yang mempunyai perhatian terhadap pemikiran Islam pada umumnya.

## 1.8 Penutup

Penyelidikan dalam bentuk kualitatif adalah suatu penyelidikan yang dinamik kerana sifatnya yang boleh berubah dan mengikuti perkembangan dan perubahan semasa. Hal yang dikemukakan dalam penyelidikan ini adalah gambaran dari perjuangan serta ketokohan Kiyai Haji Abdul Karim Jamak. Dengan menggunakan pendekatan sejarah dan pendekatan teori Islam diharapkan penulisan tesis ini boleh menjelaskan mengenai pengaruh pemikiran tentang konsep Ketuhanan Abdul Karim Jamak di Kerinci dan di Nusantara serta memberikan sumbangan pemikiran bagi kekayaan khazanah intelektual umat Islam bagi perkembangan ilmu pengetahuan.

## BAB 2 : ABDUL KARIM JAMAK: SUATU PENGENALAN

### 2.1 Pengenalan

Pada bab dua ini akan dibahas mengenai biografi Abdul Karim Jamak. Pembahasan pada bab ini adalah sejarah ringkas mengenai latar belakang daripada Abdul Karim Jamak yang terbahagi kepada salsilah, pendidikan, guru, gelaran, pekerjaan, pandangan ulama Kerinci tentang beliau, sumbangan dan karya Abdul Karim Jamak, penghargaan yang diberikan kepadanya serta wafatnya.

Seorang anak sulung, nama penuhnya Abdul Karim Jamak bin Teuku H. M. Jum'at. Beliau telah memulakan hidupnya sebagai nelayan, pekerjaan tersebut beliau laksanakan bertujuan untuk membantu kedua ibu bapanya. Karim Jamak tidak berputus asa dengan kehidupan yang sangat susah ketika itu. Dengan tidak meninggalkan kewajibannya menuntut ilmu.

Beliau dilahirkan di desa Tanjung Rawang Kecamatan Hamparan Rawang Kabupaten Kerinci, pada tahun 1906 M, bersamaan 12 Rabi'ul Awal 1326 H<sup>1</sup>. Abdul Karim Jamak dikenali oleh teman-teman beliau sebagai anak yang berbakti dan patuh kepada kedua ibu bapanya dan sungguh-sungguh dalam membantu keduanya untuk memenuhi keperluan hidup keluarganya.

Abdul Karim Jamak adalah seorang yang dari masa kanak-kanak rajin mengejakan salat lima waktu, dan memiliki kepribadian yang baik, sesuai dengan

---

<sup>1</sup> Zuhadi Karim, (Insinyur, anak kandung Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 28 Oktober 2011, baca juga Ikhtisar KH. Abdul Karim Jamak, 1992.

diajarkan oleh nabi Muhammad s.a.w, Sebagaimana dijelaskan oleh adik kandung beliau Abdul Rasyid Jamak<sup>2</sup>

Kepribadian dan akhlak yang dimiliki Abdul Karim Jamak, telah membuat beliau diperhatikan oleh orang ramai. Hal ini merupakan salah satu faktor kehidupan yang sempurna yang sentiasa dijaga oleh beliau. Abdul Karim Jamak ingin sekali mengamalkan akhlak Rasulullah s.a.w. Menurut beliau dengan kedatangan Rasulullah s.a.w ke muka bumi ini adalah untuk menyempurnakan akhlak umat manusia.

Abdul Karim Jamak berpandangan dunia ini adalah alam sosialis yang mengharuskan setiap manusia, haiwan dan tumbuhan untuk dapat saling berinteraksi dengan baik. Dan itulah akhlak mulia, yang dapat melahirkan kehidupan sosial yang tenteram. Manusia dengan agama yang berbeza-beza tersebut, maka seorang muslim perlu memperbaiki diri sebagaimana yang digalakkan oleh Rasulullah s.a.w.

Usaha yang sedemikian telah banyak dilakukan oleh para ulama terdahulu, kemudian dilanjutkan oleh Abdul Karim Jamak<sup>3</sup>. Beliau memiliki pemikiran yang berbeza dengan pemikir yang lain, hingga dijuluki dengan seorang modernis dan reformis.

Gelaran yang diberikan kepada Abdul Karim Jamak, sebagai tokoh dalam masyarakat mendapat gelaran yang merupakan sebuah penghargaan dan penghormatan, baik dari masyarakat mahupun dari pemerintah. Diantara gelaran yang diberikan kepada beliau adalah:

---

<sup>2</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Buya, adik kandung Abdul Karim Jamak, yang meneruskan pengajian di Jam'iyatul Islamiyah di Kerinci, Tanjung Rawang, Sungai Penuh ), dalam temubual dengan penulis, 08 Oktober 2012

<sup>3</sup> Nama Lengkapnya adalah Kiyai Haji Abdul Karim Jamak, untuk selanjutnya penulis tuliskan Abdul Karim Jamak, supaya lebih akrab dan mudah diingat.



## 1. Gelaran Adat

Abdul Karim Jamak diberi kehormatan menyandang gelar adat, ketika beliau berusia 20 tahun<sup>4</sup>. yakni; TIMAH DAHARO TONGGAK NEGERI TIANG AGAMA. Gelaran ini berarti; Bahawa Karim Jamak diberikan kepercayaan sebagai Penentu atau pemutus dalam adat dan pengampu/penuntun dalam agama<sup>5</sup>.

## 2. Gelaran Keagamaan

Abdul Karim Jamak juga diberikan penghormatan keulamaan, iaitu ; KH (Kiyai Haji), pada tahun 1962, oleh Prof. Dr. Hamka, ketika pertemuan Majlis Ulama Indonesia di Surabaya<sup>6</sup>. Semenjak tahun 1962, Abdul Karim jamak diberi tugas serta dalam menyebarkan Islam dengan panggilan dan gelar Kiyai Haji (KH), sampai beliau wafat. Namun di Kabupaten Kerinci beliau lebih di kenal dengan sebutan Buya Abdul Karim Jamak<sup>7</sup>.

Abdul Karim Jamak, mengajarkan masyarakat supaya sesuai dengan ajaran Rasulullah s.a.w, serta berusaha mengembangkan nilai keislaman dari dalam diri tanpa ada perlawanan batiniah, yang selalu mengajak orang tersesat dan jauh dari ajaran agama. Kegiatan mendidik masyarakat beliau lakukan melalui pengajian rutin yang dilaksanakan oleh beliau. Meskipun tempat dakwah yang diminta oleh

---

<sup>4</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, h, 1

<sup>5</sup> Zuhadi Karim dan basrun Jamil, (murid Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis pada acara pemotongan sapi Kurban Jam'iyatul Islamiyah tanggal, 27 Oktober, 2012, bertepatan tanggal 11 Zulhijjah, 1433H, di Sungai Penuh

<sup>6</sup> Zuhadi Karim, (Ir, H, Ketua Jam'iyatul Islamiyah Kota Sungai Penuh, Sungai Penuh), dalam temubual penulis, 05 Januari 2013.

<sup>7</sup> Abdul Rasyid Jamak, Buya merupakan panggilan yang akrab di Kerinci bagi orang-orang yang dipandang memiliki kemampuan dan keahlian dalam mengajarkan Islam.

masyarakat muslim berbeza lokasi atau daerah, beliau tetap menghadirinya, untuk menanamkan keyakinan terhadap Allah s.w.t

Oleh sebab itu, Abdul Karim Jamak memulai mengembangkan ajaran Islam yang dianggap berlawanan (kontraversi) oleh masyarakat, dengan metode penyiaran dan metode organisasi. serta gaya politik yang dapat diterima oleh masyarakat luar dari daerah Kerinci lainnya. Meskipun pelbagai halangan dan cabaran yang harus dihadapinya, Karim Jamak tidak pernah berputus asa untuk menjalankan misi dan visi dakwahnya tersebut. Ketiga metode ini nampak sederhana, tetapi ia telah membuka mata umat Islam yang lain untuk memilih Islam sebagai agama yang benar.

## 2.2 Salsilah.

### 2.2.1 Bapa

Bapanya Abdul Karim Jamak ialah Tengku Muhammad Jama'at dan ibunya pula Sa'minah binti Muhammad<sup>8</sup>. Bapanya sehari-hari seorang petani yang tekun bekerja untuk menghidupi anak-anaknya. Selepas bekerja Tengku Muhammad Jama'at membaca buku-buku asas Islam yang berkaitan dengan „amal ibadah dan tasawuf<sup>9</sup>. Beliau mempunyai sepuluh orang anak dan Abdul Karim Jamak anak yang pertama dari sepuluh beradik. Beliaulah yang mula-mula mendidik dan mengajar Abdul Karim Jamak mengenal amalan-amalan dalam Islam, sehingga dengan ilmu asas

---

<sup>8</sup> Ayah dari Muhammad Jama'at adalah Abdullah, dan ibunya bernama Anduang, dan keturunan berikutnya tidak ada yang tahu kerana mereka berdua sebelumnya datang dari Palembang-Sumatera Selatan, yang kemudian mereka berdua membangun rumah tangganya di Rawang-Kerinci, Menurut salah seorang dari keluarga dekat, Karim Jamak,(Haji Firdaus Yahya), bahawa neneknya yang bernama Anduang memiliki saudara di salah satu desa di Tanjung Pauh, tetapi mereka tidak mempunyai keturunan, sehingga sekarang tidak ada yang mengetahui salsilah lengkap tentang beliau.

<sup>9</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Buya Jam'iyatul Islamiyah, anak kandung Tengku Muhammad Jama'at, Sungai Penuh, Tanjung Rawang), dalam temubual dengan penulis, 20 Oktober 2011

tersebut tumbuh dan berkembang dalam diri Abdul Karim Jamak<sup>10</sup>. Tengku Muhammad Jama'at juga pernah menuntut ilmu di Thawalib (Pesantren) Rawang, yang ketika itu masih dalam keadaan berperang melawan penjajahan Belanda. Namun beliau tetap tekun menuntut ilmu di Pesantren Rawanga tersebut sampailah beliau menikah dengan Sa'minah<sup>11</sup>. Ilmu-ilmu agama, seperti ilmu fekah, ilmu tauhid, dan tasawuf serta ibadah. Selain dari guru-guru di Pesantren, beliau turut pula mengikuti pengajian serakan beliau, seperti Kh. Muhammad Thaib dan juga datuknya, serta Kh. Kari Ahmad, beliau juga pernah dibimbing dan mendapat pelajaran agama oleh Syekh Muhammad Khatib Kadhi, Hakim Kabupaten Kerinci yang merupakan datuk beliau sendiri<sup>12</sup>.

Tengku Muhammad Jama'at bin Abdullah, sebagaimana yang dijelaskan oleh Abdul Rasyid<sup>13</sup>; adalah berketurunan Arab sampai ke Hasan bin Ali bin Abi Thalib. Nenek beliau yang berasal dari Kerinci Jambi Sumatera Indonesia. Oleh yang demikian Abdul Karim Jamak bin Teungku Jam'at bin Ahmad Fakih bin Muhammad adalah berketurunan Arab. Menurut Rasyid jamak, adik kandung daripada Karim Jamak, menjelaskan bahawa ayahnya Muhammad Juma'at bin Abdullah datuk beliau tersebut adalah berasal dari Arab<sup>14</sup>.

---

<sup>10</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Anak kandung Tengku Muhammad Jama'at, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 20 Oktober 2011

<sup>11</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Anak kandung Tengku Muhammad Jama'at, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 20 Oktober 2011

<sup>12</sup> Abdul Karim Jamak, Op.cit, hal 1

<sup>13</sup> Abdul Rasyid, (Kh, adik kandung Karim Jamak, sekrang lebih dikenal dengan nama Abdul Rasyid Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 08 Oktober 2011

<sup>14</sup> Ibid, 10 Oktober 2012, dan oleh H. Firdaus Yahya salah seorang tokoh masyarakat Rawang, mengemukakan tentang Abdullah datukdari Karim Jamak ini tidak banyak yang tahu, tetapi beliau sudah menempati satu kampung di Sumatera Selatan beberapa tahun lamanya. Kemudian beliau berhijrah ke tanah Kerinci. Jadi sosok beliau yang sesungguhnya sampai sekarang tidak ada yang tahu pasti. Namun Abdullah tersebut diketahui bahawa beliau adalah orang ,alim dan ta'at beribadah. Sedangkan menurut tokoh masyarakat desa Tanjung Rawang yang lain, seperti Syahmil Amsyi mengatakan bahawa, nenek moyang Karim Jamak sebelah kakeknya memang berketurunan Arab, tetapi tidak tahu nama sesungguhnya beliau kerana ia selalu berpindah-pindah dari satu daerah ke daerah lain.

### 2.2.2 Ibu

Ibu daripada Abdul Karim Jamak<sup>15</sup>, adalah Hj. Sa`minah binti Muhammad, dan Muhammad mempunyai ibu yang bernama Anduang dan ayahnya bernama Abdullah<sup>16</sup>. Dalam catitan sejarah, keturunan Abdul Karim Jamak disebelah ibunya, hanya sampai pada bapa saudaranya yang bernama Muhammad sahaja<sup>17</sup>.


---

<sup>15</sup> Asmir, (Drs, M.PdI, merupakan salah seorang cucu dari Abdul Karim Jamak bersaudara, yang sekarang adalah pendakwah Jam'iyatul Islamiyah Kota Sungai Penuh, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 30 Oktober 2013.

<sup>16</sup> Berkaitan dengan keturunan sebelah ibunya, Salsilah Abdul Karim Jamak mengikut catatan sejarah hanya sampai pada Abdullah.


<sup>17</sup> Abdul Rasyid Jamak, dan Asmir, (adik kandung dan cucu Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis 10 Januari 2012

Salsilah Abdul Karim Jamak disebelah Ibunya<sup>18</sup>:



<sup>18</sup> Firdaus Yahya, (Buya Haji, Sanak keluarga Abdul Karim Jamak sebelah ibunya, Tanjung Rawang Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2012

Saudara mara Abdul Karim Jamak<sup>19</sup>



<sup>19</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Buya, saudara kandung Abdul Karim Jamak Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2011

## 2.3 Pendidikan.

Abdul Karim Jamak memperoleh pendidikan dari kedua orang tuanya, datuk dan pakciknya. Beliau lahir dalam keluarga Islam, maka tidak sukar bagi beliau untuk mempelajari ilmu-ilmu yang ada dalam lingkungan keluarga sendiri. Beliau sendiri belajar dengan penuh keyakinan, sehingga dapat membimbing ke jalan yang benar. Beliau tidak pernah menerima pendidikan secara formal atau bersekolah kerana situasi semasa dalam keadaan berperang.

Berikut dihuraikan beberapa tahapan pendidikan yang didapatkan oleh Abdul Karim Jamak :

- 2.3.1 Pendidikan Abdul Karim Jamak pada usia 01 – 12 tahun. Pendidikan awal Abdul Karim Jamak, bermula dari orang tua kandungnya. Pada usia ini beliau belajar tentang akhlak, fardu ain, ilmu fekah, ilmu tauhid dan tasawuf serta akidah-akidah yang bersangkutan paut dengan tauhid, mengikuti sunnah wal jamah berdasarkan al-Quran dan Hadis Rasulullah saw<sup>20</sup>. Orang tuanya mendidik beliau bagaimana tata cara salat, berwudu serta berpuasa<sup>21</sup>. Pendidikan seperti terus berlanjutan sehingga beliau mencapai usia 13 tahun.
- 2.3.2 Pendidikan Abdul Karim Jamak pada usia 13 – 21 tahun. Ia lebih banyak belajar kepada datuk beliau Muhammad Taib, yang merupakan seorang ulama. Dari datuk beliau inilah Abdul Karim Jamak mendalami ilmu-ilmu yang luas tentang Islam. Seperti ilmu akidah, tauhid dan tasawuf<sup>22</sup>. Selain

---

<sup>20</sup> Abdul Karim Jamak, 1994, Ikhtisar Tentang Buya Kh. Abdul Karim Jamak, Pembina Jam'iyatul Islamiyah, h, 1

<sup>21</sup> Abdul Rasyid Jamak, adalah adik kandung Abdul Karim Jamak, ia tahu betul bagaimana ayah dan ibunya mengajar mereka dengan disiplin ibadah. Mereka adik beradik belajar ilmu keislaman secara asas dari ayah mereka, dan Abdul Karim Jamak merupakan anak pertama dari adik beradik telah menimba pelbagai ilmu dari orang tuanya, terutama ilmu-ilmu asas sebagaimana layaknya pendidikan bagi anak-anak lain yang se usia dengannya dimasa itu.

<sup>22</sup> Ali Zuriyat,(alm) ia pernah menceritakan bahawa kakek daripada Abdul Karim Jamak merupakan ulama yang memiliki disiplin ilmu Islam, sebagaimana ulama yang sezaman dengannya. Ia juga merupakan seorang pendiri

menimba ilmu dari bapa saudaranya, Kari Ahmad dan Muhammad Khatib, beliau juga diberi kepercayaan mengajar di masjid<sup>23</sup>.

2.3.3 Pendidikan Abdul Karim Jamak pada usia 22 – dewasa. Pada usia ini, Abdul Karim Jamak sudah memiliki kematangan dalam mengajarkan ajaran Islam, beliau juga pernah belajar ilmu agama kepada Buya Hamka, di Jakarta<sup>24</sup>. Sebagai anak pertama dari pada adik beradiknya. Beliau sering mendapat kepercayaan orang tuanya dalam membantu adik-adik beliau. Sehingga dimasa mudanya beliau lebih rajin dan tekun bekerja serta giat berusaha. Meskipun keadaan yang ia hadapi ketika itu sangat susah sekali<sup>25</sup>.

Abdul Karim Jamak yang hidup dalam situasi sosial dan politik di Hindia Belanda pada awal abad ke dua puluh, dengan segala bentuk penindasan dan penjajahan, Abdul Karim Jamak, telah ikut berjuang dalam penyiaran pengembangan ajaran Islam, hingga memasuki lingkungan pendidikan<sup>26</sup>. Keadaan pendidikan dan politik dizaman penjajahan ketika itu sangat terbatas, kerana semua kegiatan masyarakat di awasi dan di jaga oleh Belanda. Sehingga tidak hairan bila sistem pendidikan Islam sering dijadikan mangsa yang harus berhadapan dengan peraturan penjajah. Keadaan inilah yang telah membangkitkan kesedaran masyarakat, khususnya di Kerinci, dan juga golongan ulama, yang berterusan meyakinkan umat Islam makna pendidikan yang lebih terorganisir dan terpimpim.

---

sekolah agama di Hampan Rawang waktu itu. Maka Karim Jamak pada usia 13 tahun hingga 21 tahun lebih banyak belajar kepada kakeknya, serta guru-guru agama yang lain.

<sup>23</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, h, 1

<sup>24</sup> Ibid, h, 2, juga dijelaskan oleh Abdul Rasyid Jamak, bahawa abangnya Abdul Karim Jamak tidak pernah berhenti belajar, ia selalu menerima arahan dan bimbingan dari orang lain apalagi mereka-mereka itu adalah seorang yang ,alim, beliau sangat merasa senang terhadap pendidikan yang diberikan kepadanya(Temubual Penulis, di Sungai Penuh, 27 Oktober 2012.

<sup>25</sup> Abdul Rasyid Jamak, *Ibid*, 2012

<sup>26</sup> Ali Zuriyat, (alm), anak kandung Abdul Karim Jamak, yang lahir pada 23 Oktober 1948, dan meninggal dunia 21 Desember 2006, menjelaskan bahawa; begitu masa susahnya ayahanda Abdul Karim Jamak berjuang di antara belajar dan bertempur, melawan penjajahan Belanda, ayahnya juga ikut terlibat mempertahankan pendidikan dengan memiliki ciri khas Islam dan bukan mengikuti cara Belanda.



Abdul Karim Jamak merupakan salah seorang ulama pemikir yang berjuang dalam bidang agama. Dengan keyakinnya beliau mendirikan organisasi, yaitu Jam'iyatul Islamiyah. Beliau bersama murid-murid melakukan kegiatan seperti pendidikan dan pengajian.<sup>27</sup>

Melihat keadaan sosial dan politik seperti inilah yang telah memberi pengaruh kuat terhadap proses pendewasaan karakter intelektualiti Abdul Karim Jamak, dan sekaligus memotivasinya untuk menjadikan bidang dakwah dan pengembangan ajaran Islam sebagai pilihan profesen. Perubahan politik dari pemerintahan Belanda, pendudukan Jepun hingga Indonesia merdeka adalah rentangan pengalaman yang tidak diabaikannya dalam menempatkan sistem penanaman pemahaman Ketuhanan, bagi perkembangan masyarakat Indonesia, khususnya di daerah Kabupaten Kerinci.

#### 2.4 Guru

Abdul Karim Jamak memang tidak pernah belajar secara formal atau sekolah milik kerajaan hal ini kerana oleh kehidupan orang tuanya, dengan erti kata ada beberapa persoalan kekeluargaan yang perlu beliau lakukan untuk membantu ayah dan ibunya diwaktu itu. Sehingga beliau tidak memungkinkan belajar jauh dari ibubapanya.

Hal ini demikian tidak berarti beliau tidak belajar sama sekali, kerana bagaimanapun Abdul Karim Jamak adalah sesorang anak yang memiliki semangat

---

<sup>27</sup> Audal Amlı, (Drs, H, murid, Abdul Karim Jamak, dan juga sebagai Da'ı Jam'iyatul Islamiyah Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 27 Oktober 2012

dan kesungguhan. Sehingga beliau belajar kepada guru-guru yang dekat dan mudah di datangi, termasuklah H. Maktib sebagai Kali Hakim di Zaman Belanda, H. Muhammad Thaib datuknya, bapak dari ibu yang wafat di Mekah, H. Karim Ahmad kakek Paman Kandung dari Ibunya yang juga wafat di Mekah, dan Tengku Muhammad Jum'at ayah beliau sendiri. Dan pada tahun 1969 ia bersama temannya Amir Usman yang berasal dari desa Kumun-Sungai Penuh mendapat bimbingan dan petunjuk di bidang agama Islam dari Prof.Dr. Hamka di Jakarta<sup>28</sup>.

Disamping itu, beliau memiliki prinsip dan tekad hidup, iaitu sepanjang ada peluang dan kesempatan untuk belajar beliau akan mengikut dan mempelajarinya. Sikap rajin bertanya, mendiskusikan perkara yang belum di ketahui dan dipahami, dan ia tidak merasa malu menemui guru bila sesuatu perkara masih meragukannya. Ia tidak pernah putus asa dan sentiasa berharap kepada Allah s.w.t.<sup>29</sup>. hal ini kerana Allah s.w.t yang Maha Berkuasa, ia yang mengatur dan mengurus semesta alam ini dan juga memutuskan siapa yang dikehendakinya untuk mendapatkan hidayah. Abdul Karim Jamak berusaha untuk menghasilkan sesuatu yang boleh memberikan kenikmatan rohaniah, yang dapat memberikan kesenangan dan membahagiakan orang lain. Inilah yang disebutkan dalam firmanNya;

وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ اللَّهُ قَلْبَهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Al-Taghābun 64 : 11

Terjemahan : Dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar); dan (ingatlah), Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

<sup>28</sup> Aswin Rose, 1996, Mengenang Ayahanda Kh. Abdul Karim Jamak Pembina Jam'iyatul Islamiyah, Jakarta, DPP-Jam'iyatul Islamiyah, h, 5-6

<sup>29</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Kh, Da'ī Jam'iyatul Islamiyah Kabupaten Kerinci dan Kota Sungai Penuh, Sungai Penuh), dalam tembual dengan penulis, 20 Februari 2011

Disebutkan pula dalam ayat lain:

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

Al-Baqarah 2 : 269

Terjemahan : Allah memberikan hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka Sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.

Ayat diatas dapat difahami bahawa hidayah akan diperolehi dengan sempurna bila seseorang itu benar-benar beriman kepada Allah. Kemudian selalu berkeinginan untuk mengamalkan sepenuhnya. Hidayah menurut Rasyid Ridha adalah; petunjuk halus yang menyampaikan kepada tujuannya<sup>30</sup>. Syeikh Ahmad Mustafa al-Maraghi menyebutkan dalam tafsir beliau, bahawa ada lima jenis hidayah yang dianugerahkan Allah swt kepada manusia, iaitu<sup>31</sup>;

1. *Hidāyah al-‘Ilmu*
2. *Hidāyah al- Hawāṣ*
3. *Hidāyah al-‘Aqli*

<sup>30</sup> Muhammad Rasyid Ridha, 1954, *Tafsir Al-Manar; Tafsiru'l-Qur'ani 'Karim* oleh Muhammad Abduh, Juz I, Mesir, 1378H./1954), 62. Lihat juga *Hidayah* dalam , *al-Munjid fiil lughah wal-adaab wal 'uluum*, 1927, h, 944

<sup>31</sup> Ahmad Mustafa Al-Maraghi, 1953/1373 H, *Tafsir Al-Maraghi*, Juz I, cet. II, Mesir,

4. *Hidāyah al-Adyan*

5. *Hidāyah al-Taufiq*

Di sisi lain Abdul Karim Jamak juga telah memperjuangkan hidupnya dengan mendalami ilmu pengetahuannya. yang beliau dapatkan diamalkannya. beliau sentiasa menjalankan ibadah dan zikir kepada Allah s.w.t dan bahkan beliau selalu bermunajat disaat malam. Inilah bentuk amalan rutin yang dikerjakannya<sup>32</sup>. Amalan-amalan tersebut ia lakukan sebagai bukti pemahamannya tentang ayat Allah di dalam al-Quran;

يُسَبِّحُونَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لَا يَفْتُرُونَ

Al-Anbiyā 21 : 20

Terjemahan : Mereka beribadat malam dan siang,  
Dengan tidak berhenti-henti.

Meskipun situasi keadaan keluarga yang tidak memungkinkan ia belajar tinggi seperti kawan-kawan sezaman dengannya. Tetapi Abdul Karim Jamak tidak pernah berputus asa ataupun menyerah dengan nasib. Anak kandung beliau menceritakan tentang keseriusan dan semangat beliau, yang paling menarik pada Abdul Karim Jamak adalah, beliau sangat bersungguh dalam menerapkan ilmu dan amalannya, apakah dalam bentuk keyakinan, perbuatan dan juga apa yang

---

<sup>32</sup> Ali Zuriyat, (anak kandung Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 20 Desember 2005

sepatutnya ditinggalkan ia juga mampu memberikan keseimbangan antara kehidupan material dan spritual<sup>33</sup>.

Seiring dengan pemahaman dan pengetahuan Abdul Karim Jamak diatas, tidaklah salah sekiranya ada persamaan pemikiran Abdul Karim Jamak dengan ulama besar lainnya seperti apa yang disebutkan oleh Ibnu Qadamah yang benar adalah ilmu muamalah hamba terhadap Rabbnya. Muamalah yang dibebankan di sini meliputi tiga macam, iaitu; 1. Keyakinan, 2. Perbuatan, 3. Apa yang harus ditinggalkan<sup>34</sup>.

Keadaan keyakinan yang ditunjukkan Karim Jamak mengajarkan agama dengan menggunakan metod ilmu ketuhanan yang diawali dari suatu kepercayaan bahawa Allah melihat kekhusukan ibadah hambanya ketika berada dihadapan Ka'bah<sup>35</sup>. Sedangkan ulama Kerinci tidak menyebutkan hal-hal seperti Abdul Karim Jamak tersebut. Sehingga timbul masalah dari Majlis Ulama Kerinci, yang menyatakan bahawa Abdul Karim Jamak mengada-ada<sup>36</sup>.pendapat lain yang berkaitan dengan Karim Jamak tersebut, menjelaskan hal yang demikian dipandang wajar, seperti yang dikemukakan oleh Eric. J. Sharpe; bahawa kecintaan terhadap kelompok sendiri, komitmen dan didikasi yang tinggi serta penggunaan bahasa yang bersifat subjektif, iaitu bahasa sebagai pelaku, bukan sebagai pengamat, merupakan ciri yang melekat pada bentuk pemikiran teologis<sup>37</sup>. Berdasarkan kenyataan seperti ini, maka benar jika muncul suatu usaha manusia untuk memahami penghayatan imannya atau penghayatan agamanya, suatu

---

<sup>33</sup> Ali Zuriyat, (anak Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 20 Desember 2005

<sup>34</sup> Ibnu Qadamah Al-Maqdisi (w. 742H), *Mukhtashar Minhajul Qashisin*, (Damaskus : Mansyuratul Maktabil Islami, 1389 H), cet. III, 8

<sup>35</sup> Zuhadi Karim, (Ir, H. Anak Kandung Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 21 Maret 2011

<sup>36</sup> Jasrial Zakir, (Dewan Penasehat Majlis Ulama Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 20-12-2012.

<sup>37</sup> Eric. J. Sharpe, *Comperative Relegion of History*, (London ; Duckworth, 1998), 313

penafsiran atas sumber-sumber aslinya dan tradisi dalam konteks permasalahan masa kini, iaitu teologi yang bergerak antara dua kutub, iaitu tek dan situasi, masa lampau dan masa kini. Hal demikian mesti ada dalam setiap agama meskipun dalam bentuk dan fungsi yang berbeza<sup>38</sup>.

Abdul Karim Jamak sangat menyedari, sebagai manusia yang hidup di muka bumi ini selalu berada antara dua bentuk iaitu yang ekstrim, seperti sangat baik dan sangat buruk atau mulia dan hina atau sangat kaya dan sangat miskin atau beriman dan kafir<sup>39</sup>. Sebagaimana dijelaskan diatas bahawa beliau adalah anak pertama dari sepuluh orang beradik, maka beliaulah anak yang boleh diharapkan oleh orang tuanya untuk membantu mereka. Maka beliau tidak berputus asa dan tetap belajar agama dengan guru-gurunya.

Dengan ilmu pengetahuan yang ia dapatkan dari guru-gurunya, Abdul Karim Jamak telah mampu menunjukkan kemampuannya dalam mengembangkan Islam dengan cara pendekatan teologis dan pendekatan normative<sup>40</sup>. Sangat luar biasa apa yang dimiliki dan yang dipunyai seorang Abdul Karim Jamak yang pada awalnya dipandang sebagai anak nelayan yang duduk di pinggir sungai.

Sa'adiyah<sup>41</sup> menceritakan bahawa bapanya :

Abdul Karim Jamak sebagai nelayan yang tinggal di pinggir sungai dengan tempat tinggal sederhana yang dijalankan bertahun-tahun, sambil bekerja sebagai seorang nelayan beliau tidak lupa dengan kewajiban beliau belajar dan beribadah. Di pinggir sungai inilah

---

<sup>38</sup> Abuddin Nata, Metodologi Studi Islam, Jakarta ; Rajawali Press, 2002), 31

<sup>39</sup> Ali Zuriyat, (anak kandung Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 15 April 2004

<sup>40</sup> Lihat Abuddin Nata; pendekatan normative iaitu; suatu pendekatan yang memandang agama dari segi ajarannya yang pokok dan asli dari Tuhan yang didalamnya belum terdapat penalaran pemikiran manusia. Dalam pendekatan teologis ini agama dilihat sebagai suatu kebenaran mutlak dari tuhan, tidak ada kekurangan sedikitpun dan Nampak bersikap ideal.h, 35

<sup>41</sup> Putri Abdul Karim Jamak, yang telah banyak merekam pengalaman bapanya semasa hidup.

beliau mulai didatangi murid-murid beliau untuk menimba ilmu bela diri, dan mengaji.

Huraian yang seirama diceritakan pula adik beliau Abdul Rasyid<sup>42</sup> bahawa Abdul Karim Jamak telah merasakan penderitaan beliau telah menempuh kehidupan yang sangat sukar, sehingga dapat mendewasakan beliau dalam menghadapi cobaan hidup ketika itu. Abdul Karim Jamak tetap bersabar dengan penghasilan dan pendapatan beliau dengan tangkapan ikan-ikan sungai yang kemudian dijual di pasar untuk mendapatkan wang.

Wang yang beliau dapatkan adalah diperuntukkan bagi keluarga, anak, isteri beliau. Beliau tidak merasa malu berbelanja di pasar membantu isterinya, memenuhi keperluan dapur, bahkan ikut memasak ketika isteri beliau sakit atau ada pekerjaan lain.

Abdul Karim Jamak sangat menyukai pekerjaannya sebagai nelayan, demi untuk memenuhi keperluan keluarga beliau bahkan turut membantu keperluan ibubapa beliau. Keyakinan beliau terhadap takdir yang segalanya miliki Allah swt, telah membuat dirinya sejajar dengan ilmuan dan ulama-ulama besar yang lain. Semuanya merupakan berkat kesungguhan dan semangatnya dalam mendalami ilmu-ilmu ke-Islamannya.

---

<sup>42</sup>

Yang sekarang meneruskan pengajian di Masjid Jam'iyatul Islamiyah, di Sungai Penuh-Kerinci sampai sekarang

## 2.5 Pekerjaan

Secara khusus pekerjaan Abdul Karim Jamak sebagai Guru Agama Islam dan Pembina Jam'iyatul Islamiyah<sup>43</sup>. Akan tetapi selain dari pekerjaan sebagai guru agama, ia yang merupakan anak pertama bagi kedua orang tuanya, beliau juga bertanggung jawab untuk membantu kedua orang tua beliau, dalam memberikan bantuan belanja hidup bagi adik-adiknya. Karena adik-adik beliau masih bersekolah secara formal dan ada juga yang sekolah di pondok Pesantren. Dengan kebijaksanaan, beliau mencoba hidup sebagai nelayan, memasang jaring ( pukat ), memasang lukah, menjala ikan yang dapat menghasilkan wang, walaupun pekerjaan ini dapat dikatakan berat, namun beliau tetap yakin kepada Allah s.w.t agar diberkati<sup>44</sup>.

Pekerjaan ini beliau lakukan tanpa merasa letih dan lelah. Ternyata kesibukan dalam membantu kedua orang tua mencari nafkah, beliau pun masih dapat meluangkan masa untuk mendekati diri kepada Allah s.w.t sehingga beliau mendirikan sebuah surau tempat untuk beribadah, solat, zikir dan sebagainya di pinggir sungai Tanjung Rawang<sup>45</sup>. Bagaimanapun terdapat segelintir masyarakat yang tidak senang dengan usahanya, beliau pun memindahkan tempat ibadahnya di Muaro Air desa Kumun<sup>46</sup>. Perpindahan beliau dari Tanjung Rawang turut

---

<sup>43</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, h, 1

<sup>44</sup> Pribadi Abdul Karim Jamak, menurut adik perempuannya Rasina dan Rasyani, memang memberikan makna yang sangat mendalam bagi adik-adik beliau, seperti; Abdurrahman, Abdur Rasyid dan Ishak, adik lelakinya ini memang beliau perjuangkan supaya pendidikan lebih baik daripada beliau. Karim Jamak sanggup mengorban masanya untuk bekerja membantu ayah dan ibunya dalam mengembangkan usaha agar adik-adik dapat belajar seperti orang lain. 12-10-2011

<sup>45</sup> Abdul Rasyid Jamak, *Op.cit*, 2010

<sup>46</sup> Ali Zuriyat (alm) putra ke tigadari Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh, 20 – 12-2005, beliau adalah yang senantiasa mengikuti kegiatan dakwah Karim Jamak dimana sahaja, ketika masih hidup, dan banyak mengenali susah dan derita yang ditanggung oleh Ayah beliau. Termasuk isu-sisu tentang ayahnya menyebarkan ajaran sesat. Namun tutur beliau (Ali Zuriyat), ayahnya tetap bersabar dan terus berusaha mendakwahkan Islam sebagaimana layaknya seorang ulamak yang bertanggung jawab terhadap ilmu yang dimilikinya.



mengilhami beliau untuk memperdalam pengetahuannya tentang agama<sup>47</sup>. Ramainya orang yang tidak percaya akan kemampuan Abdul Karim Jamak sehingga tidak sedikit kesan dengan kata-kata yang tidak bagus terhadapnya<sup>48</sup>, justru ia semakin yakin dan percaya bahawa menerapkan ilmu pengetahuan terutama agama, tidak lah mudah. Bahkan dimana-mana pasti menghadapi halangan. Situasi tersebut membuat Abdul Karim Jamak menjadi terkenal, kerana beliau sendiri berusaha menerima anggapan buruk dari orang lain dengan sikap yang bijaksana, bahkan mengatakan sebagai muslim tidak seharusnya saling memusuhi, benci-membenci apalagi berlaku kasar. Ungkapan seperti ini selalu disampaikan oleh beliau kepada anaka-anak beliau dan juga kepada pengikut-pengikutnya<sup>49</sup>. Ajaran yang disampaikan oleh Abdul Karim Jamak, sebenarnya merupakan tuntunan dari Rasulullah s.a.w dalam sabdanya; Muslim yang baik adalah jika muslim lain merasa tentram dari perkataan dan perbuatannya<sup>50</sup>

Meskipun kegiatan sehariannya membantu orang tua, tetapi beliau juga tetap gigih dan bersemangat untuk belajar beberapa ilmu agama, terutama fardu ain dan tauhid. Beliau banyak bertanya kepada teman-teman sebayanya, lalu beliau mencoba memahami dan mendalaminya. Sehingga dalam waktu yang singkat pengetahuan yang didapatinya mampu pula diajarkan kepada yang lain. Karim Jamak berfikir bahawa untuk apa ia memiliki dan mempunyai ilmu jika tidak diamalkan dan diajarkan kepada orang lain yang juga berhak untuk mengetahui apa

---

<sup>47</sup> Sa'diyah, salah seorang anak perempuan Abdul Karim Jamak menuturkan hal yang sama tentang penderitaan dan pengalamannya bersama ayah kandungnya tersebut. Ia juga merasakan bagaimana pikirannya turut sedih ketika ayahnya pindah tempat untuk mengajarkan ilmu agamanya kepada mereka yang mahu belajar padanya.

<sup>48</sup> Abdul Kadir Yasin, (Kiyai Haji, Drs. mengemukakan bahawa Karim Jamak adalah orang yang tidak pernah menduduki sekolah yang permanent, sehingga disiplin ilmu yang diajarkan tersebut belum tentu dapat diterima oleh masyarakat luas. Kerinci, Kerinci, Desa Ladeh), dalam temubual dengan penulis, 30 Desember 2008,

<sup>49</sup> Ali Zuriyat, (anak kandung Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 15 April 2004

<sup>50</sup> Lihat Assuyuti, 1983, *al-Dur al-Mantsur bi al-Ma'tsur*, Beirut; Dar al-Fikri.

yang mereka tidak tahu, kerana tidak akan miskin memberikan ilmu kepada orang lain<sup>51</sup>.

### 2.5.1 Sebagai Pendidik

Abdul Karim Jamak, menjadi guru dan hidup secara sederhana dan mempunyai murid yang ramai. Murid-murid yang datang bukan kerana di undang oleh Abdul Karim Jamak, melainkan mereka datang kerana ingin mengaji dan belajar dengan beliau.

Murid-murid beliau terdiri daripada pelbagai golongan dan tahap pendidikan, memang secara akademik banyak yang meragukan kemampuan beliau, namun kenyataannya sampai beliau wafat murid-muridnya justru semakin bertambah ramai jumlahnya<sup>52</sup>. Secara umum adalah mereka terdiri dari ; masyarakat awam, pegawai pemerintah dan juga kaum intelektual lainnya.

Diantara murid-murid beliau adalah :

1. Drs. H. Arief Warga Dalem, seorang Pensyarah di Universiti Jakarta, beliau belajar dengan Kh. Abdul Karim Jamak dari tahun 1980, dan beliau juga dilantik sebagai Ketua Umum Jam'iyatul Islamiyah pada tahun 1994.
2. Dr. Aswin Rose, beliau adalah seorang doktor ahli bedah dan belajar dengan Kh. Abdul Karim Jamak dari tahun 1980, dan beliau juga dilantik sebagai Sekretari Umum Jam'iyatul Islamiyah pada tahun 1994. Kemudian

---

<sup>51</sup> Ali Zuriyat (anak kandung Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 15 April 2004  
<sup>52</sup> Data dan informasi tersebut didapatkan dari beberapa salinan keputusan(sk) dan arsip Dewan Pimpinan Daerah Jam'iyatul Islamiyah, Kabupaten Kerinci. Dan beberapa sumber merupakan wawancara/temubual langsung penulis dengan murid-murid Karim Jamak.

dilantik sebagai Ketua Umum Pusat sampai tahun 2012 dan Sekarang beliau dilantik sebagai Ketua Dewan Pembina Jam'iyatul Islamiyah

3. Prof. Dr. Haji Azhar Arsyad, pernah menjadi Rektor Universiti Islam Negeri di Makasar, dua zaman. Sekarang beliau menjadi Ketua Umum Dewan Pimpinan Pusat (DPP) Jam'iyatul Islamiyah untuk periode 2013-2017
4. Dr. Sarif Satimen, salah seorang pensyarah Ilmu Tafsir Universitas Islam Negeri Makasar, dan sekarang dilantik sebagai Ketua Dewan Dakwah Jam'iyatul Islamiyah periode tahun 2013
5. Drs. Marnis Nawi, beliau adalah seorang pendakwah di Sumatera barat, dan beliau juga dilantik sebagai Ketua Wilayah Jam'iyatul Islamiyah Sumatera barat pada tahun 1986
6. Burhana Imsor, juga merupakan murid beliau, dan dilantik sebagai Sekretari Jam'iyatul Islamiyah di Sumatera Barat pada 1986
7. Kh. Amir Usman, merupakan murid tetua Abdul Karim Jamak, di Kerinci, kemudian dilantik sebagai pelindung dan penasehat Jam'iyatul Islamiyah Daerah Kabupaten Kerinci tahun 1987
8. Sanusi Sidik, ia merupakan murid Abdul Karim Jamak dan kemudian dilantik sebagai Ketua Daerah Kabupaten Kerinci pada tahun 1987
9. Dr. Haji Tasbih, seorang pensyarah pada perguruan tinggi, merupakan murid dan juru Dakwah Jam'iyatul Islamiyah
10. Dr. Haji Muhammad Sofyan, seorang pensyarah di salah satu perguruan tinggi, merupakan murid dan juru Dakwah Jam'iyatul Islamiyah
11. Dr. Tasmin Tangareng, merupakan murid dan juru Dakwah Jam'iyatul Islamiyah

12. Masih banyak dan ramai lagi nama-nama murid beliau yang tidak sempat dituliskan satu persatu<sup>53</sup>.

Dari beberapa orang murid yang disebutkan membuktikan, Abdul Karim Jamak patut diberi penghargaan dan penghormatan oleh masyarakat Kerinci, kerana ia telah mengembangkan kegiatan keagamaan dan mendidik masyarakat dengan agama yang bermanfaat.

### 2.5.2 Sebagai Ulama

Keyakinan mendalam kepada Allah dan Rasul-Nya, mendorong Abdul Karim Jamak mengerjakan amalan soleh. Dengan kemampuan mengenal diri dan tanda-tanda zaman, *tazkiyah* sebagai penyucian diri untuk mencapai tingkat pemahaman tauhid yang benar, *ta'lim* sebagai pengajaran dan pengajian ilmu-ilmu tentang ayat-ayat Allah baik yang tertulis dalam al-kitab, mahupun yang terbentang di alam semesta, *hikmah* untuk mencapai tingkat kefahaman tentang hukum-hukum Ilahiyah dalam rangka menuju dan mengikuti sunnah Rasul yang nyata setiap diri di latih dan dibekali nilai spritual.

Abdul Karim Jamak, berusaha dengan dakwahnya untuk membentuk pribadi umat yang seimbang antara fikiran, kehendak dan tindakannya serta bebas dari hasutan hawa nafsu, sehingga pada suatu saat dapat memberikan pencerahan terhadap umat manusia<sup>54</sup>. Sebagai seorang ulama, Karim Jamak sentiasa menjalan aktiviti dakwahnya, sehingga hampir sepenuhnya usia beliau digunakan untuk

<sup>53</sup> Boleh dilihat dalam Arsif, Surat-surat Piagam dan Penghargaan Kh. Abdul Karim Jamak, dan Arsif surat-Surat Administrasi DPD Al-jamiyyatul Islamiyah Tk II Kabupaten Kerinci

<sup>54</sup> Abdul Karim Jamak, Khutbah Rukun Sembahyang yang Tiga Belas, ( Jakarta ; Jam'iyatul Islamiyah, 1994), 1

mengajak manusia dan murid-muridnya belajar dan mengamalkan ajaran Islam dengan baik dan sempurna.

Sebagai pengasas berdirinya Jam'iyatul Islamiyah, pada hari Jumat tanggal 12 Mac 1971 di Sungai Penuh, Kabupaten Kerinci Provinsi Jambi<sup>55</sup>. Maka Karim Jamak merupakan Pembina Tunggal dari organisasi tersebut<sup>56</sup>. Perjuangannya, cukup membuat kegiatan dakwah Islam berkembang dari pelbagai daerah dan tempat secara terpadu. Inilah yang menandakan bahawa beliau merupakan seorang tokoh yang mempunyai ramai pengikut. Kehadirannya dalam organisasi membuatkan pengaruhnya dikenali, bukan hanya di kalangan masyarakat awam, bahkan dunia intelektual dan akademik.

## 2.6 Pandangan Ulama

Berikut ini akan dikemukakan beberapa pendapat dan pandangan Ulama yang ada di daerah Kabupaten Kerinci tentang . Abdul Karim Jamak<sup>57</sup>.

1. Dr. H. Ismail Thaliby, beliau yang lahir di Kerinci 12 July 1935, dan pernah menjadi Dekan Fakulti Syariah Kerinci ini, mengemukakan bahawa Kh. Abd. Karim Jamak, merupakan seorang agamawan yang sederhana tetapi memiliki kemampuan menjelaskan ajaran Islam kepada umat. Meskipun latar belakang beliau bukanlah seseorang yang pernah

---

<sup>55</sup> Kustini dan Sulastris, Aliran/Faham Keagamaan dan Sufisme Perkotaan, (Jakarta : Puslitbang Kehidupan Keagamaan, 2009), cet. 1, 121

<sup>56</sup> Aswin Rose dan Syaikh Usman, Mengenang Ayahanda Kh. Abdul Karim Jamak, (Jakarta, DPP-Jam'iyatul Islamiyah, 1996), 4

<sup>57</sup> Informasi tentang pandangan ulama terhadap Karim Jamak, penulis lakukan temubual secara berasingan dan tempat serta waktu yang berbeza.

mendapat pendidikan tinggi sebagaimana kebanyakan yang lainnya. Selain itu prestasi perjuangan beliau masih nampak oleh generasi berikutnya, seperti murid-murid yang sukses dan berhasil dalam pelbagai pekerjaan. Dan persatuan serta kekompakannya masih wujud sebagaimana yang beliau wariskan sebelumnya<sup>58</sup>.

2. Drs. Kh. Abd. Kadir Yasin, lahir di Kerinci, 02 Januari 1934, bekas Ketua Majelis Ulama Indonesia (MUI) Kabupaten Kerinci, beliau memberikan pendapat yang berbeza dengan diatas, menurut beliau Kh. Abd. Karim Jamak, tak lebih dari alat politik, karena Karim Jamak tidak pernah belajar ilmu agama seperti seorang ulama besar, dan ia juga tidak memiliki kemampuan untuk menjelaskan ajaran Islam. Abdul Karim Jamak tidak pernah dididik secara formal ilmu agama sebagaimana pendidikan yang dimiliki ulama-ulama lain. Abdul Karim Jamak adalah tempat masyarakat belajar ilmu bela diri atau pencak silat dan tempat anak-anak muda belajar ilmu kebatinan<sup>59</sup>.
3. Drs. H. Martunus Wahab, M.PdI, lahir di Kerinci 10 Maret 1955, bekas Dekan Pakulti Tarbiyah, Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyah (STIT) Yayasan Pendidikan Islam Kerinci, menurut beliau tentang Kh. Abd. Karim Jamak adalah, seorang pelajar yang belajar secara bersendirian dengan orang tuanya, dan datuk-datuknya sehingga ilmu-ilmu asas tentang Islam mampu beliau huraikan dengan baik, sehingga beliau boleh jadi terkenal, itu juga kerana kematangan beliau menyediakan persoalan-

---

<sup>58</sup> Ismail Taliby, (Dr. H, Mantan Dekan Fakulti Syariah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2012,

<sup>59</sup> Abd. Kadir Yasin, (Kh. Drs, mantan Ketua Majelis Ulama Indonesia Kab. Kerinci, Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 01 Mei 2012,

persoalan agama yang mudah dipahami dan di terima oleh masyarakat. Meskipun masih ada yang beranggapan buruk tentang beliau<sup>60</sup>.

4. Prof. Dr. H. Yunasril Ali, lahir di Kerinci 30 Desember 1955, Pensyarah Universiti Islam Negeri Jakarta, yang pernah juga menjadi Ketua Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Kerinci, 2003-2007, berpendapat bahawa Kh. Abd Karim Jamak adalah seorang ulama yang terkenal dan mampu mengembangkan wawasan ilmu keislamannya hingga ke peringkat intelektual. Dengan melihat rialiti pengikut beliau hampir sudah me-nusantara. Termasuk beberapa kaum intelektual lainnya hingga ke peringkat perguruan tinggi. Ini menandakan bahawa besarnya pengaruh ajaran Islam yang disebarkan oleh Kh. Abd. Karim Jamak. Disamping itu khazanah dan wawasan keislamannya telah memperkenalkan dirinya setara dengan ulama-ulama lain dengan teori dan konsep yang dapat diterima<sup>61</sup>.
5. Drs. Kh. Jasrial Zakir, lahir di Kerinci tahun 1955, salah seorang Dewan Penasehat dan Pimpinan Majlis Ulama Indonesia (MUI) Kabupaten Kerinci, menjelaskan Kh. Abd. Karim Jamak merupakan seorang yang mampu menarik perhatian banyak orang dengan cara yang berbeza dengan pendekatan Islam sebenar, kerana beliau bukan pakar dibidang agama, tentu tidak sesuai ilmu yang diajarkan tersebut. Apalagi menyangkut dengan ilmu-ilmu yang sangat mendasar atau prinsip, seperti akidah, syari'ah, ibadah dan sebagainya. Kemasyhuran Kh. Abd. Karim Jamak disebabkan oleh kehebatannya untuk mendekatkan diri

---

<sup>60</sup> Martunus Wahab, (Drs, M.PdI, H, Ketua Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyah (STIT) Yayasan Pendidikan Islam Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 25 April 2012,

<sup>61</sup> Yunasril Ali, (Prof. Dr. MA, Dosen Universiti Islam Negeri Jakarta, dan bekas Ketua Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 28 Mei 2012,

dengan pemerintah/kerajaan yang berkuasa. Sehingga ia diberikan peluang untuk mengembangkan pengajiannya, meskipun demikian kehebatan beliau patut diberi penghargaan, kerana beliau telah berhasil membangun pengajian dengan jumlah pengikut yang ramai<sup>62</sup>.

6. Drs. H. Martunus Rahim, M.Ag, lahir di Kerinci, 18 September 1958, yang sekarang juga merupakan pembantu Ketua Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Kerinci dan Pimpinan Majelis Ulama Indonesia (MUI) Kerinci, berpendapat bahawa Kh. Abd Karim Jamak telah membuat Daerah Kerinci dikenali orang. Meskipun ada yang berpandangan bahawa ajaran yang disampaikan tersebut dianggap sesat oleh sebahagian masyarakat Kerinci. Tetapi dengan keteguhan dan keyakinannya pengajian Kh. Abd. Karim Jamak masih berlanjut sampai saat ini. Ini membuktikan bahawa pengaruh Kh. Abd. Karim Jamak merupakan seorang yang tidak mudah menyerah, bersemangat dan teguh dengan ilmu yang ia miliki. Selain itu Karim Jamak telah ikut memodenkan Islam dengan menggabungkan kegiatan pengajian dengan kegiatan seni lainnya, seperti lagu-lagu bernuansa Islam, disaat istirahat<sup>63</sup>.

7. Drs. Nusyirwan, M.PdI, yang lahir pada 1959, ia adalah intelektual muda Kota Sungai Penuh, sekarang sebagai Ketua Majelis Ulama Indonesia (MUI) Kota Sungai Penuh, memberikan penjelasan bahawa Abdul Karim Jamak, telah memperkenalkan Kabupaten Kerinci dan Sungai Penuh kepada daerah-daerah lain di Nusantara, melalui metode

---

<sup>62</sup> Jasrial Zakir, (Kiyai Haji Drs, Dewan Penasehat Majelis Ulama Indonesia Kota Sungai Penuh dan Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 03 Mei 2012,

<sup>63</sup> Martunus Rahim, (Drs, M.Ag, Ketua Umum Majelis Ulama (MUI) Kabupaten Kerinci dan Pembantu Ketua Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 10 Maret 2012,



dan pendekatan pengajian menurut cara beliau. Sehingga dengan teknik beliau tersebut bagi murid-murid nya menjadikan beliau sebagai seorang ulama terkemuka tanpa diragukan lagi. Bahkan kemasyhuran Karim Jamak menjadikan beliau dihormati dan dihargai oleh banyak kalangan diantara tokoh-tokoh nasional<sup>64</sup>.

Seiring dengan penjelasan diatas, huraian yang sama disampaikan oleh pelbagai Pimpinan Organisasi Islam di Kabupaten Kerinci, dan Kota Sungai Penuh, antara lain :

1. Dr. Ahmad Jamin. beliau adalah sebagai Pensyarah Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Kerinci. Ia juga salah seorang Pimpinan Daerah Muhammadiyah Kabupaten Kerinci. Menurut Ahmad Jamin, Abdul Karim Jamak adalah ulama yang gigih dan bersungguh-sungguh dalam mempelajari Islam dan mengembangkannya tanpa ada mengenal keletihan, membuat beliau dikenali hingga wilayah Nusantara, dengan bukti berdirinya beberapa cawangan di Negara ASEAN, seperti Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam bahkan dan Thailand serta Negara lainnya<sup>65</sup>.
2. Drs. Sulaiman Zen, MA, Ketua Syura Pimpinan Nahdatul Ulama (NU) Kabupaten Kerinci mengungkapkan bahawa Kh Abdul Karim Jamak, merupakan seorang insan yang diberi Allah SWT keistimewaan-keistimewaan, seperti cara beliau memberikan pengajian terhadap

---

<sup>64</sup> Nusyirwan, (Drs, M.PdI, Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia (MUI) Kota Sungai Penuh, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis 12 Juli 2012.

<sup>65</sup> Ahmad Jamin, (Dr. M.Ag, S.Ag, SIP, Pimpinan Daerah Muhammadiyah Kabupaten Kerinci, periode 2010 – 2015, Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 12 Juli 2012

pengikutnya yang dipandang mudah untuk dipahami. Cara mengamalkan Islam menurut pandangan beliau adalah dengan membuang segala bentuk kecemburuan dan penyakit hati yang sentiasa mempengaruhi pemikiran seseorang, menjauhi prasangka buruk terhadap orang lain. Meskipun beliau dianggap sebahaian ulama Kerinci yang controversial (berbeza) dengan ulama lain. tetapi beliau tetap bersemangat sehingga memberi kesan yang baik bagi jamaah beliau<sup>66</sup>.

3. Drs. Andi Suyub, M.PdI adalah Sekreteri Ikatan Sarjana Nahdatul Ulama (ISNU) Kota Sungai Penuh, memberikan pandangan tentang Karim Jamak adalah Karim Jamak sebagai tokoh yang unggul meskipun beliau dianggap kontradiktif di Kerinci, Karim Jamak memiliki kharismatik yang tinggi, sehingga tidak dapat disanggah bila beliau diminati dan diikuti oleh pelbagai golongan dalam masyarakat luas dan ia mampu membangun keyakinan keagamaan sesuai ilmunya. Meskipun ada sahaja yang beranggapan bahawa beliau dalam mengajarkan agama tidak sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh ulama-ulama lain<sup>67</sup>.
4. Drs. H. Bahrum Jalil, M.Ag, seorang tokoh masyarakat dan bekas Ketua Pimpinan Daerah Muhammadiyah Kabupaten Kerinci, mengungkapkan bahawa; patut diberi apresiasi kepada Kh. Abdul Karim Jamak, kerana beliau secara individual telah membangun pentadbiran Islam ke dalam sebuah organisasi yang besar dan berada sejajar dengan organisasi yang

---

<sup>66</sup> Sulaiman Zen, (Drs, MA, Ketua Syura Nahdatul Ulama Kabupaten Kerinci, Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 14 Juli 2012.

<sup>67</sup> Andi Suyub (Drs, M.PdI, Sekreteri Ikatan Sarjana Nahdatul Ulama Kota Sungai Penuh, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 14 Agustus 2012

ada di Negeara ini, iaitu Jam'iyatul Islamiyah. Kemudian usaha beliau dalam kegiatan dakwah telah ikut menyebar luas misi-misi Islam<sup>68</sup>.

5. Ko Fat yang nama Indonesiannya Efendi<sup>69</sup>, juga menyebutkan bahawa Abdul Karim Jamak merupakan seorang yang memiliki kelebihan dan keunggulan, baik dalam pergaulan mahupun menolong orang lain, Abdul Karim Jamak adalah seorang yang suka menolong sesama beliau tidak memandang dari etnis mana Ko Fat sebagai pakar atau tukang gigi tersebut, mengakui bahawa Karim Jamak mempunyai gigi berbeza dari orang biasa yakni 32 pasang.
6. Si Ho yang nama Indonesia Oyong Hendra, juga mengenali Abdul Karim Jamak, ia menyebutkan bahawa Karim Jamak merupakan seorang ulama yang kharismatik, menghormati dan menghargai keberadaan agama lain yang ada di Kota Sungai Penuh-Kerinci. Bahkan Karim Jamak semasa hidup selalu duduk bersama berbagi pengetahuan dalam bermasyarakat dan berkeluarga<sup>70</sup>.

Merujuk dari apa yang telah dikemukakan diatas, dapat dipahami bahawa apa yang telah dilakukan oleh Abdul Karim Jamak di Kabupaten Kerinci. Beliau berusaha menanamkan ajaran agama Islam kepada masyarakat dengan metod dakwah yang disebutkan dalam al-Quran. Semangat dan kesungguhan Karim

---

<sup>68</sup> Bahrum Jalil, (Drs, M.Ag, Ketua Umum Pimpinan Daerah Muhammadiyah Kabupaten Kerinci, Kerinci), dalam temubual dengan penulis 18 Agustus 2012

<sup>69</sup> Ko Fat atau Efendi, (82 th) seorang pakar gigi di Kerinci hingga sekarang, beliau sudah mengenal Abdul Karim Jamak semasa hidup, dan bergaul baik dan bahkan Abdul Karim Jamak sebelum meninggal, pernah memberikan kata-kata yang menurut Ko Fat adalah kata yang sangat asing baginya, kerana Abdul Karim Jamak datang ke Tokonya untuk meminta maaf kerana Ia tidak beberapa lama lagi akan meninggal dunia. Ko Fat semula tidak percaya dan beranggapan Abdul Karim Jamak bercanda, namun setelah beberapa hari berikutnya, Ko Fat mendapat berita dari keluarga Karim Jamak, tentang kewafatan beliau., Sungai Penuh, 12 Desember 2014, temubual penulis bersama orang yang dekat dengan Karim Jamak.

<sup>70</sup> Si Ho atau Oyong Hendra (61 th) adalah Tokoh Agama Katolik Kota Sungai Penuh, ia mengenali Abdul Karim Jamak semasa hidup, dan selalu bertemu dan berbagi pengalaman dalam menjalani kehidupan. Bahkan Abdul Karim Jamak merupakan orang yang menghargai agama lain. Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 12 Desember 2014

Jamak dirasakan oleh masyarakat dengan di dirikannya Masjid Baitul Ihklas Jam'iyatul Islamiyah Muara Perjuangan Jaya di daerah Kumun-Sungai Penuh dan Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah Kota Sungai Penuh. Perjuangan Karim Jamak ini mengingatkan bahawa keberhasilan para nabi serta penganjur kebaikan, selalu berhadapan dengan pelbbagai cabaran, pelbagai cara yang mereka lakukan yang akhirnya menghantar kepada keberhasilan mereka.

Abdul Karim Jamak tidak sekadar menyampaikan informasi tentang makna baik dan buruk. Tetapi beliau berazam untuk mewujudkan pemahaman serta perubahan positif yang dialukan-alukan oleh masyarakat.

## 2.7 Sumbangan dan Karya

Abdul Karim Jamak seorang yang sentiasa berfikir untuk kesejahteraan dan kemerdekaan umat. semenjak negara Indonesia dijajah oleh kolonial Belanda, beliau ikut berjuang menentang penjajah tersebut. beliau juga memberikan semangat kepada masyarakat dalam bentuk sosial, politik, ekonomi dan budaya yang menyangkut kehidupan masyarakat. Kemampuan beliau dapat dilihat dalam memotivasi masyarakat, tentang makna perjuangan. Hal ini merupakan faktor utama yang mengekspresikan diri beliau kepada masyarakat supaya agar mendapat pendidikan lebih baik, serta warga masyarakat semakin cerdas dan berwawasan.

Sumbangan dan perjuangan yang telah diberikan oleh Abdul Karim Jamak dalam dunia Islam dapat dilihat dari tiga perkara yakni;

Pertama, Pentadbiran,

Kedua, Kegiatan dalam penyiaran dan  
Ketiga, Pendidikan Islam.

Ketiga faktor ini telah dilaksanakannya, semenjak beliau mendirikan Masjid yang besar untuk menerima pengikut atau murid-muridnya. Di masjid<sup>71</sup> ini, Abdul Karim Jamak menunjukkan bahawa betapa mulia dan tinggi ajaran Islam dalam bentuk, akidah, syariah dan akhlak dipelajari dengan baik. Sehingga dengan sendirinya karismatik Abdul Karim Jamak diterima oleh masyarakat Islam.

Abdul Karim Jamak memiliki semangat kepemimpinan yang karismatik<sup>72</sup> yang dapat diketahui melalui bidang akidah, syariah dan akhlak Islam bersifat murni, baik dalam isinya mahupun prosesnya. Yang diyakini dan diakui sebagai Tuhan yang wajib disembah hanya Allah. Penanaman keyakinan tersebut tidak boleh diberikan kepada umat diluar Islam<sup>73</sup>.

Abdul Karim Jamak sangat berhati-hati dan bersungguh-sungguh mengajarkan kepada murid-murid beliau di masjidnya tentang akidah. Beliau berpendapat bahawa akidah dalam Islam meliputi keyakinan dalam hati tentang Allah yang wajib disembah, ucapan melalui lisan dalam bentuk dua kalimat syahadah, serta perbuatan dengan amal yang soleh<sup>74</sup>. Perjuangan Abdul Karim Jamak dalam mentadbir dan melaksanakan penyiaran agama, serta pendidikan Islam

---

<sup>71</sup> Masjid Baitul Ikhlas Muara Perjuangan Jaya Jam'iyatul Islamiyah dan Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah, yang berada di Kota Sungai Penuh, dahulunya adalah Kabupaten Kerinci

<sup>72</sup> Husni Adham Jarror, menjelaskan karismatik Islam, adalah seseorang yang memiliki kepribadian yang halus, aqidahnya lurus, terpuji akhlaknya, benar dalam beribadah, kuat fisiknya, memerangi nafsu dan menundukkannya, 1991, *Adda'wah Ilal Islam, Mafahim wa Minhaaj wa Waajibat*, terj. Abu Pahmi, Jakarta, Gema Insani, cet. 3, 1991), 71-79

<sup>73</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Da'ī Jam'iyatul Islamiyah, penerus Abdul Karim Jamak menjalankan aktifitas Pengajian di Kerinci dan cawangan lain di Indonesia, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 23 Maret 2011

<sup>74</sup> Abdul Karim Jamak, *op.cit.*, 5

ini merupakan salah satu misi beliau dalam menerapkan ajaran Islam. Sumbangan tersebut dapat diperjelaskan sebagai berikut;

### 2.7.1 Kegiatan Pentadbiran

Abdul Karim Jamak melihat bahawa dalam al-Quran sudah dijelaskan manusia yang diciptakan oleh Allah terdiri dari berbilang kaum, dari kaum-kaum tersebut manusia diperintahkan untuk saling mengenal antara satu dengan yang lain walaupun berbeza keyakinan. Dalam upaya pentadbiran Islam, Abdul Karim Jamak sangat menghormati keberadaan kaum-kaum lain, sepanjang tidak merusak akidah umat. Dengan memperhatikan firman Allah s.w.t

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا  
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Al-Hujurāt 49 : 13

Terjemahan : Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Menurut Abdul Karim Jamak, ayat tersebut menjelaskan antara manusia diikat dengan tali persaudaraan dan saling mengasihi tidak ada perbezaan kedudukan. Mereka mempunyai kedudukan yang sama. Meskipun ada perbezaan antara manusia yang berbeza bangsa, warna kulit dan agama itu, satu-satunya perbezaan ialah ketakwaan atau perbuatan baiknya. Orang yang bertakwa, dengan kata lain, ialah yang banyak perbuatan baiknya mereka itulah yang berkedudukan lebih tinggi<sup>75</sup>.

Abdul Karim Jamak dengan cara pentadbirannya<sup>76</sup>, mengembangkan dasar persamaan, persaudaraan dan kebebasan manusia dari kekurangan, kebebasan dari rasa takut, kebebasan mengeluarkan pendapat, kebebasan bergerak dan kebebasan dari kezaliman. Disinilah manusia akan merasakan adanya hak hidup, hak memiliki harta benda, hak untuk mendapat pendidikan, hak berbicara, hak berfikir, hak mendapat pekerjaan, hak memperoleh keadilan, hak persamaan, hak berkeluarga dan hak-hak yang lainnya.

Seni pentadbiran Abdul Karim Jamak tidak ada bezanya dengan kebijakan sebuah kerajaan yang baik, agar semua program, cita-cita dan harapan yang ditetapkan dapat berjalan dengan sempurna, kemudian pengaturan organisasi hendaknya dapat memecahkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh anggota atau jamaah didalamnya. Seiring dengan pandangan Karim Jamak, dijelaskan pula oleh Thomas S. Kuhn, menyatakan bahawa paradigma merupakan suatu cara pandang,

---

<sup>75</sup> Abdul Rasyid Jamak (Da'I Jam'iyatul Islamiyah), dalam temubual dengan penulis 23 Maret 2011

<sup>76</sup> Ali Zuriyat, (anak kandung Abdul Karim Jamak, semasa hidup beliau sentias mengikuti pengajian ke semua cawangan Jam'iyatul Islamiyah di Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh) dalam temubual dengan penulis 22 Januari 2005

nilai-nilai, metode-metode, prinsip dasar atau cara memecahkan suatu masalah, yang dianut suatu masyarakat ilmiah pada suatu masa tertentu<sup>77</sup>.

Usaha Abdul Karim Jamak merupakan satu keberhasilan dalam memimpin sebuah organisasi besar dengan memiliki kecakapan dan teknik yang terarah. Pengaturan seperti ini pernah didefinisikan oleh John M Pfiffner dan Robert V Presthus; *In sum, public administration is a process concerned with carrying out public policies, encompassing innumerable skills and techniques larga numbers of people*<sup>78</sup>. (secara global adalah suatu proses yang bersangkutan dengan pelaksanaan kebijakan-kebijakan pemerintah, pengarahan kecekapan dan teknik-teknik yang tidak terhingga jumlahnya, memberikan arah dan maksud terhadap usaha sejumlah orang). pendapat lain tentang pengaturan dijelaskan pula oleh Felix A Nigro dan Lloyd G. Nigro; *Public Administration is cosely associated with numerous private groups and individuals in providing services to community*<sup>79</sup>. (Pengaturan sangat berkaitan dengan pelbagai macam kelompok swasta dan perorangan dalam menyajikan pelayanan kepada masyarakat).

Abdul Karim Jamak, menurut murid beliau<sup>80</sup> sangat sesuai menempati dan diangkat sebagai pemimpin mereka. Bahkan dalam pembentukan dan melahirkan organisasinya tersebut Abdul Karim Jamak adalah berkedudukan sebagai “Pembina Tunggal”. Artinya segala kebijakan organisasi adalah berdasar petunjuk dan keputusannya. Melihat perkembangan dan amanah kepemimpinan yang diberikan oleh masyarakat kepada Abdul Karim Jamak, tentu bersesuaian dengan persyaratan

---

<sup>77</sup> Lihat Thomas S. Kuhn, *The Structure Revolutions*, (Cicago; University Press, 1970).

<sup>78</sup> John Pfiffner dan Robert V Presthus, *Public Administration*, (New York; The Ronald Press Company. 1960), h, 6

<sup>79</sup> Felix A. Nigro dan Lloyd G. Nigro, *Modern Public Administration*, (New York; Harper and Publishers, 1970), h, 21

<sup>80</sup> Basrul Jamil, Yem Purna, Zulam Anwar, Asnadi Anas ( adalah murid setia Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 25 Maret 2011



yang diketengahkan oleh al-Mawardi, seperti ia mensyaratkan kecekapan atau kelayakan untuk dipilih sebagai pemimpin itu mencakup 7 syarat;

1. Adil dengan syarat-syarat yang universal
2. Ilmu yang membuatnya mampu berjihad terhadap kes-kes dan hukum-hukum
3. Sehat inderawi (telinga, mata dan mulut) hingga ia mampu menangani langsung permasalahan yang telah diketahuinya
4. Sehat anggota tubuh badan dari cacat yang menghalanginya bertindak dengan sempurna dan cepat
5. Wawasan yang membuat ia mampu melindungi wilayah Negara dan melawan musuh
6. Nasab iaitu berasal dari Quraisy berdasarkan nash-nash yang ada dan ijma' para ulamak<sup>81</sup>.

Selanjutnya al-Mawardi menambahkan pula, bahawa orang-orang yang memilih pemimpinnya itu juga harus memenuhi syarat-syarat; adil dengan segala syarat-syaratnya, ilmu yang membuatnya mampu mengetahui siapa yang berhak menjadi imam atau khalifah sesuai dengan syarat-syaratnya, wawasan dan sikap bijaksana yang membuatnya mampu memilih siapa yang paling tepat menjadi imam dan paling efektif, serta paling ahli dalam mengelola kepentingan<sup>82</sup>.

Pandangan al-Mawardi tersebut, telah diamalkan Abdul Karim Jamak dalam memimpin organisasi yang beliau dirikan. Bagi murid Abdul Karim Jamak beliau sangat sesuai memimpin mereka, kerana Abdul Karim Jamak adalah orang sehat,

---

<sup>81</sup> Imam al-Mawardi, *Al-Ahkam As-Sulthaniyyah*, (Beirut; Darul Fikr, 1380/1960), cet. 1, h, 6  
<sup>82</sup> al-Mawardi, Loc.cit, h, 6

berwawasan dan dapat menjaga hati masyarakat terhadap apa yang dilaksanakannya.

Abdul Karim Jamak telah membesarkan organisasinya<sup>83</sup>, sebagai pemimpin dan imam, ia melahirkan perwakilan-perwakilan pada daerah-daerah yang memberikan simpatik dan sokongan terhadap program dakwahnya, untuk menyebar luaskan ajaran Islam menurut persepsinya, sehingga organisasi tersebut menjadi alat pergerakan sehingga dapat menyebar hampir diseluruh wilayah Indonesia. Abdul Karim Jamak berkeyakinan organisasinya ini sederajat dengan organisasi lain yang ada di Indonesia. Seperti Muhammadiyah, Nahdatul Ulama, al-Wasliyah, Tarbiyah Islamiyah dan Persatuan Tariqad Indonesia dan yang lainnya.

Menurut Abdul Karim Jamak, organisasi adalah perserikatan yang terpadu antara seseorang untuk sebuah keberhasilan bersama, yang dirumus secara bersama, kemudian juga menjelaskan bahwa organisasi adalah alat untuk menyatukan jamaah untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan terbaik yang dapat memberikan manfaat bagi orang lain<sup>84</sup>.

Pandangan Abdul Karim Jamak tentang organisasi, juga dikemukakan oleh ilmuwan lain yang memberikan beberapa pemahman tentang organisasi, diantaranya adalah; James D. Mooney, ia menyatakan, organisasi adalah sebagai bentuk setiap perserikatan orang-orang untuk pencapaian suatu tujuan bersama<sup>85</sup>. Hal ini dalam berorganisasi yang harus diperhatikan dan dijaga, dari pandangan Karim Jamak

---

<sup>83</sup> Lihat Arsif Jam'iyatul Islamiyah, Dewan Pimpinan Daerah Kabupaten Kerinci, dan struktur/carta organisasi kepengurusan.

<sup>84</sup> Zuhadi Karim, (Ir, Anak kandung Karim Jamak, beliau juga Ketua Jam'iyatul Islamiyah Kota Sungai Penuh), dalam temubual penulis, 25 Maret 2012

<sup>85</sup> Lihat, James D. Mooney, *The Principles of Organization*, New York; Harper & Brothers Publishers. 1954. Dan John D. Millet, menjelaskan dalam bukunya; *Management in The Public Service*, organisasi adalah sebagai kerangka struktur di mana pekerjaan dari beberapa orang diselenggarakan untuk mewujudkan suatu tujuan bersama, 1954, New York; McGraw Hill Book Co.Inc.

adalah selalu dan tetap kukuh dan bersatu. Jangan sekali-kali memberikan peluang untuk perpecahan. Kerana ajaran Islam tidak menyukai perpecahan itu<sup>86</sup>.

Sebagaimana dalam al-Quran telah disebutkan;

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Āli-Imrān 3 : 105

Terjemahan : Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (Yahudi dan Nasrani) Yang telah bercerai-berai dan berselisihan (dalam ugama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan Yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah), dan mereka Yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa Yang besar.

Bagi Abdul Karim Jamak<sup>87</sup>, agama yang diajarkan kepada manusia sesuai dengan gambaran yang diciptakan Tuhan, iaitu ajaran yang menyatukan umat, terhindar dari segala bentuk perbezaan yang dapat memecah-belahkan persatuan.

Abdul Karim Jamak telah menghuraikan kedudukan organisasi bagi umat. Organisasi juga dapat menumbuhkan kesedaran bagi manusia dari asal mula diciptakan. Kerana manusia sendiri diciptakan dalam fitrah yang sama. Sifat hukum agama sendiri melandasi pertumbuhan atau kepribadian manusia. hal tersebut telah diatur Tuhan dengan memberikan kemungkinan kepada manusia untuk berkembang mencapai suatu peringkat yang lebih dimuliakan, agar dapat mencapai suatu tahap kearifan tertinggi, yang merupakan asas agama yang benar dalam Islam.

---

<sup>86</sup> Ali Zuriyat, (anak kandung Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 20 Januari 2004  
<sup>87</sup> Abdul Rasyid Jamak ( Da'ī Jam'iyatul Islamiyah, beliau juga adik kandung Abdul Karim Jamak yang meneruskan pengajian di Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah, Sungai Penuh) dalam temubual dengan penulis, 23 Maret 2011

## 2.7.2 Kegiatan Penyiaran Agama

Abdul Karim Jamak berkeyakinan, bahawa Allah yang menentukan, membimbing atau membiarkan siapa sahaja yang dikehendakinya. Allah s.w.t maha mengetahui sesiapa hambanya yang mampu menerima hidayah Islam dan mengetahui siapa yang ingkar.

Dalam al-Quran dijelaskan :

فَإِنْ أَعْرَضُوا فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا إِنَّ عَلَيْكَ إِلَّا الْبَلَاغُ وَإِنَّا إِذَا أَذَقْنَا الْإِنْسَانَ

مِنَّا رَحْمَةً فَرِحَ بِهَا وَإِنْ تُصِيبُهُمْ سَيِّئَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ فَإِنَّ الْإِنْسَانَ كَفُورٌ ﴿٤٨﴾

Al-Syūrā 42 : 48

Terjemahan : Oleh itu, jika mereka berpaling ingkar, maka Kami tidak mengutusmu (Wahai Muhammad) sebagai Pengawas terhadap mereka; tugasmu tidak lain hanyalah menyampaikan (Apa Yang diperintahkan kepadamu). dan (ingatlah) Sesungguhnya apabila Kami memberi manusia merasai sesuatu rahmat dari kami, ia bergembira dengannya; dan (sebaliknya) jika mereka ditimpa sesuatu kesusahan disebabkan dosa-dosa Yang mereka lakukan, maka (Mereka segera membantah serta melupakan rahmat Yang mereka telah menikmatinya, kerana) Sesungguhnya manusia itu sangat tidak mengenang nikmat-nikmat Tuhannya.

Kemudian dalam ayat lain disebutkan lagi:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَأَمَنَّ مِنَ فِي الْأَرْضِ كُلَّهُمْ جَمِيعًا أَفَأَنْتَ تُكْرِهُ النَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ

Yūnus 10 : 99

Terjemahan : Dan (bukanlah tanggungjawabmu Wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman), jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia Yang ada di bumi. (janganlah Engkau bersedih hati tentang kedegilan orang-orang Yang ingkar itu; kalau Tuhan tidak menghendaki) maka Patutkah Engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang Yang beriman?.

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ

أَسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Al-Baqarah 2 : 256

Terjemahan : Tidak ada paksaan Dalam ugama (Islam), kerana Sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). oleh itu, sesiapa Yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka Sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) Yang teguh Yang tidak akan putus. dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.

Abdul Karim Jamak dalam menyebarkan agama Islam melaksanakannya sesuai pedoman yang disebutkan dalam al-Quran. Beliau menyatakan penyiaran agama Islam merupakan sebuah ajakan yang tujuannya boleh dicapai hanya dengan persetujuan individu tanpa adanya paksaan<sup>88</sup>.

<sup>88</sup>

Audal Amlı, (Drs, Da'i Jam'iyatul Islamiyah dan sekarang sebagai Ketua Jam'iyatul Islamiyah Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh), dalam temu bual dengan penulis, 25 Desember 2012

Hal tersebut memberi makna, Abdul Karim Jamak menanamkan keyakinan kepada seseorang memerlukan proses, yang bertahap dengan pelbagai pendekatan, dalam maksud lain adalah tidak ada unsur pemaksaan .sebagaimana yang telah dijelaskan dalam ayat sebelumnya, melainkan dengan kesedaran dan keinsafan manusianya.

Seiring dengan konsep penyiaran Islam yang dilaksanakan oleh Abdul Karim Jamak dengan ulama-ulama dan pendakwah yang lain tentang cara berdakwah yang harus dilakukan oleh seorang pendakwah. Seperti M. Natsir yang menyebutkan Agama adalah suatu petunjuk tidak seorangpun yang mampu memberi atau memaksa. Dakwah hanya terbatas pada media informative. Kita hanya ingin mencoba bahawa “agama adalah pesan”(al-din- al-nasihat)<sup>89</sup>. Dijelaskan lagi oleh Nurchalis Madjid; pendakwah hanyalah perantara, penyampai tidak lebih dari itu. Tugas Nabi Muhammad s.a.w pun tidak lebih daripada menyampaikan, iaitu memberi tahu, memperingatkan dan membimbing manusia. keberhasilan atau kegagalan dakwah bukanlah tanggung jawabnya, melainkan tanggung jawab Allah<sup>90</sup>. Hamka pula menjelaskan masyarakat tidak dipaksa buat menerima dakwah, tetapi mereka diajak mendengar. Baik dia raja kuasa, atau dia miskin papa. Sebab sama keadaan datang mereka ke dunia, sama-sama tidak mempunyai apa-apa, dan sama keadaan perginya dari dunia, sama-sama tidak membawa apa-apa<sup>91</sup>. A. Hasjmy, juga mengemukakan bahawa tujuan dakwah adalah membentangkan jalan Allah diatas bumi agar dilalui umat manusia<sup>92</sup>.

---

<sup>89</sup> M. Natsir, Fiqhud Dakwah, (Jakarta; Yayasan Capita Selecta, 2000), cet.10, h, 123

<sup>90</sup> Nurchalis Madjid, Beberapa Renungan tentang Kehidupan Keagamaan untuk Generasi Mendatang, Jurnal Kebudayaan dan Peradaban Ulumul Quran, Vol.IV. No.1 1993

<sup>91</sup> Hamka, Pandangan Hidup Muslim, (Jakarta; Bulan Bintang, 1992), cet. IV, h, 241

<sup>92</sup> A.Hasjmy, Dustur Dakwah menurut Al-Quran, (Jakarta; Bulan Bintang, 1994), h, 18

Abdul Karim Jamak dalam menyiarkan Islam, sebagai agama dakwah, menggunakan metode yang efektif, merujuk kepada al-Quran:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ

هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Al-Nahl 16 : 125

Terjemahan : Sserulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah Dengan mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang Yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang-orang Yang mendapat hidayah petunjuk.

Abdul Karim Jamak adalah orang yang berpengalaman dalam menguruskan sesuatu pentadbiran berorganisasi, semenjak ia bergabung dengan beberapa organisasi dakwah Islam di Indonesia, dari pengalaman ini beliau mampu mendirikan organisasi dakwah, organisasi dakwah yang ia dirikan sendiri inilah yang sekarang masih tumbuh dan hidup serta mampu memberikan sokongan terhadap kegiatan-kegiatan keagamaan di Indonesia dan Kabupaten Kerinci. Yang beliau beri nama "**Jam'iyatul Islamiyah**". berawal dari organisasi ini Abdul Karim Jamak memahami, inilah perintah al-Quran tentang menyiarkan Islam kepada umat manusia melalui organisasi dakwah. Firman Allah s.w.t menjelaskan;

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Āli- ,Imrān 3 : 104

Terjemahan : Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak Yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik, serta melarang daripada Segala Yang salah (buruk dan keji). dan mereka Yang bersifat demikian ialah orang-orang Yang Berjaya.

Ayat diatas, dijelaskan oleh Abdul Karim Jamak, dengan memberikan pemahaman bahawa menyiarkan ajaran agama Islam, semestinya dilakukan dengan bentuk jamaah, atau secara berkelompok Agar masyarakat Islam lebih kuat dan bersatu-padu dalam menegakkan amar maruf serta mencegah nahi munkar.

Abdul Karim Jamak selanjutnya berpesan kepada pendakwah, terutama yang berada dalam Jam'iyatul Islamiyah supaya menjaga persatuan, menjalankan tanggung jawab kepada dirinya, kepada keluarganya dan kepada masyarakatnya, untuk menunjukkan kejujuran dan keikhlasan di dalam memperjuangkan nilai-nilai ajaran Islam dan sentiasa berusaha menegakkan pekerjaan amar ma'ruf dan mencegah dari perbuatan yang keji<sup>93</sup>.

Abdul Karim Jamak dapat dilihat bahawa beliau adalah seorang yang tidak pernah berhenti memberikan pesan yang baik kepada masyarakat Islam, agar terus

<sup>93</sup> Basrun Jamil, (Drs, murid Abdul Karim Jamak dan Pendakwah Jam'iyatul Islamiyah, Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh) dalam temubual dengan penulis, 24 Maret 2012



melaksanakan dakwah Islamiah. Kerana dakwah merupakan kewajipan masyarakat Islam untuk saling mengingatkan kepada jalan Allah s.w.t.

### 2.7.2 Kegiatan Pendidikan

Ramai masyarakat Kabupaten Kerinci yang beranggapan bahawa, sangat mustahil Abdul Karim Jamak memiliki kemampuan dalam dunia pendidikan. Kerana melihat kepada latar belakangnya sendiri yang tidak pernah menuntut ilmu agama di institusi pendidikan secara formal. Keraguan yang ditujukan kepadanya, ternyata tidak membuat Abdul Karim Jamak surut dengan cita-cita dan harapannya. Bagi Abdul Karim Jamak pendidikan merupakan asas utama dalam pencapaian kesuksesan. Pendidikan juga boleh membuat seseorang terhindar dari buta huruf dan merdeka dari penjajahan dan penindasan apapun. Abdul Karim Jamak juga sangat demokrasi dan terbuka terhadap sesuatu yang boleh membantunya dalam pencapaian kemajuan bersama<sup>94</sup>.

Seiring dengan pikiran Abdul Karim Jamak, Thomas Jefferson berpendapat tentang kemerdekaan, sebagai kemungkinan untuk memilih dan menjalankan pilihan. Kerananya mahkota keberhasilan masyarakat modern adalah ketika ia merasa merdeka dengan pilihannya, tanpa intervensi orang lain. Merdeka dalam erti bebas memilih dan menentukan pilihannya<sup>95</sup>.

---

<sup>94</sup> Aswin Rose, 2011, Ketua Umum Jam'iyatul Islamiyah Jakarta (DPP), dan beliau juga merupakan murid Kh. Abdul Karim Jamak. Temubual penulis dengan beliau ketika mengikuti seminar tentang Ja'iyatul Islamiyah di Universiti Islam Riau, dengan thema "Menemukan Identiti Muslim Yang Hilang"

<sup>95</sup> J.E. Goldthorpe, *The Sociology of The Third World*, terj, Sukadijo, Sosiologi Dunia ke Tiga, (Bandung ; Gramedia, 1992), cet.2, h, 17

Begitu pula berdemokrasi dalam mengembangkan pendidikan, ia tidak melihat dari sisi kekeluargaan, namun sesiapa sahaja yang dapat bekerja dengan baik serta boleh memajukan pendidikan dalam organisasinya, Abdul Karim Jamak sangat menghormati dan menerimanya sebagai pendidik ataupun sebagai pendakwah.

Abdul Karim Jamak mengemukakan perintah Allah s.w.t tentang pentingnya pendidikan tersebut, sebagaimana disebutkan:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ أَلَمْ يَكُنْ الْأَكْرَمُ

الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

al-.,Alaq 96 : 1-5

Terjemahan : Bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk), ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui Pena dan tulisan, . ia mengajarkan manusia apa Yang tidak diketahuinya.

Abdul Karim Jamak meskipun tidak mendirikan pondok seperti ulama-ulama lain, akan tetapi ia tetap berusaha bagaimana menciptakan dan membangun potensi dan sumber daya murid-muridnya di Masjid Raya<sup>96</sup> yang didirikannya itu. Di Masjid Raya ini pula ia mengajarkan agama Islam kepada anak didiknya dan mempraktek ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari. Namun kegiatan mulia

<sup>96</sup> Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah adalah masjid yang didirikan sendiri oleh Abdul Karim Jamak, oleh masyarakat Kerinci masjid tersebut disebut masjid Hijau, kerana warna masjid Karim Jamak diberikan cat hijau. Istilah masjid hijau, sudah begitu dikenali di Kerinci. Lihat akte pendirian Masjid dalam arsip Jam'iyatul Islamiyah, Dewan Pimpinan Daerah Kabupaten Kerinci

Abdul Karim Jamak ini, ternyata masih diragukan oleh banyak kalangan seperti beberapa ulama<sup>97</sup> di Kabupaten Kerinci.

Melalui Masjid, Abdul Karim Jamak mendidik dan menanamkan disiplin agama kepada murid-muridnya, baginya disiplin adalah kunci kejayaan sebab dalam disiplin akan tumbuh sifat yang teguh dalam memegang prinsip, tekun dalam usaha, pantang mundur dalam menegakkan kebenaran dan rela berkorban untuk kepentingan agama dan jauh dari sifat putus asa<sup>98</sup>. Dalam banyak pertemuan, Abdul Karim Jamak sentiasa menekankan kepada anak didiknya, bahawa betapa pentingnya disiplin tersebut, apatah lagi disiplin belajar, yang besar pengaruhnya dalam kehidupan, baik dalam kehidupan pribadi, berkeluarga dalam kehidupan masyarakat mahupun dalam kehidupan berbangsa dan bernegara<sup>99</sup>.

Masjid sebagai tempat menerima manusia untuk mendapatkan pendidikan, merupakan idea cemerlang Abdul Karim Jamak agar peserta didiknya mengenal nilai-nilai hidup serta identiti diri yang bermasyarakat dan bermartabat. Seiring dengan konsep yang dimiliki Abdul Karim Jamak tersebut, Abdurrahman ar-Rahlawi, mengemukakan implikasi masjid sebagai lembaga pendidikan Islam, diantaranya;

1. Mendidik anak untuk tetap beribadah kepada Allah
2. Menanamkan rasa cinta pada ilmu pengetahuan dan menanamkan kebersamaan, serta menyadarkan hak-hak dari kewajiban-kewajibannya sebagai insan pribadi, sosial, dan warga Negara

---

<sup>97</sup> Seperti yang disebutkan dalam pandangan ulama Kerinci sebelumnya, dalam bab ini.

<sup>98</sup> Zuhadi Karim, (Ir, H, Ketua Jam'iyatul Islamiyah Kota Sungai Penuh, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 12 Maret 2012

<sup>99</sup> Basrun Jamil, (Drs, Da'I Jam'iyatul Islamiyah Kota Sungai Penuh dan Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 12 Maret 2012

3. Memberi rasa ketenangan, kekuatan dan kemakmuran potensi-potensi ruhani manusia melalui pendidikan kesabaran, keberanian, kesadaran, optimisme dan penyelenggaraan penelitian<sup>100</sup>.

Selanjutnya, salah seorang sarjana Hadari Nawawi menjelaskan pula bahawa berhubung kait dengan pemanfaatan masjid secara maksimal dalam mendidik, orang tua dan pendidik lainnya dapat bersama-sama melakukan kegiatan sebagai berikut;

1. Menjadikan masjid sebagai langkah awal untuk memasuki kehidupan sehari-hari
2. Menjadikan masjid sebagai penutup kesibukan sehari-hari menjelang tidur
3. Menjadikan masjid sebagai tempat untuk mempererat silaturahmi antar sesama muslim
4. Menjadikan masjid sebagai tempat membina akhlak dan memahami nilai-nilai kehidupan, pengetahuan agama dan mempersiapkan kader-kader muslim yang unggul<sup>101</sup>.

Abdul Karim Jamak sangat tegas dalam menyampaikan ajaran agama Islam kepada murid-muridnya, di masjid yang telah didirikan tersebut, beliau mengajarkan kepada mereka etika dan cara menjalankan aktifitas ibadah, dengan disiplin tersebut; adanya usaha beliau menanamkan keyakinan agar murid-muridnya

---

<sup>100</sup> Abdurrahman Ar al-Rahlawi, *Asul al Tarbi ah Al-islam wa Asalibuha*, (Beirut; Darl Fikri, 1979), 13

<sup>101</sup> Hadari Nawawi, *Pendidikan Dalam Islam*, (Surabaya; Al-Ikhlash, 1993), h, 207

berpegang teguh kepada ajaran Islam dengan patuh kepada Allah dan Rasul-Nya, baik berupa perintah atau yang dilarangnya, mahupun ajaran yang bersifat menghalalkan, menganjurkan amalan sunnah dan makruh<sup>102</sup>. Kemudian menanamkan sikap teguh berdasarkan cinta kepada Allah, bukan kerana rasa takut atau terpaksa. Maksud cinta kepada Allah adalah sentiasa taat kepadaNya<sup>103</sup>.

Firman Allah s.w.t

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Āli –,Imrān 3 : 31

Terjemahan : Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Ibadah secara garis besar dapat dikaregorikan menjadi dua, iatu; ibadah *Mahdah* (murni), ibadah yang langsung berhubungan dengan Allah. Dan ibadah *Ghaira Mahdah* (selain mahdah), yang tidak langsung dipersembahkan kepada Allah melainkan melalui hubungan sesama manusia.

Abdul Karim Jamak dalam kaitan ini diketahui menjelaskan bahawa ia sangat yakin dan optimis dalam hidupnya. Ia yakin bahawa Allah akan menolong dan mengarahkan hidupnya. Semua yang ada di alam ini mutlak dalam kekuasaan Allah, bukan kekuasaan manusia, bagi Karim Jamak percuma sahaja sekolah tinggi, luas pengetahuan, memiliki pelbagai gelar yang disandang, bila semua itu tidak

<sup>102</sup> Lihat Buku Pedoman, Jam'iyatul Islamiyah, Dewan Pimpinan Pusat, 2010

<sup>103</sup> Basyrun Jamil, (Dai Jam'iyatul Islamiyah Kota Sungai Penuh dan Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 20 Maret , 2012

menjadikannya taat kepada Allah. Abdul Karim Jamak menyatakan. dengan mengenal Allah ia akan merasa ditatap, di dengar dan diperhatikan selalu. Inilah kenikmatan hidup yang sebenarnya. Hidup pun menjadi indah, tenang, aman dan bahagia<sup>104</sup>.

Keberanian dan kesungguhan yang dimiliki Abdul Karim Jamak, dalam mendidik dan mengajarkan ilmu agama Islam tersebut, ternyata bukannya mendapat penghargaan dari masyarakat Kerinci setempat, malah ini dijadikan salah satu sumber kecurigaan, dan punca masalah. Dengan pertimbangan perasaan dan pemusuhan disinilah munculnya beberapa tanggapan yang buruk terhadap kegiatan keagamaan beliau.

Hal ini dikeranakan oleh pelbagai pandangan, yang lebih khusus adalah berkaitan dengan pendidikan yang beliau miliki. Karim Jamak yang tidak bersekolah. Sehingga tidaklah hairan adanya Keputusan Komisi B tentang Fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) periode 1996-2001. Yang menyimpulkan ajaran karim Jamak adalah Sesat dan bahkan syirik serta melakukan penyimpangan-penyimpangan dari asas ajaran Islam yang dianut di Indonesia<sup>105</sup>.

Selain itu, yang juga dianggap sesat oleh Majelis Fatwa tentang ajaran Abdul Karim Jamak adalah tentang konsepnya terhadap Muhammad Rasulullah s.a.w; Abdul Karim Jamak berpendapat bahawa<sup>106</sup>:

1. Muhammad bin Abdullah (Nabiy al-Ummi) telah meninggal dunia dan kuburannya di Madinah

---

<sup>104</sup> Basrun Jamil, (Drs, Da'I Jam'iyatul Islamiyah Kota Sungai Penuh dan Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 20 Maret 2012

<sup>105</sup> Majelis Ulama Indonesia, Himpunan Khutbah Jumat, jilid 12, (Jambi, Gedung Islamic Centre, 1996), 141-147

<sup>106</sup> Majelis Ulama Indonesia, 1996, Ibid., 143

2. Muhammad Abdi Rasulullah yang tidak laki-laki dan bukan perempuan, tidak binasa dan makamnya di Ka'bah.

Pemikiran Abdul Karim Jamak tentang Muhammad Abdi Rasulullah itu abadi tidak binasa, tidak mati dan berada pada diri kita masing-masing. Jika direnungkan maka pemikiran Abdul Karim Jamak tersebut merupakan sebuah bentuk pemikiran yang sangat maju, kerana baginya, seorang nabi bukan dipandang dari fisikal akan tetapi nabi dalam kacamata ruh. Konsep ini menurut anak beliau<sup>107</sup>, jika hal tersebut dibahas dalam dunia akademik atau didiskusikan dengan akal yang jernih, tanpa ada pemiikiran buruk, hal seperti itu belum dipandang sebagai sebuah kesesatan. Dan bahkan itu merupakan pembentukan khazanah dan wawasan umat, dan tidak bermaksud untuk menyesatkan. Pendapat yang diketengahkan oleh anaknya tersebut bukan merupakan sebuah pembelaan terhadap ayahnya, melainkan itu adalah konsep yang diajarkan ayahnya kepada murid-murid beliau.

Diantara murid beliau Azhar Irsyad<sup>108</sup>, mantan Rektor Universiti Islam Negeri Makasar, menyatakan bahawa Karim Jamak tidak hanya melihat ajaran nabi yang diajarkan oleh bentuk zahir seseorang, tetapi lebih mendalam ia memandang bahawa bagaimana ajaran Islam yang masih kuat dan kukuh di amalkan oleh umatnya, tanpa ada kehadiran jasad kenabian itu. Inilah yang paling penting adanya keyakinan kehadiran nabi dan keyakinan tentang amalan yang dikerjakan seakan masih dilihatnya dan disaksikan oleh Allah s.w.t.

---

<sup>107</sup>

<sup>108</sup>

Ali Zuriyat, (anak kandung Karim Jamak) dalam temubual dengan penulis, 20 Januari, 2004

Azhar Arsyad, (Prof, Dr, H, MA, adalah salah seorang murid Karim Jamak, beliau merupakan seorang Rektor Universiti Islam Negeri Makasar, sekarang beliau dipercakan sebagai Ketua Umum Jam'iyatul Islamiyah Pusat atau Dewan Pimpinan Pusat(DPP) yang berkedudukan di Jakarta. Temu bual penulis dengan beliau ketika beliau memberikan kuliah/pengajian kepada jamaah yang ada di Kabupaten Kerinci pada tahun 2011. Di Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah, Sungai Penuh.

Oleh Puslitbang Kehidupan Keagamaan<sup>109</sup>, telah tiga kali melakukan penelitian tentang Jam'iyatul Islamiyah, tahun 1995 oleh dua orang H. Sudjagi dan M. Zainuddin Daulay melakukan penelitian di daerah Jambi. Dengan hasil penelitian antara lain menyebutkan bahawa persoalan yang paling penting terkait dengan Jam'iyatul Islamiyah adalah tentang pro dan kontra ajaran Jam'iyatul Islamiyah. Disatu pihak ada sebahagian kecil kelompok masyarakat yang menganggap ajarannya sesat kerana bersumber dari pengajian Urwatul Wusqo<sup>110</sup> yang pernah dilarang. Di pihak lain tidak menilai Jam'iyatul Islamiyah sebagai penyebar ajaran sesat, melainkan sebagai khilafiah yang banyak terjadi dikalangan umat Islam khususnya terkait dengan tarekat, hakikat dan makrifat.

Senada dengan kesimpulan dugaan sesat dalam ajaran Jam'iyatul Islamiyah juga ditemukan dalam hasil penelitian Duski Samad pensyarah IAIN Imam Bonjol Padang. Beliau menyebutkan bahawa keberadaan Jam'iyatul Islamiyah di Kota Padang terjadi sekitar tahun 1989 melalui beberapa pengusaha dan Pejabat atau pegawai Pemerintah daerah yang mengenal Abdul Karim Jamak. Kerana itu tidak hairan jika ajaran Jam'iyatul Islamiyah menyebar dikalangan elit dan masyarakat luas. Terkait dengan penyebaran ajaran tersebut, muncul protes dari sebahagian masyarakat terutama terhadap ajaran yang menyatakan bahawa semua yang ada di ala mini adalah Allah<sup>111</sup>.

Tahun 1998, dilakukan kembali penelitian oleh Mursyid Ali dan Umar Soeroer di Bengkulu. Tidak jauh dengan kesimpulan penelitian sebelumnya,

---

<sup>109</sup> Nuhriison M. Nuh, (ed), Aliran/Faham Keagamaan dan Sufisme Perkotaan, (Jakarta, Puslitbang Kehidupan Keagamaan, 2009), cet. 1, 124

<sup>110</sup> Urwatul Wusqa, adalah nama kelompok pengajian yang didirikan oleh Abdul Karim Jamak dan teman-temannya, yang dibubarkan pada tahun 1963. Dan Karim Jamak bergabung dengan Sekretarian Bersama Golkar. Sekaligus mengukuhkan penderian bahawa Jam'iyatul Islamiyah tidak lagi bergabung dengan organisasi Urwatul Wusqa dibawah pimpinan Alamasyah, sahabat Karim Jamak.

<sup>111</sup> Nuhriison M. Nuh, (ed), *ibid*, 125



penelitian tersebut menyebutkan keresahan masyarakat kerana isu yang berkembang menyatakan bahawa ajaran Jam‘iyatul Islamiyah sesat. Namun keresahan tersebut hanya terbatas pada perbezaan pandangan atau penafsiran tentang ajaran islam dan tidak sampai mengganggu keamanan dan ketertiban masyarakat<sup>112</sup>.

Menanggapi apa yang disebut diatas, perlu dilihat pula bahawa tidak sedikit pemikiran aneh yang wujud dalam Islam yang dipandang melanggar aturan agama ataupun yang selalu disebut kesesatan. Kerana dalam pemikiran lain juga ada ulama memberikan pendapatnya dalam mendudukan Nabi Muhammad s.a.w dalam dua posisi, iaitu:

Pertama, posisinya sebagai manusia biasa atau al-Basyar;

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ اللَّهُ وَاحِدٌ فَمَن كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ  
فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ ۗ أَحَدًا

Al-Kahf 18 : 110

Terjemahan :Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu; Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah dia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah dia mempersekutukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya.

<sup>112</sup> Nuhrison M. Nuh, (ed),Ibid, 125

Kemudian dijelaskan lagi :

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهُ وَاحِدٌ فَاسْتَقِيمُوا إِلَيْهِ وَاسْتَغْفِرُوا<sup>٥٤</sup>

وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ

Al-Fussilat 41 : 6

Terjemahan : Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya Aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahyukan kepadaKu Bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang satu; maka hendaklah kamu tetap teguh di atas jalan Yang betul lurus (yang membawa kepada mencapai keredaanNya), serta pohonlah kepadanya mengampuni (dosa-dosa kamu Yang telah lalu). dan (ingatlah), Kecelakaan besar bagi orang-orang Yang mempersekutukanNya (dengan sesuatu Yang lain).

Memahami ayat-ayat tersebut, Abdul Karim Jamak, menjelaskan merupakan suatu pemikiran yang tidak menempatkan beliau pada kesesatan, kerana ayat itu memberikan semua orang untuk diperbolehkan melakukan ijtihad walaupun tanpa berkonsultasi dengan firman Allah melalui wahyu-Nya.

Kedua, posisinya sebagai Rasulullah, sehingga apapun yang diucapkan, diperbuat dan ditetapkan, merupakan bahagian integral dari wahyu Allah. Oleh kerana itu, al-Sunnah atau Hadis Nabawi dapat dibahagi ke dalam dua macam<sup>113</sup>.

1. *Tawqif*, iaitu yang kandungannya diterima oleh Rasulullah dari wahyu, lalu ia menjelaskan kepada manusia dengan kata-katanya sendiri.

<sup>113</sup> Manna' Khalil al-Qathtan, *Mabahits 'lum Al-Quran*, (Riyadh, Maktabah Ma'arif, 1981), 27

Bahagian ini meskipun kandungannya dinisbahkan kepada Allah swt, tetapi dari segi pembicaraan lebih layak dinisbahkan kepada Rasulullah saw, kerana kata-kata itu dinisbahkan kepada yang mengatakannya, meskipun didalamnya terdapat makna yang diterima dari pihak lain.

2. *Tawfiq*, iaitu yang disimpulkan oleh Rasulullah menurut pemahamannya terhadap al-Quran, kerana beliau mempunyai tugas menjelaskan al-Quran atau menyimpulkannya dengan pertimbangan dan ijtihad.

Namun Abdul Karim Jamak tidak menghiraukan keputusan tersebut, bahkan beliau terus berjuang untuk mengembangkan dan mensosialisasikan ajarannya, Karim Jamak, juga mengakui keterbatasan kemampuannya, dalam banyak hal, termasuk wilayah atau daerah yang akan dikunjunginya tidaklah dekat, dan transportasi yang sukar ketika itu, maka beliau memandang perlu adanya cawangan pengajian yang terorganisir, setiap cawangan menjalankan tugas dan kegiatan pengajian.

Disisi ini, Abdul Karim Jamak bukan sahaja mampu berbicara dengan pengikut-pengikutnya dalam hal agama sahaja, tetapi ia muncul sebagai seorang yang dapat mentadbir jamaahnya. Maka Karim Jamak juga boleh disebut seorang yang ahli dalam menyusun, mengembangkan dan memimpin suatu organisasi<sup>114</sup>. Organisasi bagi Abdul Karim Jamak adalah suatu media yang jelas memperlihatkan fungsi setiap orang serta menerangkan hubungan kerja, baik secara vertikal mahupun secara horizontal. Dengan demikian pentadbirannya terbentuk untuk

---

<sup>114</sup> Lihat Muktar Efendi, *Manajemen Manajemen; Suatu Pendekatan Berdasarkan Ajaran Islam*, Jakarta, Bhratara Karya Aksara, 1986), 82

menerima orang-orang yang mendukung kegiatannya dalam penyiaran Islam<sup>115</sup>. Seiring dengan pemikiran Abdul Karim Jamak, Berhanundin bin Abdullah dalam bukunya “ Amal Jama’i Dalam Organisasi Islam “, menjelaskan bahwa : Di dalam pengurusan hidup manusia, tiada suatu aspekpun yang tercecceh dalam ajaran Islam yang syumul, termasuklah pembentukan, pengurusan dan pentadbiran sebuah organisasi. Islam telah menunjukkan bagaimana ia dapat dibentuk dengan cara yang paling baik demi mencapai kejayaan maksimum<sup>116</sup>.

Metode yang dibawa oleh Islam merangkumi seluruh bentuk organisasi dari yang berbentuk kekeluargaan hinggalah sebuah organisasi pemerintahan dan organisasi dunia. Firman Allah :

وَلَتَكُنَّ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Āli -,Imrān 3 : 104

Terjemahan : Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak Yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik, serta melarang daripada Segala Yang salah (buruk dan keji). dan mereka Yang bersifat demikian ialah orang-orang Yang Berjaya.

Selaku pentadbir, Abdul Karim Jamak mengatur kegiatan-kegiatan secara professional dan menjadikan Jam’iyatul Islamiyah sebagai wadah penghubung

<sup>115</sup> Zulhadi Karim, (anak kandung Karim Jamak, selain sebagai anak kandung Karim Jamak, ia juga sebagai Ketua Umum Dewan Pimpinan Daerah, Jam’iyatul Islamiyah Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis 28 Mei 2012

<sup>116</sup> Berhanunndin Bin Abdullah, „Amal Jam’I dalam Organisasi Islam, (Selangor D.E, Penerbit Zabib Enterprise. Cet. 1, 1997), 1

dengan masyarakat luas dalam menyampaikan ajaran-ajarannya tentang Islam. Kemudian menjalin kerjasama antara anggota dengan pengurus saling memahami dan bekerja sama. Hasil yang baik dari penyiaran serta didukung oleh pentadbirannya. Meskipun secara teori Karim Jamak tidak memberikan dengan rincian, tetapi secara fizikal yang rialitinya ia telah membentuk sebuah pentadbiran yang hebat, sebagaimana terlihat dari penjelasan M. Syafaat Habib<sup>117</sup>, menurut beliau ada dua demensi organisasi yang perlu diperhatikan;

*pertama*, demensi vertikal, yakni susunan dari atas kebawah, bahwa ada pimpinan yang tertinggi, yang paling bertanggung jawab, kemudian yang menengah dan hingga ke bawah, dengan wewenang dan tanggung jawab yang makin berkurang ke bawah,

*kedua*, dimensi horizontal, yang membagi setiap lapis vertikal tersebut ke dalam departemen-departemen, yang diperlukan oleh organisasi, di dalam bahagian pemerintahan (departemen) yang bersangkutan bisa ditentukan fungsi atau tugasnya, dengan perincian dan petunjuk tertentu dari organisasi, bisa pula ditempuh sesuai dengan area luasnya daerah dakwah, maka organisasi horizontal menentukan bukan per fungsi, akan tetapi per lokasi secara giografis.

Konsep yang dikemukakan oleh Syafaat Habib tersebut, telah berhasil dikerjakan dan diamalkan oleh Abdul Karim Jamak dalam Jam'iyatul Islamiyah. Buktinya adalah kesempurnaan pentadbirannya serta penyiaran agama yang berterusan dapat dilihat bahawa kegiatannya telah berjalan bertahun-tahun lamanya, mulai dari pengajian ranting (desa) hingga sampai ke tingkat pusat,(Jakarta), dengan jadual-jadual yang telah ditentukan. Maka anggota yang

---

<sup>117</sup> Syafa'at Habib, Buku Pedoman Dakwah, (Jakarta, Widjaya, 1981), 182

mencapai ribuan umat ini merasakan kemudahan untuk mendapatkan bimbingan, karena manajemen kepengurusannya yang cukup rapi serta tingkat kepercayaannya yang tinggi.

Sebagai tuan guru yang mempunyai kharismatik dan pola kepemimpinan untuk memenit dan mengatur, Abdul Karim Jamak merupakan pemimpin yang hebat, yang maksudnya adalah mengelola dengan cara yang sistematis untuk mencapai tujuan, atau seluruh organisasi dan mekanisme yang terlibat dalam organisasi untuk mencapai tujuan<sup>118</sup>. Hal ini merupakan salah satu bukti keberhasilan Abdul Karim Jamak menyiarkan ajaran agama Islam melalui organisasi yang beliau urus secara bersendirian dan kemudian dikmbangkan sampai ke daerah-daerah lain, sehingga pada akhirnya organisasinya tersebut di akui oleh pemerintah Republik Indonesia.

## 2.8 Penghargaan Yang di Berikan kepadanya

Abdul Karim Jamak semasa hidupnya tidak hanya memiliki kemampuan mendakwahkan agama Islam, ajaran Islam yang beliau sampaikan tersebut justru diamalkannya dalam kehidupan sehari-hari. Hal ini terlihat dari usaha-usaha serta karya-karya sosial beliau yang pernah dilakukannya.

Untuk melihat penghargaan yang beliau terima diantaranya adalah beberapa penghargaan yang diberikan pemerintah dan organisasi terhadap beliau diantara lain adalah :

---

<sup>118</sup> Syafaat Habib, *Ibid*, 194

1. Sebagai Pimpinan PSII cabang Kerinci, yang menugaskan beliau sebagai Ketua Bahagian Syari'ah wal Ibadah, pada tahun 1968
2. Menerima Penghargaan dari Sekretaris Besar Golkar Kabupaten Kerinci untuk Kh. Abdul Karim Jamak dan Keluarga Besar Jamiyatul Islamiyah, karena telah memenangkan Golkar pada Pemilu tahun 1971
3. Menerima penghargaan dari Dewan Pimpinan Daerah Tingkat I Golkar Sumatera Selatan, dan Provinsi Jambi terhadap sumbangsih dan kerjasamanya dalam memenangkan Golkar pada pemilu 1977
4. Menerima penghargaan dari Dewan Pimpinan Pusat Majelis Dakwah Islamiyah, menunjuk Kh. Abdul Karim Jamak sebagai Muballigh Majelis Dakwah Islamiyah, tahun 1980<sup>119</sup>

Selain itu, Abdul Karim Jamak juga ikut berpartisipasi dalam kegiatan sosial kemasyarakatan lainnya, ia ikut menyumbangkan harta bendanya untuk rumah ibadah, bencana alam dan juga untuk fakir miskin. Bahkan pada 10 s/d 13 Zulhijjah di Masjidnya tersebut mengadakan penyembilan sapi kurban yang tidak sedikit jumlahnya, dan daging-daging kurban tersebut dibahagikan kepada masyarakat yang tidak mampu serta ranting-ranting pengajian Jam'iyatul Islamiyah yang ada di Kabupaten Kerinci<sup>120</sup>.

---

<sup>119</sup> Lihat dalam salinan beberapa kegiatan sosial yang telah dilakukan dan ucapan penghargaan kepada Kh. Abdul Karim Jamak semasa hidupnya.

<sup>120</sup> Lihat Arsip Jam'iyatul Islamiyah, Dewan Pimpinan Daerah Kabupaten Kerinci

## 2.9 Wafat

Abdul Karim Jamak yang Allah SWT berikan kehidupan duniawi ini lebih kurang 92 tahun. Beliau menutup usianya tepat pada tanggal 26 April 1996. Karena itulah ketika beliau wafat (meninggal) dunia pada tanggal 26 April 1996 M, di rumah sakit Pelni Petamburan Jakarta yang bertepatan pula dengan hari raya Idul Adha<sup>121</sup>, membuat pengikutnya gempar dan tidak percaya bahwa tuan gurunya telah meninggal dunia. Sehingga disaat upacara pemakaman jenazah beliau ribuan pengikutnya, dari pelbagai penjuru tanah air dan luar negeri berkumpul di masjid beliau.

Pengikutnya mengiringi pemergian beliau dengan perarakan yang besar-besaran, dengan suara isak dan tangis murid-muridnya, suatu hal yang belum pernah terjadi di Kabupaten Kerinci, bila seorang ulama yang meninggal dunia diiringi oleh ribuan jamaahnya. Bahkan dalam menyembahyangkan jenazah beliau dilaksanakan dengan bergantian, kerana begitu ramainya jama'ah yang berdatang untuk ikut menyembahyangkannya<sup>122</sup>.

Pemergian Abdul Karim Jamak<sup>123</sup>, telah mengukir sejarah penting di Kabupaten Kerinci, kerana selama ini masyarakat yang terlanjur memberikan pandangan yang buruk terhadap beliau. Pada akhirnya ketika pelepasan jenazahnya, masyarakat melihat sendiri ribuan manusia mengiringi jenazahnya, dan turut memberikan ucapan duka dan belasungkawa. beberapa tokoh nasional seperti Azwar Anas dan teman-teman beliau yang turut hadir di Kabupaten Kerinci

---

<sup>121</sup> Tabloid Sakti, Meneruskan Aspirasi Rakyat, 2000, salah satu media cetak yang menulis tentang pemergian Abdul Karim Jamak, Bandung: Komplek Wartawan Bale Endah, No.20 Tahun ke II, Minggu ke Empat April 2000, h, 16

<sup>122</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Kh. Da"i Jam"iyatul Islamiyah Kota Sungai Penuh dan Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 20 September 2012

<sup>123</sup> Ali Zuriyat, menyampaikan ucapannya tentang peristiwa wafatnya ayahanda beliau Abdul Karim Jamak, serta menerima ucapan belasungkawa dari beberapa kerabat beliau dan tokoh masyarakat Indonesia dan Kerinci, mereka turut merasa kehilangan ulama yang selama ini telah mengabdikan dirinya kepada masyarakat Islam.



memberikan penghormatan terakhir kepada Karim Jamak yang juga gurunya. Bagi yang tidak dapat datang ke Kerinci, mereka menyampaikan ucapan duka melalui surat dan media cetak, seperti surat kabar dan radio<sup>124</sup>.

Dalam media ini salah seorang petinggi Negara Republik Indonesia, yaitu Singgih, SH, Jaksa Agung menyampaikan rasa duka kepada keluarga Allahyarham menurut Singgih Abdul Karim Jamak adalah salah seorang tokoh Islam yang memiliki Kharisma di hati jamaahnya baik di dalam mahupun di luar negeri<sup>125</sup>.

Abdul Karim Jamak di makamkan di Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah Kota Sungai Penuh. Dan bersebelahan dengan rumah beliau. Tempat pemakaman ini merupakan keinginan daripada jamaahnya, supaya al-marhum di kuburkan dekat dengan masjid. Ini bertujuan agar jamaah dan murid-murid beliau yang datang dari pelbagai daerah nantinya mudah untuk berziarah dan mengunjungi makam beliau<sup>126</sup>.

Apa yang telah dikemukakan diatas, nampak bahawa aktifitas Abdul Karim Jamak semenjak masa muda hinggalah dewasa, beliau telah menyumbang ilmu pengetahuannya serta ketrampilan buat umat. Beliau berjuang melalui dakwah dan organisasi Islam yang didirikannya. Semuanya merupakan sumbangan beliau sebagai ulama di Kerinci dan nusantara.

---

<sup>124</sup> Tabloid Sakti, 2000, *Op.cit*, 16

<sup>125</sup> Tabloid Sakti, *Loc.cit*, 16

<sup>126</sup> Zulhadi Karim, (Anak kandung Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis 12-September 2012

## 2.10 Kesimpulan

Dari huraian bab 2 ini dapat dilihat bahawa Abdul Karim Jamak merupakan seseorang yang gigih dalam menekuni ilmu agama. Beliau memulai mendalami ilmu keislaman daripada kedua ibubapanya dan keluarganya. Abdul Karim Jamak dapat dikatakan seorang ulama yang menghabiskan hidupnya untuk berdakwah mengajarkan Islam kepada masyarakat muslim di Kerinci. Rumah ibadah seperti Surau yang didirikan beliau pertama pada tahun 1974 yang diberi nama Baitul Ikhlas. Serta Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah yang terletak desa Lawang Agung Kota Sungai Penuh. Perjuangan yang telah beliau lakukan dalam membimbing umat, maka wajar masyarakat muslim Kerinci memberikan gelaran kepada beliau sebagai Buya dan Kiyai. Meskipun disisi lain masih ada diantara masyarakat yang belum dapat menerima keberhasilan dakwah beliau, namun dalam fakta sejarahnya pengikut-pengikut dan jama'ah beliau berkembang hampir di seluruh daerah Indonesia yang diterima oleh pelbagai golongan sarjana muslim.

## BAB 3 : KONSEP SIFAT ALLAH

### 3.1 Pengenalan

Persoalan tentang sifat-sifat Allah s.w.t tidak dibincangkan secara mendalam pada zaman Rasulullah saw. Umat Islam pada zaman ini menerima terus apa sahaja sifat Allah sepertimana Allah s.w.t menyifatkan diri-Nya dalam al-Quran tanpa mempersoalkan makna-makna di sebalik sifat-sifat tersebut<sup>1</sup>.

Abdul Karim Jamak<sup>2</sup> membicarakan sifat-sifat Allah s.w.t . menyatakan Tuhan Allah tidak memerlukan sifat-sifat dan nilai-nilai tambahan untuk kesempurnaan-Nya, tetapi makhluk memerlukan, berhajat dan bergantung kepada wujud, ketuhanan dan sifat-sifat ketuhanan bagi menumpang kewujudan mereka. Medan di sini bukan bermaksud ruang. Tidak boleh dikatakan di samping ruang yang diisi oleh kewujudan makhluk ada ruang yang menempatkan kewujudan sifat-sifat ketuhanan<sup>3</sup>. Sifat Allah urusan Allah tidak memerlukan ruang. Misalnya, sifat „Ilmu dan kewujudan dalam „Ilmu tidak memerlukan ruang untuk wujud. Makhluk memerlukan pemangkin, penyokong, hijab atau medan wujud yang bersifat ketuhanan bagi memelihara kewujudan makhluk itu agar menjadi benar, nyata, ada kesinambungan dan stabil. Sifat ketuhanan juga diperlukan oleh makhluk bagi melindungi mereka daripada tajalli Allah s.w.t Jika makhluk menerima tajalli Allah s.w.t makhluk akan hancur dan hilang lenyap.

---

<sup>1</sup> Al-Maqrizi, Taqy al-Din Abi al-Abbas Ahmad bin Ali, *Kitab al-Mawa'iz wa al-I'tibar bi Dhikr al-Hutat wa al-Athar al-Ma'arif bi al-Hutat al-Maqriziyyah*, (Beirut, Dar-Sadir, t.th), 49

<sup>2</sup> Abdul Karim Jamak, *Buku Pedoman Jam'iyatul Islamiyah*, Jakarta, Dewan Pimpinan Pusat JmI, cet. 4, 2010), 38

<sup>3</sup> Ahmad Zuhdi bin Ismail, *Imam Ja'far al-Sadiq, Pemikirannya Tentang Konsep Ketuhanan*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, cet. 1,2006), 35

Sifat Allah menjadi hijab yang kukuh melindungi kewujudan makhluk dan menyelamatkan mereka. Kewujudan yang tidak ada hijab melindunginya adalah kewujudan ciptaan ahli silap mata. Ciptaan ahli silap mata tidak stabil, tidak kuat, tidak benar dan tidak bertahan kewujudannya. Pengetahuan dan keyakinan bahawa wujud makhluk pada hakikatnya *fana* dibawah wujud Allah s.w.t. wujud makhluk dan seluruh makhluk bila dinisbatkan kepada wujudnya Allah s.w.t hanyalah *isti'arah* dan *majaz* belaka, bukan hakikat yang sebenarnya.

Abdul Karim Jamak dalam hal ini menyatakan bahawa bila manusia menghadapkan hatinya ke jalan hakikat itu, niscaya nyatalah bahawa tiada maujud itu kecuali Allah s.w.t. dan segala sesuatu selain daripada Allah s.w.t adalah batil.

Ciptaan Allah yang dibataskan oleh sifat-sifat-Nya adalah stabil, benar dan kekal kewujudannya sampai kepada akhirat. Hijab Allah yang memegang kewujudan makhluk, yang ada hubungan dengan makhluk, itulah sifat-sifat yang Allah izinkan dinisbahkan kepada-Nya. Sifat-sifat-Nya yang tidak boleh diperkatakan adalah sifat-Nya Yang hakiki,

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Al-Syūrā 42 : 11

Terjemahan : Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan  
Dia, dan Dialah yang Maha Mendengar dan Melihat.

Pandangan Asyā'irah tentang sifat tersebut adalah bahawa Allah mempunyai sifat sebagaimana yang dikandung dalam al-Quran, sifat itu bukan zat Allah, tetapi bukan pula lain dari zat (sifat menyatu dengan zat). Asyā'irah Selanjutnya

dijelaskan pula bahawa Allah mengetahui dengan sifat mengetahui atau sifat ilmu, berkuasa dengan sifat kekuasaan, Allah hidup dengan sifat hidup<sup>4</sup>.

Kaum Mu'tazilah pula tetap mengakui bahawa Allah itu, misalnya mengetahui, berkuasa dan hidup. Tetapi mengetahui, berkuasa dan hidupnya Allah itu bukan dengan sifat melainkan dengan zatNya<sup>5</sup>. Abu Bakar Jabir al-Jazairi, menjelaskan dalam hal ini tiada seorangpun yang dapat menyekutui-Nya dan menyamakan dengan sesuatu<sup>6</sup>

Sedangkan pandangan Abdul Karim Jamak tentang penciptaan makhluk berhubung dengan sifat Allah, sekiranya tidak ada sifat-sifat Tuhan yang menghibab atau menjadi perantaraan nescaya tidak akan ada penciptaan makhluk. Sifat menghubungkan Pencipta dengan penciptaan. Hanya orang yang tidak mengerti menolak peranan sifat lalu menghubungkan ciptaan terus kepada Dia Yang Maha Tinggi. Jika Tuhan bukanlah tajalli cahaya Zat-Nya Yang hakiki tentu makhluk akan binasa, kewujudan akan hilang. Kenyataan yang pertama juga akan lenyap jika berhadapan dengan keagungan Allah Yang Maha Agung lagi Maha Perkasa. Hubungan makhluk dengan Tuhan hanyalah sekadar layak dan mampu makhluk bertahan, iaitu hubungan yang dimisalkan atau hubungan melalui sifat-sifat-Nya yang tasybih, bukanlah hubungan dalam ertikata yang sebenarnya.

Abdul Karim Jamak menjelaskan pula bahawa betapa berkuasanya Allah itu dapat dilihat alam ciptaan-Nya ini. Seluruh alam yang dapat ditangkap dengan panca indra. Bila dilihat jagat raya ini dengan mata kepala, maka terlihat hanya

---

<sup>4</sup> Al-Asy'ari, *Kitab al-Luma "fi al-Radd 'ala ahl al-Zayn Wa al-Bida"* (Kaherah: Sharikah Musahamah Misriyyah, 1955), 17-31

<sup>5</sup> Al-Syahrastani, Muhammad, 'Abd al-Karim, *al-Milal wa al-Nihal*, Tahqiq 'Abd al-Rahman al-Aziz al-Wakil, Juz 3, (Qahirah: Muasasah al-Halabi, t.t), 44

<sup>6</sup> Abu Bakar Jabir al-Jazairi, *Kitab Aqidah wa Adab, Akhlak wa 'Ibadat wa Mu'amalat*, (Qahirah: Maktabah Litalibat, t.t), 20

sebahagian kecil sahaja dari alam semesta, kerana kekuatan mata manusia sangat terbatas, itulah bezanya dengan Maha Melihatnya Allah s.w.t, yang berkuasa terhadap segala makhluknya.

Firman Allah :

الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا مَّا تَرَى فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِن تَفَوتٍ ۗ

فَارْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَى مِن فُطُورٍ ۚ

Al-Mulk 67 : 3

Terjemah :Dialah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandanganmu dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan?

## 3.2 Pengertian Sifat Allah

### 3.2.1 Pengertian sifat dari sudut bahasa.

Dari sudut bahasa Tuhan disebut Allah dan diyakini sebagai Zat Maha Tinggi Yang Nyata dan Esa, Pencipta Yang Maha Kuat dan Maha Tahu, Yang Abadi, Penentu Takdir, dan Hakim bagi semesta alam<sup>7</sup>.

Allah disebut juga Tuhan menurut Ibn Manzur<sup>8</sup>, yang merupakan kata dari *A-Rabb* yang sebenarnya adalah Allah s.w.t Yaitu Rabb segala sesuatu. Artinya memiliki segala sesuatu dan Dia memiliki rububiyah atas segala ciptaannya, tidak ada sekutu baginya. Dia adalah pemilik para pemilik dan penguasa para penguasa. Tidak dikatakan al-Rabb pada selain Allah kecuali dengan idafah. Bila dilihat dari bahasa secara mutlak, *A-Rabb* berarti pemilik/penguasa, tuan, pengatur, pemelihara, penilai dan pemberi nikmat<sup>9</sup>.

Sifat, sebagaimana yang dikemukakan oleh Ali bin Muhammad bin „Ali al-Jurjani, sifat dilihat dari erti katanya adalah nama yang menunjukkan sebahagian keadaan zat, seperti, panjang, pendek, berakal, bodoh, dll, Adalah tanda-tanda yang mesti ada pada sesuatu (melekat pada zat yang disifati), yang dengan nya dia dikenal<sup>10</sup>.

---

<sup>7</sup> Lihat, Gerhard Böwering, God and his Attributes, Encyclopedia of the Quran, dan John L. Esposito, Islam: The Straight Path, Oxford University Press, 1998, p.22.

<sup>8</sup> Ibnu Manzur, 1968, *Lisan al-Arab*, (Beirut; Dar Shadir, Juz 1, 1963), 399

<sup>9</sup> Ibnu Manzur, *Ibid*, 399

<sup>10</sup> Ali bin Muhammad bin „Ali al-jurjani, *al-Ta'rifat*, (Beirut: Dar al-Kitab al-„Arabi, 1405 H), 175

Al-sifat: secara bahasa merupakan bentuk “*masdar*” dari kosa kata “*wasafa*”<sup>11</sup> yang berarti sifat<sup>12</sup>; ia adalah sinonim dari kata “al-na“tu” (النعت)<sup>13</sup>.

Sifat dalam Kamus Dewan, bermaksud keadaan yang dipunyai oleh sesuatu atau tanda-tanda yang khas untuk mengenal sesuatu benda<sup>14</sup>. Sedangkan Ketuhanan adalah sifat keadaan Tuhan yang menjadi dasar percaya Kepada Tuhan Yang Maha Esa<sup>15</sup>. Sedangkan dalam Kamus Umum Bahasa Indonesia, sifat adalah rupa dan keadaan yang tanfak pada sesuatu atau peri keadaan yang menurut kodratnya ada pada sesuatu<sup>16</sup>. Kemudian Ketuhanan diartikan sebagai sifat keadaan Tuhan atau segala sesuatu yang mengenai Tuhan, misalnya soal-soal yang mengenai Tuhan; ilmu-ilmu mengenai keadaan Tuhan dan agama<sup>17</sup>.

Abdul Karim Jamak, menjelaskan bahawa Allah adalah Tuhan yang tidak ada serupa dan semisal dengan-Nya. Sesuatu tidak serupa dengan-Nya, dan juga Ia tidak serupa dengan sesuatu<sup>18</sup>. Sedangkan sifat sebagaimana Zat-Nya adalah azali, tidak bermula dan abadi, tidak berakhir, sifat-Nya, seperti ilmu, kuasa, dan lain sebagainya azali dan abadi. Ini dari satu sisi.

Contohnya Firman Allah dalam surah al-Hasyr :

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيْمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ

<sup>11</sup> “*Wasafa*” juga mempunyai ertinya “menguliti”, lihat A.W. Munawwir, 2002, Kamus Al-Munawwir Arab-Indonesia terlengkap, Surabaya; Pustaka Progressif, cet. 25, h, 1558

<sup>12</sup> *Sifat yang juga bererti* yang besar, tegap, kuat. A.W. Munawwir, Ibid, h, 779

<sup>13</sup> Abu al-Husain Ahmad bin Faris bin Zakariya, 1979, *Mu‘jam maqayis al-lughah*, juz. 5 t.tp: Dar al-Fikr, h. 448. Lihat juga, al-Munjid fiil lughah wal-adaab wal-ulum, 1927, hal 1002 dan Kamus Idris, Abdul Rauf al-Marbawy, 1350H, hal 390

<sup>14</sup> Kamus Dewan Edisi Ketiga, 1994, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), cet. 1, 1276.

<sup>15</sup> Kamus Dewan, 1994, Ibid, 1478

<sup>16</sup> W.J.S, Poerwadarminta, 1985, Kamus Umum Bahasa Indonesia, Jakarta, Balai Pusta, cet. 8, hal 943

<sup>17</sup> W.J.S, Poerwadarminta, Ibid, 1094

<sup>18</sup> Abdul Karim Jamak, Buku Pedoman Jam‘iyatul Islamiyah, (Jakarta, Dewan Pimpinan Pusat Jam‘iyatul Islamiyah, 2010), cet. 4, 2



الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ

الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Al-Hasyr 59 : 23-24

Terjemahan : Dia lah Allah, Yang tidak ada Tuhan melainkan dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat sejahtera (dari Segala kekurangan); Yang Maha melimpahkan Keamanan; Yang Maha pengawal serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha kuat (menundukkan segala-galanya); Yang Melengkapi Segala KebesaranNya. Maha suci Allah dari Segala Yang mereka sekutukan dengannya. Dia lah Allah, Yang menciptakan sekalian makhluk; Yang mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut Yang dikehendakiNya); bagiNya ialah nama-nama Yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadanya Segala Yang ada di langit dan di bumi; dan Dia lah Yang tiada bandingNya, lagi Maha Bijaksana.”

Abdul Karim Jamak memberikan pengertian tentang sifat Ketuhanan ialah menempatkan Allah s.w.t pada posisi yang Maha Sempurna sekaligus menghindari hal-hal yang menodai kesucianNya<sup>19</sup>. Menurut Abdul Karim Jamak secara etimologi sifat ketuhanan adalah keadaan yang mutlak ada yang memiliki ciri-ciri sempurna. Dan kesempurnaan tersebut hanya ada padaNya, yakni Allah *rabb al-jalil*.

<sup>19</sup> Abdul Karim Jamak, Buku Pedoman Jam'iyatul Islamiyah, (Jakarta: Dewan Pimpinan Pusat Jam'iyatul Islamiyah, 2010), 42

### 3.2.2 Pengertian dari segi istilah.

Sifat dari sudut istilah bermaksud, memiliki pengertian sembah, yaitu segala sesuatu yang disembah adalah Tuhan. Tidak berbeza antara sembah haq (benar) dan sembah batil (salah, ditolak), seperti berhala, batu, api, mata hari dan lain-lain. Benda-benda itu disebut Tuhan kerana disembah oleh sebahagian manusia, walaupun menurut Islam dinilai sebagai sembah *batil*<sup>20</sup>.

Menurut Imam Ja'far<sup>21</sup> dalam masalah ini menjelaskan bahawa sifat-sifat Allah s.w.t yang didapati menerusi al-Quran jelas menunjukkan kesempurnaan-Nya. Sifat-sifat kesempurnaan tersebut memberikan nilai yang lebih tinggi dan lebih besar kerana Allah s.w.t adalah pencipta segala makhluk. Justru, Ia memiliki sifat pengetahuan, kemampuan dan semua sifat-sifat kesempurnaan yang lainnya. Bagaimanapun tanda-tanda pengetahuan dan kekuatannya adalah hasil daripada tanda kehidupan-Nya dan Ia pula dapat dilihat daripada system keteraturan alam semesta<sup>22</sup>. Sifat menurut Imam Ja'far adalah suatu perkara yang tidak wujud dalam kenyataan, tetapi wujud di akal fikiran sahaja (*amr al-I'tibār*). justru apabila beliau menyatakan Allah itu „*Ālim* (mengetahui), maka maksudnya ialah menafikan sifat *jāhil* (bodoh) bagi Allah s.w.t dan begitulah seterusnya dengan sifat-sifat yang lain<sup>23</sup>.

Hamka, menjelaskan Tuhan adalah nama Yang Maha Mulia, dari Zat Yang Maha suci, yang kita percayai dan beramal berusaha kerana-Nya<sup>24</sup>. Wujud atau adanya Allah, bukanlah perkara sukar yang harus dicari dengan jalan yang sukar.

<sup>20</sup> Abdul Karim Zaidan, *Usul al-Da'wah*, (Bagdad : Jam'iyah al-Amani, 1976), 16-17

<sup>21</sup> Seorang ulama, yang nama penuhnya ialah Ja'far bin Muhammad bin Ali „Ali Zayn al-„Abidin bin Husayn bin „Ali bin Abi Talib, dalam Ibn Khalikan, *Wafayat al-A'yan w Anba Abna al- aman, Tahqiq*, Muhammad Muhyi al-Din „Abd al- Hamid, (Al-Qahirah : Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1367-1948), I, 291

<sup>22</sup> Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, 111, h. 29-31

<sup>23</sup> Al-Majlisi, *Ibid*, 68-69

<sup>24</sup> Hamka, 1987, *Filsafat Ketuhanan*, (Surabaya : Karunia, 1987), cet. 1, 31

Fitrah manusia sendiri telah mengakui adanya Tuhan, meskipun pada mulanya mereka belum tahu siapa namanya<sup>25</sup>. Pada dasarnya Islam melarang membahas tentang hakikat Tuhan, khususnya hal yang berkaitan dengan mempertanyakan *wujud Tuhan*, karena Tuhan merupakan Dzat yang immaterial tidak mungkin dibuktikan wujudnya dan tidak berwujud dalam bentuk misalnya seperti arca<sup>26</sup>. Dalam pada itu Harun Nasution menjelaskan bahawa suatu hal yang tidak dapat diterima dalam teologi<sup>27</sup>. Lebih dalam lagi, Wasil bin Ata<sup>28</sup> menegaskan bahawa siapa sahaja menetapkan sifat *qadim* bagi Allah, ia telah menetapkan adanya dua Tuhan<sup>29</sup>. Allah telah berfirman di dalam al-Quran menegaskan hal ini.

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Al-Syūrā 42 : 11

Terjemahan : Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan  
Dia, dan Dialah yang Maha Mendengar dan Melihat.

Berdasarkan ayat ini, al-Maturidi mentafsirkan *لَيْسَ* yang bermaksud Allah tidak serupa dengan sesuatupun, dan Allah mempunyai sifat, seperti melihat dan mendengar<sup>30</sup> Imam Ja'far menegaskan pula bahawa Allah s.w.t tunggal (*wahid*) dalam semua aspek sama ada sifat mahupun zat<sup>31</sup>.

<sup>25</sup> Hamka, 1987, Loc.cit , h. 31

<sup>26</sup> Hasbi Ash Shidqy, 1999, Sejarah dan Pengantar Ilmu Tauhid, edisi kedua, (Semarang : Pustaka Rizki Putra, 1999), cet. 1, 69

<sup>27</sup> Harun Nasution, Teologi Islam; Aliran-aliran Sejarah Analisa Perbandingan, (Jakarta : UI Press, 1986), 135

<sup>28</sup> Ia adalah salah seorang tokoh Mu'tazilah.

<sup>29</sup> Ash-Syahrastāni,, *Al-Milal wa An-Hilal*, (Beirut : Dar Al-Fikri, t.t), 46

<sup>30</sup> Al-Maturidi, Op.cit, h. 288

<sup>31</sup> Al-Kulyani, *al-Kafi*, I, h. 104, al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, IV, h. 66 dan 69

Abdul Karim Jamak menyatakan bahawa, kemanunggalan merupakan ciri khas Tuhan (Allah). Tunggal pada **zat, sifat** dan **I. Tuhan** bagi timur, barat dan bagi segenap penjuru alam, meskipun kemudian pembahasan tentang sifat-sifat ketuhanan boleh sahaja bertambah dalam jumlah yang berbeza, seperti beberapa huraian dalam sifat dua puluh<sup>32</sup>. Bagi Abdul Karim Jamak, untuk meyakini Tuhan itu Tunggal, tidaklah begitu sukar atau sesukar meyakinkan satu tunggal tetapi terbagi atau terkumpul sesudah disatukan, selagi seseorang mahu memperhatikan alam raya ini serta susunannya<sup>33</sup>.

Salah seorang sarjana, Munir. A dan Sudarsono<sup>34</sup>, umpamanya menjelaskan tentang asas Islam mengenal Allah, justru itu jelaslah bahawa sarjana tersebut menghuraikan apa yang dikembangkan oleh Abdul Karim Jamak. menuliskan bahawa dalam Islam asas utama ialah mengenal Allah, yakni wajib mempercayai bahawa Dia Tuhan yang sesungguhnya dan tidak ada Tuhan lain yang patut disembah kecuali Dia, Allah Yang Maha Pencipta Dialah yang mesti Ada, yang awal tidak bermula dan yang akhir tiada berkesudahan, tiada sesuatupun yang menyerupai-Nya, Maha Esa dalam Ketuhanan-Nya, sifat-Nya mahupun af'al (pekerjaan) Nya, Maha Hidup, Maha Mendengar dan Maha Melihat, Maha Kuasa atas segala sesuatu. Membincang persoalan kafir, yang telah dijelaskan oleh Abdul Karim Jamak diatas, secara harfiah juga boleh dilihat dalam kamus dwi-bahasa Arab-Inggeris untuk perkataan *kaffara* maka makna-makna berikut diberikan, iaitu

<sup>32</sup> Abdul Karim Jamak, Op.cit, 39. Dan juga beberapa Temubual Penulis dengan Drs. Audal Amlil, Da'i Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh, 25 Mei 2012, dan dalam mengikuti pertemuan-pertemuan pengajian rutin mingguan Jam'iyatul Islamiyah, di Masjid Raya Karim Jamak.

<sup>33</sup> Dalam pengajian rutin Karim Jamak, menjelaskan bahawa alam ini baru ada kerana kenyataannya sekarang sudah ada, setelah diciptakan dan tidak ada dengan sendirinya. Ada Pencipta yang maha Kuasa, yang kekal dan abadi, yaitu Tuhan (Allah). Temubual Penulis dengan Kh. Rasyid Jamak, Da'i Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh, 25 Mei 2012.

<sup>34</sup> A. Munir dan Sudarsono, Dasar-Dasar Agama Islam, ( Jakarta : Reinika, 2001), 1

*hide, concealed, thankless, denied, disacknowledged, renounced, unbelief, disbelief, infidelity, scepticism, atheism dan impiety.*<sup>35</sup>

Dari cara pandang yang berbeza dalam memberikan pengertian atau maksud tentang satu konsep pemikiran, termasuk pemikiran yang dimiliki oleh Abdul Karim Jamak, tentu akan nampak jelas perbezaannya. Abdul Karim Jamak lebih kepada pemahaman yang sederhana tentang erti daripada kekafiran seseorang tersebut, selain Abdul Karim Jamak, sarjana lain seperti Hadari Nawawi, yang menjelaskan kewajiban atas ketundukan manusia kepada Tuhannya<sup>36</sup>;

1. Keberadaan manusia di bumi bukanlah adanya sendiri. Manusia adalah makhluk atau hasil ciptaan. Manusia bukan khalik atau sang pencipta.
2. Penciptaan manusia dilakukan Allah s.w.t berupa kemanunggalan antara bentuk (jasmani/badan) dengan isi (roh) yang ditiupkan kedalamnya, sebagai sebaik-baik kejadian atau sebaik-baik hasil ciptaan di muka bumi.
3. Dalam penciptaannya manusia bersifat pasif, karena tidak dapat memilih orang tuanya, jenis kelaminnya, suku dan bangsanya, bakat, bentuk tubuhnya dan lain-lain.
4. Manusia lahir tanpa dosa tetapi dalam fitrah suci, kedua orang tuanyalah yang akan menjadikan anaknya seorang majusi atau nasrani.
5. Manusia diciptakan berbeda dari makhluk-makhluk lainnya di muka bumi ini.

---

<sup>35</sup> *An Advanced Learner's Arabic-English Dictionary, ed. 1972.s.v. "kafara" dan Al-Nahda Dictionary English-Arabic, ed. 1, s.v. "disbelief"*

<sup>36</sup> Hadari Nawawi, Pendidikan Dalam Islam, ( Surabaya : Al-Ikhlash, 1993), cet. 1, 50-52

Bagi Abdul Karim Jamak<sup>37</sup>, manusia yang mempunyai akal, dan berfikir secara rasional takkan terlepas dari berfikir tentang Tuhan. Berpikir atau iman demikian bukan tugas para filosof sahaja, tetapi boleh dimiliki oleh manusia awam yang berpikiran normal, dengan tetap merujuk kepada ayat-ayat Allah yakni al-Quran.

Menurut Abdul Karim Jamak, di dalam Al-Qur'an sendiri disebutkan setidaknya tiga bukti penting mengenai Tuhan, iaitu :

- Pertama** : bukti yang diambil dari kejadian alam, yang disebut sebagai pengalaman dasar atau pengalaman jasmani manusia.
- Kedua**, : bukti tentang kuasa manusia yang disebut pengalaman spritual manusia,
- Ketiga**, : bukti yang didasarkan atas wahyu Tuhan kepada manusia yang disebut pengalaman tertinggi atau pengalaman rohani manusia. Ruang lingkup pengalaman itu akan semakin sempit dan bukti akan semakin selektif, misalnya kejadian pada alam, ini hanya akan membuktikan bahwa alam semesta ini pasti ada. Ada yang menciptakan dan juga ada yang mengatur. Akan tetapi belum cukup membuktikan kepada manusia bahwa Tuhan itu ada<sup>38</sup>.

---

<sup>37</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, h, 4

<sup>38</sup> Azhar Arsyad, (Prof. Dr. H. Pensyarah Universitas Islam Negeri Makasar/bekas Rektor) yang merupakan murid Abdul Karim Jamak, memberikan materi pengajiannya ketika berkunjung ke Dewan Pimpinan Daerah Jam'iyatul Islamiyah Kabupaten Kerinci, 2012. Lihat juga Abdul Wahab Kalaf, 1973, *Ilmu Ushul Fiqh, Jakarta, Dar al-MAnar*, h, 32-33, tentang pesan-pesan al-Quran, yakni; a. Masalah kepercayaan (i'tiqadiyah), yang berhubungan dengan rukun iman kepada Allah, malaikat, kitabullah, rasulullah, hari kebangkitan dan takdir. b. Masalah etika (*khuluqiyah*), berkaitan dengan hal-hal yang dijadikan perhiasan bagi seseorang untuk berbuat keutamaan dan meninggalkan kehinaan. c. Masalah perbuatan dan ucapan (*amaliyah*), yang terbagai kedalam dua macam, 1.

Diantara firman Allah s.w.t yang menjelaskan perkara tersebut adalah :

Surat Yasin 36 : 38-40

وَالشَّمْسُ تَجْرِي لِمُسْتَقَرٍّ لَهَا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ﴿٣٨﴾ وَالْقَمَرَ قَدَرْتَهُ مَنَازِلَ

حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ ﴿٣٩﴾ لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ

سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ ﴿٤٠﴾

Yasin 36 : 38-40

Terjemahan : Dan (sebahagian dari dalil yang tersebut ialah) matahari; ia kelihatan beredar ke tempat yang ditetapkan baginya; itu adalah takdir Tuhan Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui; Dan bulan pula Kami takdirkan ia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering. (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.

Bagi Abdul Karim Jamak, al-Quran tidak boleh dipisahkan kedudukannya dan sebagai pedoman yang kuat. Maka al-Quran yang dikenal sebagai *mu'jiz* (sesuatu yang melemahkan), tentu mukjizatnya adalah sesuatu yang luar biasa yang

muncul dari para Nabi atau Rasul yang disertai dengan tantangan dan selamat dari perlawanan<sup>39</sup>.

Murid Abdul Karim Jamak, seperti Basrul Jamil, Yempurna, Asnadi dan Zulman Anwar<sup>40</sup> menjelaskan bahawa yang diajarkan oleh Abdul Karim Jamak tentang Sifat Tuhan, juga Zat-Nya, adalah gaib. ertinya tidak boleh dihurai atau dipecahkan. Sifat Tuhan adalah sifat keesaan di mana kesemua sifat-Nya berkamil dalam keesaan, tidak berpisah dan tidak berbeza di antara satu dengan yang lain<sup>41</sup>.

Yempurna<sup>42</sup> murid beliau yang lain, umpamanya menambahkan pula bahawa perbezaan pada sifat dibuat secara ilmiah bukan keadaan yang sebenar. Secara ilmiah disebutkan sifat Wujud, Hidup, Melihat dan sebagainya. Walaupun dipandang satu-satu namun keunikan sifat tersebut tetap ada. Kegaiban tersebut disebut kemutlakan. Ilmu Tuhan dikatakan Ilmu yang mutlak. Ilmu mutlak tidak mampu dihuraikan. Al-Asha'irah mengemukakan bahawa Allah mengetahui dengan sifat mengetahui atau sifat ilmu<sup>43</sup>.

Abdul Karim Jamak pula sebagaimana yang dijelaskan oleh Audal Amli, murid beliau,:

“Bahawa dalamnya berkumpul pengetahuan dari awal hingga ke akhirnya. Ini bermakna Tuhan mengetahui tentang alam ini daripada sebelum adanya hinggalah kepada tanpa kesudahan. Tuhan mengetahui daripada azali hinggalah kepada abadi dan pengetahuan tersebut adalah pengetahuan secara keesaan, iaitu tatkala mengetahui yang azali itu jugalah Dia mengetahui yang abadi. Tidak ada ruang atau jarak masa pada pengetahuan-Nya sekalipun pengetahuan itu mengenai perkara yang melalui ruang, masa dan

<sup>39</sup> Lihat Muhammad bin Alwi bin Abbas al-Maliki, *Zubat al-Itqan fi Ulum Al-Quran*, (Kairo : Da-al-Insan, 1981), 122

<sup>40</sup> Mereka adalah salah seorang diantara Murid Karim Jamak, yang sentiasa mengikuti kegiatan pengajian, sampai ke cawangan Jam'iyatul Islamiyah di Kabupaten Kerinci dan Kota Sungai Penuh

<sup>41</sup> Basrul Jamil, (Merupakan salah seorang murid Abdul Karim Jamak dan dipercayakan sebagai Pengurus Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh) dalam temubual dengan penulis, , 25 Mei 2012,

<sup>42</sup> Yempurna, (Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 25 Mei 2012

<sup>43</sup> Al-Asy'ari, Abu' Hasan bin Isma'il, , *Kitab al-Luma' fi al Radd'ala ahl al- ayn wa al Bida'* (kahirah : Sharikah Musahamah Misriyyah, 1955), 17-31



zaman. Pada sisi Tuhan, kelmarin, hari ini dan esok adalah yang sama. Tidak ada masa, ruang dan jarak pada sisi-Nya”<sup>44</sup>.

Dari apa yang dikemukakan diatas, dapat dipahami bahawa menurut Abdul Karim Jamak, Sifat Ketuhanan adalah; sifat yang sangat sempurna dengan segala kesempurnaan, yang tidak dapat disamakan dengan apapun<sup>45</sup>. Pandangan Abdul Karim Jamak tentang hal tersebut dikaitkannya mengenai pemahaman manusia agar menunjukkan ketundukan dan kepatuhannya. Sifat yang sempurna yang dengan segala kesempurnaan, dalam pandangan al-Baqilani<sup>46</sup>, bahawa Allah s.w.t tidak dapat di samakan dengan alam kerana alam mempunyai bentuk dan komposisi. Pernyataan ini dikemukakan oleh Abdul Rasyid Jamak<sup>47</sup>, salah seorang murid Abdul Karim Jamak dan pengganti beliau sebagai guru di Jam’iyatul Islamiyah mengemukakan: Seseorang tidak dapat menyempurnakan iman dan Islamnya yang telah diwajibkan atasnya kecuali dengan mengerjakan perintah dan menjauhkan diri dari laranganNya kerana Allah telah menganugerahkan akal kepada manusia agar mereka dapat membezakan baik dan buruk.

Pada pandangan ini, Abdul Karim Jamak sependapat pula dengan pemikiran kaum Mu’tazilah, dimana Mu’tazilah berpandangan bahawa segala pengetahuan diperoleh melalui akal, kewajipan-kewajipan boleh diketahui dengan pemikiran yang mendalam. Dengan demikian juga bersyukur kepada Tuhan sebelum turunnya wahyu wajib<sup>48</sup> Bagi Mu’tazilah baik dan jahat wajib diketahui melalui akal

---

<sup>44</sup> Audal Amlī, (Da’ī Jam’iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 25 Mei 2012

<sup>45</sup> Al-Majlisi, Muhammad Ba’qir, *Biha’r al-Anwar*, (Taهران : Da’ir al-Kutub al-Islamiyyah, 1376H/1956), 261

<sup>46</sup> Al-Baqilani, Abu Bakr Muhammad b. al-Tayyib, *al-Insaf*. Misr : Makhtabah al-Azhariyyah li al- Turath, 1369), 27

<sup>47</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Da’ī Jam’iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 26 Mei 2012

<sup>48</sup> Al- Syahrastāni, *al-Milal wa An-Hilal*, (Beirut : Dar al-Fikr, Juz 1, t.t), 42

demikian juga mengerjakan yang baik dan menjauhi yang jahat adalah wajib pula<sup>49</sup>.  
„Abd al-Jabbar, mengemukakan bahawa akal dapat mengetahui kewajipan terhadap Tuhan, bersyukur di atas nikmatNya, meninggalkan kekufuran, berbuat adil, mengetahui buruknya kezaliman dan permusuhan<sup>50</sup>.

Bagi al-Asyā'irah pula berpandangan bahawa segala kewajipan manusia hanya boleh diketahui melalui wahyu. Akal tidak boleh membuat sesuatu menjadi wajib dan tidak boleh mengetahui bahawa mengerjakan yang baik dan menjauhi yang buruk adalah wajib bagi manusia<sup>51</sup>.

Kesempurnaan tidak mengharuskan sampainya pada puncak yang dituju, kerana adanya bermacam-macam tingkatan sesuai dengan tingginya kuantiti dan kualiti amal serta keimanan. Lantaran itu menjelaskan persoalan sifat-sifat Allah tidak boleh disamakan atau dikiaskan dengan sifat-sifat makhluk kerana dikuatiri akan menyeleweng daripada al-Quran<sup>52</sup>. Berkaitan dengan hal tersebut pengajaran Abdul Karim Jamak tentang penting mempelajari akidah sebagaimana yang disebutkan dalam ayat-ayat al-Quran, seperti :

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝

Al-Ikhlās 112 : 1-4

Terjemahan :Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Dia tiada

<sup>49</sup> Al-Syahrastāni, *Ibid*, 45

<sup>50</sup> „Abd Jabbar, al-Qadi Abu Hasan b. Ahmad, *Syarah al-Usul al-Khamsah*, Tahqid, „Abd al-Karim, (al-Qahirah : Maktabah Wahabah, 1384H/1965M), 51-52

<sup>51</sup> Abu` Zahrah, Muhammad, *Tarikh al-Madha`hib al-Islā`miyyah fi al-Siyasah wa al-Aqa`id*, (al-Qahirah : Da`r al-Fikr al-Arabi, 1971), 183

<sup>52</sup> Al-Saduq, Abu` Ja`far Muhammad bin „Ali Hussayn bin Mu`sa` bin Babawayh al-Qummi, *al-Tawhi`d*, (Taheran : Maktabah al-Saduq, 1387H), 102

beranak dan Dia pula tidak diperanakkan Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya.

Abdul Karim Jamak sangat tegas mengajarkan bahawa masyarakat Islam, wajib memperkuat keyakinannya kepada Tuhan, agar tidak menyimpang dengan ketauhidan yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. Abdul Karim Jamak, mengemukakan bahawa Akidah adalah simpulan, ikatan, sangkutan, perjanjian dan kokoh. akidah juga berarti iman, kepercayaan dan keyakinan<sup>53</sup>.

Menurut Islam, manusia adalah makhluk ciptaan Allah yang paling mulia diantara makhluk ciptaan-Nya yang lain yang dipercaya untuk menjadi khalifah dimuka bumi. Dengan segala usaha, kerja dan doa manusia dapat menemukan jalan kehidupannya sendiri kecuali pada beberapa ketetapan yang tak bisa diubah seperti rezeki, mati, jodoh. Sebagaimana firman Allah s.w.t

لَهُر مُعَقَّبَتٌ مِّن بَيْن يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ

مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ وَمَا لَهُمْ

مِّن دُونِهِ مِنْ وَالٍ

Al-Ra'ad 13 : 11

Terjemahan : Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, Yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) Dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa Yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa Yang ada pada diri mereka sendiri. dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapaupun Yang dapat menolak atau menahan apa Yang

<sup>53</sup>

Abdul Karim Jamak, 1992, Khutbah Rukun Sembahyang Tiga Belas, h, 2

ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapaupun Yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadanya.

Abdul Karim Jamak, selanjutnya menyatakan bahawa, masalah ketuhanan dalam Islam dikaji melalui *ushuluddin* atau dasar-dasar agama. Sebab, soal ketuhanan merupakan keyakinan batin dan keyakinan spiritual seseorang<sup>54</sup>. Azhar Arsyad murid Abdul Karim Jamak juga menjelaskan bahawa dalam Islam, dasar-dasar agama yang perbincangan tentang ketuhanan ini mengarah kepada mengesakan Tuhan, dan lapangan itu disebut juga dengan ilmu *tauhid*.<sup>55</sup> Kemudian Shahrin Harahap, juga murid Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa seseorang mencapai kesadaran akan kebenaran hakiki tentang adanya Tuhan, yakni Allah Yang Maha Esa, maka dengan begitu ia telah memasuki wilayah keimanan atau keyakinan kepada Allah. Tauhid adalah suatu ilmu yang membahas tentang “wujud Allah”, tentang sifat-sifat yang wajib tetap ada pada-Nya, sifat-sifat yang boleh disifatkan kepadaNya dan tentang sifat-sifat yang sama sekali wajib dilenyapkan dariNya.<sup>56</sup>

Apa yang telah dikemukakan oleh Abdul Karim Jamak, Kemudian Hamka<sup>57</sup> pula mengemukakan bahawa seruan Nabi Muhammad saw tentang iktikad atau tauhid menurut Al-Quran dan Hadis adalah; Dia (Muhammad) menyeru segenap bangsa manusia supaya mengesakan Tuhan, mentauhidkan Allah, pada ZatNya dan sifatNya dan perbuatanNya, suci daripada segala keserupaan dan umpama. Dialah

---

<sup>54</sup> Abdul Karim Jamak, 1994, Op.cit, h. 2

<sup>55</sup> Azhar Arsyad, (Profesor, Doktor, Ketua Umum Jam'iyatul Islamiyah, murid Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 04 Agustus 2015

<sup>56</sup> Shahrin Harahap, (Profesor, Doktor, Dewan Pimpinan Pusat Jam'iyatul Islamiyah, Jambi), dalam temubual dengan penulis, 24 September 2014

<sup>57</sup> Salah seorang Ulamak Nusantara, yang juga merupakan salah seorang guru Kh. Abdul Karim Jamak, sebagaimana yang disebutkan dalam ikhtisar beliau. Nama lengkap beliau adalah Hj. Abdul Malik Karim Amrullah. Lihat jati diri Hamka, dalam Tasawuf Modern, h, iii

*Rabb al „Amin*, menjaga akan segenap alam. Segala sesuatu di dalam ujud ini tunduk kepada kuasaNya<sup>58</sup>.

Apa yang dimiliki oleh Allah s.w.t baik zat mahupun sifat, Dialah yang mengatur menurut kesukaanNya. Segala yang ada di dalam alam, dari Dia datangnya dan kepadaNya kembali. Diketuinya segenap sesuatu, besar dan kecil. Dia yang mentkadirkan segala-galanya<sup>59</sup>.

Dari penjelasan tentang pengertian sifat Allah, dapat disimpulkan bahawa Allah dan sifat-Nya berbeza dengan zat makhluknya. Pemberian nama kepada Allah dengan Yang Kuasa, tak mengharuskan samanya kekuasaan Allah dengan kekuasaan hamba yang kuasa. Begitu pula pemberian nama kepada Allah, Yang Mengetahui, Yang Berkehendak, Yang Hidup, Yang Mendengar, Yang Melihat, dan sebagainya tidak sama dengan hamba yang memiliki sifat-sifat seperti itu. Da tauhid merupakan asas bagi muslim, menyamakan Tuhan dengan ciptaan adalah satu kesalahan dan merupakan dosa yang tidak dapat diampuni seperti yang disebutkan dalam Al-Quran. Umat muslim percaya bahawa keseluruhan ajaran Islam bersandar pada prinsip Tauhid, iaitu percaya "Allah itu Esa, dan tidak ada sekutu bagi-Nya." Bahkan tauhid merupakan konsep teoritis yang harus dilaksanakan karena merupakan syarat mutlak setiap muslim.

---

<sup>58</sup> Hamka , Sejarah Umat Islam, (Edisi Baru), (Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD,1997), cet. 2, h, 140  
<sup>59</sup> Al-Majlisi, *Ibid*, 29-31

### 3.3 Kesucian Sifat Allah

Allah adalah Tuhan pencipta alam semesta ini. Tuhan itu esa dalam segala hal. Yang Maha Mulia, dan Maha Perkasa, Tidak ada satupun yang boleh menyerupaiNya. Sebagaimana disebutkan dalam firman Allah :

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝

al-Ikhlâs 112 : 1-4

Terjemahan : Katakanlah (Wahai Muhammad):  
"(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; . Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; . Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakkan; Dan tidak ada sesiapaupun Yang serupa denganNya.

Dalam ayat diatas dijelaskan, “Katakanlah, Dia adalah Allah yang Maha Esa, adalah asas akidah, iaitu tidak mengakui ada Tuhan selain Dia dan Dia Maha Esa dan Tunggal<sup>60</sup>. Dan kemudian Allah tempat pergantungan iaitu bahawa segala sesuatu adalah ciptaan Allah, jadi ia bergantung kepada kehendak-Nya<sup>61</sup>.

Hamka<sup>62</sup>, dalam tafsirnya menghuraikan penyiaran yang dibawa oleh Muhammad ke tengah-tengah kaumnya, dengan inilah dimusnahkannya segala urat akar kemusyrikan dan persembahan kepada berhala. Dengan inilah dibersihkannya akal budi manusia daripada waham dan khayal yang tidak menentu, yang selama ini menjadi duri yang selalu menghambat langkah manusia mencerdaskan akal<sup>63</sup>.

<sup>60</sup> Hamka, Tafsir al-Azhar, jilid 10, (Jakarta, Panjimas, 1987). 146

<sup>61</sup> Hamka, *ibid*, . 146

<sup>62</sup> Hamka, *ibid*, 141

<sup>63</sup> Al-Zamakhshari, dalam *al-Kasasyaf*, jld I, h. 148, lebih menekankan akal berbanding dengan perutusan rasul. Ini kerana akal dianggap mampu mmebawa kebenaran dan juga memahami ilmu Allah. Penekanan akal oleh beliau ternyata menerusi dalil al-Quran yang menunjukkan bahawa nabi dikatakan membawa kebenaran perutusan

Dalam membuat penafsiran tentang ayat ini, Al-Tabāri memberi penerangan yang jelas, iaitu telah menetapkan bahawa *Wahdaniyat* adalah keadaan Allah yang bersendirian, dari segala benda lain. Keadaan ini memperlihatkan bahawa Allah bersendirian kerana Dia mempunyai zat. Secara mutlakNya Dia tidak ada kena mengena dengan yang lain dan benda yang lain juga tidak ada kena mengena dengan-Nya<sup>64</sup>. Dan ayat *هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ* menurut al-Saqdi, membawa maksud satu diri, iaitu „Dia“ yang datang secara bersendirian dalam keadaan sempurna dan dinamakan „*Asmā' al Husna*“, sifat kesempurnaan yang tinggi dan tidak dapat dilihat serta tidak ada yang serupa dengan-Nya<sup>65</sup>.

Menurut Abdul Karim Jamak pula setiap yang wujud di dunia ini, adalah tercipta daripada zat-Nya, baik yang bergerak ataupun tidak, yang nampak ataupun tidak. Tidak ada sesuatu benda yang tidak diciptakan oleh Allah<sup>66</sup>.

Berkaitan dengan sifat kesucian Allah, menurut Abdul Karim Jamak adalah aspek kejiwaan dan nilai. Abdul Karim Jamak menjelaskan bagaimana cara untuk menumbuhkan keyakinan terhadap aspek peng-Esaan, aspek Permintaan. dan kebergantungan makhluk terhadap sang khalik-Nya. Kemudian menumbuhkan kecintaan kepada Allah, ikhlas beramal hanya karena Allah, serta mengabdikan diri dan tawakal sepenuhnya kepada-Nya, merupakan nilai keutamaan yang perlu diperhatikan dan diutamakan dalam menyempurnakan cabang-cabang keimanan. Sesungguhnya amalah lahiriah berupa ibadah *mahdhah* dan muamalah tidak akan mencapai kesempurnaan, kecuali jika didasari dengan nilai keutamaan tersebut. Sebab nilai-nilai tersebut senantiasa mengalir dalam hati dan setiap gerak serta

---

menerusi akal, iaitu Allah menjadikan tanda-tanda (*bi- ayatin*) untuk membolehkan mereka mengetahui risalah mereka sendiri.

<sup>64</sup> Abi Jaafar Muhammad ibn Jarir At-Taba'ri, *Jami' l bayan fi Ta'wil al-Quran* jil.2, h. 36

<sup>65</sup> Abdul Rahman, b. Nasir as Saqdi, *Tafsir al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Manan*, (Beirut : Muasasah., 1997), 886

<sup>66</sup> Abdul Karim Jamak, Op.cit, h. 2

perilaku keseharian, karena pada „Ilmu Allah, perbuatan hati itu di ketahui oleh Allah<sup>67</sup>.

Selanjutnya Abdul Karim Jamak, mengemukakan bahawa manusia adalah makhluk yang memiliki personality, yang mencakup kepribadian lahir dan batin serta bermartabat<sup>68</sup>. Oleh Al-Ghazali, kata *khuluq* dan jamaknya *akhlak* yang berarti budi pekerti, etika, moral. Secara etimologis, akhlak berarti *character, disposition*, dan *moral constitution*. Al-Ghazali berpendapat bahawa manusia memiliki citra (*imagery*) lahiriah yang disebut dengan *khalq*, dan imag batiniah yang disebut dengan *khulq*<sup>69</sup>.

Abdul Karim Jamak menjelaskan persoalan tauhid yang secara khas membincangkan tentang adanya perbezaan antara Tuhan (*khaliq*) dengan makhluknya, kemudian terlihat bahawa ia memiliki persamaan kuat dengan pemikir-pemikir Islam lain, seperti yang kaya dengan pemikiran modernnya dan lebih cenderung berfikir seakan pemikiran Mu“tazilahnya, sehingga tidak sedikit dasar pemikirannya dipengaruhi oleh paham tersebut, contohnya ketika Harun Nasution<sup>70</sup>, mengemukakan perbezaan dua pemikiran antara kaum Mu“tazilah dengan kaum Asy“ariyah, dalam masalah ini berkisar sekitar persoalan apakah Tuhan mempunyai sifat atau tidak. Jika Tuhan mempunyai sifat-sifat itu mestilah kekal, seperti halnya dengan zat Tuhan. Dan selanjutnya jika sifat-sifat itu kekal, maka yang bersifat kekal bukanlah satu, tetapi banyak. Tegasnya kekalnya sifat-sifat akan membawa kepada paham banyak yang kekal (*ta“addudal qudama“* atau *multiplicity of eternal*s).

---

<sup>67</sup> Abdul Karim Jamak, Op.cit, h, 3

<sup>68</sup> Yang selalu Karim Jamak sampaikan dan ingatkan semasa hidupnya kepada anak-anak beliau serta murid-muridnya, agar mereka tidak lupa akan penciptaan diri manusia itu sendiri.

<sup>69</sup> Abu Hamid Muhammad al-Ghazali,, *Ihya“ Ulum al-Din*, (Beirut : Dar al-Fikr, t.t), Juz III, h, 58

<sup>70</sup> Harun Nasution, Teologi Islam Aliran, Sejarah, Analisa Perbandingan, (Jakarta : Universitas Indonesia Press, 1986), cet. Ke 5, h. 135



Harun Nasution menjelaskan pula, pemikiran al-Asy'ari ibn Ismail, dalam kitabnya *Maqalat al-Islamiyin*, bahawa adanya beberapa pertentangan tentang sifat-sifat Tuhan. Kaum Mu'tazilah mencoba menyelesaikan persoalan ini dengan mengatakan bahawa Tuhan tidak mempunyai sifat<sup>71</sup>.

Defenisi mereka tentang Tuhan, sebagaimana dijelaskan oleh Asy'ari, bersifat negatif. Tuhan tidak mempunyai pengetahuan, tidak mempunyai kekuasaan, tidak mempunyai hajat dan sebagainya. Ini tidak berarti bahawa Tuhan bagi mereka tidak mengetahui, tidak berkuasa, tidak hidup dan sebagainya. Tuhan tetap mengetahui, berkuasa dan sebagainya tetapi mengetahui, berkuasa dan sebagainya bukanlah sifat dalam arti kata sebenarnya. Arti "Tuhan Mengetahui" kata Abu al-Huzail, ialah Tuhan mengetahui dengan perantara Pengetahuan dan pengetahuan itu adalah Tuhan sendiri. Dengan demikian, pengetahuan Tuhan, sebagaimana dijelaskan oleh Abu al-Huzail, adalah Tuhan sendiri. Arti "Tuhan mengetahui dengan esensinya, kata al-Juba'i, ialah untuk mengetahui, Tuhan tidak berhajat kepada suatu sifat dalam bentuk pengetahuan atau keadaan mengetahui<sup>72</sup>.

Adanya perbezaan dalam memberikan pemahaman tentang kesucian sifat tuhan, sebenarnya tidak menjadikan sesuatu yang mentiadakan wujud Tuhan. Maksudnya adalah Tuhan bagaimanapun adalah yang segala-galanya bagi makhluk. Tuhan adalah sang pencipta yang tiada bandingannya.

Menurut Nurchalis Madjid<sup>73</sup>, salah seorang sarjana muslim Indonesia yang terkemukak dengan syarahan dan tulisannya dan turut mengkaji persoalan keagamaan di nusantara, bahkan dalam pandangannya terhadap pemikiran Abdul Karim Jamak, beliau menjelaskan bahawa wujud keagamaan yang hakiki, iaitu yang

---

<sup>71</sup> Harun Nasution, *Ibid*, . 135

<sup>72</sup> Harun Nasution, *Ibid*, 135

<sup>73</sup> Nurchalis Madjid, 1998, *Islam Kemoderenan dan Keindonesiaan*, (Bandung : Mizan, 1988), cet. 11, 122

berupa pengalaman khusus yang berusaha menyatakan dirinya dalam simbol-simbol dan mencari pernyataan intelektualnya dalam ilmu kalam dan teologia, ialah rasa kesucian. Dan rasa kesucian ini, sebagaimana rasa lapar, nafsu marah dan keasyikan cinta adalah sesuatu yang tidak mungkin diterangkan. Ia ada menurut apa adanya, dan hanya dapat dikomunikasikan dengan kata kepada orang lain yang memiliki pengalaman yang sama.

Apa yang dikemukakan oleh Nurchalis Majid, adalah bahagian dari teori ketuhanan yang disampaikan oleh Abdul Karim Jamak. Abdul Karim Jamak menyatakan bahawa penyembahan dan kepatuhan akan zatNya Allah terletak pada kesedaran pada diri sendiri, yang tidak pernah menyekutukan Allah s.w.t<sup>74</sup>.

Rasa kesucian itu dapat dipertukarkan (*interchangeable*), atau setidaknya tidaknya, amat erta hubungannya dengan rasa kebaikan, kebenaran, keadilan, kemuliaan, dan seterusnya yang serba *sublime* atau tinggi. Adanya rasa kesucian yang serba mencakup itu pada jiwa manusia, secara alamiah atau fitriah, telah membuat manusia menjadi apa yang disebut *hanif* dalam agama Islam<sup>75</sup>.

Sarjana Islam lain seperti Abu Hasyim, berpendapat, bahawa arti “Tuhan mengetahui melalui esensinya”, ialah Tuhan mempunyai keadaan mengetahui, tetapi sungguhpun terdapat perbezaan paham antara pemuka-pemuka Mu“tazilah tersebut, mereka sepakat mengatakan bahawa Tuhan tidak mempunyai sifat<sup>76</sup>. Dan menurut al-Baghdadi, terdapat konsensus dikalangan kaum Ays“ari bahawa daya,

---

<sup>74</sup> Abdul Karim Jamak, Op.cit, h. 4

<sup>75</sup> Nurchalis Madjid, Op.Cit, h, 123

<sup>76</sup> Al-Syarastāni, Muhammad Ibn ,Abd al-Karim, *Kitab al Milal wa alnihal,I*, (Kairo, 1951), 122

pengetahuan, hayat, kemahuan, pendengaran, penglihatan dan sabda Tuhan adalah kekal<sup>77</sup>.

Abdul Karim Jamak yang lahir di zaman pemikiran tradisional, pemikirannya tentang sifat Tuhan, cenderung mengikuti paham Al-Asy'ari. Umpamanya ketika kaum al-Asy ,ari tidak mengingkari bahawa Tuhan mempunyai sifat, kerana perbuatan-perbuatannya, disamping menyatakan bahawa Tuhan mengetahui, menghendaki, berkuasa dan sebagainya juga menyatakan bahawa Ia mempunyai pengetahuan, kemahuan dan daya<sup>78</sup>. Abdul Karim Jamak pun dalam pedoman pengajian Jam'iyatul Islamiyah tersebut beliau menyajikan bahawa adapun sifat yang wajib untuk di ketahui bagi Allah s.w.t iaitu ; dua puluh sifat.<sup>79</sup> Abdul Karim Jamak, juga membahagikan sifat dua puluh tersebut kepada empat bahagian<sup>80</sup>:

1. Sifat Nafsiah, yakni sifat dirinya Allah s.w.t yaitu satu *wujud*
2. Sifat Salbiyah, yang terkandung dalam sifat ini lima sifat yaitu; *qidam, baqa, mukhalafatuhu lilhawadits, qiyamuhu binafsihi* dan *wahdaniyyat*.
3. Sifat Ma'ani, yang terkandung dalam sifat ini tujuh sifat, yaitu; *qudrat, iradat, ilmu, hayat, sama"*; *bashar* dan *kalam*.
4. Sifat Maknawiyah, yang terkandung dalam sifat ini tujuh sifat, yaitu: *qadirun, maridun, „dimun, hayyun, sami"un, bashirun,* dan *mutakallimun*.

<sup>77</sup> Abu al Yusr Muhammad Al Bazdawi, *Kitab Usul al -Din* Ed. Hans Peter Linss, (Kairo : Isa al-Babi al halabi, 1963), 90

<sup>78</sup> Al-Syarastani, Muhammad Ibn ,Abd al-Karim *Ibid*, h, 150

<sup>79</sup> Abdul Karim Jamak, *Buku Pedoman Jam'iyatul Islamiyah*, cet. Ke 4, (Jakarta : Penerbit Jam'iyatul Islamiyah, 2010), 39

<sup>80</sup> Abdul Karim Jamak, *Ibid*, 40

Pandangan Abdul Karim Jamak, dalam konsep ketuhanannya cenderung kepada faham al-Asyā'ari, namun disisi lain, Abdul Karim Jamak juga memiliki pandangan sendiri tentang ketuhanan dalam bentuk *ma'rifah* dan *tauhid* atau lebih cenderung kepada penjelasan berbentuk tarikat.

Abdul Karim Jamak sangat berhati-hati dalam menjelaskan Ketuhanan pada murid-muridnya, kerana beliau khawatir terjadi kesalahpahaman, sehingga dapat merusak akidah mereka. Seperti yang dijelaskan Irwan Qulub, yang sentiasa mengikuti kegiatan penyiaran Islam tuan gurunya Abdul Karim Jamak, dan ia salah seorang Ahli Jawatan Kuasa Jam'iyatul Islamiyah<sup>81</sup>; Pendidikan modern dewasa ini lebih cenderung mengikuti kehendak akal, tanpa ada merujuk kepada Al-Quran dan Hadis. Sehingga keyakinan terhadap Tuhan melemah, dan membuat seseorang tidak takut melakukan kesalahan serta maksiat kepada Allah s.w.t dan Rasul-Nya.

Abdul Karim Jamak menjelaskan pula bahawa<sup>82</sup> seorang muslim yang sempurna adalah yang nalar dan hatinya bersinar, pandangan akal dan hatinya tajam, akal pikir dan nuraninya berpadu dalam berinteraksi dengan Allah s.w.t dan dengan sesama manusia, sehingga sukar untuk mengambil keputusan mana yang lebih dahulu berperan kejujuran jiwanya atau kebenaran akalnya. Sifat kesempurnaan ini merupakan ciri khas Islam, yaitu agama yang membangun kemurnian akidah atas dasar kejernihan akal dan membentuk pola pikir teologis yang menyerupai bidang-bidang ilmu eksakta, karena dalam segi akidah, Islam hanya menerima hal-hal yang menurut ukuran akal sehat dapat diterima sebagai ajaran akidah yang benar dan lurus.

---

<sup>81</sup> Irwan Qulub, (merupakan murid yang masih aktif meneruskan kegiatan pengajian Karim Jamak, dan ia juga bekas Ketua Dewan Pimpinan Daerah Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 28 Mei 2012

<sup>82</sup> Irwan Qulub, Ibid.

Abdul Karim Jamak penuh keyakinan berpegang teguh dengan pendapatnya, yang menyatakan sifat kesucian Tuhan adalah hanya Dia Yang Maha menyendiri dengan wahdaniyyah (keesaanNya) dalam keqidaman dan *azaliyyahNya*<sup>83</sup>, Yang Maha kekal dalam ketunggalanNya dalam kesucian *shamadiyyahNya*, sebagaimana dalam firman Allah s.w.t

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝

al-Ikhlâs 112 : 1-4

Terjemahan : Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa, Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat, Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakkan, Dan tidak ada sesiapaupun Yang serupa denganNya.

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa asas utama dalam agama Islam ialah bahawa manusia harus mengenal Allah, yakni wajib percaya bahawasanya Dialah Tuhan yang sesungguhnya, dan tidak ada Tuhan lain yang patut disembah kecuali Dia, Allah Yang Maha Pencipta, Dialah yang mesti Ada, yang awal dan tiada bermula dan yang akhir tiada berkesudahan, tiada sesuatupun yang menyerupainya, Maha esa dalam Ketuhanan-Nya, sifat-Nya maupun af'al-Nya (pekerjaan) Nya, Yang Maha hidup lagi berdiri sendiri, Maha mendengar dan maha melihat, Maha kuasa atas segala sesuatu<sup>84</sup>.

<sup>83</sup> Abdul Karim Jamak menjelaskan, *AzaliyyahNya*; KeberadaanNya yang tidak berawal dan tidak ada permulaanNya, berbeza dengan manusia dan alam semesta ini mereka diadakan oleh Allah yang Maha Pencipta. (Lihat juga makna kata „azal“ dalam *“al-Qamuus al-Muhiith 3/49”*

<sup>84</sup> Zulman Anwar, (murid yang masih aktif dan ia juga merupakan tokoh pemuda sekaligus sebagai Sekretaris (Setia Usaha) Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 01 Juni 2012

Dengan meyakini sifat-sifat yang sempurna bagi Allah s.w.t maka seorang muslim wajib mengetahui sifat yang bagi Allah s.w.t ada dua puluh sifat<sup>85</sup>, iaitu;

1. *Wujud* ertinya ada
2. *qidam* ertinya terdahulu
3. *baqa* ertinya kekal
4. *mukhalafatuhu lil hawadits* ertinya bersalah-salahan dengan yang baharu
5. *qiyamuhu binafsihi* ertinya berdiri dengan sendirinya
6. *wahdaniyah* ertinya satu sahaja
7. *qudrah* ertinya kuasa
8. *iradat* ertinya kehendak
9. „*Imu* ertinya tahu
10. *Hayat* ertinya hidup
11. *Sama* ertinya mendengar
12. *Basyar* ertinya melihat
13. *Kalam* ertinya berkata
14. *Qadirun* ertinya yang kuasa
15. *Maridun* ertinya yang berkehendak
16. „*Alimun* ertinya yang mengetahui
17. *Hayyun* ertinya yang hidup
18. *Sami'un* ertinya yang mendengar
19. *Bashirun* ertinya yang melihat
20. *Mutakallimun* ertinya yang berkata-kata

Sifat dua puluh itu terbagi atas empat bahagian<sup>86</sup>, iaitu:

- 1) *Sifat Nafsiyah*, yakni sifat dirinya Allah s.w.t iaitu satu *wujud*
- 2) *Sifat Salbiyah*, yang terkandung dalam sifat ini lima sifat, iaitu; *qidam*, *baqa*, *mukhalafatuhu lil hawadits*, *qiyamuhu binafsihi* dan *wahdaniyyat*
- 3) *Sifat Ma'ani*, yang terkandung dalam sifat ini tujuh sifat, iaitu; *qudrat*, *iradat*, *ilmu*, *hayat*, *sama*, *basyar* dan *kalam*
- 4) *Sifat Maknawiyah*, yang terkandung dalam sifat ini tujuh sifat, iaitu; *qadirun*, *maridun*, „*alimun*, *hayyun*, *sami'un*, *bashirun* dan *mutakallimun*

Diantara pembahagian kelompok sifat Allah s.w.t diatas, yang turut menjadi perbincangan kalangan *mutakallimun*, adalah sifat *al-Ma'ani*<sup>87</sup>. Asyā'irah dalam masalah menjelaskan bahawa sifat-sifat Allah s.w.t yang azali adalah suatu sifat

<sup>85</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, h. 39-40

<sup>86</sup> Al-Sanusi, Muhammad b. Yusuf, (m.890H), *Matan al-Sanusiyah fi 'Ilm al-Tauhid*, cet. Ke 2, (Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi, 1955/1374), 16-25

<sup>87</sup> Ahmad Zuhdi bin Ismail, *Op.cit*, . 44

yang *za'ʿid* bersama-sama *zat*. Oleh yang demikian mereka menetapkan bahawa sifat-sifat tersebut sebagai sifat *al-Maʿani*<sup>88</sup>. Bila dicermati apa yang disebutkan diatas, maka Abdul Karim Jamak turut mengikuti pemikiran „Asyāʿirah. Dan juga diikuti oleh ulama lain, yang senada dengan maksudnya, seperti yang diperbincangkan oleh Osman Ralibi, tentang masalah keesaan Ketuhanan, sebagaimana yang dijelaskan oleh Daud Ali yang membagikan kepada 7 faktor<sup>89</sup>:

1. Allah Maha Esa dalam zat-Nya, zat tuhan yang maha esa bukanlah bahan yang terdiri dari beberapa unsur bersusun. Keyakinan kepada zat Allah yang maha esa mempunyai konsekuensi bagi umat Islam yang mempunyai ekidah demikian, setiap atau segala sesuatu yang dapat dilihat oleh panca indra yang mempunyai bentuk tertentu, tunduk pada ruang dan waktu mengalami, sakit, dan mati lenyap dan musnah, bagi seorang muslim bukanlah Allah, tuhan yang maha esa.
2. Allah Maha Esa dalam sifat-sifatnya, sifat-sifat Allah penuh kesempurnaan, tidak ada yang menyamainya. Tuhan Yang MAha Esa itu bersifat:
  - a. *Hidup*, ini berarti bahawa Allah, Tuahn Yang MAha Esa adalah Tuahn yang hidup. Konsekuensi Tuhan yang demikian adalah setiap atau segala sesuatu yang sifatnya hidupnya memerlukan makanan, minuman, tidur dan sebagainya.
  - b. *Berkuasa*, Konsekuensi keyakinan yang demikian adalah, seorang muslim harus teguh dalam keyakinannya pada

<sup>88</sup> Al-Taffazani, Saʿd al-Din al-Masʿud, *Syarh Maqasid al-Talibin*, II, (Dar al-Tibaʿah al-Amirah, al-Qahirah, 1277 H), 54

<sup>89</sup> Mohammad Daud Ali, Pendidikan Agama Islam, (Jakarta : Rajawali Press, 1997), 202-208

kekuasaan Allah, melebihi segala kekuasaan selain dari kekuasaan Allah.

c. *Berkehendak*, Kehendak atau Iradah Allah yang masih asli termasuk didalam al-Quran yang menjadi kitab suci umat Islam selain itu dapat juga dijumpai pada ayat-ayat kauniyah berupa sunnatullah.

3. Allah Maha Esa dalam perbuatan-perbuatannya. Kita meyakini tuhan tiada bertara dalam melakukan sesuatu, sehingga hanya Dialah yang dapat berbuat menciptakan alam semesta ini. Konsekuensi keyakinan bahawa Allah Maha Esa dalam berbuat adalah seorang muslim tidak boleh mengagumi perbuatan-perbuatan manusia lain dan karyanya sendiri secara berlebihan. Kerana Allah adalah pembuat kepada semua perkara<sup>90</sup>.
4. Allah Maha Esa dalam wujudnya. Wujud Allah lain sama sekali dari wujud alam semesta. Ia tidak dapat disamakan dan dirupakan dalam bentuk apapun juga. Konsekuensi keyakinan yang demikian adalah setiap manusia muslim harus selalu sadar bahawa hidupnya hanyalah sementara di dunia ini, tempat ia di uji mengenai kepatuhan dan ketidakpatuhannya pada perintah dan larangan-larangan Allah yang tercantum dalam syariatnya<sup>91</sup>.
5. Allah Maha Esa dalam menerima ibadah. Allah sajalah yang berhak disembah dan menerima ibadah. Konsekuensi keyakinan ini adalah hanya Dialah yang wajib disembah dan kepadanya pula seluruh shalat, dan ibadah yang kita lakukan, kita niatkan dan kita persembahkan. Dan

<sup>90</sup> Al-Ji, „Add al-Di„n „Abd Rahma„n b. Ahmad, *Syarh al-Mawa„qif fi „Ilm al-Kala„m*, (Cairo : t.tp, 1907), 328

<sup>91</sup> Al-Kulyani„, Abu Ja„far Muhammad b. Ya„cub b. Ishaq, *al-Furu„min al-Ka„fi*, cet. Ke 2,(Teheran : Maktabah al-Saduq, 1381), 100



adanya pengakuan bahawa hanya Allah-lah satu-satunya pemegang hak atas penciptaan, pemilikan, perlindungan dan pengaturan makhlukNya<sup>92</sup>.

6. Allah Maha Esa dalam menerima hajat dan hasrat manusia. Konsekuensi keyakinan ini adalah setiap muslim tidak memerlukan orang lain di dunia ini dalam menyampaikan hajat dan hasratnya kepada Allah<sup>93</sup>.
7. Allah Maha Esa dalam memberi. Keteguhan keyakinan seperti ini adalah seorang muslim wajib percaya pada adanya hukum-hukum alam (sunnatullah) baik alam fisik mahupun psikis dan spiritual yang terdapat dalam kehidupan, baik kehidupan individual mahupun kehidupan sosial secara sempurna<sup>94</sup>.

Abdul Karim Jamak, sebagai seorang Ulama yang terkenal dalam pemaparan tauhidnya, tetap meyakinkan bahawasanya al-Quran telah memberi petunjuk kepada manusia agar mengenal Tuhan yang Maha Pencipta dengan menggunakan bukti-bukti kekuasaanNya. Bukti kekuasaanNya ini menunjukkan pada sifat kesempurnaan, keagungan dan kebaikanNya<sup>95</sup>.

Abdul Karim Jamak, mengemukakan dalil al-Quran, contohnya;

ذَٰلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَلِقُ كُلَّ شَيْءٍ فَاعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ

Al-An'ām 6 : 102

Terjemahan : Yang demikian (sifat-sifatNya dan kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada Tuhan

<sup>92</sup> Sayyid Qutub, *Fi Zilāli Qurān*, Jilid I, (Beirut : Da' al-Syuruq, 1980), 22, jilid VI, 835 dan jilid VII, 1165

<sup>93</sup> Wahbah al-Zuhaili, *Tafsir al-Munir*, jilid 8, (Beirut : Da'r al-Fikr, 1999), 171

<sup>94</sup> Wahbah al-Zuhaili, *Tafsir al-Munir*, jilid 1, (Beirut: Da'r al-Fikr, al-Mu'a'sir, 1991), 94-99

<sup>95</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, 42

(yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, maka Beribadatlah kamu kepadaNya. dan (ingatlah) Dia lah Yang mentadbirkan segala-galanya.

Ayat diatas, menurut Abdul Karim jamak, merupakan pernyataan yang tepat dan lengkap bagaimana kesucian sifat Ketuhanan itu, dan Ia juga menjelaskan Islam menetapkan bahawa keesaan Allah s.w.t meliputi keesaan ketuhanan (*wahdaniyat Rububiyah*). Maka tidak ada Tuhan yang menciptakan, mengelola dan melaksanakan sesuatu melainkan Dia<sup>96</sup>.

Dari penjelasan diatas dapat dipahami bahawa sesungguhnya sifat-sifat Allah s.w.t yang mulia tidak terbatas/terhingga. Di antaranya juga tercantum dalam *Asmā' al Husna*. Sebagian ulama merumuskan 20 Sifat Allah yang wajib dipahami dan diimani oleh umat Islam. Dan seorang muslim yang mencerminkan keimanannya kepada sifat-sifat Allah s.w.t adalah bila mereka, selalu berbuat kebaikan di manapun ia berada karna ia meyakini bahwa Allah itu selalu ada, tidak pernah hilang, selalu beristiqomah dalam beribadah kepada Allah, tidak pernah tergoda oleh ajakan-ajakan yang bisa melalaikannya, selalu baik sangka dalam memandang berbagai persoalan terhadap orang lain, bersungguh-sungguh dalam berbuat kebaikan, termasuk dalam menuntut ilmu, mencintai sesama manusia dia yakin bahwa semua manusia itu sama sebagai makhluk Allah, yang membezakan hanyalah kualiti ketawaannya.

---

<sup>96</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, 43

### 3.4 Keyakinan Terhadap Sifat Allah

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa keyakinan dan beriman kepada Allah s.w.t hendaknya mengiktikadkan dengan keteguhan hatinya akan sifat-sifat Allah s.w.t iaitu yang wajib, mustahil serta yang harus (*jaiz*)<sup>97</sup>. Abdul Karim Jamak menyatakan bahawa seorang mukmin wajib mempercayai semua sifat kesempurnaan yang sesuai dengan keadaan Ketuhanan-Nya dan mustahil bersifat dengan segala kekurangan serta keharusan bagi Allah untuk melakukan setiap yang mungkin atau meninggalkannya. Bahkan dalam sifat-sifat itulah terkandung ketuhanan-Nya serta keagungan-Nya.

Abdul Karim Jamak berpendapat segala pikiran yang mempersamakan sifat Allah s.w.t dengan sifat makhluk-Nya adalah tidak benar, sebagaimana disebutkan dalam al-Quran;

سُبْحٰنَهُۥ وَتَعَالٰى عَمَّا يَصِفُوْنَ

Al-An‘ām 6 : 100

Terjemahan : “ ...Maha Suci Allah dan Maha Tinggi dari sifat-sifat yang mereka berikan.

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa tauhid sifat itu adalah meyakini bahawa sifat-sifat Allah tidak sama dengan sifat-sifat yang lain dan tidak seorangpun yang mempunyai sifat sebagaimana sifat Allah<sup>98</sup>. Seorang muslim harus menyadari dan meyakini bahawa Allah s.w.t itu maujud yakni ada. Dan Dia

<sup>97</sup> Abdul Karim Jamak, *Haluan Muslim, Tuntunan Pengajian Jam‘yatul Islamiyah*, (Sungai Penuh: Dewan Pimpinan Daerah, 1994), 3

<sup>98</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, 42

memiliki nama-nama yang terbaik dan memiliki sifat-sifat yang luhur yang menunjukkan kesempurnaannya yang mutlak<sup>99</sup>.

Abdul Karim Jamak menjelaskan mengimani sifat Allah s.w.t yang sudah ditetapkan Allah untuk diriNya dalam kitab suci dan sunnah Rasul-Nya dengan cara yang sesuai dengan kebesarannya, tanpa penyelewengan dan menyerupaiNya<sup>100</sup>. Firman Allah s.w.t menjelaskan;

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ  
مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Al-A'raf 7 : 180

Terjemahan : Hanya milik Allah asmā'-al Husnā, maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut asma-ul husna itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dari kebenaran dalam (menyebut) nama-nama-Nya. Nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.

Dalam ayat lain dijelaskan pula;

وَلِلَّهِ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Al-Nahl 16 : 60

Terjemahan : Orang-orang yang tidak beriman kepada kehidupan akhirat, mempunyai sifat yang buruk; dan Allah mempunyai sifat yang Maha Tinggi; dan Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

<sup>99</sup> Muhammad Ahmad, Tauhid Ilmu Kalam, (Bandung : Pustaka Setia, 2009), cet. 2, 26  
<sup>100</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit.*, . 11

Salah satu tanda yang meyakinkan tentang adanya Allah s.w.t ialah wahyu, dengan wahyu terbuka rahasia-rahasia tentang sifat Tuhan. Seorang muslim wajib beriman dengan Kitab Allah yang telah diwahyukan kepada Nabi dan RasulNya. Beriman kepada Allah s.w.t menjadi faktor penting bagi manusia, dengan mengetahui sifat-sifatNya. Dan meyakini bahawa Allah s.w.t tidak terdapat sebarang bentuk kelemahan dan sewajarnya Allah s.w.t Esa dalam segala aspek<sup>101</sup>.

Abdul Karim Jamak mengemukakan bahawa mustahil seseorang dapat mengingat Allah kalau belum mengenal-Nya dan mustahil dapat mengenal-Nya, jika belum pernah berjumpa. Dan mustahil pula dapat berjumpa dengan Allah tanpa terlebih dahulu menyertakan diri dan belajar kepada orang yang telah dapat beserta Allah<sup>102</sup>.

Abdul Karim Jamak menjelaskan mengabdikan kepada Allah s.w.t adalah bekerja dengan sekuat tenaga, untuk melayani kepentingan sesama manusia dan mencintai sesama makhluk sekalipun makhluk tersebut tidak dapat berbicara, dengan harapan keimanan tersebut dapat membawa perubahan dalam kehidupan manusia baik dalam bentuk kekuatan rohani yang mampu mengangkat derajat manusia menuju tingkatan yang tertinggi sebagai makhluk Tuhan mahupun untuk sesamanya<sup>103</sup>.

Abdul Karim Jamak menyebutkan manusia memerlukan penuntun untuk mencapai keyakinan yang benar terhadap Allah s.w.t maka Allah mengutus para

---

<sup>101</sup> Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, IV, h. 136

<sup>102</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Penulis mengikuti pengajian rutin Jam'iyatul Islamiyah di Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah, Sungai Penuh. Jumat 18 April 2014)

<sup>103</sup> Abdul Karim Jamak, 1994, Op.cit, h. 6

Rasul<sup>104</sup> untuk diikuti dan ditaati oleh umat manusia. Keimanan dan ketundukan manusia kepada Rasul tentu mengikuti risalah-risalah yang dibawakan kepadanya, berangkat dari ucapan-ucapannya, perbuatan dan takrir<sup>105</sup>. Keimanan seseorang tidaklah sempurna, bila ia hanya yakin kepada Allah s.w.t sahaja, dengan menolak ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w<sup>106</sup>. Rasul yang menyuruh manusia agar mereka memperbanyak menyebut nama Tuhannya<sup>107</sup>.

Kemudian tanda asas agama itu satu dinyatakan oleh Islam dengan terang-terang. Asas itu ialah “Menyembah kepada Allah dan tidak mensyerikatkan-Nya dengan yang lain.” Dan tidak boleh mengambil Tuhan selain dari Allah<sup>108</sup>.

Menurut Abdul Karim Jamak, Dia (Allah s.w.t) yang mengajarkan dan mengizinkan manusia memanggil-Nya Allah dan berbagai-bagai nama yang baik-baik<sup>109</sup>.

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Al-Ikhlâs 112 : 1

Terjemahan : Katakanlah: “Dia adalah Allah, Maha Esa.

Allah adalah as-Samad”.

<sup>104</sup> Al-Tahawi, dalam *Syarah al-Aqidat at-Tahawiyah*, h. 167 menjelaskan; perkataan nabi bermaksud, seseorang yang diberi tahu oleh Allah SWT tentang berita-berita dari langit dan mereka tidak diperintah menyampaikan berita tersebut kepada orang lain. Sedang Ibn al-Manzur, dalam *Lisan al-Arab* jld I, h. 280, menjelaskan bahawa rasul bermaksud perutusan, percampuran dan keseluruhan. Selain itu, ia juga memberi maksud apabila seseorang itu dikenali sebagai rasul ialah apabila ia diutus untuk melakukan sesuatu tugas penting. Rasul diutuskan untuk membawa perutusan Allah dan mereka dipertanggungjawabkan untuk menjalan tugas menyampaikan serta mematuhi peraturan tersebut. Al-Tahawi, berpendapat bahawa rasul adalah seseorang yang menerima berita atau wahyu yang disampaikan oleh Allah SWT dan dia diperintahkan untuk menyampaikan berita tersebut kepada orang lain. *Syarah al-Aqidat at-Tahawiyah*, h. 167

<sup>105</sup> Ahmad Zuhdi, *Urgensi Komitmen Tauhid dalam Berdakwah*, (Sungai Penuh : STAIN Kerinci Press, 2010), cet. 1, 12

<sup>106</sup> Ahmad Zuhdi, *Ibid*, 3

<sup>107</sup> Al-Ghazali, dalam *Aqidah al-Muslim*, h. 235, menjelaskan pemikiran manusia sering menimbulkan krisis dan seandainya dibiarkan tanpa sebarang usaha yang bersungguh-sungguh, mereka akan kehilangan petunjuk. Hidayah Allah SWT menerusi para nabi telah terbukti di dalam sejarah perkembangan umat manusia, menjadi tapak dan tempat perlindungan bagi memperoleh kebaikan dan keberkatan. Al-Juwayni pula dalam *al-Irsyad*, h. 174 menyatakan bahawa akal wajib disusuli dengan perutusan rasul kerana kemampuan akal adalah terbatas, maka perutusan rasul adalah harus sebagai rahmah dan kebaikan dari Allah SWT.

<sup>108</sup> Hamka, *Tasawuf Modern*, (Kuala Lumpur : Darul Nukman, 1998), cet. 3, 106

<sup>109</sup> Zuhadi Karim, (Putra Karim Jamak, Ketua Dewan Pimpinan Daerah Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 22 Mei 2012

Menyebut nama-Nya dengan nama-nama yang lain, juga merupakan perintah Allah s.w.t seperti Dia juga mengizinkan manusia mengatakan bahawa Dia Mendengar, Melihat, Berkuasa, Hidup, Berkehendak, Berkata-kata dan Mengetahui<sup>110</sup>. Abdul Karim Jamak menyebutkan firman Allah s.w.t ;

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا

Tāha 20 : 14

Terjemahan : Sesungguhnya Aku ini adalah Allah, tidak ada Tuhan (yang hak) selain Aku.

Ayat diatas menjelaskan kepada manusia supaya mereka mengetahui Allah s.w.t dan sesungguhnya Allah itu ingin dikenal. ayat diatas erak kaitannya dengan firman Allah dalam surah yang lain, iaitu;

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى ﴿١٥﴾

Al-A'la 87 ; 14

Terjemahan : Sesungguhnya beruntunglah orang yang membersihkan diri (dengan beriman).

Abdul Karim Jamak<sup>111</sup> mengemukakan, bila di analisa lebih jauh selain memiliki persamaan makna, kedua ayat tersebut juga memiliki kaitan di mana ayat yang satu berfungsi sebagai penjelas bagi yang lain. Pada surah Thaha Allah

<sup>110</sup> Surah al-Hashr 59 ; 24

<sup>111</sup> Abdul Karim Jamak, dalam pengajian rutin Jam'iyatul Islamiyah di Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah, dijelaskan kembali oleh Rasyid Jamak, guru tetap Jam'iyatul Islamiyah.

berfirman: “*Sesungguhnya Aku ini Allah*”. Ayat tersebut mengintruksikan kepada manusia kewajiban untuk mengenal Allah. Pada surah al-A‘la ayat 14 Allah berfirman: “*Beruntunglah orang-orang yang mensucikan hatinya*”. Pada ayat ini Allah memuji orang-orang yang mensucikan hatinya, sebab hanya orang-orang yang mensucikan hatinya yang dapat mengenal Allah dan merekalah yang dinyatakan Allah sebagai orang-orang yang beruntung.

Manusia hanya perlu beriman kepada-Nya dan menyebutkan apa yang boleh disebut bagiNya. Allah s.w.t mengizinkan hambanya menyebut tentang Diri-Nya seperti yang diberikan-Nya didalam al-Quran. Al-Quran adalah kebenaran yang sejati, untuk dipedomani, kerana kebenaran yang datang daripada Allah s.w.t kepada Rasulullah s.a.w itulah yang paling benar. Kebenaran yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w kepada umat manusia sebagaimana disebutkan hadits-hadits beliau<sup>112</sup>.

Abdul Karim Jamak<sup>113</sup> berpendapat bahawa tidak ada kebenaran yang melebihi kebenaran syariat, yang perlu di imani, dipercayai. Kebenaran yang diperolehi secara logik, dalil dan penyaksian hati adalah bayangan kepada kebenaran hakiki, manusia berkewajipan mengawasi iktikad akal dan hati supaya keyakinan terhadap “Tiada sesuatupun yang sebanding dengan-Nya” tidak dirobuhkan oleh akal dan hati.

Disisi lain Abdul Karim Jamak, berpandangan bahawa Tuhan tidak memerlukan sifat-sifat dan nilai-nilai tambahan untuk kesempurnaan-Nya tetapi makhluk memerlukan, berhajat dan bergantung kepada tempat dan waktu. Menurut

---

<sup>112</sup> Menurut Abdul Karim Jamak, hadits yang dimaksud adalah hadits-hadits yang sahih dan hasan, bukannya hadits palsu dan lemah. Kerana Nabi adalah orang yang paling mengetahui tentang Allah swt. Lihat Khutbah Ruku7n Sembahyang Yang Tiga Belas, h. 5

<sup>113</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, 8



Abdul Karim Jamak, *Syahadatain* adalah pondasi keimanan seseorang. Untuk itu menjadi sangat penting bagi setiap muslim memahami dengan baik makna yang terkandung dalam *Syahadatain* tersebut<sup>114</sup>. Bagi Abdul Karim Jamak, manusia wajib memiliki keyakinan terhadap Sifat-sifat ketuhanan, kerana sifat-sifat tersebut pada hakikatnya juga diperlukan oleh makhluk bagi melindungi mereka daripada tajalli Allah s.w.t<sup>115</sup>.

Sifat-sifat ketuhanan menjadi hijab yang kukuh melindungi kewujudan makhluk dan menyelamatkan mereka. Kewujudan yang tidak ada hijab melindunginya adalah kewujudan ciptaan ahli silap mata<sup>116</sup>. Ciptaan ahli silap mata tidak stabil, tidak benar dan tidak bertahan kewujudannya. Ciptaan Tuhan yang dihijabkan oleh sifat-sifat ketuhanan bersifat stabil, benar dan kekal kewujudannya sampai kepada akhirat. Hijab ketuhanan yang memegang kewujudan makhluk, yang ada hubungan dengan makhluk, itulah sifat-sifat Tuhan yang Dia izinkan dinisbahkan kepada-Nya. Sifat-sifat-Nya yang tidak boleh diperkatakan adalah sifat-Nya Yang Hakiki.

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۚ وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ

مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Al-A'raf 7 : 180

Terjemahan : Dan Allah mempunyai nama-nama Yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya Dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang Yang berpaling dari kebenaran Dalam masa

<sup>114</sup> Abdul Karim Jamak, *Ibid*, 38

<sup>115</sup> Ahmad Zuhdi, *Aspek-Aspek Tasawuf dalam Studi Islam*, (Kerinci : STAIN-Press, 2013), cet. 1, 54

<sup>116</sup> Abdul Rasyid Jamak, *Op.cit*, 2012

menggunakan nama-namaNya. mereka akan mendapat balasan mengenai apa Yang mereka telah kerjakan.

Aspek Tuhan yang boleh disifatkan dan diperkatakan dinamakan tasybih dan yang tidak boleh dikatakan dinamakan tanzih. “Tiada sesuatu menyamai-Nya” adalah aspek tanzih. “Dan Dia Mendengar dan Melihat” adalah aspek tasybih. Makrifat yang sempurna adalah yang mengenal Tuhan dalam aspek tasybih dan tanzih sekaligus<sup>117</sup>.

Dengan landasan ayat-ayat tersebut, Abdul Karim Jamak dengan penuh ketegasan dan memiliki keyakinan bahawa Allah s.w.t adalah satu-satunya tempat bersandar semua makhluk, dan wajib patuh, ta’at dan tunduk kepada-Nya<sup>118</sup>.

Selanjutnya menyangkut perbezaan mutlak antara ketuhanan dan kerasulan, oleh Abdul Karim Jamak dengan merujuk dengan ayat al-Quran mengemukakan :

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Al-Ḥadīd 57 : 3

Terjemahan : Dialah Yang Awal dan Yang Akhir, dan Yang Zahir serta Yang Batin, dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Disini Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa perbezaan pada sifat dibuat secara ilmiah antara Tuhan dengan makhluk<sup>119</sup> yakni; dengan wujud azalnya.

<sup>117</sup> Lihat al-Ash’āri, *al-Ibanah ,an Usul al-Diniyah*, (Mesir : Idarah al-Tiba’ah al-Munirah, t.t), 9

<sup>118</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, Baca pula, Munawwar Chalil, *Kembali Kepada Al-Quran dan As-Sunnah*, (Jakarta : Bulan Bintang, 1991), cet. 8, 5, menjelaskan bahawa ta’at artinya ikut dan tunduk, tidak membantah. Ta’at kepada Allah artinya mengerjakan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Dan ta’at kepada Rasul (Muhammad saw) artinya mengerjakan perintah-perintahnya dan menjauhi larangan-larangannya, pula mengikuti/mencontoh segala pimpinannya.

Secara ilmiah disebutkan sifat Wujud, Hidup, Melihat dan sebagainya. Walaupun dipandang satu-satu namun keunikan sifat tersebut tetap ada. Keunikan tersebut disebut juga kemutlakan. Ilmu Tuhan dikatakan ilmu yang Mutlak. Ilmu Mutlak tidak mampu dihuraikan. Dalamnya berkumpul pengetahuan dari awal hingga ke akhirnya. Ini bermakna Tuhan mengetahui tentang alam ini daripada sebelum adanya hinggalah kepada tanpa kesudahan. Tuhan mengetahui daripada azali hinggalah kepada abadi dan pengetahuan tersebut adalah pengetahuan secara keesaan, iaitu tatkala mengetahui yang azali itu jugalah Dia mengetahui yang abadi. Tidak ada ruang atau jarak masa pada pengetahuan-Nya sekalipun pengetahuan itu mengenai perkara yang melalui ruang, masa dan zaman. Pada sisi Tuhan, kelmarin, hari ini dan esok adalah yang sama. Tidak ada masa, ruang dan jarak pada sisi-Nya.

Abdul Karim Jamak mengetahui bahawa hakikat daripada zat Ketuhanan itu tidak mungkin di ma'rifati oleh akal fikiran dan sudah pasti tidak dapat dicapai puncak daripadanya. Kerana akal fikiran manusia tentu tidak dapat menjangkau zat ketuhanan tersebut.<sup>120</sup>

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa akal manusia bagaimana juga cerdas dan pandainya, kuat daya ingatannya, tetapi tetap memiliki keterbatasan. Bahkan menurut Abdul Karim Jamak, manusia itu sampai saat ini belum dapat mengetahui secara sempurna tentang hakikat jiwanya sendiri, penelitian tentang jiwa hingga sekarang masih merupakan penyelidikan<sup>121</sup>. Dengan mengambil salah satu firman Allah, Abdul Karim Jamak berpandangan bahawasanya ilmu ketuhanan

---

<sup>119</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Da'ī Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 23 Mei 2012, yang menjelaskan bahawa rasul adalah orang yang diutus untuk menyampaikan sesuatu. Maksudnya adalah orang yang diberi wahyu syara' untuk disampaikan kepada umat.

<sup>120</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, 9

<sup>121</sup> Abdul Karim Jamak, *Ibid*, 22

yang dimiliki oleh manusia sangatlah lemah. Kerana manusia baru mampu mengkaji dari kulitnya sahaja. Sebagaimana disebutkan:

وَعَدَّ اللَّهُ لَا يُخَلِّفُ اللَّهُ وَعَدَّهُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾ يَعْلَمُونَ ظَاهِرًا

مِنَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ عَنِ الْآخِرَةِ هُمْ غَافِلُونَ ﴿٧﴾

Al- Rūm 30 : 6-7

Terjemahan : “.... tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. Mereka hanya mengetahui yang lahir (sahaja) dari kehidupan dunia; sedang mereka tentang (kehidupan) akhirat adalah lalai”.

Bagi Abdul Karim Jamak, ilmu yang dimiliki manusia pada hakikatnya adalah ilmu-ilmu yang berkaitan dengan dunia dengan ragamnya. Pandangan Abdul Karim Jamak tersebut juga didapati hampir sama dengan Ibnu al-Kathîr dalam tafsir, ia menjelaskan bahawa kebanyakan manusia seakan tidak mempunyai ilmu kecuali dengan ilmu dunia, dalam masalah ini mereka cerdik cendikia, tetapi mereka lalai (bodoh) terhadap perkara-perkara *din* dan hal-hal yang bermanfaat bagi mereka di akhirat. Mereka dalam hal agama dan akhirat ini bagai orang dungu yang tidak punya nalar dan akal pikiran<sup>122</sup>.

Abdul Karim Jamak menyebutkan, pada sisi lain sifat Tuhan tentang Berkata-kata juga Mutlak. Tuhan berkata-kata sejak kezalihan sampai kepada keabadian tanpa satu patah perkataan dan tanpa suara. Manusia bercakap dalam satu

<sup>122</sup> Ibnu Katsir, *Tafsir Ibnu katsir*, (Beirut : Dar Al-Fikri, 1412 H/1992), Jilid 3, 517

tempuh menggunakan berpatah-patah perkataan dan ada mengeluarkan suara. Tetapi Tuhan Berkata-kata dalam keadaan Kalam-Nya yang pertama dengan Kalam-Nya yang terakhir adalah Kalam yang sama, tidak berpisah, tidak berbeza dan tidak bersuara. Begitu juga dengan sifat Tuhan yang lain. Sifat kemutlakan menyebabkan Tuhan berkuasa berhubung dengan makhluk-Nya tanpa berlaku pertembungan Wujud Tuhan dan sifat Tuhan dengan wujud makhluk dan sifat makhluk. Kemutlakan sifat Tuhan menyebabkan tidak mungkin makhluk termasuklah manusia bersekutu dengan perbuatan atau sifat Tuhan, apalagi Zat Tuhan. Manusia yang membalingkan tombaknya perlu mengadakan beberapa pergerakan, tetapi perbuatan Tuhan tidak memerlukan pergerakan<sup>123</sup>.

Abdul Karim Jamak memperjelaskan lagi, sebagaimana yang dihuraikan oleh Basrun murid beliau<sup>124</sup> tidak mungkin manusia menggunakan perbuatan Tuhan dalam melakukan perbuatannya. Kebenaran ini tidak terjangkau oleh logik. Hukum logik mengatakan tidak mungkin Tuhan Mengetahui benda-benda alam jika Ilmu-Nya tidak ada hubungan dengan benda-benda tersebut. Hukum logik juga mengatakan tidak mungkin Tuhan menciptakan alam jika Kuasa-Nya tidak ada hubungan dengan alam. Hukum logik tidak mengerti bahawa pada tahap “Tuhan melampaui segala sesuatu” keabadian yang lalu (azali) dan keabadian yang akan datang (abadi) adalah satu masa yang sama, malah masa tidak wujud pada tahap ini. Itulah kemutlakan. Pada tahap kemutlakan jika sifat Wujud dipakaikan kepada Tuhan maka ia adalah Wujud Mutlak yang tidak ada permulaan, tiada kesudahan, tidak menempati ruang dan tidak ada persaingan daripada yang tidak Mutlak.

---

<sup>123</sup> Abdul Karim Jamak, 2010, *Op.cit*, h. 41

<sup>124</sup> Basrun Jamil, (Da'ir Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh) dalam temubual dengan penulis, , 23 Mei 2012

### 3.5 Kesempurnaan Sifat Allah

Untuk melihat kesempurnaan sifat Allah adalah dengan jalan membuktikan wujud Allah melalui fenomena-fenomena alam yang memerlukan „sebab“, seperti diisyaratkan dalam ayat al-Qur’an berikut ini:

سُرِّيهِمْ ءَايَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ ۗ أَوَلَمْ يَكْفِ

بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ

Fussilat 41 : 53

Terjemahan : Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segala wilayah bumi dan pada diri mereka sendiri, hingga jelas bagi mereka bahwa Al Quran itu adalah benar. Tiadakah cukup bahwa sesungguhnya Tuhanmu menjadi saksi atas segala sesuatu.

Abdul Karim Jamak mengemukakan bahawa beberapa bukti kesempurnaan sifat Allah s.w.t dengan memahami ayat-ayat al-Quran. Kerana al-Quran yang menjelaskan kepada manusia supaya merenungkan fenomena alam dan keunikan-keunikan makhluk yang ada di dalamnya sangatlah banyak. Tentang hal ini, dapat diklasifikasikan kepada dua kelompok<sup>125</sup>:

<sup>125</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, 54

*Pertama*, ayat-ayat tentang benda-benda mati di langit dan di bumi.

Misalnya, ayat yang berbunyi;

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي الْأَلْبَابِ

Āli-,Imrān 3 : 190

Terjemahan : Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal.

*Kedua*, ayat-ayat tentang keunikan berbagai ragam binatang. Diantaranya ayat yang berkenaan dengan kehidupan lebah berikut ini;

وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنْ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ ﴿٦٨﴾

ثُمَّ كُلِي مِن كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلُلًا يَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُّخْتَلِفٌ

أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Al-Nahl 16 : 68-69

Terjemahan : Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-gunung dan di pokok-pokok kayu dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia. Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu. (Dengan itu) akan keluarlah

dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari berbagai-bagai penyakit). Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir.

Abdul Karim Jamak. Karim Jamak menjelaskan bahawa zat dan sifat merupakan satu wujud ketuhanan yakni Allah s.w.t kerana sifat adalah menunjukkan zat-Nya Allah s.w.t<sup>126</sup>. hal tersebut menjelaskan bahawa tuhan bukan lah dua, seperti tuhan sifat dan tuhan zat. Contohnya adalah sebagaimana disebutkan dalam firman-Nya:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلِيمٌ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Al-Hasyr 59 : 22

Terjemahan : Dialah Allah Yang tiada Tuhan selain Dia, Yang Mengetahui yang ghaib dan yang nyata, Dialah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang”

Ayat tersebut menurut Abdul Karim Jamak secara umum menyatakan Zat iaitu Allah s.w.t dan ada sifatnya iaitu „*alimun* iaitu mengetahui. Bahkan dalam pandangan *Ahlu Sunnah* mengatakan bahawa Tuhan mempunyai sifat, bukan hanya satu atau dua, melainkan banyak sekali. Ada sifat yang mesti (wajib) ada pada Tuhan, ada yang mustahil (tidak mungkin) ada pada Tuhan dan ada yang boleh

<sup>126</sup>

Abdul Karim Jamak, *Op.cit.*, . 4



(jaiz) ada pada Tuhan<sup>127</sup>. Kesempurnaan Allah s.w.t juga disebutkan dalam ayat yang lain, iaitu;

هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ يُسَبِّحُ لَهُ

مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Al-Hasyr 59 : 24

Terjemahan : Dialah Allah Yang Menciptakan, Yang Mengadakan, Yang Membentuk Rupa, Yang Mempunyai Asmā al Husnā. Bertasbih kepada-Nya apa yang di langit dan bumi. Dan Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Menurut Abdul Karim Jamak, *al-Khaliq, al-Bari''u* dan *al-Mushawwiru* adalah sifat bagi Allah s.w.t. Allah s.w.t mengabarkan dirinya dalam al-Quran bahawa Dia mempunyai sifat yang menjadikan, yang menciptakan dan yang membentuk segala rupa<sup>128</sup>.

Penjelasan diatas menunjukkan bahawa Abdul Karim Jamak telah menjelaskan bahawa Allah s.w.t memiliki sifat yang sempurna dengan menyebutkan contoh-contoh sifat kesempurnaanNya itu dalam beberapa ayat al-Quran, yang isinya menyatakan sifat-sifat Allah s.w.t yang diwajibkan bagi

<sup>127</sup> Taufik Rahman, *Tauhid Ilmu Kalam*, (Bandung : Pustaka Setia, 2013), cet. 1, 173

<sup>128</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, h. 4

manusia untuk mengetahuinya. Sifat yang ditunjukkan tersebut bukan hanya membawa cerita-cerita, tetapi menjelaskan dalil dan bukti yang nyata<sup>129</sup>.

Pemikiran tentang kesempurnaan Ketuhanan dalam Islam merupakan suatu yang dihasilkan oleh pemikiran muslim sejak Rasulullah s.a.w sampai sekarang. Hal itu merupakan suatu upaya akal dari para ulama Islam untuk menerangkan Islam dari sumbernya yang asli, yakni al-Quran dan Sunnah. Sebagaimana yang diisyrakat oleh Yang Maha Sempurna itu sendiri dalam firmanNya:

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَتَّبِعْتَنِي لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ وَلَا يُعْنِي عَنْكَ شَيْءٌ

Maryam 19 : 42

Terjemahan : Ketika ia berkata kepada bapanya:" Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda Yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun?

Bagi Abdul Karim Jamak, ayat tersebut diatas mempunyai maksud bahawa sesungguhnya siapa sahaja yang tidak memiliki sifat-sifat kesempurnaan, tidak patut disebut Tuhan. Itulah sebabnya Allah menurunkan ayatNya yang terkandung dalam surah Maryam. Kemudian dikemukakan pula oleh Allah dalam firmanNya yang lain:

أَمْ خُلِقُوا مِنْ غَيْرِ شَيْءٍ أَمْ هُمْ الْخَالِقُونَ ﴿٢٥﴾ أَمْ خَلَقُوا السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بَلْ لَا يُوقِنُونَ

<sup>129</sup>

Lihat Sahilun A. Nasir, *Pemikiran Kalam (Teologi Islam), Sejarah, Ajaran dan Perkembangannya*, Jakarta, Rajawali Press, h. 7 dan Abdul Rozak, Rosihan Anwar, 2011, dalam *Ilmu Kalam untuk UIN, STAIN, PTAIS*, Bandung, Pustaka Setia, cet. VI.

Terjemahan : Apakah mereka diciptakan tanpa sesuatupun ataukah mereka yang menciptakan (diri mereka sendiri). Ataukah mereka telah menciptakan langit dan bumi itu?; sebenarnya mereka tidak meyakini (apa yang mereka katakan).

Oleh sebab itu Abdul Karim Jamak, menjelaskan bahawa diantara hal-hal yang perlu diperhatikan dalam menghadapi sifat-sifat Allah s.w.t ialah bahawa makna yang dimaksudkan dari lafaz yang mengenai sifat Allah adalah berbeza sepenuhnya dari makna yang dimaksudkan dari lafaz itu sendiri terhadap sifat makhluk<sup>130</sup>. Penjelasan Abdul Karim Jamak tersebut erat pula kaitannya dengan pemahaman yang dijelaskan oleh Hasbi As-Shidqi, dengan memberikan beberapa contoh dan perumpaan, iaitu; mengatakan Allah mengetahui (*alim*). Ilmu itu suatu sifat Allah. Dan kita mengatakan pula si Anu itu alim. Ilmu disini adalah suatu sifat dari manusia. maka sudah terang makna yang kita maksudkan dari masing-masingnya adalah berbeza<sup>131</sup>.

Allah s.w.t tidak menyerupai sesuatu, baik yang nyata mahupun yang ghaib ataupun yang tersembunyi, sama ada yang muncul dalam fikiran atau khayalan atau perasaan. Dia melampaui apa juga sifat yang disifatkan kepada-Nya. Dia melampaui bahasa apa juga yang digunakan untuk menceritakan mengenai-Nya. Manusia dituntut agar beriman kepada-Nya. Cukuplah dengan beriman bahawa Allah s.w.t adalah Tuhan dan teguhkan iman tersebut tanpa membongkar Rahsia Diri-Nya, kerana tidak ada jalan untuk meruntuhkan benteng keperkasaan-Nya yang

<sup>130</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Da'ī Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 23 Mei 2012,

<sup>131</sup> Hasbi Ash-Shidqy, *Op.cit*, 183

menghalang apa sahaja daripada berdampingan dan bersekutu dengan-Nya. Dia adalah Esa. Ilmu, khayalan, perasaan, cita-cita dan apa sahaja tidak mungkin masuk ke dalam majlis-Nya untuk mengubah keesaan-Nya. Paling tinggi pengenalan tentang Diri-Nya adalah:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝

al-Ikhlâs 112 : 1-4

Terjemahan : Katakanlah: "Dialah Allah, Yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan. dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia.

Ayat diatas menyatakan bahawa Allah s.w.t tidak termasuk di dalam proses beranak dan diperanakkan. Proses beranak dan diperanakkan bukan sekadar kelahiran bayi dari ibunya, malah ia juga termasuk pertumbuhan pokok dari benihnya, perubahan sifat seperti daripada air kepada wap, pemecahan daripada satu kepada lebih daripada satu, pengeluaran cahaya dan bunyi daripada diri, pengeluaran bau, warna, peluh atau sebagainya dan apa sahaja proses yang ada sumber dan ada hasilnya. Allah s.w.t tidak dikurung oleh semua proses tersebut.

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa Dia adalah Allah, Maha Esa. Dia adalah Maha Suci, Maha Tinggi dan Maha Besar daripada apa yang difikirkan, digambarkan, dikhayalkan, diibaratkan, ditekakan, dirasakan dan disifatkan. Bila Dia mengatakan yang Dia Melihat dan Mendengar maka Melihat dan Mendengar-

Nya tidak serupa dengan melihat dan mendengar yang tergambar dalam fikiran dan perasaan manusia<sup>132</sup>.

Abdul Karim Jamak menegaskan bahawa walaupun dibentangkan 20 Sifat-sifat yang dikatakan sebagai Sifat-sifat yang wajib bagi-Nya, tetapi sifat-sifat tersebut bukanlah sifat-Nya Yang Hakiki. Dia tidak tertakluk kepada sempadan wajib, mungkin dan mustahil. Wajib, mungkin dan mustahil adalah sempadan dalam ilmu<sup>133</sup>.

Paparan Abdul Karim Jamak tentang kesempurnaan sifat ketuhanan sangatlah jelas. Kerana dalam pemahamannya bahawa<sup>134</sup> Allah s.w.t berdiri dengan Sendiri. Dia tidak memerlukan sifat Wujud untuk kewujudan-Nya. Dia tidak memerlukan sifat Hidup untuk membuat-Nya Hidup. Dia tidak memerlukan sifat Mendengar untuk menjadikan-Nya mempunyai Pendengaran. Dia tidak memerlukan sifat Melihat untuk Penglihatan-Nya. Dia tidak memerlukan sifat Berkata-kata untuk mengadakan Kalam-Nya. Dia tidak memerlukan sifat Iradat untuk Dia berkehendak. Dia tidak memerlukan sifat Ilmu untuk pengetahuan-Nya. Dia serba cukup. Dia Wujud sendiri-Nya, Melihat sendiri-Nya, Mendengar sendiri-Nya, Hidup sendiri-Nya, Berkehendak sendiri-Nya, Mengetahui sendiri-Nya, Berkata-kata sendiri-Nya dan apa jua pun adalah sendiri-Nya tanpa bersandar kepada sebarang sifat. Dia tidak memerlukan sifat atau nilai-nilai tambahan untuk Kesempurnaan-Nya. Dia Berkuasa tanpa bersandar kepada sifat Berkuasa. Dia Mencipta tanpa memerlukan sifat Berkuasa Mencipta. Allah s.w.t serba cukup dengan Diri-Nya sendiri, dengan keesaan-Nya tanpa memerlukan sokongan sifat dan alat. Sebagaimana disebutkan dalam firmanNya :

---

<sup>132</sup> Abdul Karim Jamak, 1992, 10 Haluan Muslim, 4

<sup>133</sup> *Ibid*, . 6

<sup>134</sup> *Ibid*, 7,

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾

Al-An'ām 6 : 103

Terjemahannya : Dia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata) dan Dialah Yang Maha Halus (melayan hamba-hambaNya dengan belas kasihan), lagi Maha Mendalam pengetahuannya.

Ja'far al-Sajani, menjelaskan maksud ayat tersebut bahawa Allah adalah tunggal, dan tidak mempunyai gambaran dan tidak menyerupai sesuatu. Zat Allah adalah penerangan kepada sesuatu yang diluar jangkauan akal<sup>135</sup>.

Sedangkan Abdul Karim Jamak sebelumnya juga telah mengajarkan supaya murid-murid menguasai ilmu sifat dua puluh sebagai penjelmaan pemahaman terhadap kalamnya Allah, sebagai sebuah disiplin yang mantap dan tepat. Bila seseorang telah mempelajari ilmu kalam, tentu dengan sendirinya ia akan memahami dan meyakini akan keberadaan sifat-sifat ketuhanan itu sendiri. Meskipun Karim Jamak tidak menjelaskan secara terperinci apa yang dimaksud dengan ilmu kalam, paling tidak ia telah mengemukakan bahawa umat Islam wajib mengetahui pembicaraan dan perkataan Allah swt dalam al-Quran<sup>136</sup>.

Justru itu dengan alasan dan fakta yang dikeluarkan oleh Abdul Karim Jamak menyebabkan beliau pada asasnya mengembalikan ajaran al-Asha'irah. Pandangan beliau juga menolak pandangan Mu'tazilah. Sebagaimana yang

<sup>135</sup>

<sup>136</sup>

Syaikh Ja'far al-Sajani, *Mafahim al-Quran Maa'im al-Tauhid fi al-Quran*, Da'r al-Kitab Islamiyah, 1979), 280  
Basrun Jamil, (Murid Karim Jamak, sekarang sebagai Da'I Jam'iyatul Islamiyah Kabupaten Kerinci dan Kota Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 12-12-2012

dijelaskan oleh Wasil bin „Ata“ orang yang pertama dalam kalangan Mu‘tazilah yang meletakkan asas dalam perbincangan menafikan sifat Allah s.w.t<sup>137</sup>. Golongan Mu‘tazilah juga berpendapat bahawa Allah s.w.t tidak mempunyai pengetahuan, kekuasaan, hayat dan sebagainya<sup>138</sup>. Hal ini bukan bererti golongan Mu‘tazilah menganggap Allah s.w.t tidak mengetahui, berkuasa, hidup dan sebagainya. Sifat-sifat tersebut bukan dalam pengertian sifat yang sebenarnya<sup>139</sup>.

Bahkan Abdul Karim Jamak sebelumnya telah mengajarkan dan menyampaikan ajaran tersebut pada setiap pengajian yang beliau pimpin. Tentu apa yang dikemukakan oleh para ilmuwan, teologi Islam dan ilmu kalam, Pada intinya sama, yakni membicarakan;

- a. Kepercayaan tentang Tuhan dengan segala seginya, seperti tentang wujud keesaan dan sifat-sifat Allah.
- b. Pertaliannya dengan alam semesta, yang berarti termasuk didalamnya persoalan terjadinya alam, keadilan, dan kebijaksanaan Tuhan, pengutusan Rasul-rasul yang meliputi soal-soal penerimaan wahyu dan berita-berita alam gaib<sup>140</sup>.

Menurut Abdul Karim Jamak<sup>141</sup>, di dalam Al-Quran sendiri disebutkan setidaknya tiga bukti penting mengenai keberadaan Tuhan, yaitu :

---

<sup>137</sup> Al-Syahrastāni, *Op.cit*, I, 59

<sup>138</sup> Al-Asy‘āri, *Maqalat*, II, 176

<sup>139</sup> Ahmad Zuhdi, b. Ismail, *Op.cit*, 40

<sup>140</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, . 42

<sup>141</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Da‘i Jam‘iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 25 Mei 2012. Dalam pengajian rutin materi ini selalu beliau menjelaskan, tidak usah mempertikai atau membantah apa sahaja yang telah dijelaskan oleh Allah swt dalam al-Quran dan yang diajarkan oleh nabi Muhammad saw. Rasulullah telah membacakan al-Quran dari surah Ali Imran maksudnya:7. Dia lah Yang menurunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab suci Al-Quran. sebahagian besar dari Al-Quran itu ialah ayat-ayat "Muhkamaat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamaat itu ialah ibu (atau pokok) isi Al-Quran. dan Yang lain lagi ialah ayat-ayat "Mutasyaabihaat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). oleh sebab itu (timbulah faham Yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) - adapun orang-orang Yang ada Dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa Yang samar-samar dari Al-

1. Bukti yang diambil dari kejadian alam, yang disebut sebagai pengalaman dasar atau pengalaman jasmani manusia.
2. Bukti tentang kodrat manusia yang disebut pengalaman batin manusia.
3. Bukti yang didasarkan atas wahyu Tuhan kepada manusia yang disebut pengalaman tertinggi atau pengalaman rohani manusia.

Ruang lingkup pengalaman itu akan semakin sempit dan bukti akan semakin selektif, misalnya kejadian pada alam, ini hanya akan membuktikan bahwa alam semesta ini pasti ada. Ada yang menciptakan dan juga ada yang mengatur. Akan tetapi belum cukup membuktikan kepada manusia bahwa Tuhan itu ada.

Kemudian Abdul Karim Jamak melanjutkan beberapa bukti mengenai wujud Tuhan adalah<sup>142</sup>:

1. Adanya hukum evolusi; bukti adanya tujuan dan kebijaksanaan.

Pemahaman evolusi berkembang sepenuhnya pada dua hal; menciptakan dan melengkapi, sehingga segala sesuatu yang diciptakan Allah s.w.t pasti mencapai kesempurnaan yang sudah ditentukan.

2. Di dunia hanya ada satu undang-undang, hal selanjutnya bahwasannya dalam ciptaan Tuhan tidak ada yang tidak seimbang hukum alam.

---

Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari Takwilnya (memutarkan maksudnya menurut Yang disukainya). padahal tidak ada Yang mengetahui Takwilnya (tafsir maksudnya Yang sebenar) melainkan Allah. dan orang-orang Yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya Dalam ilmu-ilmu ugama, berkata:" Kami beriman kepadaNya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami" dan tiadalah Yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang Yang berfikiran.

<sup>142</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Da'ī Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 25 Mei 2012. Lihat juga al-Tahanawi, apabila seseorang yang mengalami tauhid jenis ini ia melihat setiap zat, pelbagai sifat dan perbuatan, tenggelam hapus dalam pancaran cahaya zat Allah, pelbagai sifat dan perbuatan-Nya, *Kashshaf*, 2;1369



3. Seluruh ciptaan di bawah satu pengawasan, keberadaan-Nya terlihat dalam jagat raya, segala sesuatunya mulai dari hal yang kecil hingga segala sesuatu yang berukuran besar tunduk pada satu undang-undang dan berada di bawah satu pengawasan, Yang Maha Mengetahui.
4. Petunjuk yang diberikan oleh kuasa manusia: Dalam jiwa manusia terdapat kesadaran tentang adanya Allah s.w.t. Tiap-tiap orang mempunyai sinar batin bahwa Allah s.w.t Maha Tahu, Maha Mencipta.

Apa yang dikemukakan oleh Abdul Karim Jamak tersebut, yang selalu menyebut Allah s.w.t dengan nama lain *rabb*. Perkataan yang digunakan Abdul Karim Jamak, memiliki persamaan dengan pemikiran seorang ulama tersohor, seperti Abdul Halim Mahmud, menurutnya manusia jika ia mengetahui keberadaan Allah (*al-ma'rifah bi Allah*). Dengan mengetahui keberadaan Allah, manusia akan menjauhi perbuatan yang buruk untuk melakukan perbuatan yang baik. Dengan demikian ini bermakna salah satu sarana/jalan untuk mencapai pengenalan diri dengan Allah.<sup>143</sup>

Bersamaan dengan pemikiran Abdul Karim Jamak diatas, salah seorang ulama yang juga sezaman dengannya, iaitu Abul A'la al-Maududui, turut menjelaskan dalam "*mukaddimah risalahnya*" yakni *Ilah, Rab, Ibadah dan D n*.<sup>144</sup> Menurut beliau keempat kata-kata ini menjadi pokok dan dasar pembahasan al-Qura'n, menjadi poros tempat beredarnya dakwah kitab suci itu. Kesimpulan yang

<sup>143</sup>

Abd Al-Halim Mahmud, *Al-Tafkir Al-Falsafi fi Al-Islam*, (Kairo : Dar Al-ma'arif, t.t), 163-164

<sup>144</sup>

Abul A'la Al-Maududi, *Pengertian Agama, Ibadah, dan Ketuhanan Yang Maha Esa dalam Al-Qur'an*, terj. Mahyuddin Syaf, (Bandung : Penerbit Sinar Baru, 1986), cet. 1, 1

diajarkan oleh al-Quran ialah bahawa Allah s.w.t adalah Tuhan yang Maha Esa lagi Maha Tunggal dan tempat memohon. Tiada Ilah hanyalah Ia, dan tiada Rab kecuali Ia, dan tiada seorang pun yang menyekutui-Nya dalam ketuhanan, baik dalam uluhiyyah mahupun rububiyah-Nya.

Setiap petunjuk dan tuntunan yang disampaikan oleh Al-Qur'an hanya berkisar pada keempat persoalan diatas dan tiadalah tema atau pokok fikiran Kitab suci itu kecuali sebagai berikut<sup>145</sup>, “Bahawa Allahlah yang menjadi Tuhan, baik sebagai Ilah mahupun Rab. Bahawa tiada Rab mahupun Ilah, kecuali Ia. Maka kepada-Nyalah manusia seharusnya menghambakan diri. Dan kepada-Nyalah agama itu ditulusikhaskan”.

وَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ لَهُ الْحُكْمُ

وَالْيَوْمِ تُرْجَعُونَ

Al-Qasas 28 : 88

Terjemahan : Dan janganlah Engkau menyembah Tuhan Yang lain bersama-sama Allah. tiada Tuhan melainkan dia. tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan zat Allah. bagiNyalah Kuasa memutuskan Segala hukum, dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan (untuk dihitung amal masing-masing dan menerima balasan).

Ayat tersebut jelas memberikan pesan bahawa penyembahan yang benar adalah menyembah Allah s.w.t dan tidak ada tempat penyembahan selain daripadanya. Manusia wajib tunduk dan patuh dengan hukum-hukum yang diturunkan melalui al-Quran dan beramal sesuai dengan tuntunan al-Qur'an.

Abdul Karim Jamak dengan usaha dan semangatnya telah mendidik dan mengajarkan tentang tempat yang sempurna menunjukkan peribadatan seseorang dengan menyembah tuhan yang benar, yakni Tuhan yang memiliki sifat kesempurnaan. Tuhan yang mengatur dan berkuasa atas segala makhluknya.

### 3.6 Aspek Penting Dalam Sifat Allah

Umat Islam bagaimanapun menurut Abdul Karim Jamak, wajib yakin dan percaya akan sifat Allah s.w.t sebab dalam diri dan tubuh manusia sendiri telah ditanamkan oleh Allah s.w.t nilai-nilai ketuhanan yang menjadi sumber kekuatan akidah<sup>146</sup>. Muslim yang beriman dengan *asma al-husna* dan sifat-Nya tidak mensyirikkan Allah dengan yang lain, apa yang dinyatakan oleh Allah akan dinyatakan di dalam dirinya. Dan apa yang dinafikan oleh Allah dan Rasul-Nya akan dinafikan<sup>147</sup>.

Allah s.w.t telah memberitahu tentang asma dan sifatNya melalui firmanNya:

قُلْ ادْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ

<sup>146</sup> Abdul Karim Jamak, 1992, Op.cit, h. 2. Karim Jamak mengajarkan, asas-asas penting akidah adalah seperti yang telah disebutkan dalam rukun iman, iaitu; iman kepada Allah, iman kepada Malaikat, iman kepada Nabi dan Rasul, iman kepada Kitab-kitab Allah, iman kepada hari Kiamat, dan iman kepada Qada dan Qadar.

<sup>147</sup> Abu Bakar Jabir al-Jazairi, *Kitab Aqidah wa Adab, Akhlak wa Ibadat wa Mu'amalat*, (Qahirah : Maktabah A'immah Litalibat, t.t), . 24

Terjemahan : Katakanlah: "Serulah Allah atau serulah Ar-Rahman. Dengan nama yang mana saja kamu seru, Dia mempunyai al asmaul husna (nama-nama yang terbaik) dan janganlah kamu mengeraskan suaramu dalam shalatmu dan janganlah pula merendahnya dan carilah jalan tengah di antara kedua itu.

Ayat diatas memberikan pemahaman agar manusia berkeyakinan teguh kepada Allah s.w.t dengan aqidah yang kuat. Aqidah menurut bahasa Arab; „*aqadiya*“*qidu-uqdatan-wa* „*aqidatan*. Artinya ikatan atau perjanjian, maksudnya sesuatu yang menjadi tempat bagi hati dan hati nurani terikat kepadanya<sup>148</sup>. Istilah akidah juga digunakan untuk menyebut kepercayaan yang mantap dan keputusan tegas yang tidak dapat dihindangi kebimbangan, iaitu apa-apa yang dipercayai oleh seseorang dikat kuat oleh sanubarinya, dan dijadikannya sebagai mazhab atau agama yang dianutnya, tanpa melihat benar atau tidaknya<sup>149</sup>. Selanjutnya Jamil Shaliba dalam kitabnya mengartikan akidah menurut bahasa sebagai menghubungkan dua sudut sehingga bertemu dan bersambung secara kokoh. Ikatan tersebut berbeza dengan terjemahan kata *ribath*, yang artinya juga ikatan, tetapi ikatan yang mudah dibuka kerana mengandungi unsure yang membahayakan<sup>150</sup>.

Abdul Karim Jamak berpendapat bahawa al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan sumber penting akidah Islam<sup>151</sup>. Menurutnya di dalam Al-Qur'an terdapat banyak ayat yang menjelaskan persoalan akidah, Al-Quran menjelaskan

<sup>148</sup> Lihat *Mu'jam Maqayis Al-Lughah*, Ibnu Faris, Juz IV, h, 86-90. Dan materi „*aqada*; *lisaul Arab*; 3/296-300, dan *Al-Qamus Al-Muhith*, 383-384

<sup>149</sup> Lihat *Mabahits fi Aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah*, Syaikh DR. Nashir Al-Aql, h, 9

<sup>150</sup> Jamil Shaliba, , *Mu'jam Al-Falsafi*, Jilid I, (Beirut : Dar Al-Kutub Al-Lubnany,t.t), 82

<sup>151</sup> Abdul Karim Jamak, *op.cit* , 2

kedudukan keimanan seseorang, kerana keimanan merupakan aspek dalaman yang dimiliki seseorang. Al-Qur'an yang memuat kandungan akidah Islam antara lain;

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ

وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ

رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

Al-Baqarah 2 : 285

Terjemahan : Rasulullah telah beriman kepada apa Yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang Yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang Dengan Yang lain Rasul-rasulnya". mereka berkata lagi: Kami dengar dan Kami taat (Kami pohonkan) keampunanMu Wahai Tuhan kami, dan kepadamu jualah tempat kembali.

Abdul Karim Jamak mennyebutkan bahawasanya kemungkinan seseorang menjadi musyrik, secara terang-terangan (*syirik jaly*), yakni berupa perbuatan dan ucapan mahupun kemusyrikan yang bersifat sembunyi-sembunyi (*syirik khafy*) yang berada di dalam hati. Untuk mencegah manusia dari kemusyrikan tersebut, menurut Abdul Karim Jamak diperlukan tuntunan dan bimbingan Islam yang benar terhadap Allah s.w.t<sup>152</sup>. Oleh kerananya sebagai manusia makhluk Allah s.w.t semestinya mengenal betapa pentingnya memahami sifat-sifat Allah. Sifat yang menghubungkan Pencipta dengan penciptaan.

<sup>152</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Guru Pengajian Jam'iyatul Islamiyah Kab. Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis 21 Pebruari 2013

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي ۖ وَسُبْحَانَ اللَّهِ

وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Yūsuf 12 : 108

Terjemahan : Katakanlah (Wahai Muhammad): "Inilah jalanku, Aku dan orang- Yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah Dengan berdasarkan keterangan dan Bukti Yang jelas nyata. dan Aku menegaskan: Maha suci Allah (dari Segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah Aku dari golongan Yang mempersekutukan Allah Dengan sesuatu Yang lain.

Tuhan dalam faham monotesme adalah Maha Suci dan Tuhan menghendaki supaya manusia tetap suci. Manusia akan kembali kepada Tuhan dan yang dapat kembali ke sisi Tuhan Yang Maha Suci hanyalah orang-orang suci.<sup>153</sup>

Dorongan dan keinginan serta kecenderungan bawaan manusia untuk mengetahui betapa pentingnya sifat ketuhanan itu tumbuh dan berkembang secara alami bersama dengan system dan lingkungan masyarakatnya, sesuai dengan fitrah. Fitrah menurut al-Raghib al-Asfahaniy<sup>154</sup> adalah mewujudkan dan mengadakan sesuatu menurut kondisinya yang dipersiapkan untuk melakukan perbuatan tertentu. M. Quraish Shihab<sup>155</sup> mengemukakan fitrah adalah sesuatu system yang diwujudkan oleh Allah pada setiap makhluk. Fitrah yang khusus untuk jenis manusia adalah apa yang diciptakan Allah padanya yang berkaitan dengan jasad

<sup>153</sup> Harun Nasution, *Op.Cit*, hal 17

<sup>154</sup> Al-Raghib, al-Isfahani Abu Qasim al-Husayn bin Muhammad, (m.502 H/1109 M), *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran, Tahqiq*, Muhammad Sayyid Kaylani, (Mesr : Matba'ah al-Mustafa al-Babi al-Halabi, 1381-1961), 396.

<sup>155</sup> M. Quraish Shihab, *Wawasan Al-Quran, Tafsir Maudhu'i Atas Berbagai Persoalan Umat*, (Bandung : Mizan, 1996), cet.1, 285

dan akal (roh). Fitrah beragama merupakan potensi bawaan yang mendorong manusia untuk selalu tunduk dan patuh kepada Tuhan atau kekuatan mutlak yang menguasai dan mengatur kehidupannya serta merujuk kepada-Nya dalam segala aspek kehidupannya.

Menurut Abdul Karim Jamak<sup>156</sup>, semua makhluk ciptaan Allah s.w.t dapat dibagi kepada dua macam, yaitu: makhluk yang tidak dapat dilihat (*al ghaib*) dan makhluk yang dapat dilihat (*as syahadah*). Yang boleh membezakan keduanya adalah pancaindera manusia. Segala sesuatu yang tidak dapat dijangkau oleh salah satu pancaindera manusia digolongkan ghaib, sedangkan yang dapat dijangkau oleh salah satu pancaindera manusia digolongkan kepada yang nyata.

Untuk mengetahui dan mengimani wujud gaib<sup>157</sup> tersebut, menurut Abdul Karim Jamak<sup>158</sup>, seseorang dapat menempuh dua cara.

1. Melalui berita atau informasi yang diberikan oleh sumber bacaan.
2. Melalui bukti bukti nyata yang menunjukkan makhluk gaib itu ada<sup>159</sup>.

Allah s.w.t berfirman:

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

Al-An'ām 6 : 103

<sup>156</sup> Zulhadi Karim, (Ketua Dewan Pimpinan Daerah Jam'iyatul Islamiyah Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 27 Mei 2012

<sup>157</sup> Hamka, dalam Tafsir al-Azhar, Jilid I, h. 116, menjelaskan yang ghaib ialah yang tidak dapat disaksikan oleh pancaindera; tidak nampak oleh mata, tidak terdengar oleh telinga.

<sup>158</sup> Rasyid Jamak, (Da'i Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, , 27 Mei 2012

<sup>159</sup> Jafar as-Sajani, 1979, dalam *Mafahim al-Quran Maalim at-Tauhid fi al-Quran*, (Darul Kitab Islamiah, 1979),. 280, menyebutkan bahagian dari tauhid zat yang mempunyai dua makna, iaitu; pertama, Allah adalah tunggal, Dia tidak mempunyai gambaran dan tidak menyerupai sesuatu . kedua, Zat Allah adalah penerangan kepada sesuatu yang diluar jangkauan akal.

Terjemahan : Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata,  
sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan; dan Dialah  
Yang Maha Halus lagi Maha Mengetahui.

Menurut al-Syahrastāni, al-Asy'āri melandaskan pendapatnya dengan mengiaskan atau membandingkan diantara perkara yang tidak dapat dilihat (*al-Ghaib*) dengan perkara yang dapat dilihat (*al-Syahid*). Umpamanya, sifat-sifat Allah s.w.t seperti *Qadir* (berkuasa), „*Aim* (berpengetahuan), *Murid* (berkehendak). Sifat-sifat tersebut menurut beliau ada yang menciptanya. Justru beliau mengatakan bahawa Allah s.w.t itu adalah „*ilm*, *qudrah* dan *iradah*<sup>160</sup>

Abdul Karim Jamak, menyatakan bahawa mengenal Allah s.w.t adalah dari empat aspek; dua aspek tidak layak bagi Allah dan dua bahagian yang layak bagi-Nya<sup>161</sup>. Adapun dua bahagian yang tidak layak bagi Allah s.w.t :

*Pertama*, jika seseorang mengatakan Allah itu satu, dan yang ia maksudkan adalah bilangan. Hal ini tidak layak bagi-Nya, karena sesuatu yang tidak mempunyai kedua, tidak layak untuk masuk ke dalam anggota bilangan. Apakah engkau tidak mengetahui, orang yang mengatakan bahawa Allah yang ketiga dari tiga, ia telah kafir.

*Kedua*, jika seseorang mengatakan bahawa Allah satu dari manusia, dan yang ia inginkan, bahwa Ia adalah spesies dari sebuah jenis. Perkataan ini tidak layak bagi-Nya, karena hal itu adalah menyerupakan-Nya (tasybih) dengan selain-Nya. Dan maha suci Allah dari semua itu.

Adapun dua bagian yang layak bagi Allah s.w.t<sup>162</sup>:

<sup>160</sup> Al-Shahrastani, 1152M, *Al-Milal*, Op.cit, h. 94

<sup>161</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Da'irah Jam'iyatul Islamiyah, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis 17 Mei 2012



*Pertama*, jika seseorang mengatakan bahwa Allah itu satu yang tidak sesuatu pun yang serupa dengan-Nya. Begitulah Tuhan kita.

*Kedua*, jika seseorang mengatakan bahwa Allah azza wa jalla ahadiyahul ma'na (Maha Esa). Yaitu Ia tidak terbagi, baik dalam wujud, akal dan *wahm* (hayal). Begitulah Tuhan Allah s.w.t.

أَلَا إِنَّ لِلَّهِ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَتَّبِعُ الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ شُرَكَاءَ

إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ ﴿٦٦﴾

Yūnus 10 : 66

Terjemahan : Ingatlah! Sesungguhnya bagi Allah jualah Segala Yang ada di langit dan Yang ada di bumi dan Bahawa mereka Yang menyembah sesuatu Yang lain Allah sebagai sekutuNya, mereka tidak menurut (sesuatu keyakinan), mereka hanya menurut sangkaan semata-mata, dan mereka hanyalah orang-orang Yang sentiasa berdusta.

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa ayat diatas adalah pentingnya memiliki kemampuan untuk meyakini satu tujuan penyembahan, dan tidak ada sesembahan lain kecuali Allah yang Esa<sup>163</sup>. Sependapat dengan konsep pemikiran Karim jamak, tersebut adalah al-Maududi, ia menjelaskan dan mengungkapkan beberapa hal<sup>164</sup>:

<sup>162</sup> Zulhadi Karim, (Ketua Jam'iyatul Islamiyah Kab. Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 17 Mei 2012

<sup>163</sup> Abdul Karim Jamak, Materi dan sarahan yang disampaikan dalam Pengajian Karim Jamak terhadap murid-muridnya (Sungai Penuh-Kerinci, 1992)

<sup>164</sup> Abul A'la al-Maududi, Op.cit, 14

Pertama : bahawa apa yang diambil oleh orang-orang Jahiliyah itu sebagai Ilah mereka. Selalu jadi tempat bagi mereka untuk mewujudkan permohonan di waktu susah dan tempat mereka meminta pertolongan.

Kedua : bahawa Ilah-ilah mereka itu bukan hanya terdiri dari beberapa pribadi manusia yang telah meninggal sebagai dinyatakan dengan tegas oleh firman Allah Ta'ala. Mereka adalah mayat-mayat yang mati, bukan orang-orang yang hidup dan mereka tidak sadar kapan akan dibangkitkan.

Ketiga : menurut perkiraan mereka. Tuhan-tuhan mereka ini dapat mendengar doa mereka dan mampu memberikan bantuan.

Aspek penting lainnya mesti dipahami oleh manusia adalah bahawa setiap orang yg beriman wajib mentaati segala perintah Rasul kerana ketaatan kepada Rasul adalah ketaatan kepada Allah s.w.t. Sebaliknya orang yg ingkari perintah Rasul bererti mengingkari perintah Allah s.w.t. Ketaatan yg mutlak wajib diberi kepada Rasul kerana Ia pembawa ajaran Islam yg lengkap dan sempurna, Umat Islam wajib merujuk semua urusan kehidupan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Wajib mencintai Rasul melebihi segala-galanya, wajib menghayati sirah Rasulullah saw dan rasul sebelumnya dengan menjadikan mereka sebagai contoh teladan<sup>165</sup>.

Bahkan Allah s.w.t menjelaskan kecintaan dan keprihatinan Muhammad saw ini melalui firman-Nya dalam surah al-Taubah :

---

<sup>165</sup> Abdul Karim Jamak, 1994, Op.cit, h. 2

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ

رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

al-Taubah 9 : 128

Terjemahan : Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w), Yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan Yang ditanggung oleh kamu, Yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang Yang beriman.

Abdul Karim Jamak<sup>166</sup> menjelaskan bahawasanya, apa sahaja yang dilakukan dan difikirkan oleh Rasulullah, (Muhammad s.a.w) semata-mata demi umatnya sehingga Rasulullah tidak reda seorang pun umatnya terjerumus ke neraka. Dengan merujuk pada surat Ibrahim sebagai salah satu bukti betapa pekerjaan yang dilakukan oleh Rasul sebagai penyampai risalah tersebut sangat berat.

رَبِّ إِنَّهُنَّ أَضَلَّلْنَ كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ فَمَنْ تَبِعَنِي فَإِنَّهُ مِنِّي وَمَنْ عَصَانِي فَإِنَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Ibrāhīm 14 : 36

Terjemahan : Wahai Tuhanku, berhala-berhala itu telah menyebabkan sesat banyak di antara umat manusia. oleh itu, sesiapa Yang menurutku (dalam Islam Yang menjadi peganganku) maka ia adalah dari golonganku; dan sesiapa Yang menderhaka kepadaKu (dengan menyalahi ugamaku), maka Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (kiranya ia insaf dan bertaubat).

<sup>166</sup>

Aswir Samin, (Da'ī Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, murid Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 28 Mei 2012

Bagaimanapun kedekatan Allah dengan Rasulnya, dan Rasul dengan Tuhannya, namun Rasul tidak mahu ia di Tuhankan oleh Umatnya. Jangankan untuk dituhankan, sekadar dihormati dengan sujud sahaja Nabi tidak mahu<sup>167</sup>. Hal ini sebagaimana telah disebutkan dalam ayat Allah :

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ

الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Fussilat 41 : 37

Terjemahan : Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam, siang, matahari dan bulan. Janglah sembah matahari maupun bulan, tapi sembahlah Allah Yang menciptakannya, Jika Ialah yang kamu hendak sembah”.

Ayat dan penjelasan terdahulu yang berkaitan dengan pemikiran Abdul Karim Jamak, dapat dipahami bahawa diantara aspek penting dari sifat Allah s.w.t adalah kelengkapan dan kebaikan yang diberikan oleh Allah kepada manusia merupakan jelmaan sifat-sifat Allah yang komprehensif (menyeluruh), dari tangan, kaki, akal, pendengaran, penciuman, dan sebagainya, yang semuanya boleh dimanfaatkan untuk kebaikan manusia. dan untuk membangkitkan kasih sayang-kasih sayang di antara sesama makhluk-Nya.

Abdul Karim Jamak berpandangan bahawa banyak lagi janji Allah s.w.t yang boleh ditemui di dalam al-Quran. Janji-janji Allah s.w.t secara umumnya

<sup>167</sup>

Hartono Ahmad Jaiz dan Abduh Zulfidar Akaha, Bila Kiyai di Pertuhankan, Membedah Sikap Beragama NU, cet. 1, (Jakarta : Pustaka Al-Kausar, 2001), 136

berkaitan dengan amal, sesuai dengan sunnatullah yang menguasai perjalanan kehidupan. Ada juga janji secara khusus kepada orang-orang tertentu, misalnya melalui mimpi atau suara ghaib. Orang yang beriman dengan Allah s.w.t percaya kepada janji-janji-Nya. Janji Allah s.w.t menjadi pendorong kepada mereka untuk bekerja kuat, beramal salih dan berjihad pada jalan-Nya. Allah s.w.t tidak sekali-kali akan memungkiri janji-janji-Nya.

Disamping itu menurut Abdul Karim Jamak, di dalam golongan yang percaya kepada janji-janji Allah s.w.t itu ada sebilangan yang berpenyakit seperti yang dihadapi oleh sebilangan orang yang berdoa kepada Allah s.w.t. Orang yang berdoa membuat tuntutan dengan doanya dan orang yang percaya kepada janji Allah s.w.t membuat tuntutan dengan amalnya, kerana Allah s.w.t berjanji memberinya sesuatu menurut amalannya.

### 3.7 Kepentingan Yang Hakiki Tentang Allah

Menurut Abdul Karim Jamak manusia sangat bergantung kepada Allah s.w.t sebagai tujuan penyembahan, dengan menjalankan ibadah<sup>168</sup> dan akhir daripada hakikat keimanan. Dengan mengambil al-Quran sebagai landasan ia berfikir dengan merujuk tentang pelbagai tanda-tanda dari penciptaan Tuhan telah menunjukkan kepada manusia, alam sejagat ini adalah benar-benar milikNya<sup>169</sup>.

---

<sup>168</sup> Ibnu Manzur, *Lisanul Arab*, jilid 3, (Kairo : Darul Hadis, 2003), 184-185, menjelaskan; kata ibadah adalah berasal dari perkataan *abada-ya'budu-ibadah* yang ertinya; menyembah, mengabdikan diri dan memprethuan kepadanya. Ibadah ertinya taat. Wahbah az-Zuhali, *at-Tafsir al-Munir*, Juz 1, (Beirut : Darul Fikr al-Mu'asir, 1991), 94-99, menjelaskan; Ibadah asal ertinya tunduk dan merendahkan diri, yang dimaksud disini ialah mentauhidkan Allah SWT dan menetapi syariat agamaNya, kerana Dia pencipta semua makhluk yang mengatur semua urusannya, yang memberi petunjuk dan apa sahaja untuk keperluan hidupnya. Ibadah mengantarkan kepada ketakwaan dan keberuntungan, membuahkan kemenangan dan keberhasilan dan menghantarkan kepada kesempurnaan..

<sup>169</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit.*, . 5

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahwa ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw, secara khusus disebut sebagai agama Islam atau (*d n al-Islam*), nabi Muhammad telah membukukan ajaran agama Islam tersebut secara sempurna, sehingga akan terjamin kesuciannya dan sekaligus perkembangannya sesuai dengan tuntutan perkembangan zaman dan tempat<sup>170</sup>. Pemikiran Karim Jamak tentang ajaran agama Islam merupakan ajaran yang dapat diterima oleh semua umat. Seorang sarjana Barat seperti Wilfred Cantwel Smith mengatakan, pengamatan pertama adalah bahwa dari semua tradisi keagamaan di dunia, tradisi Islam nampak sebagai satu-satunya nama yang sempurna (*built in*)<sup>171</sup>.

Maka kepentingan yang hakiki tentang Allah s.w.t sebenarnya adalah adanya kesanggupan seseorang untuk lebih mengetahui hakikat Allah yang berdasarkan al-Quran sebagai *kalam Allah* ( wahyu dan firman Allah). Karim Jamak sangat berhati-hati memaparkan dan mengajarkan Islam terhadap murid-muridnya, apalagi yang berkaitan dengan ayat-ayat Allah. Tetapi satu hal yang tidak dapat diingkari. Allah s.w.t telah menetapkan dan memilih seseorang yang layak dimatanya untuk mengajarkan manusia tentang ajaran agama tersebut. Seseorang dapat mengetahui hikmah yang terkandung dalam suatu ayat yang berkenaan dengan hukum tertentu dan ditujukan untuk memelihara syariat dari kekeliruan memahaminya<sup>172</sup>.

Allah s.w.t telah menyebutkan dalam firman-Nya;

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُقْتَصِدٌ

<sup>170</sup> Zulhadi Karim, (Ketua Jam'iyatul Islamiyah Kab. Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 22 Desember 2012

<sup>171</sup> Wilfred Cantwel Smith, *The Meaning and End of Religion*, (New York : The New American Library of The World Literature, 1964), 75

<sup>172</sup> Manna Al-Qaththan, *Mabahits fi Ulum Al-Quran*, (Mesir : Dar Ma'arif, 1977), 79

وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ يُؤْتِنِ اللَّهُ ذَٰلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ

Fātir 35 : 32

Terjemahan : Kemudian Kami jadikan Al- Quran itu diwarisi oleh orang-orang Yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba kami; maka di antara mereka ada Yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran Al-Quran), dan di antaranya ada Yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada Yang mendahului (orang lain) Dalam berbuat kebaikan Dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia Yang besar (dari Allah semata-mata).

Abdul Karim Jamak menyebutkan bahawa kemampuan dan kebolehan akal berkisar disekitar alam fisik, tidak menjangkau lebih daripada itu, perbuatan mendorong akal dan berpegang kepadanya lebih daripada ruang yang ditetapkan seperti menentukan masalah akidah dan perkara-perkara ghaib adalah satu perbuatan yang tamak dan menggunakan sesuatu bukan pada tempatnya<sup>173</sup>. Abdul Karim Jamak menjelaskan pendapat al-Ghazali tentang fungsi akal dan pengertian akal, iaitu<sup>174</sup> :

1. Sebutan yang membezakan antara manusia dan hewan
2. Ilmu yang lahir disaat anak mencapai usia akil balig, sehingga mampu membezakan perbuatan yang baik dan yang buruk.

<sup>173</sup>

Abdul Rasyid Jamak, (Sungai Penuh-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 17 Oktober 2013

<sup>174</sup>

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad, *al-Munqid Min al-Dalal, Cet. IV* (Mesir, t.tp, 1964), 34-35

3. Ilmu yang didapati dari pengalam, sehingga dapat dikatakan siapa yang banyak pengalaman maka ialah orang yang berakal.
4. Kekuatan yang dapat menghentikan naluriah untuk menerwang jauh ke angkasa, mengekang dan menundukkan syahwat yang selalu menginginkan kenikmatan.

Arnold Toynbee seorang sarjana barat yang mencoba menggali dan ingin memahami pentingnya keberadaan Tuhan melalui akal fikiran, ia menyebutkan, “Akidah-akidah dan keyakinan berbagai umat manusia mesti berbeda. Sebab hakikat mutlak merupakan rahsia yang tidak dapat disingkap oleh otak manusia. manusia hanya mampu menyingkap percikannya sahaja<sup>175</sup> .

Ini pula yang dimaksudkan Ibn Khaldun, yang menjelaskan tentang kemampuan akal. Antara lain akal adalah neraca yang benar, hukumnya adalah yakin dan tidak bohong tetapi janganlah terpesona dan tamak sehingga akal dijadikan neraca di dalam masalah tauhid, hari akhirat, hakikat kenabian, sifat-sifat ketuhanan dan perkara lain yang berada diluar kemampuan akal<sup>176</sup> . Manusia telah merasa bangga dengan hasil pendapatan otaknya. Segala sesuatu harus ditaklukkan kepada rialiti, segala sesuatu mesti berdasarkan rational (*aqli*). Dahulu kala ahli-ahli filsafat membagi alam penyelidikan filsafat itu kepada dua bahagian, yaitu fisika

---

<sup>175</sup> Waheeduddin Khan, *Religion Versus Science*, (India : Thinker, t.t), 126

<sup>176</sup> Muhammaed Yusoff Hussain, et al., *Isu-Isu dalam Usuluddin dan Falsafah*, Selangor DE : Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993), cet. 1, 108



dan metafisika. Yang nyata dan dapat diselidiki dengan ilmu pengetahuan dan yang diatas dari kesanggupan alam fikiran<sup>177</sup>.

Sementara alam memiliki kewujudan yang benar. Satu-satunya Kitab yang memperbaiki dan menyempurnakan gambaran dan keyakinan yang kurang dan salah tentang Tuhan itu adalah Quran. Quranlah yang mensucikan dan mengagungkan Ketuhanan, dan menjelaskan bahawa Tuhan adalah tempat bergantung, Maha Hidup, Maha berdiri sendiri tidak beranak dan diperanakkan<sup>178</sup>. Alam benar-benar wujud, bukan khayalan. Tetapi wujud alam berbeza dengan Wujud Tuhan, berbeza dengan sifat-sifat Tuhan yang diistilahkan sebagai tasybih apalagi yang tanzih. Wujud alam diistilah sebagai wujud yang mungkin (mumkinul wujud) dan wujud sifat Tuhan diistilahkan sebagai Wujud yang wajib (Wajib al-Wujud). Maksud Wajibul Wujud yang boleh dicapai oleh pemikiran dan kasyaf adalah Wajib al-Wujud sifat. Zat Allah Yang Maha Tinggi tidak termasuk di dalam sempadan pemikiran dan penyaksian hati, tidak terlibat dengan wujud yang wajib, wujud yang mungkin dan wujud yang mustahil. Sifat-sifat yang diistilahkan sebagai Wajibul Wujud adalah sifat tasybih<sup>179</sup>.

Betapa besarnya ketergantungan makhluk dengan Khaliq-Nya, sebagai bukti bahawa sanya, tidak ada sesuatupun yang boleh melepaskan ketergantungan itu.

وَخَلَقَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ وَلِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

al-Jāsyiah 45 : 22

Terjemahan : Dan (ingatlah), Allah menciptakan langit dan bumi Dengan cara Yang sungguh layak dan berhikmat

<sup>177</sup> Hamka, Tasawuf Perkembangan dan Pemurniannya, (Jakarta : Panjimas, 1994), cet. 19, 14

<sup>178</sup> Abul A'la al-Maududi, et al., Hakikat Tauhid Dalam Kehidupan Seorang Muslim, terj, (Darul Ulum Press, 1990), cet. 1, 11

<sup>179</sup> Th. Soekartono, Petunjuk Menuju Jalan Yang Lurus, (Bandung : Al-Ma'arif, 1981), cet. 1, 159

(untuk membuktikan keesaanNya dan keadilanNya), dan supaya tiap-tiap diri diberi balasan Dengan apa Yang mereka telah kerjakan (baik atau jahat), sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun.

Dalam ayat lain dijelaskan pula::

قَالَتْ رُسُلُهُمْ أَفِي اللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ يَدْعُوكُمْ لِيَغْفِرَ لَكُمْ مِّنْ ذُنُوبِكُمْ

وَيُؤَخِّرَكُمْ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى قَالُوا إِنَّ أَنْتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا تُرِيدُونَ أَنْ تَصُدُّونَا عَمَّا كَانَ

يَعْبُدُ آبَاؤَنَا فَأَنزَلْنَا بِسُلْطَانٍ مُّبِينٍ

Ibrāhim 14 : 10

Terjemahan : Rasul-rasul mereka bertanya: "Patutkah berlakunya sebarang keraguan tentang wujudnya Allah, Yang menciptakan langit dan bumi? ia menyeru kamu beriman kerana hendak membersihkan dan melepaskan kamu dari dosa-dosa kamu, dan memberi tempoh kepada kamu hingga ke suatu masa Yang tertentu. mereka menjawab: "Kamu tidak lain hanyalah manusia seperti kami. kamu bertujuan hendak menyekat Kami daripada menyembah apa Yang telah disembah oleh datuk nenek kami. oleh itu, bawalah kepada Kami satu Bukti Yang jelas nyata.

Ayat diatas menjelaskan bahawa apa sahaja yang dengan Zat tidak berpisah dan tidak lain daripada Zat. Perpisahan dan perbezaan terjadi dalam ilmu dan penyaksian. Zat Yang Maha Suci menyatakan kesempurnaan-Nya melalui Sifat-sifat dan Nama-nama yang dinisbahkan kepada-Nya. Sebab itulah Zat, Sifat dan asma" dipandang sebagai berkedudukan berbeza-beza. Kerana ia adalah sebagai

satu kesatuan, meskipun sifat-sifat tersebut berbeza dalam bentuk pemahaman dan pengertiannya<sup>180</sup>.

Abdul Karim Jamak pula menjelaskan bahawa apa yang dipandang sebagai berbeza dengan Zat itu adalah bayangan kepada Yang Hakiki, diistilahkan sebagai penzahiran, pembukaan atau tajalli. Kewujudan makhluk berhubung dengan bayangan dan diselimuti oleh hijab-hijab. Walaupun yang digunakan adalah istilah bayangan, tetapi bayangan itu adalah bayangan martabat ketuhanan, tidak sama dengan bayangan benda-benda alam<sup>181</sup>.

Menurut Abdul Karim Jamak, bayangan atau hijab ketuhanan berperanan di dalam kewujudan dan kesinambungan kewujudan makhluk. Hijab ketuhanan berhubung dengan alam maya dan kerana perhubungan tersebutlah manusia boleh mengenal Tuhan menurut kadar kehendak-Nya untuk dikenali. Orang yang kasyafnya sampai kepada hijab atau bayangan menyaksikan sifat sebagai berpisah dengan Zat. Selepas melepasi peringkat bayangan atau hijab dia akan menyaksikan sifat tidak berpisah dengan Zat, malah sifat bukan lain daripada Zat. Sedikit sangat orang yang sampai kepada tahap ini, iaitu kepada Yang Hakiki. Pada Yang Hakiki Pendengaran-Nya adalah Penglihatan-Nya dan juga Percakapan-Nya<sup>182</sup>.

Islam juga mengajarkan bahawa manusia berasal dari Tuhan dan akan kembali ke Tuhan. Orang-orang yang rohnya bersih lagi suci dan tidak berbuat jahat hidup di dunia akan masuk surga, dekat dengan Tuhan. Orang yang rohnya kotor dan berbuat jahat akan masuk neraka<sup>183</sup>.

---

<sup>180</sup> Al-Saduq, Abu Ja'far Muhammad bin 'Ali Husayn bin Musa bin Bawayh al-Qummi, *al-Tawhid*, (Teheran : Maktabah al-Saduq, 1387 H), 145

<sup>181</sup> Abdul Rasyid Jamak, (Sungai Penuh-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 17 Oktober 2013

<sup>182</sup> Basrun Jamil, (Da'ir Jam'iyatul Islamiyah, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 20 Oktober 2013

<sup>183</sup> Harun Nasution, *Op.Cit.* 18

Dan penjelasan tersebut telah disebutkan dalam Al-Quran :

وَقَالُوا مَا هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا يُهْلِكُنَا إِلَّا الدَّهْرُ وَمَا لَهُم بِذَلِكَ

مِنْ عِلْمٍ إِنَّهُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ

al-Jāsyiah 45 : 24

Terjemahan : Dan mereka berkata: "Tiadalah hidup Yang lain selain daripada hidup kita di dunia ini. kita mati dan kita hidup (silih berganti); dan tiadalah Yang membinasakan kita melainkan edaran zaman". pada hal mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang hal itu; mereka hanyalah menurut sangkaan semata-mata.

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa ayat diatas, sebagai inti daripada keperluan semua makhluk terhadap sang penciptanya. Disini dapat pula dilihat bagaimana Abdul Karim Jamak merumuskan konsep fikirannya tentang kepentingan hakiki terhadap Tuhan Allah s.w.t Selain memiliki *Asmaa ul husna*, sebagaimana telah dihuraikan, Allah s.w.t juga memiliki sifat-sifat yang luhur yang merupakan penetapan dari kesempurnaan KetuhananNya serta keagungan IlahiyyahNya<sup>184</sup>.

Secara ringkasnya Abdul Karim Jamak menegaskan bahawasanya sifat-sifat ini hanyalah dimiliki oleh Maha Pencipta itu sendiri dan oleh kerana itu tidak sesuatupun menyekutuiNya atau memiliki sifat-sifat yang sama sebagaimana yang dipunyai oleh Allah s.w.t. Manusia yang beriman kepada Allah dengan keimanan

<sup>184</sup> Abdul Karim Jamak, 1994, *Op.cit*, h. 2

yang sebenar-benarnya, mereka itulah umat yang tertinggi dari yang lain-lainya perihal ilmu pengetahuan dan lebih banyak pula peradaban dan tata kesopanannya. Selain itu pula pasti lebih suci jiwanya, lebih bersih hatinya, lebih banyak pengorbanannya dan lebih suka mengalahkan diri sendiri dan paling banyak memberikan kemanfaatan kepada sesama manusia. Dengan demikian dapatlah dicapai setinggi kesempurnaan hidup yang dapat diperoleh manusia sebagai makhluk Tuhan.

### 3.8 Kesimpulan

Huraian diatas dapat dipahami bahawa Abdul Karim Jamak merupakan seorang yang memiliki pandangan dan konsep Ketuhanan yang yang dapat diterima oleh murid-murid beliau dan masyarakat muslim di Kerinci. Kerana pemahaman beliau tentang sifat Allah s.w.t tidak berbeza dengan konsep pemikiran al-Asyā'irah. Abdul Karim Jamak berkeyakinan sifat-sifat Allah yang di rinci dalam sifat 20 dan pembahagiannya merupakan, cara yang mudah untuk mengimani dan memahami konsep Ketuhanan. Pembahasan Abdul Karim Jamak terhadap sifat 20 merupakan suatu penjelasan bahawa Allah yang memiliki sifat kesucian, dan kesempurnaan yang mesti diyakini oleh manusia bahawa Allah adalah sebagai pencipta dan hanya Dia yang layak disembah. Maka sangat jelas konsep sifat Ketuhanan dalam pemikiran Abdul Karim Jamak dengan menyatakan bahawa, kemanunggalan merupakan ciri khas Tuhan (Allah). Tunggal pada **zat**, **sifat** dan **I**. Tuhan bagi timur, barat dan bagi segenap penjuru alam.

University of Malaya

## BAB 4 : KONSEP PERBUATAN TUHAN

### 4.1 Pengenalan

Pada bahagian bab ini akan dibahas persoalan tentang perbuatan Tuhan yakni Allah. Perbuatan Allah ialah setiap kejadian yang berlaku di alam ini dengan kehendak dan iradah Allah s.w.t. Contohnya ialah kejadian siang dan malam, bencana alam, pasang surut lautan dan lain-lain adalah di bawah kekuasaan Allah.

Firman Allah s.w.t:

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لِعِبَادٍ

Al-Anbiyā‘ 21 : 16

Terjemahan : Dan (ingatlah) tidaklah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antaranya, secara main-main.

Allah s.w.t telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sangat sempurna dan sebaik-baik kejadian, seperti dalam Firman-Nya:

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلْقَهُ وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنْسَانِ مِن طِينٍ ﴿٧﴾ ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُ

مِن سُلَالَةٍ مِّن مَّاءٍ مَّهِينٍ ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِن رُّوحِهِ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ

وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٩﴾

Al-Sajdah 32 : 7-9

Terjemahan : Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu Dengan sebaik-baiknya, dan dimulakanNya kejadian manusia berasal dari tanah;. kemudian ia menjadikan keturunan manusia itu dari sejenis pati, Iaitu dari air (benih) Yang sedikit dipandang orang; . kemudian ia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya: roh ciptaanNya. dan ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.

Abdul Karim Jamak<sup>1</sup>, menjelaskan ayat di atas dapat difahami bahwa Allah menciptakan segala makhluk-Nya dengan sebaik-baiknya. Penciptaan manusia pertama seperti Adam a.s dari tanah. Keturunannya iaitu diciptakan dengan bahan baku pertama adalah dari air yang hina yaitu sperma yang bercampur dengan ovum sel telur dalam *nutfah*”

إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا

Al-Insān 76 : 2

Terjemahan : Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani Yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajipan-kewajipan); oleh itu maka Kami jadikan Dia berkeadaan mendengar dan Melihat.

---

<sup>1</sup> Abdul Karim Jamak, Materi Pengajian Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, (Sungai Penuh,t.t), 5



Abdul Karim Jamak menjelaskan lagi Allah menyempurnakan kejadian manusia melengkapi seluruh organ tubuhnya, dan meniupkan Ruh-Nya kepada jasad manusia itu. Allah memberi manusia indera, seperti pendengaran, penglihatan, dan akal fikiran. Menurut Abdul Karim Jamak, jika Allah dalam al-Quran menyebut beberapa hal dengan urut, maka seperti urutan itu pula kejadian dan fakta yang sesungguhnya terjadi. Dalam ayat di atas, Allah memberi indera manusia pendengaran, penglihatan, dan akal fikiran, maka dapat dipastikan bahwa berfungsinya pendengaran lebih dahulu dari pada penglihatan, apalagi dengan akal fikiran<sup>2</sup>.

Demikian juga dengan sebutan hidup dan mati dalam al-Quran ada dua bentuk urutan, di dalam al-Qur'an;

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Al-An'am 6 : 162

Terjemahan : Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan Yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

Kata hidup lebih dahulu disebut dari pada mati, karena yang dimaksud hidup dalam ayat itu adalah kehidupan dunia ini, dan yang dimaksud mati adalah sesudahnya, sementara dalam kata mati disebut lebih dahulu dari pada kata hidup, karena yang dimaksud mati adalah ketika manusia belum lahir ke dunia, yakni alam

---

<sup>2</sup> Zulhadi, (Ketua Dewan Pimpinan Daerah Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 25 Agustus 2012

arwah, dan yang dimaksud dengan hidup, adalah kehidupan dunia ini, karena memang manusia menjalani dua kali mati dan dua kali hidup, sebagaimana dijelaskan dalam al-Quran<sup>3</sup>:

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمَيِّتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Al-Baqarah 2 : 28

Terjemahan : Bagaimana kamu tergamak kufur (mengingkari) Allah padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), kemudian ia menghidupkan kamu; setelah itu ia mematikan kamu, kemudian ia menghidupkan kamu pula (pada hari akhirat); akhirnya kamu dikembalikan kepadanya (untuk diberi balasan bagi Segala Yang kamu kerjakan).

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا يُتَادَوْنَ لَمَقْتُ اللَّهِ أَكْبَرُ مِنْ مَقْتِكُمْ أَنْفُسَكُمْ إِذْ تُدْعَوْنَ

إِلَى الْإِيمَانِ فَتَكْفُرُونَ قَالُوا رَبَّنَا آمَنَّا أَلَيْسَ إِنَّتَيْنِ وَأَحْيَيْتَنَا فَأَعْرَفْنَا

بِدُنُوبِنَا فَهَلْ إِلَى خُرُوجٍ مِّن سَبِيلٍ

Al-Mu'min 40 : 10-11

Terjemahan : Sesungguhnya orang-orang Yang kafir akan dipanggil dan dikatakan kepada mereka (pada hari kiamat): "Demi sesungguhnya! kebencian Allah (kepada kamu) lebih besar daripada kebencian kamu kepada diri sendiri, (sebabnya kerana) semasa kamu diseru dan diajak (di dunia dahulu) supaya beriman, (kamu enggan dan menolak), lalu kamu terus berkeadaan kufur. Mereka menjawab: "Wahai Tuhan kami! Engkau telah menjadikan Kami berkeadaan

<sup>3</sup>

Zulhadi , (Ketua Dewan Pimpinan Daerah Jam'iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 25 Agustus 2012

mati dua kali, dan telah menjadikan Kami bersifat hidup dua kali, maka Kami (sekarang) mengakui akan dosa-dosa kami. oleh itu Adakah sebarang jalan untuk (Kami) keluar (dari neraka)?

Menurut Abdul Karim Jamak sesuai keterangan ayat diatas, dapat dipahami bahawa Allah s.w.t tidak harus memiliki sebab-sebab tertentu dalam perbuatannya, kerana Allah memiliki kekuasaan untuk berbuat sesuai dengan keinginannya. Baik untuk menghidupkan mahupun mematikan, semua adalah atas kekuasaan dan kehendaknya.

#### 4.2 Pengertian Perbuatan Tuhan

Dalam bahagian ini akan diperjelas beberapa pengertian perbuatan menurut sarjana dan ulama sesuai dengan bidangnya.

Ibn Hazm menjelaskan bahawa segala perbuatan Allah s.w.t tidak tertakluk kepada matlamat dan tujuan tertentu<sup>4</sup>. Berbeza dengan pendapat Mu'tazilah yang menyatakan bahawa setiap ciptaan Tuhan mempunyai tujuan<sup>5</sup>. Al-,Iji' menyatakan bahawa mereka juga berpegang pada prinsip bahawa setiap perbuatan Allah s.w.t mempunyai kebaikan (*maslahah*) dan tujuan tertentu<sup>6</sup>.

---

<sup>4</sup> Ibn Hazm, Abu' Muhammad ,Ali' b. Hazm, *Al-Fisal fi' al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*, (Bagdad : Maktabah al-Muthanna', t.t), 185

<sup>5</sup> Al-Kayya', Abu' Husayn ,Abd al-Rahi'm Muhammad, *Kitab al-Intisa'r wa al-Radd 'ala Ibn al-Rawandi' al-Mulhi'd*, (Beirut : al-Matba'ah al-Katolik, 1957), 26

<sup>6</sup> Al-,Iji', ,Add al-Di'n ,Abd Rahma'n b. Ahmad, *Syarh al-Mawa'qif fi' 'Ilm al-Kala'm*, (Cairo : t.tp, 1907), 328

Al-,Asy'ari mengatakan, semua perbuatan Tuhan adalah adil. Ia adil menjadikan orang beriman dan tetap adil meskipun Ia juga menjadikan orang kafir. Ia juga adil jika menyiksa mereka di akhirat kelak. Dengan kata lain, Allah s.w.t berbuat apa sahaja yang dikehendakiNya sesuai dengan firmanNya<sup>7</sup>:

خَلْدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ إِنَّ رَبَّكَ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ

Hūd 11 : 107

Terjemahan : Mereka kekal di dalamnya selama ada langit dan bumi, kecuali jika Tuhanmu menghendaki (yang lain). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Pelaksana terhadap apa yang Dia kehendaki.

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa yang dimaksud dengan perbuatan Tuhan adalah segala perbuatan Allah yang wujud dari ilmu iradadnya, tidak ada satupun diantara perbuatan-perbuatannya yang dilakukan oleh zatnya, maka segala perbuatan Allah seperti menciptakan, memberi rezki, menyuruh dan mencegah, menghazab dan memberi nikmat adalah merupakan, sesuatu yang tetap bagi Allah<sup>8</sup>. Sebagaimana disebutkan dalam firmanNya:

فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ مِمَّ خُلِقَ

Al-Tāriq 86 : 5

Terjemahan : Maka hendaklah manusia memperhatikan dari apakah dia diciptakan.

<sup>7</sup> Al-,Ash'ari, *Al-Ibanah 'An Usul al-Dinyanah*, (Beirut: Dar al-Kitab al-,Arabi,1985), 107  
<sup>8</sup> Abdul Karim Jamak, 1992, *Op.cit*, 3

Abdu Karim Jamak<sup>9</sup> berpandangan bahawa ayat tersebut diatas merupakan bentuk awal penciptaan dari segala yang ada. Karim Jamak juga mengkaitkan ayat 5 surah al-Tāriq dengan salah satu hadith Rasulullah s.a.w, tentang kejadian manusia itu, yang berhadapan dengan pelbagai musuh yang dihadapinya.

اعدى عدوك نفسك التي بين جنبيك

Terjemahan : Musuh yang perlu kamu lawan ialah musuh yang ada pada tubuhmu, yakni sebangsa hawa, nafsu, dunia dan syaitan<sup>10</sup>.

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa segala perbuatan Allah s.w.t sama ada yang melibatkan hambanya atau yang berkaitan dengan makhluk yang lain bukanlah bertujuan mengambil faedah daripada mereka. Tuhan membuat sesuatu semata-mata kerana kekuasaan dan kehendak mutlak-Nya dan bukan kepentingan manusia.

Bila dilihat dari perbuatan Allah tersebut, dengan ciptaanNya tentang hawa, nafsu, dunia dan syaitan, merupakan salah satu bentuk keadilan Allah yang mempunyai tujuan. Sebagaimana dalam pandangan Mu'tazilah yang menyatakan bahawa setiap ciptaan Tuhan mempunyai tujuan<sup>11</sup>.

---

<sup>9</sup> Abdul Karim Jamak, *Ibid*

<sup>10</sup> Hadith yang dipahami oleh Karim Jamak tersebut terdapat dalam beberapa kitab Tafsir, seperti tafsir al-Siraj al-Munir, Muhammad bin Ahmad al-Sharbainy Shamsuddin, Beirut; Dar al-Kutub al-Ilmiah, juz. IV, h, 18. Akan tetapi oleh Muhammad Nasiruddin al-Albany, dalam Al-Silsilah al-Da'ifah, berpendapat bahawasanya hadith tersebut adalah Maudu' (t.th, Riyadh ; Maktabah al-Ma'arif), Juz III, h, 308.

<sup>11</sup> Al-Khayyat, Abu al-Husayn, Abd al-Rahim Muhammad, *Kitab al-Intisar wa al-Radd 'ala Ibn al-Rawandi al-Mulh d*, (Beirut, al-Matba'ah al-Khatolik 1957), 26

Abdul Karim Jamak<sup>12</sup> seperti yang disampaikan oleh murid beliau menjelaskan bahawa setiap perbuatan Allah s.w.t mengandung makna dan erti, maksudnya adalah mempunyai kebaikan dan tujuan.

Seiring dengan pikiran Abdul Karim Jamak tersebut, agar manusia dapat melihat perbuatan Allah s.w.t Ahmad Mustafa Al-Maragi mengemukakan ada 4 (empat) bekal yang diberikan kepada manusia, sebagai hidayah dari Allah, yaitu; *hidāyah al-‘ilham* (insting), *hidāyah al- hawass* (indra), *hidāyah al-‘aql* (inteleksi), *hidāyah al-adyan wasy-syara’i* (hukum-hukum agama)<sup>13</sup>.

Namun perbincangan tentang baik dan buruk atas penciptaan Allah s.w.t ini, terjadi perbezaan pandangan dari kalangan „Asy‘āri dan Mu‘tazilah, diantara perbezaan tersebut adalah; Asy‘āri menjelaskan Allah s.w.t berkuasa mutlak terhadap makhluknya. Kekuasaan tersebut membuat Allah s.w.t tidak memiliki keburukan, kesalahan malah tidak ada suatu kewajiban bagiNya<sup>14</sup>. Menurut Asy‘āri pula Allah s.w.t mempunyai kekuasaan yang mutlak sehingga segala perbuatan-Nya tidak mempunyai tujuan atau sebab yang mendorong-Nya untuk melaksanakan sesuatu. Walaupun mereka mempercayai bahawa setiap perbuatan Allah memberi kebaikan dan keuntungan kepada manusia, tetapi kebaikan dan keuntungan tersebut bukanlah menjadi sebab utama yang mendorong Allah s.w.t melakukan sesuatu perkara<sup>15</sup>.

Allah s.w.t bebas dari sebarang bentuk kezaliman dan kejahatan, sebaliknya memperlakukan setiap ciptaan-Nya menurut keadilan. Diantara firman-Nya:

<sup>12</sup> Zulhadi (Ketua Dewan Pimpinan Daerah Jam‘iyatul Islamiyah Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 25 Agustus 2012

<sup>13</sup> Ahmad Mustafa Al-Marag, *Tafsir al-Maragi*, (Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladuh, t.t), Juz I, 35

<sup>14</sup> Al-Baghdadi, Abu Mansur, „Abd al-Qahir bin Tahir al-Tamimi, *Kitab Usul al-Din*, (Beirut : Dar al-Kitab al-‘Alamiyyah, 1980), cet. 2, 104

<sup>15</sup> Abduh, Muhammad b. hasan Khair Allah, *Hasyiah ‘ala al-‘Aqaid al ‘Adudiyah*, taḥqiq, Dr. Sulaiman Dunya, dalam *Al-Syaikh Muhammad Abduh bayn al-Falsafah wa al-Kalamiyin*, (Cairo : Maktabah „Isa al-Babi al-Halabi, 1958), 558

ذَلِكَ بِمَا قَدَّمْتَ يَدَاكَ وَأَنَّ اللَّهَ لَيْسَ بِظَلْمٍ لِّلْعَبِيدِ

al-Haj 22 : 10

Terjemahan : ...sesungguhnya Allah sekali-kali bukanlah penganiaya hamba-hamba-Nya.

Maka dapat pengkaji simpulkan bahawa dalam perbincangan perbuatan Tuhan, tidak semua sarjana sepakat memberikan maksud dan makna terhadap perbuatan Tuhan tersebut. Mereka memiliki pelbagai alasan sehingga perbezaan itu pula yang melahirkan aliran-aliran dalam teologi Islam. Seperti Asha'irah, Mu'tazilah, dan yang lainnya. Demikian pula dengan Abdul Karim Jamak yang berpandangan bahawa Allah berkehendak dengan perbuatanNya tanpa melihat sebab-sebab atau tujuan kerana Allah bebas untuk berbuat segala sesuatu. Sebagaimana disebutkan dalam firmanNya:

مَا اتَّخَذَ اللَّهُ مِنْ وَلَدٍ وَمَا كَانَ مَعَهُ مِنْ إِلَهٍ إِذًا لَّذَهَبَ كُلُّ إِلَهٍ بِمَا خَلَقَ

وَلَعَلَّا بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ سُبْحٰنَ اللَّهِ عَمَّا يُصِفُونَ ﴿٩١﴾

Al-Mukminūn 23 : 91

Terjemahan : Allah tidak sekali-kali mempunyai anak dan tidak ada sama sekali sebarang tuhan bersamaNya; (kalaulah ada banyak tuhan) tentulah tiap-tiap tuhan itu akan menguasai dan menguruskan segala yang diciptakannya dengan bersendirian dan tentulah setengahnya akan bertindak mengalahkan setengahnya

yang lain. Maha Suci Allah dari apa yang dikatakan oleh mereka (yang musyrik) itu.

#### 4.3 Aspek-Aspek Penting tentang Perbuatan Tuhan

Perbahasan berikutnya adalah aspek-aspek penting tentang perbuatan Tuhan menurut Abdul Karim Jamak. Yang dimaksud aspek penting adalah, bahagian yang amat perlu<sup>16</sup>. Tentu dalam kaitan ini adalah pemikiran dari Abdul Karim Jamak.

Abdul Karim Jamak<sup>17</sup> mengemukakan bahawa diantara aspek-aspek penting perbuatan Tuhan yang perlu di pahami asasnya adalah apa yang boleh dilihat secara zahir dan juga yang dapat dirasakan, kerana Allah adalah nama dari pencipta alam semesta dan yang mengatur serta memeliharanya. Sebagaimana yang disebut dalam firman Allah s.w.t;

عَلِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْكَبِيرِ الْمُتَعَالِ ﴿٩﴾

Al-Ra'ad 13 : 9

Terjemahan : Yang mengetahui semua yang ghaib dan yang nampak; Yang Maha Besar lagi Maha Tinggi.

Muhammad ,Ali as-Sabunî, menjelaskan pula maksud ayat dari *al-syā-hādah*, adalah yang dapat disaksikan atau dapat dilihat, yakni kehidupan dunia yang

<sup>16</sup> Kamus Dewan, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994), Edisi Ketiga, 69 dan 1009

<sup>17</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, 3



bersifat konkret sehingga dapat diindera oleh pancaindera dan dapat dilihat oleh mata<sup>18</sup>.

Aspek penting tentang perbuatan Allah baik secara zahir mahupun batin yang dikemukakan oleh Abdul Karim Jamak adalah, perbuatan Allah tidak bersebab dengan tujuan, konsep janji baik dan ancaman buruk, kewajiban Tuhan terhadap manusia.

Firman Allah s.w.t :

لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢﴾ هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ  
وَالْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣﴾

Al-Hadid 57 : 2-3

Terjemahannya : Dialah sahaja yang menguasai dan memiliki langit dan bumi; Dia menghidupkan dan mematikan dan Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. Dialah Yang Awal dan Yang Akhir dan Yang Zahir serta Yang Batin dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa kandungan ayat-ayat di atas jelas menunjukkan bahawa kekuasaan Allah atas perbuatannya meliputi segala-galanya. Dan hendaklah dengan itikad seyakin-yakinnya, bahawa semua perbuatan yang terjadi di alam ini merupakan hasil daripada perbuatan Allah. Seperti dalam firman-Nya yang lain :

<sup>18</sup> Muhammad „Ali al-Sabuni“, *Safwatut Tafsir*, Jilid 2, (Dar al-Kutub al-Islamiyyah, t.t), . 76

وَهُوَ الَّذِي يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ وَلَهُ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

Al-Rūm 30 : 27

Terjemahannya : Dan Dialah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Dia mengembalikannya (hidup semula sesudah mereka mati), sedang perlaksanaan yang demikian amatlah mudah bagiNya dan bagiNyalah jua sifat yang tertinggi di langit dan di bumi, dan Dialah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

#### 4.3.1 Perbuatan Allah tidak bersebab dengan tujuan.

Dalam memperincikan perbincangan mengenai perbuatan Allah s.w.t tidak bersebab dengan suatu tujuan, Abdul Karim Jamak terlebih dahulu menghuraikan kekuasaan Allah s.w.t yang Maha Besar dan Maha Tinggi pada sifat ketuhanannya<sup>19</sup>. Seterusnya beliau mengemukakan beberapa ayat al-Quran sebagai menguatkan hujah beliau, diantaranya ialah;

.....الْكَبِيرُ الْمُتَعَالِ

Al-Ra'ad 13 : 9

Terjemahan : Allah itu Yang Maha Besar lagi Maha Tinggi.

<sup>19</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, 4

Kemudian dalam ayat lain:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Al-Zāriyat 51 : 56

Terjemahan : Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku.

Dalam ayat lain disebutkan pula :

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٣٧﴾

Al-Saffāt 37 : 96

Terjemah : Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!

Abdul Karim Jamak melihat dalam ayat-ayat diatas bahawa perbuatan-perbuatan Allah s.w.t seperti mencipta makhluknya dan sebagainya bukannya mengandung tujuan tertentu. pandangan Abdul Karim Jamak tersebut juga pernah dikemukakan oleh Ibn Hazm bahawa segala perbuatan Allah s.w.t tidak tertakluk kepada matlamat dan tujuan tertentu<sup>20</sup>. Tetapi berbeza dengan pandangan golongan Mu'tazilah, setiap ciptaan Tuhan mempunyai tujuan<sup>21</sup>. Sebagaimana yang telah dikemukakan bahawa mereka juga berpegang kepada prinsip bahawa setiap perbuatan Allah s.w.t mempunyai kebaikan (*maslahah*) dan tujuan tertentu<sup>22</sup>. Disamping itu mereka menegaskan bahawa perbuatan yang tidak mempunyai tujuan

<sup>20</sup> Ibn Hazm, Abu Muhammad „Ali bin Hazm,, *Al-Fisal fi al-Milal wa al-Ahwal wa al-Nihal*, (Bagdad : Maktabah al-Muthana, t.t),. 185

<sup>21</sup> Al-Khayyat, Abu al-Husayn „Abdal-Rahim Muhammad, 1957, *Kitab al-Intisar wa al-Radd ‘ala Ibn al-Rawandi al-Malhid*, (Beirut : al-Matba‘ah al-Katholik,1957), 26

<sup>22</sup> Al-„Ji, „Add al-Din „Abd Rahman b Ahmad, 1907, *Syarh al-Mawaqif fi ‘Ilm al-Kalam*, Cairo, h, 328

adalah sis-sia dan buruk (*qabih*) dan wajib dibersihkan Allah s.w.t daripadanya<sup>23</sup>. Dengan kata lain, Mu'tazilah menjelaskan bahawa Allah s.w.t suci daripada perbuatan buruk dan setiap perbuatan Allah s.w.t mempunyai tujuan<sup>24</sup>.

Golongan al-Asyā'irah pula mengemukakan pendapat yang berlainan. Mereka berpendapat bahawa Allah s.w.t berkuasa mutlak terhadap makhluk-Nya. Kekuasaan tersebut membuat Allah s.w.t tidak memiliki keburukan, kesalahan malah tidak ada suatu kewajipan bagiNya<sup>25</sup>. Walaupun Allah s.w.t mengetahui kebaikan dan kemaslahatan manusia, namun pengetahuan tersebut tidak menjadi sebab dan musabbab untuk Allah s.w.t berbuat sesuatu<sup>26</sup>. Alasan yang dikemukakan oleh al-Asyā'irah ialah:

1. Sekiranya perbuatan Allah s.w.t mempunyai tujuan, maka Allah s.w.t mempunyai kekurangan pada zat-Nya akan sempurna setelah mencapai tujuan perbuatan-Nya.
2. Tujuan sesuatu perbuatan yang dilakukan akan terhasil atau tercapai selepas perbuatan berkenaan dilakukan atau melalui perbuatan berkenaan, sedangkan Allah s.w.t adalah pembuat kepada semua perkara dan tiada sesuatu daripada alam ini melainkan perbuatan Allah s.w.t padanya tanpa tujuan kepada perbuatan lain<sup>27</sup>.

Dalam hal ini, golongan al-Maturidiyyah dari Bukhara bersependapat dengan golongan al-Asyā'irah. Menurut al-Bazdawi, tidak ada tujuan yang

---

<sup>23</sup> Al-,Jji,Op.cith. 328

<sup>24</sup> Ibrahim Bakar, Ilmu Kalam, (Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2002), 203

<sup>25</sup> Al-Baghdadi, Abu Mansur „Abd al-Qahir bin Tahir al-Tamimi, *Kitab Usul al Din*, (Beirut : Dar al-Kitab al-Alamiyyah,1980), cet. 2, 104

<sup>26</sup> Al-Razi, Fakhr al-Din Abu „Abd Allah b. Muhammad b. „Umar, *Muhassal Afkar al-Mutaqaddimin wa al-Muta'akhirin min al-Falasifah wa al-Mutakallimin*, (al-Qahirah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyyah, t.t), . 205

<sup>27</sup> Al-,Jji, *Op.cit*, 331-332

mendorong Tuhan untuk mencipta alam ini. Tuhan berbuat sekehendak hati-Nya. Keadaan Tuhan bersifat Bijaksana tidaklah mengandung erti bahawa di sebalik perbuatan-perbuatan Tuhan terdapat hikmat-hikmat<sup>28</sup>.

Secara umum, kedua-dua aliran tersebut mengemukakan pandangan yang berbeza antara satu sama lain. Golongan Mu'tazilah mengemukakan pendapat bahawa setiap perbuatan Allah s.w.t memiliki tujuan dan tidak dilakukan tanpa sebab. Manakala golongan Asyā'irah pula mengatakan Allah s.w.t boleh melakukan segala-galanya tanpa tujuan kepada perbuatan lain. Disamping itu juga, golongan Mu'tazilah menekankan kesucian Allah s.w.t daripada segala keburukan, manakala golongan al-Asha'irah menekankan kesempurnaan Allah s.w.t sehingga Allah s.w.t tidak memerlukan apa-apa daripada segala perbuatan-Nya.

Penganalisaan terhadap pandangan golongan al-Asyā'irah secara langsung memperlihatkan persamaan dengan pandangan Abdul Karim Jamak, yang menjelaskan bahawa segala perbuatan Allah s.w.t dan segala hukumnya dan jika ada ia suci daripada tujuan sekalipun<sup>29</sup>.

Kenyataan diatas menunjukkan bahawa segala perbuatan Allah s.w.t sama ada yang melibatkan hambanya atau yang berkaitan dengan makhluk yang lain bukanlah bertujuan mengambil faedah daripada mereka. Kerana itu, Abdul Karim Jamak bersependapat dengan golongan al-Asyā'irah bahawa Allah s.w.t di dalam perbuatan-Nya tidak mempunyai sebab dengan sesuatu tujuan. Tuhan membuat sesuatu semata-mata kerana kekuasaan dan kehendak mutlak-Nya dan bukan kerana kepentingan manusia atau tujuan yang lain. Abdul Karim Jamak berpendirian

---

<sup>28</sup> Al-Bazdawi, Abu al-Yusr Muhammad b. Muhammad b. ,Abd Karim, *Kitab Usul al-Din*, tahqiq, Dr. Hans Peter.( al-Qahirah : Isa al-Babi al-Halabi, 1963), 130

<sup>29</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, 4

bahawa Tuhan memang berbuat apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Dan Abdul Karim Jamak sangat kukuh pendiriannya bahawa perbuatan Allah untuk menciptakan makhluk sebagaimana yang didapati dalam al-Quran. Beliau mendapati kebanyakan ayat-ayat al-Quran menyebut perbuatan Allah bukannya secara sia-sia. Abdul Karim Jamak memperturunkan beberapa ayat al-Quran untuk mengukuhkan pendapatnya, antaranya ialah :

Surah al-Anbiyā (21 : 16)

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لِعِبَادٍ ﴿١٦﴾

al-Anbiyā 21 : 16

Terjemahan : Dan kami (Allah) tidak jadikan langit dan bumi serta di antara kedua-duanya secara sia-sia.

Surah Āli-,Imrān 3 : 191

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَّفُوعِدًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Āli-,Imrān 3 : 191

Terjemahan : (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab Neraka.

Firman Allah dalam ayat lain disebutkan pula :

Surah al-Zāriyāt (51 : 56)

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Al-Zāriyāt (51 : 56)

Terjemahan : Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Ayat-ayat tersebut jelas menunjukkan perbuatan-perbuatan Allah mengandung tujuan tertentu, dalam erti kata Allah memberikan segala kenikmatan kepada makhlukNya. Dan ayat-ayat tersebut menuntut supaya makhluk ciptaan-Nya seperti jin dan manusia menaati Allah untuk mendapat pahala sebagaimana yang dijanjikan-Nya.

#### 4.3.2 Konsep Janji Baik dan Ancaman Buruk.

Persoalan janji baik dan buruk (*al-Wa'd wa al-Wa'd*) merupakan suatu konsep yang amat penting berhubung dengan keadilan Allah s.w.t dengan adanya konsep tersebut terbukti bahawa setiap perbuatan manusia sama ada melakukan kebaikan atau pun keburukan, pasti mendapat pembalasan yang setimpal

dengannya<sup>30</sup>. Selaras dengan ini Abdul Karim Jamak menjelaskan firman Allah s.w.t :

إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ

Āli-,Imrān 3 : 9

Terjemahan : Sesungguhnya Allah tidak menyalahi janji.

Abdul Karim Jamak menegaskan bahawa perbuatan baik dan buruk, pemberian pahala kepada orang-orang yang taat dan menghukum mereka yang mengingkari-Nya merupakan manifestasi dari keadilan Allah s.w.t<sup>31</sup>. murid Abdul Karim Jamak, Syarif Satimen menjelaskan bahawa persoalan janji baik dan ancaman buruk bukanlah suatu kewajiban bagi Allah s.w.t yang dikenakan ke atas umat manusia. Bahkan ianya merupakan suatu keharusan bagi Allah s.w.t<sup>32</sup>. Kerana kedua-duanya telah nyata kedudukan dalam al-Quran, tentang pelbagai bentuk perbuatan. Umpamanya kejujuran, amanah dan kebenaran, pada hakikatnya baik. Manakala pendustaan, penipuan dan pengkhianatan pada hakikatnya adalah buruk.

Golongan al-Mu`tazilah menggunakan konsep janji baik dan ancaman buruk (*al-Wa'd wa al-Wa'id*) sebagai salah satu daripada persoalan dasar dalam akidah mereka. Justeru itu, mereka mempercayai janji baik dan ancaman buruk itu tetap berlaku. Sekiranya ia tidak berlaku nescaya Allah s.w.t tidak bersifat adil kerana Allah s.w.t tidak menunaikan janji-Nya. Oleh yang demikian menepati janji sama

<sup>30</sup> Al-Saduq, Abu Ja`far Muhammad b. ,Ali Hussayn b. Musa b. Babawayh al-Qummi, *Al-Tauhid*, (Tehran : Maktabah al-Saduq,1387 H), 406

<sup>31</sup> Syarif Satimen,(Doktor, Haji, murid Karim Jamak yang juga pensarah Ilmu Tafsir, Universiti Negeri Makasar, Jambi), dalam temubual dengan penulis, 28-09-2013

<sup>32</sup> Syarif Satimen, 28-09-2013



ada baik ataupun buruk adalah wajib bagi Allah s.w.t<sup>33</sup>. Seterusnya Mu'tazilah mengatakan bahawa mustahil Allah s.w.t mengampun mereka yang melakukan maksiat malah tetap akan diseksa<sup>34</sup>. „Abd al-Jabbar menjelaskan bahawa Tuhan akan bersifat tidak adil bila Ia tidak menepati janji untuk memberi upah kepada orang-orang yang berbuat baik dan jika tidak menjalankan ancaman untuk memberi hukuman kepada orang yang berbuat jahat, hal ini akan membuat Tuhan mempunyai sifat berdusta<sup>35</sup>.

Bagi golongan al-Asyā'iriah mereka berfaham Tuhan tidak mempunyai kewajiban menepati janji-Nya sama ada baik ataupun buruk, kerana ianya tidak sejajar dengan keyakinan mereka tentang kekuasaan dan kehendak mutlak Tuhan dan tidak adanya kewajiban-kewajiban bagi Tuhan. Allah s.w.t tidak sama sekali memberi pahala bagi mereka yang taat, samalah juga Allah s.w.t tidak boleh menyeksa mereka yang taat atau pun mereka yang melakukan maksiat<sup>36</sup>.

Golongan Mu'tazilah juga berpendapat bahawa baik dan buruk itu wajib diketahui oleh manusia melalui akal mereka dengan wajib pula mereka melakukan kebaikan dan menjauhi perbuatan buruk<sup>37</sup>. Mu'tazilah juga mengemukakan bahawa akal manusia dapat mengetahui<sup>38</sup>;

1. Adanya Tuhan
2. Kewajipan manusia berterima kasih kepada Tuhan
3. Apa yang baik dan buruk

---

<sup>33</sup> „Abd al-Jabbar, al-Qadi Abu Hasan b. Ahmad, 1965, *Syarh Usul al-Khamsh*, tahqiq, „Abd al-Karim Uthman, (al-Qahirah : Maktabah al-Qahirah, 1965), cet. 1, 135

<sup>34</sup> Abd al-Jabbar, al-Qadi Abu Hasan b. Ahmad, 1965, *Ibid*, h. 657

<sup>35</sup> „Abd al-Jabbar Ibn Ahmad, *Sharh al-Usul al-Khamshah*, Ed. Dr. „Abd al-Karim „Usman, (Cairo : Maktabah Wahbah, 1965), 135

<sup>36</sup> Al-Asy'ari, Abu al-Hasan „Ali bin Ismail, 1975, *Kitab al-Luma fi al-Radd'ala ahl al-Ziyagh wa al-Bida'*, (Qahirah, 1975), 77

<sup>37</sup> Al-Syahrasta'ni, *al-Milal wa al-Nihal*, Jilid I, 45

<sup>38</sup> Al-Syahrastani, *Ibid*, 42

4. Kewajipan manusia berbuat baik baik dan kewajipan manusia menjauhi perbuatan jahat.

Bagi golongan Maturidiyyah Bukhara dalam hal ini tidak semua antara mereka bersetuju dengan kaum Asha'irah. Sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Bazdaw , tidak mungkin Tuhan melanggar janji-Nya untuk memberi upah kepada yang berbuat baik, begitu tidak mungkin Tuhan membatalkan ancaman untuk memberi hukuman kepada orang yang berbuat jahat<sup>39</sup>. Oleh sebab itu nasib mereka yang berdosa besar ditentukan oleh kehendak mutlak Tuhan. Jika Tuhan berkehendak untuk memberi ampun kepada mereka yang berdosa, Tuhan tidak akan memasukkannya ke dalam neraka, tetapi ke dalam surga dan jika Ia berkehendak untuk memberi hukuman, mereka akan dimasukkan ke dalam neraka buat sementara atau buat selama-lamanya<sup>40</sup>. Bukan tidak mungkin bahawa Tuhan memberi ampun kepada seseorang tetapi dalam pada itu tidak memberi keampunan kepada orang lain sungguhpun dosanya sama<sup>41</sup>. Al-Ghazali juga mengeluarkan pendapatnya, bahawa Tuhan dapat berbuat apa sahaja yang dikehendaki-Nya, dapat memberi hukum menurut kehendak-Nya<sup>42</sup>. Dapat menyiksa orang berbuat baik jika itu dikehendaki-Nya dan dapat memberi balasan yang baik kepada orang kafir jika perkara demikian dikehendaki-Nya<sup>43</sup>.

Abdul Karim Jamak, sebagaimana yang dijelaskan Azhar Arsyad; dan tiada wajib bagi Allah s.w.t menyempurnakan yang dijanjikan seksa bagi orang yang mengerjakan maksiat kerana harus bagi Allah s.w.t menyalahi sebab ia tiada

---

<sup>39</sup> Al-Bazdawi, *Op.cit*, 131

<sup>40</sup> Al-Bazdawi, 1963, Loc.cit

<sup>41</sup> Al-Bazdawi, *Ibid*, 145

<sup>42</sup> Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, *al-I'tisad fi al-I'tiqad*, tahqiq, Dr. Ibrahim Angah Cubukcu and Dr. Hussein Atay, (Ankara : Ankara Universiti, 1962), 184

<sup>43</sup> Al-Ghazali, *Ibid*, . 165

dibilangkan kekurangan bagi-Nya<sup>44</sup>. Selanjutnya disebutkan pula, bahawa dijadikan tanda yang menunjukkan atas barang yang ia ikhtiarnya jua daripada pahala dan seksa hingga jikalau dibalaskannya dengan diberi pahala bagi orang yang mengerjakan maksiat dan seksa bagi orang yang mengerjakan taat nescaya harus pada akal<sup>45</sup>. Maka perlu diyakini bahawa apa yang dikehendaki oleh Allah pasti terjadi dan apa yang tidak dikehendaki-Nya tidak mungkin terjadi.

Berhubung dengan perkara diatas, Abdul Karim Jamak menjelaskan, wajib mengiktikadkan bahawa Allah s.w.t itu menunaikan yakni menyempurnakan orang yang dijanjikan memberi kebajikan seperti pahala jika orang mengerjakan taat<sup>46</sup>.

Secara ringkas, Abdul Karim Jamak adalah bersependapat dengan al-Asyā'irah bahawa pemberian balasan baik dan buruk adalah harus bagi Allah s.w.t. pandangan mereka adalah bersamaan dengan pendapat al-Asyā'irah yang mengutamakan kekuasaan dan kehendak mutlak Allah s.w.t terhadap makhluk-Nya. Berkaitan dengan pahala bagi manusia, Abdul Karim Jamak tetap berpegang teguh dengan apa sahaja yang telah dijanjikan oleh Allah dalam al-Quran. Dengan merujuk kepada firmanNya:

وَإِنْ تُطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَا يَلِتْكُمْ مِنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٤٩﴾

Al-Hujarāt 49 : 14

Terjemah :”....dan (ingatlah), jika kamu taat kepada Allah RasulNya (zahir dan batin), Allah tidak akan mengurangkan sedikitpun dari pahala amal-amal kamu,

<sup>44</sup> Azhar Arsyad, Murid Karim Jamak, (Prof. Dr, MA, H, sekarang Ketua Dewan Pimpinan Pusat Jam'iyatul Islamiyah, Jakarta, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 4 agustus 2015.

<sup>45</sup> Azhar Arsyad, 4 Agustus 2015, Lihat Jamal Saliba, dalam *al-Mu'jam al-Falasafi*, menjelaskan *al-'Aql* yang bererti alat berfikir, daya berfikir untuk mengetahui. Secara etimologi dalam bahasa Arab, *al-'Aql* bererti menahan, mengikat, melawan, menanggapi, memahami dan merenung secara konsepsional. .84

<sup>46</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, 45

kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi  
Maha Mengasihani.

Abdul Karim Jamak dengan keyakinannya berpandangan bahawa Allah s.w.t sekali-kali tidak akan mengurangi pahala daripada amalan-amalan hambanya, bahkan akan menambah dengan berlipat ganda.

#### 4.3.3 Keadilan Tuhan

Keadilan Tuhan (*Al-'Adl al-Ilāhi*) adalah suatu perkara yang menjadi perbincangan hebat dan mendapat perhatian daripada para ilmuan Islam. Pelbagai pandangan dan pembuktian yang dilakukan untuk menyatakan tentang perkara tersebut.

Perkataan adil berasal daripada perkataan „Arab iaitu masdar *'adala-ya'dilu- 'adlan*<sup>47</sup>. Ibn Manzur mengatakan *al-'adl* bermaksud berada pada jalan yang lurus (*mustaqim*) persamaan dalam pembalasan ataupun ganjaran iaitu baik dibalas dengan kebaikan dan buruk dibalas dengan keburukan<sup>48</sup>. Beliau menjelaskan lagi, keadilan merupakan sifat yang tidak cenderung kepada hawa nafsu dan menghukum dengan kebenaran<sup>49</sup>.

---

<sup>47</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, jilid XI, 430

<sup>48</sup> *Ibid*,

<sup>49</sup> *Ibid*, 431

Al-Zabidi turut memberi pengertian yang hamper sama iaitu beliau mengatakan *al-'adl* bermaksud berada di jalan yang lurus dan persamaan dalam menghukum maksudnya yang baik dibalas dengan kebaikan dan sebaliknya<sup>50</sup>.

Ibn Faris pula menjelaskan bahawa *al-'adl* bermaksud menghukum dengan saksama (*al-hukm bi al-istiwa*)<sup>51</sup>.

Manakala, Lane mengatakan ia bererti menyamakan sesuatu dengan sesuatu yang lain. Dengan kata lain, ia bermaksud persamaan, keadilan dan ketulusan<sup>52</sup>.

Selain itu, *Justice* (keadilan), mempunyai beberap pengertian<sup>53</sup> :

- i. Penyelenggaraan atau pentadbiran tentang perkara-perkara yang adil melalui penyelesaian yang tidak berat sebelah terhadap tuntutan yang mengelirikan atau dalam memberi penghargaan terhadap perkhidmatan atau di dalam memutuskan sesuatu hukuman.
- ii. Bersikap adil, tidak berat sebelah dan saksama.
- iii. Selaras dengan fakta, kebenaran dan sebab

Keadilan (*al-'adl*) adalah salah satu sifat yang amat penting bagi Allah s.w.t. Sehubungan dengan itu, keadilan Allah s.w.t ialah meletakkan sesuatu perkara sesuai pada tempatnya serta mengagihkannya secara saksama dengan tidak berkurangan mahupun berlebihan<sup>54</sup>.

<sup>50</sup> Al-Zabidi, al-Sayyid Muhammad Murtada<sup>h</sup>, *Ta'j al-'Aru's*, ( Libya : Dar Libya, Bingha<sup>h</sup>zi<sup>h</sup>, t.t), 9

<sup>51</sup> Ibn Faris, Abu Husayn Ahmad bin Fa<sup>h</sup>ris bin Zakariyya bin Muhammad bin Habi<sup>h</sup>b al-Ra<sup>h</sup>zi, *Mu'jam Maqa<sup>h</sup>yi<sup>h</sup> al-Lughah*, Jilid VIII, (Qahirah : Fsa<sup>h</sup> al-Ba<sup>h</sup>bi<sup>h</sup> al-Halabi<sup>h</sup>, 1969), 246

<sup>52</sup> F.W. Lane, *Lexicon*, Jilid V, 1973

<sup>53</sup> Tanpa Pengarang, *Websters Ninth new Collegiate Dictionary*, 655

<sup>54</sup> E. Tyan, 'Adl' Encyclopedia of Islam 2, 209

Dalam pengertian yang lain, adil memberi maksud lurus (tidak memihak ke mana-mana) dan tidak melebihi serta mengurangkan iaitu sepatutnya. Bagi perkataan keadilan pula, maksudnya sifat yang adil, iaitu menuntut dan menciptakan. Secara ringkasnya ia bermaksud berdasarkan pertimbangan yang sewajarnya atau berpatutan, tidak memihak ke mana-mana, tidak sewenang-wenang dan tidak melebihi atau tidak kurang daripada yang sewajarnya atau sepatutnya<sup>55</sup>.

Oleh itu, secara ringkas, perkataan *al-'Adl* boleh dikatakan merujuk kepada keadilan, persamaan, berada pada jalan yang lurus dan juga meletakkan sesuatu kena pada tempatnya. Disamping itu, beberapa perkataan yang mempunyai maksud yang hamper sama dengan *al-'Adl*, diantaranya adalah *qusd* (sederhana), *qist* (saksama), *sawiyyah* (sama) dan *istiqamah* (berada di jalan yang lurus) manakala perkataan-perkataan yang berlawanan dengannya pula adalah *al-jaur* dan *al-zulm*.

Pengertian menurut istilah tentang keadilan Tuhan, sebagaimana yang dijelaskan oleh para ilmuan Islam, diantaranya adalah :

Menurut Abdul Karim Jamak, bahawa Allah s.w.t adalah Tuhan yang Maha Adil, dengan penciptaan alam yang sempurna telah menunjukkan keadilan Allah s.w.t terhadap makhluk-Nya, yang amat besar dan teragung, serta perbuatannyapun tidak berpihak memilih kasih antara satu dengan yang lain. Sebagaimana merujuk kepada al-Quran :

---

<sup>55</sup> Tengku Iskandar, Kamus Dewan, 8

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَابِئًا بِأَلْفِ سُطْرٍ

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Āli-, Imrān 3 : 18

Terjemahannya : Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Imam Ja'far, menjelaskan keadilan Allah memiliki hakikat tersendiri. Allah s.w.t melaksanakan perbuatan-perbuatan-Nya menurut kriteria keadilan. Ini bererti, beliau menjelaskan bahawa Allah s.w.t bebas daripada sebarang bentuk kezaliman dan kejahatan sebaliknya memperlakukan setiap makhluk ciptaan-Nya menurut keadilan<sup>56</sup>.

Mu'tazilah pula mengatakan bahawa Tuhan dikatakan adil kerana semua perbuatan-Nya baik. Dia wajib berbuat baik, tidak berbuat buruk dan tidak mengambil hak orang lain<sup>57</sup>.

Asy'ari mengatakan, semua perbuatan Tuhan adalah adil. Ia adil dalam menjadikan orang beriman dan tetap adil meskipun ia juga menjadikan orang kafir.

<sup>56</sup> Al-Saduq, Abu Ja'far Muhammad bin, Ali Hussayn bin Musa bin Babawayh al-Qummi, *Ma'ani al-Akhbar*, (Najaf : Intisyarat Islami, Dar al-Kutub al-Islamiyyah, 1378 H), 11

<sup>57</sup> Al-Jabbar, *Sharh al-Usul al-Khamsah*, *Op.cit*, 131, 301

Ia juga adil jika menyeksa mereka di akhirat kelak. Dengan kata lain keadilan Tuhan menunjukkan bahawa Tuhan mempunyai kekuasaan mutlak terhadap makhluk-Nya dan dapat berbuat sekehendak-Nya.<sup>58</sup>. Sesuai dengan firman-Nya :

خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ إِنَّ رَبَّكَ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٠٧﴾

Hūd 11 : 107

Terjemahannya : Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu. Sesungguhnya Tuhanmu, Maha Kuasa melakukan apa yang dikehendakiNya.

Aliran Mu'tazilah mengatakan bahawa, keadilan sebagai satu sifat keagungan Allah s.w.t. segala sesuatu yang dilakukan oleh Allah s.w.t itu adalah adil. Disini jelas menunjukkan bahawa keadilan di kaca Mu'tazilah adalah berdasarkan kepada ketentuan Allah s.w.t. jika selaras dengan hukuman Allah adalah adil, jika sebaliknya adalah tidak adil. Ia wajib berbuat baik, tidak berbuat yang buruk dan tidak mengambil hak orang lain<sup>59</sup>.

Al-Syahrastāni menjelaskan pendapat Asy'āri mengenai keadilan yang sebenarnya ialah Allah s.w.t mempunyai kekuasaan mutlak untuk berbuat sekehendak hati-Nya<sup>60</sup>. Umpamanya, Allah s.w.t menciptakan alam cakerawala bukannya untuk kepentingan manusia<sup>61</sup>. Menurut al-Asy'āri sendiri, adalah tidak menjadi keslahan bagi Allah sekiranya Dia memasukkan seluruh manusia ke dalam

<sup>58</sup> Al-Asy'āri, *al-Ibanah*, *Op.cit.*, 107

<sup>59</sup> ,Abd al-Jabbar, *Op.cit.*, 132

<sup>60</sup> Al-Syahrastāni, *al-Milal*, I, 101

<sup>61</sup> Al-Bazdawī, *Usūl al-Dīn*, 132



syurga, begitu juga Allah s.w.t tidak dikatakan sebagai zalim kerana memasukkan seluruh manusia ke dalam neraka. Oleh yang demikian, setiap perbuatan-Nya tidak pernah bertentangan dengan hukum atau undang-undang<sup>62</sup>.

*Al-'Adl* dari sudut al-Quran, telah disebut sebanyak dua puluh enam tempat dalam al-Quran, sama ada dalam bentuk kata nama atau kata perbuatan. Selain daripada kalimah tersebut, kalimah *al-qist* yang juga membawa pengertian adil telah disebut dalam al-Quran sebanyak dua puluh lima kali<sup>63</sup>. Al-Quran memberi penekanan yang begitu besar kepada persoalan ini menerusi keterangan, diantaranya :

Terjemahannya :Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan ...<sup>64</sup>

Terjemahannya : (Dengan dikatakan kepadanya): Azab yang demikian ini ialah disebabkan perbuatan tanganmu sendiri, kerana sesungguhnya Allah tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambaNya<sup>65</sup>.

Terjemahannya : Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan,..<sup>66</sup>

Terjemahan : Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk

<sup>62</sup> Al-ghazalī, *al-Iqtisād*, 115-116

<sup>63</sup> ,Abd al-Bāqī, Muhammad Fuad, *Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qurān al-Karīm*, (Qahirah : Dar al-Kutub al-Misriyyah, 1364 H),

<sup>64</sup> Al-Quran, surah Āli ĩ, Imrān (3 : 18)

<sup>65</sup> Al-Quran, surah al-Haj (22 : 10)

<sup>66</sup> Al-Quran, surah al-Nahl (16 : 90)

pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun..<sup>67</sup>

Kerana itu, Abdul Karim Jamak memandang betapa al-Quran memberikan tekanan begitu besar pada nilai keadilan, maka sudah pasti Pencipta al-Quran bertindak adil di dalam segenap kehidupan sama ada kehidupan di bumi atau di langit mahupun kehidupan di dunia dan di akhirat kelak.

#### 4.3.4 Kewajipan Tuhan Terhadap Manusia

Kewajipan Tuhan terhadap manusia adalah salah satu persoalan dasar dalam ilmu *al-Kalām* bagi Syiah Imā'iyah dan Muktazilah, khususnya yang berhubung dengan kekuasaan mutlak dan keadilan Allah<sup>68</sup>. Mereka mempercayai bahawa Allah s.w.t tidak melakukan keburukan dan kezaliman kepada manusia apatah lagi untuk mewajibkannya ke atas manusia. „Abd al-Jabbar menjelaskan bahawa setiap perbuatan Allah mengandungi hikmah dan mempunyai tujuan yang tertentu untuk kebaikan manusia<sup>69</sup>.

Menurut al-Syahrastāni, Muktazilah menafikan setiap keburukan dilakukan oleh Allah disebabkan mereka mengatakan Allah s.w.t Maha kaya daripada sifat-sifat keburukan dan mengetahui buruknya sesuatu keburukan. Lantaran itu kewajipan tersebut dapat diringkaskan dalam suatu kewajipan sahaja, iaitu kewajipan berbuat baik dan terbaik bagi manusia<sup>70</sup>.

<sup>67</sup> Al-Quran, surah al-Anbiyā (21 : 47)

<sup>68</sup> Ahmad Zuhdi bin Ismail, *Op.cit*, 90

<sup>69</sup> „Abd al-Jabbar, *Syarh Usul al-Khamsah, Tahqiq*, „Abd al-Karim „Uthman, cet. I, (Qahirah : Maktabah, 1965), 123

<sup>70</sup> Al-Syahrastāni, Abū al-Fath Muhammad „Abd al-Karim bin Abu Bakar, *Nihāyat al-Iqda'm fi 'Ilm al-Kalām*, (Bagdad : Maktabah al-Mathā'nī, 1964), 398

Bagi Asyā'irah pula konsep tersebut tidak diterima sama sekali kerana bertentangan dengan pemahaman mereka, iaitu Allah s.w.t mempunyai kekuasaan mutlak ke atas manusia. Oleh kerana demikian Allah menurut mereka, dapat berbuat sesuka hati-Nya. Interpretasi tersebut menyebutkan Allah tidak mempunyai kewajiban ke atas manusia<sup>71</sup>. Al-Ghazali pernah menegaskan perbuatan Allah s.w.t bersifat „harus“, iaitu tidak wajib, malah tidak ada ataupun kewajiban kepada Allah<sup>72</sup>.

Abdul Karim Jamak menghuraikan konsep kewajiban Allah s.w.t dengan menjelaskan bahawa Allah s.w.t harus berbuat apa sahaja terhadap makhluk-Nya, kerana tiada sesuatupun yang wajib ke atas Allah s.w.t sama ada Ia mahu memberi keimanan ke atas seseorang mahu pun memberi kekufuran ke atas seseorang. Dengan demikian dapat dikatakan bahawa apa sahaja yang dibuat oleh Allah s.w.t tidak dapat dipersoalkan.

Perbuatan Tuhan terhadap manusia menurut Abdul Karim Jamak adalah dengan mengenal panca indra yang ada pada dirinya sendiri<sup>73</sup>. Kelima indera yang dimiliki manusia ini harus bekerja secara padu dalam menjalankan fungsinya masing-masing sehingga manfaat dari panca indera ini boleh dicapai secara sempurna. Dan jika salah satu dari kelima indera ini kehilangan fungsinya, maka kesempurnaan indera ini tidak dapat dicapai. Ciri yang menandakan bahwa suatu alat indera tidak dapat berfungsi secara sempurna, boleh diketahui secara langsung dengan memerhatikan tingkat kecepatan respon yang diberikan otak atas pengaruh

---

<sup>71</sup> Al-Syahrastāni, Abū al-Fath Muhammad „Abd al-Karim bin Abu Bakar, *al-Milal wa al-Nihal*, I, Tahqiq „Abd al-„Aziz Muhammad al-Wakil, (Qahirah : Mu'asasah al-Halabi, t.t), 94, 96

<sup>72</sup> Al-Ghazali, *al-Iqtisād*, *Op.cit.*, 102

<sup>73</sup> Zuhadi Karim, *Op.cit.*, 2012

yang sampai kepadanya. Kelambatan respon ini, terkadang boleh membawa akibat yang membahayakan manusia, sebagaimana disebutkan dalam firman-Nya :

الَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّاكَ فَعَدَلَكَ ﴿٧﴾

Al-Infītār 82 : 7

Terjemahannya : Tuhan yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu, lalu menjadikan anggotamu sesuai (dengan tujuan yang kerananya anggota itu diadakan), serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) sama padan dengan kekuatannya;

Menurut al-Kāzîn, manusia diciptakan dari tiada menjadi ada, dapat mendengar dan melihat, memiliki kelengkapan anggota badan yang serba seimbang, simetris, dan selaras, anggota badan yang satu tidak lebih panjang dari yang lainnya<sup>74</sup>.

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa, jika ada yang menyatakan bahawa Allah s.w.t wajib membuat atau mendatangkan kemaslahatan bagi hamba-Nya, adalah tidak benar. Kerana tidak masuk akal adanya ancaman terhadap Allah s.w.t bila Dia tidak menciptakan kemaslahatan untuk hamba tersebut<sup>75</sup>. Selanjutnya Abdul Karim Jamak, menyebutkan mustahil adanya kewajipan atas Allah untuk kemaslahatan hamba-Nya, padahal Dialah yang mewajibkan, menyuruh dan melarang. Meskipun demikian boleh sahaja memikulkan *taklif* kepada hamba-Nya,

<sup>74</sup>

Al-Khāzîn, „Alā al-Dîn „Alī bin Muhammad, *Lubābu al-Ta’wīl fī Ma’ānī al-Tanzīl*, juz. 6, (t.tp, t.t), 230

<sup>75</sup>

Tasmin Tanggaren, (Doktor, Haji, murid Abdul Karim Jamak, Pensarah Universiti Islam Negeri, Sungai Penuh), dalam temubual dengan Penulis, 22 Maret 2014

sesuatu yang tidak mampu dilakukan hamba tersebut<sup>76</sup>. sebagaimana disebutkan dalam firman Allah s.w.t;

”.....رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ ..

al-Baqarah 2 : 286

Terjemahan : ....Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya..

Kenyataan diatas menunjukkan bahawa Allah s.w.t bebas berbuat apa sahaja terhadap hamba-Nya menuruti kehendak-Nya sendiri. Dia tidak wajib memelihara yang terbaik (*al-ashlah*) untuk hamba. Tidak ada suatu kewajipan yang mesti dilakukan Tuhan.

Azhar Arsyad<sup>77</sup> mengemukakan pandangan Abdul Karim Jamak tentang pahala, iaitu Allah s.w.t memberikan pahala kepada hamba-Nya yang mukmin adalah disebabkan kebaikan yang dilakukannya dan pemberian pahala ini adalah di atas dasar kemurahan, kemuliaan dan telah dijanjikan, bukan sekali-kali kerana dasar Allah s.w.t berkewajipan melakukan perkara tersebut. Demikian pula, tidak ada suatu hak yang merupakan kewajipan untuk-Nya terhadap seseorang, sebab hak-Nya untuk ditaati adalah merupakan kewajipan ke atas seluruh makhluk.

Abdul Karim Jamak juga berpendapat bahawa Allah s.w.t telah menganugerahkan kepada para hamba-Nya fitrah untuk mampu menilai baik seperti

<sup>76</sup> Tasmin Tanggareng, (Doktor, Haji, Murid Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh) dalam temubual dengan penulis, 22 Maret 2014

<sup>77</sup> Azhar Arsyad, (Profesor, Doktor, Haji, Dewan Pimpinan Pusat Jam'iyatul Islamiyah, murid Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 4 ogust 2015

sifat-sifat kejujuran, keadilan dan memelihara kesucian diri, ihsan dan mensyukuri nikmat kepada yang memberinya<sup>78</sup>.

Pandangan mengenai kewajipan Tuhan terhadap manusia, sebagaimana huraian diatas terdapat perbezaan antara Abdul Karim Jamak dengan, Mu“tazilah dan Asyā“irah. Bagi Abdul Karim Jamak, adanya kewajipan Tuhan terhadap manusia merupakan suatu keharusan, kerana manusia diberi oleh Allah keterbatasan dan kekurangan, kerana keterbatasan dan kekurangan yang terdapat pada manusia, maka manusia bergantung kepada Tuhan. Dengan memahami firman Allah s.w.t :

ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِن رُّوحِهِ ۗ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٩﴾

Sajadah 32 : 9

Terjemahannya :Kemudian Dia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya: Roh ciptaanNya. Dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.

Abdul Karim Jamak berpendapat ayat tersebut merupakan bukti bahawa manusia memiliki kehidupan dikeranakan anugerah Tuhan. Sehingga dari tidak ada menjadi ada, tidak dapat mendengar menjadi boleh mendengar serta diberi penglihatan. Beliau juga berpandangan bahawa keberadaan ruh pada diri manusia diyakininya sebagai penyebab kehidupan dan menjadi factor kemuliaan pada manusia.

<sup>78</sup>

Syahrin Harahap, (Profesor. Doktor, murid Karim Jamak, Pensarah Universiti Islam Negeri Medan, Jambi), dalam Temubual dengan penulis, pada seminar international di Jambi , beliau juga ahli jawatan kuasa tingkat pusat Jam“iyatul Islamiyah. 2014

#### 4.4 Kesenangan dan Kebahagiaan

Dalam bahasa Arab perkataan bahagia berasal dari kata *sa'adā - yas'adū - sa'adaan* yang berarti *al-yam na* kebahagiaan atau berkah<sup>79</sup>. Kata ini merupakan lawan dari *al-nakhs* yang berarti celaka<sup>80</sup>. Dalam bahasa Inggris kebahagiaan disebut *happiness*.

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa kesenangan dan kebahagiaan serta cinta dan ibadah seorang mukmin kepada Allah s.w.t merupakan keperluan yang paling luhur dan tujuan yang paling puncak. Dengan cinta dan ibadah itu pula, seorang mukmin dapat mewujudkan sebesar-besarnya kebahagiaan, kesenangan, keamanan dan ketentraman, baik di dunia dan di akhirat<sup>81</sup>.

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa Allah s.w.t menciptakan manusia bertujuan untuk memperolehi kebaikan dan keberkatan dengan cara mematuhi dan mentauhidkan-Nya. Lantaran itu, Allah s.w.t menunjukkan jalan yang lurus dan yang diridhai-Nya menerusi agama yang mulia disisiNya, iaitu agama Islam berdasarkan penjelasan beberapa ayat al-Quran, diantaranya;

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ

ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

al-Rūm 30 : 30

Terjemahan : Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada

<sup>79</sup> Lois Ma'uf, *Al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam*, (Lebanon : Dar-al-Masyriq, 1975), cet. 26, 333

<sup>80</sup> Ibnu Mansyur al-Afriqi, *Lisa al-Arab*, (Beirut : Dar al-Shadir, 1994), cet.3, 213

<sup>81</sup> Abdul Karim Jamak, Op.cit, h, 68

peubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Ditinjau dari sudut pemahaman Asyā`riyah yang mengatakan Allah s.w.t berkuasa untuk menyesatkan dan memberi petunjuk kepada orang yang dikehendaki dengan mengemukakan alasan Allah s.w.t berkuasa mutlak terhadap makhluk ciptaan-Nya. Malah al-Asy`āri sendiri menegaskan Allah s.w.t berbuat sesuatu mengikut kehendakNya, maka apabila kekufuran dan kesesatan yang dikehendaki wajib Allah melakukannya<sup>82</sup>.

Menurut al-Asy`āri dalam kitabnya *Al-Ibanah An Ushul Ad Diyanah* ia membedakan antara *khaliq* dan *kasb*. Menurutnya Allah adalah pencipta (*Khaliq*) perbuatan manusia, sedangkan manusia sendiri mengupayakannya (*muktasib*). Hanya Allahlah yang mampu menciptakan segala sesuatu termasuk keinginan manusia<sup>83</sup>. Alasan mereka dengan mengemukakan beberapa ayat al-Qur`an, iaitu;

“..وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا يُضِلُّ بِهِ كَثِيرًا وَيَهْدِي بِهِ ..”

al-Baqarah 2 : 26

Terjemahan :.... banyak orang yang disesatkan Allah, dan dengan perumpamaan itu (pula) banyak orang yang diberi-Nya petunjuk.

مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا

al-Kahf 18 : 17

<sup>82</sup> Al-Asy`āri, Abu al-Hasan ,Ali b. Ismail, 1985, *al-Ibanah 'An Ushul al-Diyanah*, (Beirut : Dar al-Kitab al-`Arabi, 1985), 195

<sup>83</sup> Rozak & Anwar, Ilmu Kalam, Op.cit, 211



Terjemahan : Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka dialah yang mendapat petunjuk; dan barangsiapa yang disesatkan-Nya, maka kamu tidak akan mendapatkan seorang pemimpinpun yang dapat memberi petunjuk kepadanya.

Sehubungan dengan itu, al-Asy'ari menginterpretasikan ayat-ayat-ayat tersebut sebagai menunjukkan Allah s.w.t berbuat sesuatu mengikut kehendakNya. Justru itu, apabila kekufuran dan kesesatan yang dikehendaki, maka Allah s.w.t melakukan, mentakdir dan menjadikannya<sup>84</sup>.

Dengan alasan yang diberikan, bertentangan dengan pendapat Mu'tazilah yang berpendapat bahawa orang-orang kafir yang membuat diri mereka menjadi kufur dan sesat, disebabkan mereka lupa terhadap perintah Allah s.w.t dan mengingkarinya. Menurut mereka Allah s.w.t tidak akan bersifat adil seandainya kehendak Allah s.w.t melibatkan kekufuran dan kemaksiatan<sup>85</sup>.

Al-Baqilani pula mengatakan bahawa Allah s.w.t mengistemewakan orang mu'min dengan memberi mereka *qudrat* beriman dan beramal saleh di dunia kemudian memberi pahala atas perbuatan baik mereka di akhirat<sup>86</sup>.

Abdul Karim Jamak, sebagaimana dijelaskan oleh muridnya Rasyid Jamak, bahawa banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menerangkan tentang kekuasaan Allah

---

<sup>84</sup> Al-Asy'ari, 1985, *al-Ibanah*, Ibid, h. 190-195

<sup>85</sup> Al-Zamakhsyari, *al-Kasyshaf 'an Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil wa 'uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*, Jilid I, (Misr : Mathba'ah Mustafa Muhammad, 1354 H), cet. 1, 160

<sup>86</sup> Al-Ash'ari, 1985, *al-Ibanah*, *Op.cit*, 140

s.w.t untuk menyesatkan dan memberi petunjuk kepada orang yang dikehendaki<sup>87</sup>.

Abdul Karim Jamak beralasan sebagaimana firman Allah s.w.t ;

(i) Surah Āli-,Imrān 3 : 160

إِن يَنْصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ وَإِن يَخْذُلْكُمْ فَمَن ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُم مِّن بَعْدِهِ

وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ

Terjemahan : Jika Allah menolong kamu, maka tak adalah orang yang dapat mengalahkan kamu; jika Allah membiarkan kamu (tidak memberi pertolongan), maka siapakah gerangan yang dapat menolong kamu (selain) dari Allah.

(ii) Surah al-Taubah 9 : 115

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِلَّ قَوْمًا بَعْدَ إِذْ هَدَاهُمْ حَتَّى يُبَيِّنَ لَهُم مَّا يَتَّقُونَ

Terjemahan : Dan Allah sekali-kali tidak akan menyesatkan suatu kaum, sesudah Allah memberi petunjuk kepada mereka sehingga dijelaskan-Nya kepada mereka apa yang harus mereka jauhi.

(iii) Surah al-Kahf 18 : 17

مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُّرْشِدًا

Terjemahan : Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka dialah yang mendapat petunjuk; dan barangsiapa yang disesatkan-Nya, maka kamu tidak akan

<sup>87</sup>

Rasyid Jamak, (Penerus Guru Pengajian rutin Jam'iyatul Islamiyah, beliau adalah adik kandung Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 04 Agustus 2014

mendapatkan seorang pemimpin yang dapat memberi petunjuk kepadanya.

(iv) Surah al-Ra'ad 13 : 27

قُلْ إِنَّ اللَّهَ يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ أَنْابَ

Terjemahan :Katakanlah: "Sesungguhnya Allah menyesatkan siapa yang Dia kehendaki dan menunjuki orang-orang yang bertaubat kepada-Nya.

(v) Surah Yūnus 10 : 35

قُلِ اللَّهُ يَهْدِي لِلْحَقِّ

Terjemahan : Katakanlah "Allah-lah yang menunjuki kepada kebenaran.

Abdul Karim Jamak berpandangan bahawa ayat diatas dapat dipahami amalan yang dilakukan oleh manusia akan menghasilkan suatu pertolongan dari Allah s.w.t . maka Allah s.w.t tidak zalim apabila manusia memilih jalan yang jahat dengan tidak memilih jalan yang baik<sup>88</sup>. Ayat-ayat hidayah dan dhalalah yang mengembalikan kepada Allah dengan jelas menyatakan bahawa, Dia Zat menunjuki dan menyesatkan.

<sup>88</sup>

Abdul Karim Jamak, 1992, *Op.cit*, 4

Dari penjelasan yang ada tersebut, dapat pengkaji simpulkan bahawa sesungguhnya hidayah dan *idhal* adalah hasil dari amalan manusia itu sendiri melalui kuasa dan kehendak yang diciptakan oleh Allah s.w.t sebagai fitrah di dalam diri manusia, untuk mencapai kesenangan dan kebahagiaan.

#### 4.5 Aspek Pembalasan Tuhan

Menurut Abdul Karim Jamak, aspek pembalasan Tuhan merupakan kadar hukuman yang sesuai dengan kesalahan seseorang ketika hidup di dunia. Hari pembalasan Tuhan adalah hari akhir bagi segala amal perbuatan manusia semasa hidupnya<sup>89</sup>. Hukuman yang dimaksud adalah sebagai sesuatu yang memberi tempat dan menjatuhkan pembalasan, dengan surga atau neraka<sup>90</sup>.

Abdul Karim Jamak menjelaskan Allah s.w.t mempunyai kasih, sayang dan cinta terhadap makhluk-makhluk-Nya, juga mempunyai kemurkaan dan kemarahan. Kasih sayang Allah dipandang merata mengenai seluruh makhluk-Nya, tetapi kemurkaan dan kemarahan-Nya tidak merata, yaitu orang-orang dan golongan-golongan manusia yang kufur, durhaka dan aniaya sahaja<sup>91</sup>. Diantara aspek pembalasan Tuhan menurut Karim Jamak, akan terlihat semasa hidup manusia, seperti dalam persoalan hidup dan matinya manusia, serta tempat pengembaliannya di akhirat kelak, apakah mereka berada didalam surga atau di neraka.

Berikut beberapa aspek pembalasan Tuhan terhadap manusia, menurut Abdul Karim Jamak, diantaranya adalah :

---

<sup>89</sup> Abdul Karim Jamak, 2010, *Op.cit*, 69

<sup>90</sup> Abdul Karim Jamak, *Ibid*, 70

<sup>91</sup> Abdul Karim Jamak, 2010, *Op.cit*, 68

#### 4.5.1 Aspek kematian

Kematian dalam pengertian kedokteran adalah berhentinya semua fungsi alat tubuh seperti jantung dan otak. Secara populer kematian dipahami sebagai ketiadaan hidup dan berlangsung hanya satu kali<sup>92</sup>. Dalam konsep Islam, *maūt* adalah pasangan peristiwa *hayāt* (hidup) pasangan peristiwa ini pasti dialami oleh manusia dan makhluk lain serta merupakan peristiwa yang diciptakan Allah untuk manusia sebagai alat pengecekan, mana di antara mereka yang lebih baik amalannya<sup>93</sup>. Sebagaimana disebutkan dalam firman Allah s.w.t :

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ

al-Mulk 67 : 2

Terjemahan : Yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.

Ibn Manzur, menjelaskan bahawa orang yang mati dikatakan sebagai orang yang memasuki alam barzah<sup>94</sup>.

Abdul Karim Jamak mengemukakan bahawa hakikat mati bukan bererti ketiadaan semata-mata atau kehancuran total dan kehilangan sepenuhnya. Mati ialah terputusnya hubungan roh dengan jasad. Mati berbeza dengan tidur, kerana

<sup>92</sup> Kamus Kedokteran Dorland, Jilid 29, (Jakarta : Kedokteran EGC, 2002), cet. 1., 567

<sup>93</sup> Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, *al-Mu jam al-Wasit*, (Mesir : Darul Ma'rifah, 1973), Jilid II, 890-891

<sup>94</sup> Ibn Manzur, *Lisān al 'Arab*, Op.cit, jilid III, 8

tidur hanya terputusnya roh sementara dengan hubungan-hubungan lahiriah<sup>95</sup>.

Seperti disebutkan dalam firman Allah s.w.t:

اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا فَيُمْسِكُ الَّتِي قَضَىٰ عَلَيْهَا الْمَوْتَ

وَيُرْسِلُ الْأُخْرَىٰ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Az-Zumar 39 : 42

Terjemahan : Allah memegang jiwa (orang) ketika matinya dan (memegang) jiwa (orang) yang belum mati di waktu tidurnya; maka Dia tahanlah jiwa (orang) yang telah Dia tetapkan kematiannya dan Dia melepaskan jiwa yang lain sampai waktu yang ditetapkan. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir.

Selanjutnya Abdul Karim Jamak menjelaskan pula bahawa pada umumnya manusia itu takut mati, dengan melihat sejarah Nabi Musa a.s, yang pernah merasa takut dibunuh oleh Fir'aun, sebagaimana dijelaskan oleh Allah dalam firmanNya<sup>96</sup>;

وَلَهُمْ عَلَىٰ ذَنْبٍ فَأَخَافُ أَنْ يَقْتُلُونِ

al-Syu'arā 26 : 14

Terjemahan : Dan lagi mereka ada mengemukakan satu tuduhan jenayah terhadapku; oleh itu Aku takut mereka akan membunuhku.

<sup>95</sup> Abdul Karim Jamak, 2010, *Op.cit.*, . 69

<sup>96</sup> Rasyid Jamak, (Guru dan Penerus Pengajian Jam'iyatul Islamiyah, Sungai Penuh-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 04Ogust 2013

Ayat diatas menjelaskan bahawa, secara garis besar, pada umumnya manusia merasa cemas dan takut menghadapi kematian. Abdul Karim Jamak merujuk pula persoalan hidup dan matinya manusia sebagaimana yang disebut dalam firman Allah;

كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ

ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Al-Baqarah 2 : 28

Terjemahan : Bagaimana kamu tergamak kufur (mengkikari) Allah padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), kemudian ia menghidupkan kamu; setelah itu ia mematikan kamu, kemudian ia menghidupkan kamu pula (pada hari akhirat); akhirnya kamu dikembalikan kepadanya (untuk diberi balasan bagi Segala Yang kamu kerjakan.

Oleh kerananya, Abdul Karim Jamak, menjelaskan keimanan yang benar kepada Allah s.w.t akan menghilangkan perasaan takut mati. Sebab seorang mukmin tahu dengan yakin bahawa kematian akan menghantarnya kepada kehidupan akhirat yang dapat menyenangkan dan akan dianugerahi rahmat dan keridhaan Allah s.w.t. Bila seorang mukmin takut mati, sesungguhnya ia adalah takut tidak mendapat ampunan Allah s.w.t serta tidak meraih rahmat dan keridaan-Nya<sup>97</sup>.

<sup>97</sup> Rasyid Jamak, (Guru dan Penerus Pengajian Jam'iyatul Islamiyah, Sungai Penuh-Kerinci) dalam temubual dengan penulis 04 Ogust 2013

Demikian juga Yusuf Qardawi, ia menjelaskan bahawa hanya orang-orang athies yang tidak percaya pada kebangkitan dan kehidupan akhirat, merekapun takut mati. Hal itu didasari keyakinan mereka bahawa kematian pasti menimpa, membinasakan dan meniadakan diri mereka. Oleh kerana itu, merasa takut kepada kejadian yang akan mmenjadi akhir mereka<sup>98</sup>. Dengan demikian, rasa takut yang sesungguhnya dirasakan orang mukmin adalah takut kepada Allah s.w.t<sup>99</sup>.

Kematian menurut al-Ragib al-Asfahāni, adalah:

1. Kematian adalah ketiadaan daya yang menumbuhkan dan mengembangkan seperti yang terjadi pada tanaman.
2. Kematian adalah ketiadaan daya fisik (*al-quwwah al-hassah*), **ketiga**, kematian adalah ketiadaan daya berfikir (*al-quwwah al-'aqilah*), yakni ketidak mampuan berfikir atau bodoh,
3. Kematian dipahami sebagai kesedihan yang menghancurkan kehidupan,
4. Kematian adalah tidur yang terbagi kedlam dua bahagian, tidur yang ringan dan tidur yang berat. Tidur yang berat adalah perpisahan roh dari tubuh<sup>100</sup>.

Abdul Karim Jamak diatas, bersependapat dengan salah seorang ulama yakni Muhammad Ali At-Taskhiri, yang menyatakan bahawa tidak diragukan lagi bahawa takut mati akan terjadi sangat hebat pada orang-orang durhaka yang takut ditimpa kematian sebelum mereka bertobat. Dengan demikian, takut mati pada hakikatnya hanyalah kembali pada terhalangnya tobat<sup>101</sup>.

<sup>98</sup> Yusuf Qardawi, *Al-Imanu wal Hayat*, (Kairo : Maktabatu Wahbah, 1978), cet.VI, 146-147

<sup>99</sup> Muhammad Ali At-Taskhi-ri, *Op.cit*, 31

<sup>100</sup> Al-Ragib, al-Asfahāni, *al-Mufradat fi Garibil Quran*, (Beirut : Dar Fikr, t.t), 497

<sup>101</sup> Muhammad Ali At-Taskhi-ri, 1979, *At-Tawazun fil Islam*, (Beirut : Ad-Darul Islamiyah, 1979), 59-60



Abdul Karim Jamak juga bersependapat dengan al-Ghazali dan al-Raghīb, kerana kematian merupakan roh keluar dari tubuh bukanlah ketiadaan hidup semata-mata, akan tetapi roh itu berpindah dari tubuh ke barzakh.

Apa yang disebutkan diatas, dapat disimpulkan bahawa peristiwa kematian yang sering disaksikan hendaknya menyadarkan individu tentang tugas hidup manusia, bahwa manusia itu bukan hanya makhluk jasmani yang hanya bekerja mengejar kepuasan, kelezatan dan kenikmatan hidup duniawi semata-mata, akan tetapi manusia itu adalah makhluk rohani yang akan hidup setelah mati dan mempertanggung jawabkan perbuatannya di hadapan Allah s.w.t di akhirat.

#### 4.5.2 Aspek Kehidupan di Alam Barzakh

Dari segi perkataan, *barzakh* berasal dari kata mufrad *barzakh* dan *barāzikh* dalam bentuk jamak yang bererti dinding atau tembok di antara dua benda atau banteng yang menengahi di antara satu sama lain<sup>102</sup>. Ada pula yang memberi erti dari segi perkataan *barzakh* bererti pemisah antara dua hal. Perkataan ini hanya dua kali disebut dalam al-Quran<sup>103</sup>:

مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ ﴿١٩﴾ بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَّا يَبْغِيَانِ ﴿٢٠﴾

al-Rahmān 55 : 19-20

<sup>102</sup> Al-Isfahāni, Abu` Qasim al-Husaiyn ibn Muhammad Ra`ghi`b, *Mufradat Alfaz al-Qura`n*, (Dimashq : Dar al-Qala, 1992), 118

<sup>103</sup> Kementerian Agama RI, Tafsir al-Quran Tematik, Keniscayaan hari Akhir, (Jakarta : Lajnah Pentashihan Mushaf al-Quran, Badan Litbang dan Diklat, 2012), 121-122

Terjemahan : Dia membiarkan dua lautan mengalir yang keduanya kemudian bertemu. Di antara keduanya ada batas yang tidak dilampaui masing-masing.

Kemudian :

وَمِن رَّأَيْهِمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ

Al-Mu‘minūn 23 : 100

Terjemahan : Dan di hadapan mereka ada dinding sampal hari mereka dibangkitkan.

Kedua ayat yang menggunakan kata *barzakh* itu menjelaskan adanya faktor pemisah, sekaligus mengisyaratkan perbezaan keduanya. Untuk ayat di surah ar-Rahman perbezaan terdapat pada jenis airnya, iaitu tawar dan asin. Demikian pula dalam surah al-Mu‘minūn, yang merupakan pemisah antara dua kehidupan<sup>104</sup>.

Dari sudut istilah al-Quran *barzakh* ialah penghalang atau banteng di antara dunia dan akhirat, iaitu alam kubur, sebagaimana firman Allah :

بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَا يَبْغِيَانِ ﴿٥٥﴾

Al-Rahman 55 : 20

Terjemahan : Di antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya;

<sup>104</sup> Kementerian Agama RI, *Ibid*, 122

Abdul Karim Jamak menyebutkan bahawa alam *barzakh* adalah masa antara maut dan kiamat, para penghuni alam *barzakh* akan tinggal di tempat tersebut sejak dia meninggal sampai datangnya hari kiamat<sup>105</sup>. Sebagaimana dijelaskan dalam firman Allah s.w.t:

لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ

Al-Mu'minūn 23 : 100

Terjemahan : Agar aku berbuat amal yang saleh terhadap yang telah aku tinggalkan. Sekali-kali tidak. Sesungguhnya itu adalah perkataan yang diucapkannya saja. Dan di hadapan mereka ada dinding sampai hari mereka dibangkitkan.

Berkaitan dengan ayat diatas, dapat dipahami bahawa alam kehidupan *barzakh* merupakan alam yang jauh lebih luas dan besar, daripada alam dunia. Bahkan perbandingan antara kedua alam ini sama dengan perbandingan antara alam dunia dan alam kandungan ibu. Dalam istilah ilmu pengetahuan modern, alam ini boleh disebut dengan alam metafisik<sup>106</sup>. Sungguh mereka hidup dikehidupan yang tidak dapat dijelaskan hakikatnya, kerana kehidupan yang mereka alami tidak disadari atau dirasakan oleh selain mereka<sup>107</sup>.

Meskipun demikian, Abdul Karim Jamak menyatakan bahawa alam *barzakh* merupakan tempat pembalasan Tuhan bagi mereka yang hidup semasa di dunia

<sup>105</sup> Abdul Karim Jamak, 2010, *Op.cit*, 70

<sup>106</sup> Baca Kh. Habib Abdullah Zakiy al-Kaaf, 2005, *Manusia, Alam Roh dan Alam Akhirat*, Bandung, Pustaka Setia, cet. 1, 82 . Baca pula, Ali bin Muhammad Asy-Syarif, 2009, *al-Tadzkirah bi al Dari al-Akhirah*, edisi Bahasa Melayu, Peringatan Mengenai Hari Akhirat, 20

<sup>107</sup> M.Quraish Shihah, *Tafsir al-Misbah; Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*, (Jakarta : Lentera Hati,2007), cet. 3, 262

melakukan perbuatan jahat. Tuhan memberi azab bagi mereka yang telah berbuat dosa. Seperti yang disebutkan dalam firman Allah s.w.t;

قَالُوا يَوَيْلَنَا مَنْ بَعَثَنَا مِنْ مَرْقَدِنَا هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ

Yasîn 36 : 52

Terjemahan : Mereka berkata: "Aduhai celakalah kami! Siapakah yang membangkitkan kami dari tempat-tidur kami (kubur)?" Inilah yang dijanjikan (Tuhan) Yang Maha Pemurah dan benarlah Rasul-rasul(Nya).

Dalam firman yang lain disebutkan:

وَلَنُذِيقَنَّهُمْ مِنَ الْعَذَابِ الْأَدْنَىٰ دُونَ الْعَذَابِ الْأَكْبَرِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

al-Sajadah 32 : 21

Terjemahan : Dan Sesungguhnya Kami merasakan kepada mereka sebahagian siksa yang dekat (di dunia) sebelum azab yang lebih besar (di akhirat), mudah-mudahan mereka kembali (ke jalan yang benar).

Pandangan Abdul Karim Jamak yang disebutkan diatas, bersependapat dengan sarjana muslim lain tentang alam *barzakh*. Seperti „Abdullah bin „Abbas memahami perkataan *siksa yang dekat* bukan hanya siksa di dunia melainkan termasuk siksa di alam kubur. Pada ayat tersebut diawali dengan huruf *min* yang menurut ahli bahasa mengandung erti “dan pasti Kami timpakan kepada mereka

sebahagian siksa yang dekat<sup>108</sup>”. Al-Razi menjelaskan bahawa waktu yang dekat tersebut menunjukkan bahawa siksanya tersebut adalah siksa di alam *barzakh*, bukan siksa di akhirat kelak<sup>109</sup>.

Kemudian al-Tabārī pula menjelaskan, sesungguhnya Allah telah memberitakannya bahawa bagi orang-orang yang menzalimi diri mereka dengan kekafiran maka bagi mereka ada siksa di alam kubur selain siksa yang disediakan di akhirat<sup>110</sup>.

Abdul Karim Jamak dalam perbincangannya tentang alam *barzakh* serta dari semua huraian diatas dapat disimpulkan bahawa ia adalah tempat dimana manusia mengakhiri kehidupannya, kemudian mereka ditempatkan atau dikuburkan menunggu waktu hari dibangkitkan, yang disebut dengan hari kiamat. Dengan merujuk kepada ayat al-Quran, iaitu :

وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٣﴾

Al-Mu‘minūn 23 : 100

Terjemahan : Sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat).

<sup>108</sup> Kementerian Agama RI, 2012, *Op.cit.*, 126

<sup>109</sup> Al-Razi, Fakhr al-Din Abu ‘Abd Allah b. Muhammad b. ‘Umar *al-Tafsir al Kabir wa Mafatihul Gaib*, (Beirut : Darul Kutub al‘Ilmiyyah, 1990), 16/64

<sup>110</sup> Al-Tabārī, Muhammad bin Jarir bin Yazid Abu Ja‘far, 2000, *Jami‘ul Bayan fi Ta‘wilil Quran*, (Riyad : Ma‘assasah ar-Risalah, 2000), 22/486

#### 4.5.2 Aspek Syurga

Ibnū Faris, menjelaskan bahawa surga dalam al-Quran disebut *al-jannah* atau *al-jannat*, menurut ahli bahasa Ibnu Faris, maknanya adalah tirai atau tutup<sup>111</sup>. Al-Ragib Asfahāni menjelaskan kebun disebut *al-jannah* kerana tempat tersebut berisi penuh dengan pohon sehingga menutupi tanahnya. Terkadang pohon yang menutupi kebun itu disebut *jannah*<sup>112</sup>. Atau disebut *al-Jannah* kerana kenikmatan yang dijanjikan di tempat itu ditutupi dan tidak diketahui hakikatnya<sup>113</sup>, seperti dinyatakan dalam firman Allah :

فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

al-Sajadah 32 : 17

Terjemahan : Tak seorangpun mengetahui berbagai nikmat yang menanti, yang indah dipandang sebagai balasan bagi mereka, atas apa yang mereka kerjakan.

Menurut Ibn Manzur, perkataan *al-Jannah* atau *Jinnaṅ* merujuk kepada tanaman (*al-hadiqah*) yang mempunyai pokok-pokok seperti kurma, anggur dan lain-lain menurut perkataan orang Arab. Sekiranya tiada pokok-pokok tersebut, ia hanya dikenali sebagai kebun (*al-hadqah*) sahaja<sup>114</sup>. Perkataan *Jannah* yang disertai *al* merujuk kepada syurga sebagai tempat pembalasan baik kerana terbolelah pelbagai ganjaran disediakan untuk manusia yang disembunyikan pada masa kini<sup>115</sup>.

<sup>111</sup> Ahmad Ibnu Faris, t.th, *Mu'jam al-Maqayis al-Lughah*, 1/421

<sup>112</sup> Al-Ragib al-Asfahāni, *al-Mufradat Alfaz al-Quran*, (Beirut : Dar al-Fikr, t.t), 96

<sup>113</sup> Al-Ragib al-Ashfahāni, *Op.cit.*, 98

<sup>114</sup> Ibn Manzur, *Lisā al-'Arab*, XII, 100

<sup>115</sup> Edward. William Lane, *An Arabic-English Lexicon*, II, (Ungar : f. E.W, 1955-56), 463

Abdul Karim Jamak menyatakan bahawa Satu-satunya tempat kesenangan dan kebahagiaan manusia disisi Allah s.w.t adalah di syurga. Syurga adalah tempat bagi mereka yang dikasihinya dan tempat nikmat yang sempurna yang tidak ada kekurangan dan kekotoran yang mencemarkan kesucian dan keheningannya<sup>116</sup>. Dalam al-Quran disebutkan;

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أَجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحِرَ عَنِ النَّارِ  
وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

Āli-,Imrān 3 : 185

Terjemahan : Tiap-tiap Yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. ketika itu sesiapa Yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka Sesungguhnya ia telah berjaya. dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi Segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang Yang terpedaya.

Kemudian dijelaskan pula :

وَإِذَا رَأَيْتَ ثَمَّ رَأَيْتَ نَعِيمًا وَمُلْكًا كَبِيرًا

Al-Insān 76 : 20

Terjemahan : Dan apabila Engkau melihat di sana (dalam syurga itu), Engkau melihat nikmat Yang melimpah-limpah dan kerajaan Yang besar (yang tidak ada bandingannya).

<sup>116</sup> Pengertian tentang Surga oleh Abdul Karim Jamak, sentiasa disampaikan pada pertemuan dan kegiatan pengajian rutin/tetap, baik di Masjid beliau sendiri mahupun di cawangan Jam'iyatul Islamiyah di( Kabupaten Kerinci dan Kota Sungai Penuh), temubual penulis dengan Ahli Jawatan Kuasa Kabupaten Kerinci, 14-12-2012,

Abdul Karim Jamak berpandangan bahawa surga Allah merupakan sebuah tempat yang indah, diperolehi kebahagiaan manusia menikmati seluruh kebahagiaan syurgawi yang abadi, dibandingkan kenikmatan dunia. Syurga adalah tempat tertinggi, terindah dan termahal sehingga seberapa banyak harta benda dan kekayaan yang ada dipermukaan ini tidak pernah cukup untuk menebus surga itu. Kerananya syurga tidaklah mudah untuk didapat dan diperoleh dengan mudah, kecuali dengan perjuangan sebagaimana yang telah dituntun dalam ajaran Islam<sup>117</sup>.

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa Allah s.w.t telah menciptakan surga dan neraka sebelum ia menciptakan makhluk-makhluk lainnya. Bahkan sebelum Allah menciptakan penghuni bagi neraka dan surga. Meskipun secara hakiki yang layak dan pasti masuk surga itu adalah urusan Allah, namun Allah jua telah menunjukkan jalan untuk menuju syurga itu<sup>118</sup>.

Abdul Karim Jamak dengan berpedoman pada firman Allah menyebutkan bahawa syurga dengan segala keindahan dan kenyamanannya bagi mereka yang beriman dan beramal saleh, disediakan para pelayan, sehingga tidak susah untuk memperoleh keperluan hidupnya<sup>119</sup>. Disebutkan dalam pelbagai surah dalam al-Quran, diantaranya adalah :

يَطُوفُ عَلَيْهِمْ وِلْدَانٌ مُّخَلَّدُونَ ﴿١٧﴾ بِأَكْوَابٍ وَأَبَارِيقٍ وَكَأْسٍ مِّن مَّعِينٍ ﴿١٨﴾

لَّا يُصَدَّعُونَ عَنْهَا وَلَا يُنْفُونَ ﴿١٩﴾

<sup>117</sup> Syarif Satimen, Asnadi Anas dan Zulman Anwar, (Murid-murid Abdul Karim Jamak, Ahli Jawatan Kuasa Jam'iyatul Islamiyah, Sungai Penuh-Kerinci), dalam temubual dengan penulis, 14 Desember 2013.

<sup>118</sup> Azhar Arsyad, (Profesor, Doktor, Ketua Dewan Pimpinan Pusat Jam'iyatul Islamiyah, Sungai Penuh-Kerinci) dalam temubual dengan penulis, 04 Agustus 2015

<sup>119</sup> Tasmin Tanggareng, dalam pengajian ia mengemukakan pandangan Karim Jamak tentang pelayan dalam surga, Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah, Sungai Penuh, 2014



Terjemahan : Mereka dikelilingi oleh anak-anak muda yang tetap muda. dengan membawa gelas, cerek dan minuman yang diambil dari air yang mengalir. mereka tidak pening karenanya dan tidak pula mabuk.

Ayat tersebut menjelaskan bahwa para penduduk syurga dilayani oleh anak-anak muda yang selalu muda. Mereka membawa gelas-gelas dan cerek minuman yang menyegarkan kerana diambil dari air yang segar, mengalir secara terus-menerus.

#### 4.5.4 Aspek Neraka

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa Neraka adalah satu tempat yang sangat buruk, ia hanya memberikan ketakutan yang sangat mengerikan. Dan Idris al-Marbāwī memberikan makna sebagai *Jahannam*, iaitu neraka tempat siksa<sup>120</sup>. Neraka Allah sediakan untuk orang-orang yang kufur dan orang-orang yang menentang syariatnya serta juga untuk orang yang mendustakan para rasulNya dan ia juga adalah azab Allah yang akan menyiksa musuh-musuhnya dan memenjarakan orang-orang yang berdosa didalamnya<sup>121</sup>.

---

<sup>120</sup> Lihat Kamus Idris al-Marbawi, hal, 113 dan al-Munjid fiil lughah wal-adaab wal ,uluum, 1927, hal... dalam Kamus Umum Bahasa Indonesia, Neraka diertikan sebagai tempat (api) penyiksaan di alam akhirat, hal 675

<sup>121</sup> Penjelasan Abdul Karim Jamak dalam beberapa kegiatan pengajian. Hal tersebut dikemukakan oleh beberapa orang murid dan pengikutnya, seperti; Irwan Qulub, Basrun Jamil, Aswir Samin dan lain-lain. Dalam temubual penulis ketika mengikuti pengajian rutin Jam'iyatul Islamiyah

Firman Allah s.w.t;

إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا ۖ لِلظَّالِمِينَ مآبًا

An-Naba“ 78 : 22-23

Terjemahnya : Sesungguhnya neraka jahannam adalah disediakan, untuk orang-orang Yang melampaui batas hukum tuhan, sebagai tempat kembalinya.

إِنَّهَا سَاءَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا

Al-Furqān 25 : 66

Terjemahnya : Sesungguhnya neraka jahannam itu tempat penetapan dan tempat tinggal Yang amat buruk.

Membicarakan soal neraka, Abdul Karim Jamak selalu menyampaikan pada kegiatan pengajiannya, bahawa neraka merupakan suatu kehinaan dan kerugian yang amat besar yang tidak ada kehinaan yang lain mengatasinya dan tidak ada kerugian lain yang lebih besar daripadanya. Justru kerananya, manusia sentiasa berharap supaya terhindar dari tempay yang dimaksud, sebagaimana yang disebutkan oleh Allah;

رَبَّنَا إِنَّكَ مَنْ تُدْخِلِ النَّارَ فَقَدْ أَخْرَيْتَهُ ۖ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ

Ālī-Imrān 3 : 192

Terjemahnya : Wahai Tuhan kami! sebenarnya sesiapa Yang Engkau masukkan ke Dalam neraka maka Sesungguhnya

Engkau telah menghinakannya, dan orang-orang Yang zalim tidak akan beroleh seorang Penolong pun.

Selanjutnya Abdul Karim Jamak menjelaskan lagi bagaimana kondisi manusia yang derhaka kepada Tuhannya semasa hidup di dunia. Dan balasan bagi mereka pada hari akhirat kelak;

هَذَا وَإِنَّ لِلظَّالِمِينَ لَشَرَّ مَأْوٍ ﴿٥٥﴾ جَهَنَّمَ بَصُلُونَهَا فَبئْسَ الْمِهَادُ

Sad 38 : 55-56

Terjemahnya : Nikmat-nikmat ini (adalah untuk orang-orang Yang bertaqwa). dan Bahawa Sesungguhnya bagi orang-orang Yang zalim (dengan kekufuran atau kederhakaannya) seburuk-buruk tempat kembali, Iaitu neraka jahannam Yang mereka akan menderita bakarannya; maka seburuk-buruk tempat menetap ialah neraka Jahannam.

Meskipun manusia merayu dan membujuk penjaga neraka, agar memohon kepada Tuhan agar siksaanya diringankan, namun ia tetap tidak mendapat sambutan apapun, rintihan dan dan harapan mereka ditolak oleh Allah, kerana ancaman Allah telah menjadi kenyataan, mereka benar-benar dalam keadaan sulit, meskipun mereka berulang kali menghiba meminta dalam keadaan mengaduh dan mengeluh, namun Allah sekali-kali tidak mengabulkannya<sup>122</sup>.

Sekian banyak contoh yang telah Allah berikan kepada manusia tentang penciptaannya, tentu manusia mesti mampu mentelaahnya apa maksud penciptaan

<sup>122</sup> Lihat al-Quran surah; Al-Mukmin (40) ; 49-50, surah Az-Zukhruf (43) ; 77, surah Al-Mukminun (23) ; 106-108

Tuhan tersebut. Karim Jamak sebagaimana sebelumnya telah mengupas tentang asal kejadian dan penciptaan manusia itu sendiri, maka ia juga memberikan bagaimana manifestasi dari penciptaan Tuhan bagi manusia.

Abdul Karim Jamak memaknai manifestasi penciptaan sebagai wujud dari ma'rifat, yakni meliputi terdahulu dan yang terkemudian<sup>123</sup>. Kerana bagi Abdul Karim Jamak, ma'rifat itu nyata bagi Allah, pakaian pada Muhammad dan meneladan pada kita<sup>124</sup>. Karim Jamak memahami beberapa ayat yang menyatakan bahawa Allah s.w.t adalah yang terdahulu yang tidak ada yang mendahuluinya dan terkemudian yang tidak ada kesudahannya. Berdasarkan firman Allah s.w.t;

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

al-Had d 57 : 3

Terjemahnya : Dia lah Yang awal dan Yang Akhir; dan Yang zahir serta Yang Batin; dan Dia lah Yang Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu

Jelas sekali apa yang diperlihatkan Allah tentang ke-azaliannya<sup>125</sup>. Artinya tidak ada satu makhlukpun yang mendahului daripada penciptaan Allah s.w.t Bahkan manusia dan alam semesta itu sendiri daya dan kekuatan hidupnya juga sangat terbatas. Artinya tidak ada satu makhlukpun yang hidup kekal ataupun

<sup>123</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, 2

<sup>124</sup> Abdul Karim Jamak, *Loc.cit*

<sup>125</sup> Lihat *al-Qamuus al Muhiith*, 3/49; *Azaliyyah-Nya*; Keberadaan-Nya yang tidak berawal dan tidak ada permulaan-Nya, berbeza dengan manusia dan alam semesta ini, mereka diadakan oleh Allah yang Maha Pencipta.

abadi<sup>126</sup>. Bersamaan dengan konsep Abdul Karim Jamak tersebut, Abujamin Rohan, dalam bukunya menjelaskan bahwa manusia hidup begitu singkat, hanya berbilang tahun, namun akal dan pikirannya jauh melebihi jangkauan usianya. Segumpal otak lunak, sarat jaringan saraf-saraf halus, mampu melunakkan benda keras dan kasar ia mampu meringankan benda kokoh berbobot berat. Bukan itu sahaja, tetapi ia mampu membuat manusia menjelajah angkasa, menyelam dalam kedasar laut dan sebagainya<sup>127</sup>.

Hal ini bukan berarti tuhan menjelma seperti makhluk ciptaannya, bahkan bila ada keyakinan yang seumpama itu justru seseorang akan termasuk kedalam kelompok yang musyrik. Seperti yang dijelaskan oleh firmanNya;

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ

فَقَدِ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا

Al-Nisa“ 4 : 48

Terjemahnya : Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa Yang lain dari itu bagi sesiapa Yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). dan sesiapa Yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu Yang lain), maka Sesungguhnya ia telah melakukan dosa Yang besar”

Oleh al-Tabāri ayat diatas dijelaskannya bahawa Allah tidak mengampuni kekafiran dan penyekutuan terhadapNya dan Dia mengampuni dosa-dosa selain itu

<sup>126</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit.*, 111

<sup>127</sup> Abujamin Rohan, *Agama Wahyu dan Kepercayaan Budaya*, (Jakarta : Media Dakwah, 1992), cet. 2, 22

terhadap hambaNya yang Dia kehendaki. Ayat dipahamkan bahawa setiap pelaku dosa besar tergantung kehendak Allah, apabila Dia menghendaki, maka mengampuni dan bila menghendaki lain, maka menyiksanya, selama dosa besarnya itu bukan syirik kepada Allah<sup>128</sup>.

Dalam pada itu, salah seorang tokoh pembaharuan Islam Indonesi Nurchalis Madjid, turut menjelaskan bahawa, jika seorang muslim benar-benar konsisten dengan ajarannya, maka nilai idea of progress, sebagaimana nilai-nilai kebenaran lainnya, tidak perlu lagi dikemukakan, sebab sebenarnya telah ada padanya. Idea of progress bertitik tolak dari konsepsi atau doktrin, bahawa manusia pada dasarnya adalah baik, suci dan cinta kepada kebenaran atau kemajuan. Oleh sebab itu, salah satu manifestasi adanya idea of progress ialah kepercayaan akan masa depan manusia dalam perjalanan sejarahnya<sup>129</sup>.

Hal ini memberikan pemahaman bahawa, hampir setiap muslim dapat menerangkan konsep tentang dunia yang merupakan salah satu bentuk manifestasi penciptaan Tuhan, dan ia merupakan tempat hidup yang sangat memberi nilai dan makna. Namun nilai tersebut dapat berubah menjadi rendah dan hina. Oleh sebab itu dalam Islam ala mini adalah baik, sebagai ciptaan dari sebaik-baik Pencipta:

ثُمَّ خَلَقْنَا النَّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظْمًا فَكَسَوْنَا  
الْعِظْمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ

Al-Mu'minūn 23 : 14

<sup>128</sup> Al- Tabāri, *Mukhtasar Tafsir Ath Thabari*, oleh Muhammad Ali Ash Shabuni, (Kairo : Darus Shabuni, t.t), jilid 1, 154

<sup>129</sup> Nurchalis Madjid, *Islam, Kemoderenan dan Keindonesiaan*, (Bandung : Mizan, 1998), cet. 11, h, 210

Terjemahnya : Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu Dengan daging. setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk Dia menjadi makhluk Yang lain sifat keadaannya. maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.

Abdul Karim Jamak, menjelaskan bahawasanya keindahan dan kelengkapan serta kesempurnaan penciptaan Allah tersebut yang sedemikian baiknya, sehingga tidak mengandung cacat sedikitpun di dalamnya, bahkan manusia disuruh mencari-cari kecacatannya, sebagaimana disebutkan dalam firmanNya:

الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا مَّا تَرَى فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِن تَفْوُتٍ فَأَرْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَى مِن فُطُورٍ ﴿٦٧﴾ ثُمَّ أَرْجِعِ الْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ يَنقَلِبْ إِلَيْكَ الْبَصَرُ حَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ

Al-Mulk 67 : 3-4

Terjemahnya : Dia lah Yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit Yang berlapis-lapis; Engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan Yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika Engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan - (mu) - Dapatkah Engkau melihat sebarang kecacatan? kemudian ulangilah pandangan (mu) berkali-kali, nescaya pandanganmu itu akan berbalik kepadamu Dengan hampa (daripada melihat sebarang kecacatan), sedang ia pula berkeadaan lemah lesu (kerana habis tenaga Dengan sia-sia).

Imam Ja'far dalam persoalan manifestasi penciptaan Tuhan telah menerangkan tujuan Allah swt menciptakan sesuatu. Beliau mendapati tujuan Allah menciptakan manusia adalah semata-mata untuk mentauhidkan-Nya. Ciri-ciri tersebut dapat diperolehi dengan memilih agama Islam kerana bukan sahaja agama yang dirindai oleh Allah swt, malahan ia tidak mengandungi kesesatan<sup>130</sup>.

Abdul Karim Jamak memiliki pandangan yang sama bahawa Allah s.w.t menciptakan manusia sebagai hambaNya, untuk mengabdikan diri dengan menjalankan apa sahaja yang diperintahkan dan juga meninggalkan segala apa yang telah dilarangNya. Manusia juga diberi amanah sebagai pemimpin untuk menjaga dan memelihara alam tempat bagi kehidupannya.

#### 4.6 Kesimpulan

Dari huraian yang dikemukakan diatas, maka dapat dipahami bahawa Abdul Karim Jamak mempunyai pandangan tentang perbuatan Allah, dimana Allah menciptakan segala makhluk-Nya dengan sebaik-baiknya. Kemudian beliau juga menjelaskan bahawa setiap perbuatan Allah s.w.t mengandungi makna dan erti, maksudnya adalah mempunyai kebaikan dan tujuan. Sungguhpun demikian Abdul Karim Jamak disisi lain juga menjelaskan persoalan perbuatan Allah tidak bersebab dengan tujuan, hal tersebut membezakan konsep pemikirannya dengan aliran Mu'tazilah yang berpandangan bahawa setiap penciptaan mempunyai tujuan. Sedangkan kaum Asy'arīyah pula berpandangan bahawa penciptaan merupakan hak mutlak Allah s.w.t.

---

<sup>130</sup> Abu Ja'far bin ,Ali Hussyain bin Musa bin Babawayh al-Qummi al-Saduq, 1402H *A Shi'ite Creed, (terj)* (Teheran : Asaf A.A. Fayzee, 1982), 38



mskipun terlihat ada beberapa perbezaan, bila dipahami sebenarnya prbezaan tersebut menunjukkan bahawa kembali kepada Allah s.w.t jua apa sahaja yang harus diciptakan-Nya.

University of Malaya

## BAB 5 : QADA DAN QADAR

### 5.1 Pengenalan

Ajaran Islam Abdul Karim Jamak<sup>1</sup> menjelaskan bahawa; setiap kehidupan mempunyai syari'at, dan juga hakikat. Ilmu hakikat adalah ilmu berkenaan dengan Allah, seperti juga mengetahui bahawa segala nasib baik dan buruk itu adalah ketentuan Allah, berbuat taat, dan maksiat, juga merupakan ketentuan Allah s.w.t. Memang benar, semuanya adalah ketetapan Allah s.w.t. Seiring dengan itu pula hak Allah s.w.t dalam menentukan siapa yang memasuki syurga dan menjadi golongan bahagia, dan siapa yang akan menjadi golongan celaka, semuanya telah berada didalam ilmu Allah s.w.t kerana Allah s.w.t adalah Tuhan yang Menciptakan, dan Dia bebas menciptakan dan menetapkan apa sahaja menurut kemahuanNya, manusia tidak dapat berbuat apa-apa dalam menentukan arah tujuannya<sup>2</sup>.

Manusia dalam konsep Abdul Karim Jamak<sup>3</sup> adalah hamba atau „abdi kepada Tuhan yang Maha Esa yang diperintahkan untuk berusaha, berbuat taat, kerana itu adalah adab kepada Allah s.w.t kerana itulah adanya syari'at, sebab syari'at itu adalah adab hamba kepada Allah yang memilikinya dan tidak mengetahui hakikat berkenaan yang mana telah ditetapkan Allah s.w.t justru

---

<sup>1</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit.* h, 70. Kemudian secara berulang beliau sampaikan dalam ceramah kepada jama'ah muslimin dan muslimat, disaat berkumpul dan mengaji secara bersama di Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah di Kabupaten Kerinci.

<sup>2</sup> Abi al-Fath „abd al-Karim al-Syahrastani, *Al-Milal wa al-Nihal*, (Qahirah : Mu'assasah al-Jalabi wa Syaukah li al-Nasyri wa al-Tawzi" juzuk 1, 1954), 86

<sup>3</sup> Hasil catitan Pengajian Abdul Karim Jamak, dalam bentuk ketikan dan catitan murid-muridnya.

kerananya manusia disuruh berpegang dan tidak mengingkari syari'at yang telah Ia tentukan.

Abdul Karim Jamak<sup>4</sup>, menjelaskan orang yang berbuat dosa sepanjang hidupnya, tapi dapat di lihat bagaimana adabnya ketika jatuh sakit, dia menyesal, dan bertaubat sekiranya terjerumus kembali ke kancanah maksiat, perkara itu berlaku secara tiba-tiba dan dia tidak merancang untuk jatuh ke kancanah maksiat itu dan mungkin sahaja orang yang berbuat taat sepanjang hidupnya, kemudiannya dijatuhkan oleh Allah s.w.t kedalam golongan celaka kerana dia tidak beradab dengan Allah dia berbuat taat, tapi lupa, bahawa ketaatan yang dia dapat lakukan itu adalah kurniaan Allah dia hanya merasakan bahawa ketaatannya itu hasil dari titik peluhnya orang ini adalah orang yang tertipu, dan tiada adab.

Berkaitan dengan hal diatas, al-Syahrastāni, menjelaskan bahawa manusia adalah pelaku (*al-fa'il*) kebaikan dan kejahatan, keimanan dan kekafiran, ketaatan dan kedurhakaan. Ia mendapat balasan kerana perbuatannya. Tuhan memberinya kemampuan untuk semua itu. Tuhan mustahil menyampaikan perintah-Nya kepada seseorang manusia, pada hal orang tersebut tidak dapat bekerja atau tidak merasakan dalam dirinya kemampuan dan kerja (*al-iqtidar wa al-fi'l*). Mengingkari hal yang demikian berarti mengingkari kepastian (*al-dharurah*)<sup>5</sup>. Jabariyah menjelaskan kekuasaan, kemahuan dan pilihan yang ada pada manusia terletak pada kekuasaan Allah<sup>6</sup>.

---

<sup>4</sup> Disampaikan oleh Aswin Rose, mengingat ulang penyajian materi keislaman dari Kh. Abdul Karim Jamak semasa hidup, Aswin Rose adalah Pembina Jam'iyatul Islamiyah dan merupakan murid Karim Jamak.

<sup>5</sup> Abu al-Fath Muhammad Ibnu Abd al-Karim Ibnu Abi Bakr Ahmad al-Syahrastani, *Al-Milal wa al-Nihal*, (Beirut : Dar al-Fikr, t.t), 47

<sup>6</sup> Al-Bagdād , *Usūl al-Dīn*, 333 dan Al-Shahrastan , *al-Milal*, I, 87

Pandangan Abdul Karim Jamak, sebagaimana yang dijelaskan oleh Azhar Arsyad<sup>7</sup>, bahawa sepanjang hayat manusia wajib berusaha sesuai kemampuannya yang telah dikaruniai oleh Allah s.w.t. Manusia tidak boleh menerima begitu sahaja takdir hidup, serta usahanya dalam beramal dan beribadah, tanpa diikuti dengan ikhtiar. Berdo'a sahaja tidak akan dapat memberikan kesan bagi seseorang sehingga ia berbuat sesuai dengan permintaannya kepada Tuhan yang Maha Kuasa.

Huraian diatas dapat dipahami bahawa, Abdul Karim Jamak memiliki pandangan yang sama dengan Jabariyah dalam hal nasib manusia, yang tunduk dengan ketentaun Allah s.w.t. Disisi lain Karim Jamak menolak bila manusia berserah atau menerima begitu sahaja tentang nasib, kerana manusia mestilah berusaha untuk merubah nasibnya.

## 5.2 Pengertian Qadā dan Qadar

### 5.2.1 Pengertian Qadā dari sudut bahasa.

Qadā secara bahasa: adalah hukum dan ketentuan Allah s.w.t. Terhadap makhluknya berupa mewujudkan, meniadakan dan merobahnya<sup>8</sup>. Al-Razi menjelaskan *qadā'* ialah hukum, menyelesaikan, menunaikan, menghendaki<sup>9</sup>. Ibnu Manzur menjelaskan bahawa qadā ialah keputusan atau hukum<sup>10</sup>. Faris pula menyatakan di dalam *Mu'jam Maqāyis al-Lūghah*, bahawa *qadā'* ejaannya ialah *qaf, dat, ya* ialah memerintahkan sesuatu berdasarkan ayat al-Quran, "*faqadahunna*

<sup>7</sup> Azhar Arsyad, (Ketua Umum Jam'iyatul Islamiyah, Pusat, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 4 Agustus 2015.

<sup>8</sup> Nukhbah min al-Ulama, *Ushul al-Iman fi Dau'i al-kitab wa al-Sunnah* (Saudi Arabia : Maktabah syamilah, juz 1, 1421 H), 331 dengan halaman web <http://www.al-islam.com>

<sup>9</sup> Muhammad Abi Bakr, „Abd al-Qadir Al-Razi, *Mukhta al-Sihah*, (Beirut : Maktabah Lubnan, 1995), 219

<sup>10</sup> Ibn Manzur, 1990, *Lisa al-'Arab*, (Beirut : Dar al-Sadir, 1990), 76

*sab'a samāwāt*, manakala القضا bermaksud hukum berdasarkan firman Allah :  
*faqdi mā anta qadhi*<sup>11</sup>.

Maka dapat difahami maksud qadā' ialah ketetapan, hukum, kehendak dan keputusan Allah terhadap hambaNya.

### 5.2.2 Pengertian Qadā dari sudut Istilah.

Menurut Abdul Karim Jamak pengertian *Qadā'* dan *Qadar* dari segi istilah ialah peraturan tertentu yang telah di buat oleh Allah mengikut kehendak-Nya sejak azali lagi<sup>12</sup>.

Menurut al-Asy'āri pula, *al-Qadā'* ialah kehendak Allah s.w.t yang azali yang terhubung dengan sesuatu yang berlaku seperti kehendak Allah s.w.t sejak azali menjadikan manusia hidup di bumi. *al-Qadar* ialah Allah s.w.t mengadakan sesuatu mengikut ketentuan yang ditetapkan oleh *Qadā'* Allah s.w.t.<sup>13</sup>

Al-Māturidi menghuraikan pengertian *al-Qadā'* dengan merujuk kepada penciptaan Allah s.w.t yang kembali kepada sifat *takwin* (menjadikan). Seperti Allah s.w.t menjadikan manusia mengikut yang ada pada manusia selari dengan kehendak Allah s.w.t yang azali. *Al-Qadar* pula mengikut al-Ma'turidi ialah penentuan iaitu Allah s.w.t menjadikan sesuatu mengikut kehendak-Nya dengan

---

<sup>11</sup> Ibn al-Hussin Ahmad bin Faris, *Mu'jam Maqayis al-Lighah*, (Mesir : Maktabah wa matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa auladihi, juz. 5,1972), cet. 3, 99

<sup>12</sup> Abdul Karim Jamak, *Op.cit*, 5

<sup>13</sup> Mohd. Sulaiman Yasin, *Akidah*, ( Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 2

kadar tertentu sebelum terjadi sesuatu itu. Seperti kehendak Allah s.w.t sejak azali menjadikan manusia mengikut bentuk dan keadaan yang tertentu<sup>14</sup>.

Mohammad Nāim pula, *al-Qadā'* ialah penciptaan atau pelaksanaan yang Allah s.w.t lakukan keatas setiap sesuatu berdasarkan ilmu dan kehendak-Nya pula. *Al-Qadar* pula, ialah Allah s.w.t tentang perkara yang akan berlaku terhadap makhluk-Nya.<sup>15</sup>

Pengertian di atas menjelaskan bahawa *al-Qadar* mendahului *al-Qadā'*. Dimana skop *al-Qadar* juga adalah lebih luas daripada *al-Qadā'* kerana *al-Qadar* adalah system peraturan yang telah ditetapkan oleh pencipta kepada sekalian makhluk-Nya sejak azali lagi. *Al-Qadā'* pula merupakan pelaksanaan bagi setiap peraturan yang telah ditetapkan mengikut masa tertentu.

Kesimpulannya pengertian *Qadā'* dan *Qadar* mengikut istilah merujuk kepada ketentuan kehendak Allah s.w.t pada mengadakan sesuatu mengikut bentuk yang tertentu kemudian mengadakannya mengikut apa yang dikehendaki-Nya.

Di dalam al-Qur'an, tiada terdapat perkataan khusus *qada*, tetapi terdapat kata-kata terbitan dari kata asalnya di dalam bahasa Arab. Perkataan *qadar* juga memberi pelbagai pengertian di dalam al-Qur'an.

Pengertian perkataan *qadā'* di dalam al-Qur'an membawa beberapa maksud seperti :

---

<sup>14</sup> Tāha ,Abdul Salam Khofir, *al-'Aqīdah Fī Dhauī Kitāb al-Karīm*, (t.p, 1984), 96

<sup>15</sup> Mohammad Nāim Yasin, *al-Imān al-Kanūhu Haqīqatuhu wa Na Waqiduhu*, (Qahirah : Maktabah al-Zahra, t.t), 72

i). Hukum

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ

حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Al-Nisā` 5 : 65

Terjemahan : Maka demi Tuhanmu, mereka (pada hakekatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa dalam hati mereka sesuatu keberatan terhadap putusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya.

ii). Perintah

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا﴾

Al-Isrā` 17 : 23

Terjemahan : Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapa....”

iii). Memberitakan

قَالَتْ رَبِّ أَنَّىٰ يَكُونُ لِي وَلَدٌ وَلَمْ يَمْسَسْنِي بَشَرٌ قَالَ كَذَلِكِ اللَّهُ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ

إِذَا قَضَىٰ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُ كُن فَيَكُونُ

Āli-,Imrān 3 : 47

Terjemahan : Maryam berkata: "Ya Tuhanku, betapa mungkin aku mempunyai anak, padahal aku belum pernah disentuh oleh seorang laki-lakipun". Allah berfirman (dengan perantaraan Jibril): "Demikianlah Allah menciptakan apa yang dikehendaki-Nya. Apabila Allah berkehendak menetapkan sesuatu, maka Allah hanya cukup berkata kepadanya: "Jadilah", lalu jadilah dia.

iv). Menjadikan

فَقَضَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ فِي يَوْمَيْنِ وَأَوْحَىٰ فِي كُلِّ سَمَاءٍ أَمْرَهَا وَرَبَّتْنَا السَّمَاءَ الدُّنْيَا  
بِمَصْصِيحٍ وَحَفْظًا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ

Fusilat 41 : 12

Terjemahan : Maka Dia menjadikannya tujuh langit dalam dua masa. Dia mewahyukan pada tiap-tiap langit urusannya. Dan Kami hiasi langit yang dekat dengan bintang-bintang yang cemerlang dan Kami memeliharanya dengan sebaik-baiknya. Demikianlah ketentuan Yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui.

5.2.3 Pengertian Qadar menurut bahasa

Ibrahim Anis memetik pandangan Fairuz Abadi<sup>16</sup>, Di dalam *Qamus al-Muhif*<sup>d7</sup>, *qadar* ialah hukum dan ukuran serta daya kekuatan dan qadā pula membawa maksud iaitu putusan, pemberitaan dan pelaksanaan.

Qadar, menurut bahasa yaitu: Masdar (asal kata) dari qadara-yaqdaru-qadaran, dan adakalanya huruf daal-nya disukunkan (*qa-dran*)<sup>18</sup>. Ibnu Far s

<sup>16</sup> Fairuz Abadi merupakan ahli bahasa

<sup>17</sup> Ibrahim Anis, *Mu'jam al-Wasit*, c.3, j.2, (Qahirah : Mu'ammad al-Lughah al-Arabiyah, t.t) 718



berkata, “Qadara: qaaf, daal dan raa” adalah *ash-sha-h h* yang menunjukkan akhir/puncak segala sesuatu. Maka qadar adalah: akhir/puncak segala sesuatu. Dinyatakan: *adruhu kadza*, yaitu akhirnya. Demikian pula *al-qadar*, dan *qadartusy syai' aqdi-ruhu*, dan *aqduruhu dari at-taqd ir.*”<sup>19</sup> Qadar yang diberi harakat pada huruf *daal*-nya ialah: Qadā' (kepastian) dan hukum, yaitu apa-apa yang telah ditentukan Allah „Azza wa Jalla dari qadha' (kepastian) dan hukum-hukum dalam berbagai perkara

Sedangkan takdir adalah: Merenungkan dan memikirkan untuk menyamakan sesuatu. Qadar itu sama dengan Qadr, semuanya bentuk jama'nya ialah Aqdaar<sup>20</sup>.

Qadar secara bahasa: Qadar menurut syara'': adalah sesuatu yang telah ditentukan Allah s.w.t. Sejak dari Azalinya, terhadap ciptaannya berdasarkan atas Ilmu-Nya yang terdahulu dari itu<sup>21</sup>.

Dalam *Mukhtar al-Sihah*, *qadar* membawa maksud *maa qadara Allahu haqqa qadaruhu* yang ditakdirkan Allah dari *qada*<sup>22</sup>. Manakala *qada*' pula ialah hukum, menyelesaikan, menunaikan, menghendaki<sup>23</sup>. Di dalam *Qamus al-Muhif*<sup>24</sup>, *qadar* ialah hukum dan ukuran serta daya kekuatan dan qadā'' pula membawa maksud iaitu putusan, pemberitaan dan pelaksanaan.

---

<sup>18</sup> An-Nihaayah fii Ghariibil Hadiits, Ibnu Atsir, (IV/22).

<sup>19</sup> Ibn al-Hussin Ahmad bin Fari's, *Mu'jam Maqaāyi, isil Lughah*, juz. V, (Mesir : Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladihi, 1972), cet. 3, 99, dan lihat an-Nihayah, (IV 23).

<sup>20</sup> Lihat, *Lisānul 'Arab*, (VI/72) dan *al-Qaamūs al-Muhūth*, hal. 591, bab qaaf - daal - raa'.

<sup>21</sup> Nukhbah, *Ibid*, h, 332

<sup>22</sup> Muhammad bin Isa, t.th, *Sunan al-Tirmizi*, Kitab al-Qadar, Bab Ma Ja'a fi al-Iman bi al-Qadr Khayrihi wa Syarrihi, h, 226

<sup>23</sup> Muhammad Abi Bakr, „Abd al-Qadir Al-Razi, *Mukhta al-Sihah*, (Beirut : Maktabah Lubnan, 1995), 219

<sup>24</sup> Ibrahim Anis, t.th, *Mu'jam al-Wasit*, c.3, j.2, Qahirah, Mujammad al-Lughah al-Arabiyah, h. 718

Akhir sekali dari *Lisān al-‘Arab* menyatakan *qadar* ialah kadar atau ukuran sesuatu, memikir atau merancang sesuatu (urusan atau pekerjaan)<sup>25</sup> dan *qadā’* ialah keputusan atau hukum<sup>26</sup>.

Maka dapat difahami maksud *qadā’* dan *qadar* ialah keputusan atau hukum beserta pelaksanaannya.

Manakala pengertian *qadar* dapat dipahami sebagai satu peraturan umum yang telah diciptakan Allah. Ketetapan tersebut dikenali sebagai *sunnatullah*. Maksud *sunnatullah* ialah hukum yang telah ditetapkan oleh Allah kepada nabi sejak mula lagi sebagaimana yang telah ditetapkan kepada para nabi sebelum ini<sup>27</sup>, sebagaimana disebutkan dalam al-Qur’an dalam surah al-Ahzab.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ فَمَا

لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُونَهَا فَمَعِيَهُنَّ وَسِرَّحُوهُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا

Al-Ahzāb 33 : 49

Terjemahan : Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu menikahi perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu mencampurinya maka sekali-sekali tidak wajib atas mereka ‘iddah bagimu yang kamu minta menyempurnakannya. Maka berilah mereka mut’ah dan lepaskanlah mereka itu dengan cara yang sebaik-baiknya.

<sup>25</sup> Ibn al-Manzur, Abu Al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram, (Beirut : Dar al-Sadir, 1990), 76-78

<sup>26</sup> Ibn al-Manzur, Abu Al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram, 1990, Ibid, h. 186-189

<sup>27</sup> Muhammad ,Ali al-Sabuni, *Mukhtasar Tafsiir Ibn al-Kathir*, j.3, ( Beirut : Dar al-Fikr, 1981), 99

Setiap suatu perkara telah diciptakan mengikut ketentuan pada bentuk, tadbir dan takdirnya, juga bahawa Allah telah menetapkan sesuatu pada bentuk dan keadaan makhluk sebelum kejadiannya dan Allah telah menetapkan nasib dan takdirnya<sup>28</sup>.

Hal ini disebutkan dalam al-Quran :

i). Surah al-Qamar (54) : 49

إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ

Terjemahan : Sesungguhnya Kami menciptakan segala sesuatu menurut ukuran.

ii). Surah al-Ahzāb (33) : 38

مَا كَانَ عَلَى النَّبِيِّ مِنْ حَرَجٍ فِيمَا فَرَضَ اللَّهُ لَهُ سُنَّةَ اللَّهِ فِي الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلُ

وَكَانَ أَمْرُ اللَّهِ قَدَرًا مَقْدُورًا

Terjemahan : Tidak ada suatu keberatanpun atas Nabi tentang apa yang telah ditetapkan Allah baginya. (Allah telah menetapkan yang demikian) sebagai sunnah-Nya pada nabi-nabi yang telah berlalu dahulu. Dan adalah ketetapan Allah itu suatu ketetapan yang pasti berlaku.

iii). Surah al-Furqān (25) : 2

الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَخَلَقَ

كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا

Terjemahan : Yang kepunyaan-Nya-lah kerajaan langit dan bumi, dan Dia tidak mempunyai anak, dan tidak ada sekutu bagi-Nya dalam kekuasaan(Nya), dan dia telah menciptakan segala sesuatu, dan Dia menetapkan ukuran-ukurannya dengan serapi-rapinya.

Dari beberapa kutipan ayat diatas, dapat dipahami bahawa ukuran, kepastian dan ketetapan segala sesuatu sudah diatur oleh Allah s.w.t bagi makhluk dan hambaNya. hanya sahaja pelaksanaanya yang berbeza.

Beralih pula kepada pandangan ulama Ibnu Hajr al-Asqalani umpamanya menyebutkan bahawa „Qadā' adalah ketentuan yang bersifat umum dan global sejak zaman azali, sedangkan qadar adalah bagian-bagian dan perincian-perincian dari ketentuan tersebut”<sup>29</sup>

Maksud *qadā'* dan *qadar* dari Epiteimologis<sup>30</sup>: Qadā' dari masdar qadā'a (kehendak) atau ketetapan hukum. Dalam hal ini *qadā'* adalah kehendak atau ketetapan Allah terhadap segala sesuatu. *Qadar* : Masdar *qadara* bererti ukuran atau ketentuan. Ukuran atau ketentuan Allah s.w.t terhadap segala sesuatu. Maksud dari terminologi<sup>31</sup>: ulama berpendapat bahawa makna *qadā'* dan *qadar* adalah sama tetapi ada juga ulama berpendapat sebaliknya.<sup>32</sup>

---

<sup>29</sup> Ibn Hajr, t.th, *Fat-hul Baari*, (XI/486).

<sup>30</sup> Epistimologi: Teori tentang pengetahuan, terutamanya yang berkaitan dengan kajian kritis, tentang kesahihan, kaedah dan skop pengetahuan. Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), Kamus Dewan, ed.4, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 398

<sup>31</sup> Terminologi: 1. Kajian tentang istilah. 2. Kumpulan kata khusus yang berkaitan dengan sesuatu bidang ilmu. Lihat Sidang Edisi Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), Op.cit, h. 1672

<sup>32</sup> Yunahar Ilyas, *Kuliyah Aqidah Islam*, (Yogyakarta : Lembaga Kajian dan Pengamalan Islam, 1998), cet.4, 177

#### 5.2.4 Pengertian Qadar menurut istilah.

Ada beberapa pengertian yang diberikan oleh para Ulama, seperti Al-Ghazali, mengemukakan bahawa qadā adalah *iradah Azāliyyah* dan *'Inayah Ilahiyyah* yang menentukan aturan segala yang maujud menurut tertib yang khas. Sedangkan qadar ialah *ta'alluq iradah* tersebut terhadap segala sesuatu menurut waktu khas yang telah ditentukan<sup>33</sup>. Juga Muhammad Abduh<sup>34</sup>, menjelaskan bahawa seorang yang sehat rohani dan jasmani, menyadari (menyaksikan dan mengetahui) akan keberadaannya tanpa perlu argumentasi akal atau seorang guru yang mengajarkannya. Demikian pula ia menyadari bahawa ia mengerti dan memahami perbuatan-perbuatan *ikhtiariyyah* yang ia lakukan. Dengan akalnya, ia boleh memperkirakan akibat dari perbuatannya itu dan dengan *iradah*-nya ia wujudkan perbuatan tersebut. Serta Muhammad Naim Yasin, Qadar atau takdir juga bermaksud suatu peraturan tertentu yang telah dibuat oleh Allah s.w.t untuk semua yang ada di alam ini. Peraturan-peraturan tersebut adalah merupakan undang-undang yang menyeluruh atau kepastian yang mempunyai pertalian di antara sebab dan *musabbabnya* dan di antara sebab dan akibatnya<sup>35</sup>.

Teuku Hasbi Ash Shidqi pula menjelaskan bahawa makna Qada Allah ialah hukumnya. Dan hukum Allah ada dua; Hukum Tasyri' Taklifi dan Hukum Ijadi. Jelasnya, ketetapan Allah yang mewujudkan hokum yang harus kita kerja dan hokum Allah yang merupakan pengwujudan sesuatu. Dan kalimat qada diertikan pula menyempurnakan perbuatan dan mengabarkan sesuatu. Qadar ialah takdir yakni mengatur segala sesuatu secara tertib serta menentukan batas-batas

<sup>33</sup> Abu Hamid Muhammad ibnu Muhammad al-Ghazali, *Kitab al-Arba'in fi Ushul al-Din*, (Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t), 8

<sup>34</sup> Muhammad Abduh, *Risalat al-Tauhid*, (Midan al-Azhar : Maktabah wa Mathba'ah Muhammad ,Ali Shubaih wa Auladuh, 1358 H/1965), 44

<sup>35</sup> Muhamad Na'im Yasin, *al-Iman Arkanuhu wa Haqi'qatuhu*, (Aman : Jami'iyatu ,Amal al-Mutabi' al-Tamawaniyyah,1979), 125

penghujungnya. Maka makna perkataan segala sesuatu menurut qadā' Allah dan qadar-Nya ialah segala sesuatu diwujudkan sesuai dengan ketetapan Allah dan tertib yang azali menurut apa yang Allah ketahui/kehendaki<sup>36</sup>. Demikian juga Muhammad bin Salih al-Uthaimin, Al-Qadar adalah takdir Allah s.w.t untuk seluruh makhluk yang ada sesuai dengan ilmu-Nya dan hikmah-Nya<sup>37</sup>.

الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن لَّهُ شَرِيكٌ  
فِي الْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا

Al-Furqān 25 : 2

Terjemahan : Tuhan Yang Menguasai pemerintahan langit dan bumi, dan Yang tidak mempunyai anak, serta tidak mempunyai sebarang sekutu Dalam pemerintahannya; dan Dia lah Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu lalu menentukan keadaan makhluk-makhluk itu Dengan ketentuan takdir Yang sempurna.

Kemudian Abdul Karim Jamak Menjelaskan *qadā'* adalah proses kejadian sesuatu yang mesti diterima oleh makhluk, terhadap apa yang berlaku dari Allah. Sedangkan *qadar* ialah urutan peraturan dan kehendak dari yang Maha Kuasa<sup>38</sup>. Abdul Karim Jamak mengemukakan bahawa; diantara kelaziman sahnya iman terhadap Qadar, hendaklah ia beriman bahwa seorang hamba mempunyai keinginan dan pilihan. Dengannya manusia boleh melakukan aktivitinya<sup>39</sup>.

<sup>36</sup> Teuku Muhammad Asbi Ash Shidqi, Sejarah dan Pengantar Ilmu Tauhid/Kalam, (Semarang : Pustaka Rizki Putra, 1999), cet. 1, 88

<sup>37</sup> Muhammad bin Shalih al-Uthaimin, 2003, *Syarhu Ushulil Iman*, (Riyadh : Haiatul Ighatsah al Islamiah, 2003), 63

<sup>38</sup> Abdul Karim Jamak, 2010 *Op.cit.*, . 70

<sup>39</sup> Abdul Karim Jamak, *Ibid*, 70t

Sebagaimana Allah berfirman :

لَمَنْ شَاءَ مِنْكُمْ أَنْ يَسْتَقِيمَ

Al- Ta“wîr 81 : 28

Terjemahan : Iaitu bagi sesiapa dari kamu Yang mahu tetap teguh di atas jalan (Islam) Yang betul.

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Al-Baqarah 2 : 286

Terjemahan : Allah tidak memberati seseorang melainkan apa Yang terdaya olehnya....”

Secara umumnya, pengertian qada dan qadar menurut Abdul Karim Jamak sama seperti ulama lain, iaitu kejadian sesuatu yang mesti diterima oleh makhluk, terhadap apa yang berlaku dari Allah. Sedangkan *qadar* ialah urutan peraturan dan kehendak dari yang Maha Kuasa

Abdul Karim Jamak juga menyatakan bahawa perkara Qadā' dan Qadar ini merupakan salah satu masalah penting dalam agama. Ianya merupakan salah satu rukun iman yang wajib diyakini oleh setiap individu muslim kerana ikatannya yang begitu kuat dengan akidah beriman kepada Allah, bahkan setiap rukun-rukun iman yang lain juga mempunyai ikatan yang sama dengan beriman kepada Allah s.w.t Masalah Qadā' dan Qadar merupakan masalah yang jelas dan mudah difahami, kerana Allah sudah menegaskan masalah ini di dalam Al-Quran. Malah

Rasulullah s.a.w meyakinkan dengan perkataan dan perbuatannya terhadap masalah ini didalam sunnahnya<sup>40</sup>.

Selain itu meyakini sifat Iradat Allah yang tidak terbatas iaitu Allah berkehendak kepada apa yang perlu berlaku sesuai dengan masanya. Oleh sebab itu ada benda dijadikan Allah panjang atau pendek, elok atau buruk, pandai atau bodoh, di tempat itu atau di tempat lain dan sebagainya. Maka Allah s.w.t itu berhak mengatur segala sesuatu yang wujud ini sesuai dengan apa yang telah menjadi kehendakNya, kemahuanNya dan keinginanNya atau yang sesuai dengan kebijaksanaanNya<sup>41</sup>.

Juga sifat Qudrat yang sempurna dan Allah s.w.t melakukan apa sahaja yang dikehendakiNya dan mengetahui apa yang dilakukanNya<sup>42</sup>. Sifat Qudrat bermaksud Allah Maha Kuasa, tidak lemah sedikitpun untuk melakukan sesuatu. Apa yang ada di alam ini adalah terjemahan dan terjemahan dari sifat kuasa dan Agung Allah ta'ala. Kuasa Allah dapat berlaku dalam segala waktu untuk mewujudkan semua yang mewujudkan semua yang mungkin atau melengkapkanNya<sup>43</sup>.

Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa keinginan dan kemampuan seorang hamba tidak keluar dari kemampuan dan keinginan Allah, Dialah yang memberikan hal itu dan menjadikan dia mampu untuk memilah yang ia mahu. Dan sesungguhnya Qadar merupakan rahasia Allah terhadap makhluk-Nya. Tentang apa yang Allah jelaskan kepada manusia, manusia dapat mengetahui dan mempercayainya. Dan apa yang tidak diketahuinya, maka manusia menerima dan

---

<sup>40</sup> Abdul Karim Jamak, *Ibid*, 72

<sup>41</sup> Abi al-Hasan Ali bin Ismail al-Anshari, *al-Luma' fi al-Rad ahl Ziyagh wa al-Bida'*, (Beirut : Dar al-Kutub al'Ilmiyyah, 2000), 27

<sup>42</sup> Ab i al-Hasan Ali bin Ismail al-Anshari, 2000, *Loc.cit*

<sup>43</sup> Abi al-Hasan Ali bin Ismail al-Anshari, 2000, *Loc.cit*



mempercayainya. Tanpa ada sedikitpun yang membantah kepada Allah terhadap pekerjaan dan hikmah-Nya yang sempurna. Dan tidak patut manusia bertanya terhadap apa yang dikerjakan-Nya, hukum-hukum-Nya dengan akal fikiran, karena Allah berkuasa melakukan segalaNya<sup>44</sup>.

Firman Allah s.w.t menjelaskan;

فَعَالٌ لِّمَا يُرِيدُ

Al-Burūj 85 : 16

Terjemahan : Maha Kuasa berbuat apa yang dikehendaki-Nya”.

Firman Allah Ta’ala lagi:

لَهُ مَلِكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Al-Had d 57 : 2

Terjemahan : Kepunyaan-Nya-lah kerajaan langit dan bumi, Dia menghidupkan dan mematikan, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu.

Oleh karena itu takrifan tentang *qadā’* dan *qadar* itu amat luas dan pelbagai perbahasan mengenainya sering dibincangkan, maka terdapat pelbagai maksud dan huraian makna yang tertentu untuknya.

<sup>44</sup>

Ali Zuriyat, (anak kandung Abdul Karim Jamak, Sungai Penuh-Kerinci) dalam temubual dengan penulis, 05 januari 2003

### 5.3 Kesan Qadā' dan Qadar dalam Kehidupan Manusia

Sejak dahulu masalah qadā' dan qadar menjadi perselisihan di kalangan umat Islam. Diriwayatkan bahwa Rasulullah s.aw, keluar menemui shahabatnya ketika itu mereka sedang berselisih tentang masalah Qadā' dan Qadar (takdir) maka beliau melarangnya dan memperingatkan bahwa kehancuran umat-umat terdahulu tiada lain karena perdebatan seperti ini<sup>45</sup>.

Dalam al-Quran diterangkan tentang *Qadā'* dan *Qadar*, yang bermakna sistem yang telah diputuskan Allah, ditetapkan atas segala yang wujud dan sunnah yang juga dikaitkan dengan sebab dan musabbab.

اللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنْثَىٰ وَمَا تَغِيضُ الْأَرْحَامُ وَمَا تَزِدَادُ كُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ بِمِقْدَارٍ

Al-Ra'ad 13 : 8

Terjemahan : Allah mengetahui apa yang dikandung oleh setiap perempuan, dan kandungan rahim yang kurang sempurna dan yang bertambah. Dan segala sesuatu pada sisi-Nya ada ukurannya.

Beriman dengan takdir juga bermaksud beriman dengan kehendak Allah yang terlaksana dan kekuasaanNya yang mencakupi segala-galanya. Dinyatakan juga bahawa Ibnu Taimiyah memberikan pengertian beriman dengan *qadar* adalah berdasarkan kepada dua tahap dan kedua tahap itu mencakup dua perkara<sup>46</sup>.

<sup>45</sup> Lihat Muhammad bin Yazid, *Sunan Ibn al-Majah*, Kitab al-Muqaddimah, Bab Fi al-Qadr, hadis no. 82, yang maksudnya: "Diriwayatkan dari ,Ali bin Muhammad diriwayatkan dari Abu Mu'awiyah dari Daud bin Abi Hind dari ,Amru bin Syuib dari bapanya dari datuknya berkata: "Pada suatu hari Rasulullah saw keluar dan mendapati manusia sedang memperkatakan tentang *qadar*. Beliau menyebutkan: kelihatan seolah-olah pada wajah baginda timbul biji delema lantaran marah, lalu baginda bersabda: „Mengapakah kamu membandingkan ketetapan Allah antara satu sama lain? Disebabkan ini musnahnya orang-orang sebelum kamu.

<sup>46</sup> Ibnu Qayyim al-Jawzi, *Syifa' al-'Alil Fi Masail al- ada' wa al-Qadr wa al-Hikmah wa al-Ta' lil*, (Beirut : Dar al-Ma'rifah. 1978), 301

*Tahap Pertama* : beriman bahwa Allah s.w.t mengetahui apa yang dilakukan oleh makhlukNya dengan ilmuNya yang qadim yang disifatkan kepadaNya sejak azali. Kemudian Dia akan menulis di *Luh Mahfuz* takdir kesemua makhluk-Nya. Makhluk yang pertama dicipta iala *qalam*<sup>47</sup>. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud dari Abu Hafsah al-Syami<sup>48</sup>.

*Tahap Kedua*: Beriman bahawa apa yang dikehendaki Allah pasti akan berlaku dan apa yang tidak dikehendakiNya tidak akan berlaku. Walaupun begitu, Allah menyuruh hamba-hambaNya melakukan ketaatan dan melarang mereka melakukan maksiat dan penderhakaan.

Mempercayai bahawa segala sesuatu yang terjadi dan peristiwa-peristiwa yang berlaku adalah menurut ketentuan dan ketetapan Allah s.w.t manusia dijadikan Allah dan Dialah yang menentukan perjalanan gerak geri dan kelakuannya semuanya ditentukan oleh Allah yang berkuasa sepenuhnya keatasnya<sup>49</sup>.

Dalam al-Quran Allah berfirman :

يَوْمَ تَجِدُ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ مِنْ خَيْرٍ مُّحْضَرًا وَمَا عَمِلَتْ مِنْ سُوءٍ تَوَدُّ لَوْ أَنَّ بَيْنَهَا

وَبَيْنَهُ أَمَدًا بَعِيدًا وَيُحَذِّرُكُمُ اللَّهُ نَفْسَهُ وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ

Āli-Imrān 3 : 30

<sup>47</sup> Ibnu Qayim al-Jawzi, Ibnu Qay m al-Jawzi, 1978, h. 303

<sup>48</sup> Muhammad bin Isa, *Sunan al-Tarmidhi*, Kitab al-Qadr, Bab Ma Ja“a Fi al-Rida bi al-Qadr, hadis no. 2181, ertinya : Dari Abu Hafsah menceritakan, Ubadah bin Samit mengatakan kepada putranya, wahai putraku, sekali-kali engkau tidak akan menikmati rasa iman sehingga engkau mengetahui bahawa apa yang menimpamu itu tidak akan menyalahkanmu, aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:”Sesungguhnya yang pertama diciptakan Allah adalah qalam, lalu dikatakan kepadanya, “Tulislah”. Dia menjawab, “Tulislah takdir segala sesuatu sampai hari kiamat tiba”.

<sup>49</sup> Ibnu Qayyim al-Jawzi, 1978, *Op.cit*, 303

Terjemahannya : (Ingatlah) hari (kiamat yang padanya) tiap-tiap seorang akan mendapati apa sahaja kebaikan yang telah dikerjakannya, sedia (dibentangkan kepadanya dalam surat-surat amalnya) dan demikian juga apa sahaja kejahatan yang telah dikerjakannya. (ketika itu tiap-tiap orang yang bersalah) ingin kalau ada jarak yang jauh di antaranya dengan amalnya yang jahat itu dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diriNya (menyeksa kamu) dan (ingatlah juga), Allah Amat belas kasihan kepada hamba-hambaNya

Dalam surat lain dijelaskan pula:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيُضِلُّ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي  
مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Ibrāhim 14 : 4

Terjemahan : Kami tidak mengutus seorang rasulpun, melainkan dengan bahasa kaumnya, supaya ia dapat memberi penjelasan dengan terang kepada mereka. Maka Allah menyesatkan siapa yang Dia kehendaki, dan memberi petunjuk kepada siapa yang Dia kehendaki. Dan Dialah Tuhan Yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.

Iman kepada Qadar adalah wajib, tidak sempurna iman seseorang tanpa iman kepada qadar<sup>50</sup>. Karena itu, menurut Abdul Karim Jamak, qadar merupakan kekuasaan Allah s.w.t. Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa tidak syak lagi,

<sup>50</sup>

Hasbi Ash-Shidqy, 1999, *Op.cit*, 92

Qadar (takdir) termasuk Kudrat dan kekuasaanNya yang menyeluruh, di samping itu, qadar adalah rahasia Allah Ta'ala yang tersembunyi, tak ada seorangpun yang dapat mengetahuinya kecuali Dia, tertulis pada *Luh Mahfuzh* dan tak ada seorangpun yang dapat melihatnya, tidak tahu, takdir baik atau buruk yang telah ditentukan mahupun untuk makhluk lainnya, kecuali setelah terjadi atau berdasarkan nash yang benar<sup>51</sup>.

Abdul Karim Jamak menjelaskan janganlah sekali-kali menjadikan takdir itu sebagai alasan untuk malas berusaha dan berbuat kejahatan oleh sebab itu, manusia mesti yakin akan takdir. Abdul Karim Jamak menjelaskan pula bahawa qada dan qadar memiliki beberapa kesan, iaitu<sup>52</sup> :

- a. Meyakini bahawa Allah mengetahui segala sesuatu secara keseluruhan mahupun yang paling kecil sekali, azali dan abadi, baik yang berhubung kait dengan perbuatanNya mahupun perbuatan para hambaNya<sup>53</sup>.
- b. Meyakini bahawa Allah telah mencatat hal tersebut di Lauh Mahfudz<sup>54</sup>.

Sebagai dalam firmanNya;

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ إِنَّ ذَلِكَ فِي كِتَابٍ إِنَّ ذَلِكَ

عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ

Al-Haj 22 : 70

<sup>51</sup> Abdul Karim Jamak, 2010, *Op.cit*, 72

<sup>52</sup> Kesan-kesan tentang qada dan qadar, dijelaskan oleh beberapa orang murid Abdul Karim Jamak serta Pimpinan atau Pengurus Daerah dan Pusat Jam'iyatul Islamiyah yang mereka rekam dari beberapa kegiatan pengajian yang disampaikan oleh Karim Jamak..

<sup>53</sup> Ali Zuriyat, (adalah anak kandung Abdul Karim Jamak, sebelum meninggal dunia 23 Oktober 2006, beliau adalah Bendahari Jam'iyatul Islamiyah. Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 12 Nopember 2005

<sup>54</sup> Basrun Jamil, (Murid dari Abdul Karim Jamak, ia juga sebagai pendakwah Jam'iyatul Islamiyah hingga sekarang, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 24 Mei 2013

Terjemahan : Bukankah Engkau telah mengetahui bahawasanya Allah mengetahui Segala Yang ada di langit dan di bumi? Sesungguhnya Yang demikian itu ada tertulis di Dalam Kitab (Lauh Mahfuz); Sesungguhnya hal itu amatlah mudah bagi Allah.

- c. Meyakini bahawa segala yang ada tidak akan pernah ada, kecuali dengan kehendak Allah s.w.t baik yang berhubung kait dengan perbuatanNya mahupun yang berhubung kait dengan perbuatan makhluk-makhlukNya<sup>55</sup>.

Seperti disebutkan dalam al-Quran:

هُوَ الَّذِي يُصَوِّرُكُمْ فِي الْأَرْحَامِ كَيْفَ يَشَاءُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦﴾

Āli-,Imrān 3 : 6

Terjemahan : Dia lah Yang membentuk rupa kamu Dalam rahim (ibu kamu) sebagaimana Yang dikehendakiNya. tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

- d. Meyakini bahawa segala yang ada, zatnya, sifatnya dan geranya diciptakan oleh Allah s.w.t<sup>56</sup>.

اللَّهُ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ

Al-Zumar 39 : 62

<sup>55</sup> Asnadi Anas, ( Murid Karim Jamak, ia juga Ahli Jawatan Kuasa (AJK) Jam'iyatul Islamiyah bidang Kepemudaan., Sungai Penuh-Kerinci) dalam temubual dengan penulis, 04 April 2014

<sup>56</sup> Zuhadi Karim, ( Ketua Umum (Pengurus) Jam'iyatul Islamiyah, Daerah Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh) dalam temubual dengan penulis, 04 April 2014

Terjemahan : Allah Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dia lah Yang mentadbirkan serta Menguasai segala-galanya.

Dalam ayat yang lain disebutkan lagi:

الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن لَّهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ  
وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَقَدَرَهُ تَقْدِيرًا

Al-Furqān 25 : 2

Terjemahan : Tuhan Yang Menguasai pemerintahan langit dan bumi, dan Yang tidak mempunyai anak, serta tidak mempunyai sebarang sekutu Dalam pemerintahannya; dan Dia lah Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu lalu menentukan keadaan makhluk-makhluk itu Dengan ketentuan takdir Yang sempurna.

Manusia merupakan salah satu makhluk Tuhan mempunyai kehendak dan pilihan dalam perbuatan yang di lakukannya secara sadar, bukan terpaksa. Kalau manusia berbuat dengan kehendak dan pilihannya untuk kepentingan dunia, maka iapun seharusnya begitu pula dalam usahanya menuju akherat. Bahkan jalan menuju akhirat lebih jelas.

Perbuatan Allah berupa qadar-Nya selalu sesuai dengan ketentuan-Nya.

Allah berfirman:

وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا عِنْدَنَا خَزَائِنُهُ وَمَا نُنزِّلُهُ إِلَّا بِقَدَرٍ مَّعْلُومٍ

al-Hijr 15 : 21

Terjemahan : Dan tidak ada sesuatupun melainkan pada sisi Kami sahaja perbendaharaannya dan Kami tidak menurunkannya melainkan Dengan menurut kadar dan masa Yang tertentu.

Kadang-kadang ada juga yang menggunakan istilah qadā<sup>57</sup> dan qadar dengan satu istilah, yaitu; Qadar atau takdir. Jika ada orang terkena musibah, lalu orang tersebut mengatakan, "sudah takdir", maksudnya qadā dan qadar.

- e. Mendidik dan melatih diri untuk banyak bersyukur dan bersabar. Orang yang beriman kepada qadha dan qadar, apabila mendapat keberuntungan, maka ia akan bersyukur, karena keberuntungan itu merupakan nikmat Allah yang harus disyukuri. Sebaliknya apabila terkena musibah maka ia akan sabar, karena hal tersebut merupakan ujian<sup>57</sup>

Firman Allah:

وَمَا بِكُمْ مِّن تَعَمَّةٍ فَمِنَ اللَّهِ ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمُ الضُّرُّ فَإِلَيْهِ تَجْرُونَ

Al-Nahl 16 : 53

Terjemahan : Dan apa-apa nikmat Yang ada pada kamu maka adalah ia dari Allah; Kemudian, apabila kamu ditimpa kesusahan maka kepadaNya lah kamu meraung meminta pertolongan.

- f. Menjauhkan diri dari sifat sombong dan putus asa. Orang yang tidak beriman kepada qadha dan qadar, apabila memperoleh keberhasilan, ia menganggap keberhasilan itu adalah semata-mata karena hasil usahanya

<sup>57</sup>

Zulhadi Karim, (Ketua Umum Dewan Pimpinan Daerah Jam'iyatul Islamiyah Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 04 April 2014



sendiri. Ia pun merasa dirinya hebat. Apabila ia mengalami kegagalan, ia mudah berkeluh kesah dan berputus asa , karena ia menyadari bahwa kegagalan itu sebenarnya adalah ketentuan Allah<sup>58</sup>.

Firman Allah s.w.t:

يَبْنَئِ أَذْهَبُوا فَتَحَسَّسُوا مِنْ يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَأْتِسُوا مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا يَأْتِسُ

مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ

Yusūf 18 : 87

Terjemahan :Wahai anak-anakku! pergilah dan intiplah khabar berita mengenai Yusuf dan saudaranya (Bunjamin), dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum Yang kafir.

- g. Memupuk sifat percaya diri, bersemangat dalam bekerja dan berusaha. Manusia tidak mengetahui takdir apa yang terjadi pada dirinya. Semua orang tentu menginginkan bernasib baik dan beruntung. Keberuntungan itu tidak datang begitu saja, tetapi harus diusahakan. Oleh sebab itu, orang yang beriman kepada qada dan qadar senantiasa optimis dan giat bekerja untuk meraih kebahagiaan dan keberhasilan itu<sup>59</sup>.

<sup>58</sup> Syahrin Harahap, (Profesor, Doktor, Murid Abdul Karim Jamak, dan Ahli Jawatan Kuasa Jam'iyatul Islamiyah, Jambi) dalam temubual dengan penulis 14 Oktober 2013

<sup>59</sup> Syahrin Harahap, ( (Profesor, Doktor, Murid Abdul Karim Jamak, dan Ahli Jawatan Kuasa Jam'iyatul Islamiyah, Jambi) dalam temubual dengan penulis 14 Oktober 2013

Firman Allah:

وَأَنْتَعِمَ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ  
كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Al-Qassas 28 : 77

Terjemahan : Dan tuntutlah Dengan harta kekayaan Yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah Engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya Yang melimpah-limpah); dan janganlah Engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang Yang berbuat kerosakan .

- h. Menciptakan ketenangan jiwa. Orang yang beriman kepada qadha dan qadar senangtiasa mengalami ketenangan jiwa dalam hidupnya, sebab ia selalu merasa senang dengan apa yang ditentukan Allah kepadanya. Jika beruntung atau berhasil, ia bersyukur. Jika terkena musibah atau gagal, ia bersabar dan berusaha lagi<sup>60</sup>.

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٣٢﴾ ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٣٣﴾ فَأَدْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٣٤﴾

وَأَدْخُلِي جَنَّاتِي ﴿٣٥﴾

Al-Fajr 89 : 27-30

Terjemahan : (setelah menerangkan akibat orang-orang Yang tidak menghiraukan akhirat, Tuhan menyatakan

<sup>60</sup> Azhar Arsyad, ( Profesor, Doktor, Ketua Umum Pusat Jam'iyatul Islamiyah. Pusata, Sungai Penuh), dalam temubual dengan penulis, 02 Agustus 2015

Bahawa orang-orang Yang beriman dan beramal soleh akan disambut Dengan kata-kata): "Wahai orang Yang mempunyai jiwa Yang sentiasa tenang tetap Dengan kepercayaan dan bawaan baiknya! Kembalilah kepada Tuhanmu Dengan keadaan Engkau berpuas hati (dengan Segala nikmat Yang diberikan) lagi diredhai (di sisi Tuhanmu) Serta masuklah Engkau Dalam kumpulan hamba-hambaKu Yang berbahagia, Dan masuklah ke Dalam SyurgaKu! .

Abdul Karim Jamak, berpandangan bahawa ada beberapa peringkat dalam qadā dan qadar tersebut, yakni: *ilmu, kitabah, masyi'ah* dan *al-Akhlak*<sup>61</sup>. Kepercayaan kepada takdir memberikan keseimbangan jiwa, tidak berputus asa kerana sesuatu yang gagal, seseorang juga dituntut supaya tidak membanggakan diri atau sombong kerana suatu keberhasilan. Segala sesuatu tidak hanya bergantung pada diri sendiri, maksudnya adalah supaya manusia tidak menjadi putus asa atas kemalangan yang menimpanya dan tidak terlalu bersuka ria dengan keberhasilan yang didupakannya<sup>62</sup>.

Maka dapat dipahami, kesan qada dan qadar dalam kehidupan manusia adalah memelihara manusia dari sikap congkak dan sombong, jauh dari tabiat dengki yang mendorongnya kepada kejahatan. Maksud Abdul Karim Jamak dalam memandang Qadā dan qadar dapat memberi pencerahan bagi seseorang untuk

---

<sup>61</sup> Menurut Abdul Karim Jamak, manusia dianugerahkan oleh Allah ,ilmu, yakni pengetahuan alami sebelum ia belajar dari seseorang untk mengenal sesuatu dan ilmu . Kitabah, sumber yang digunakan untuk memahami Islam jangan bertentangan dengan ayat-ayat Allah, iaitu al-Quran serta hadis Rasulullah. Masyi'ah adalah meyakini segala yang berkehendak dan melakukan kehendak tersebut dari Allah s.w.t. Al-Akhlak adalah secara etika dan moral manusia mestilah menerima apa sahaja yang diperbuat oleh kepada makhluknya. Pembahasan tersebut dijelaskan oleh DR. Aswin Rose, sebagai Pembina Jam'iyatul Islam, 4 Agustus 2015

<sup>62</sup> Kuliah Prof. Dr. H. Azhar Arsyad, 2015, Kuliah Subuh, di Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah, Sungai Penuh, 4 Agustus 2015, Beliau merupakan Pengurus Jam'iyatul Islamiyyah. Dan sebelumnya juga telah di sampaikan oleh Pembina Jam'iyatul Islamiyah, Dr. Aswin Rose, tentang wajibnya manusia mengimani qada dan qadar, kerana segala sesuatu telah dihatu oleh Allah s.wt.

mencapai kebahagiaan melalui jalan yang telah digariskan agama. Juga menjadi rahsia kebesaran kaum muslimin, kerana mereka melakukan segenap kemampuan mereka untuk memenuhi perintah Allah s.w.t mereka tidak takut terhadap hasil yang menyakitkan, kerana mereka ridha kepada ketentuan Allah, sehingga mereka berhasil mendapatkan kebaikan dunia dan akhirat.

#### 5.4 Bentuk Bentuk Qadā

Takdir Allah merupakan *iradah* (kehendak) Allah. Oleh sebab itu takdir tidak selalu sesuai dengan keinginan manusia. Tatkala takdir atas diri seseorang sesuai dengan keinginannya, hendaklah ia beresyukur kerana hal itu merupakan nikmat yang diberikan Allah kepadanya. Ketika takdir yang di alami tidak menyenangkan atau merupakan musibah, maka hendaklah ia terima dengan sabar dan ikhlas. Manusia harus yakin, bahwa di balik musibah itu ada hikmah yang terkadang mereka belum mengetahuinya. Allah Maha Mengetahui atas apa yang diperbuatnya.

Takdir itu ada dua bentuk<sup>63</sup> :

1. ***Takdir mua'llaq***: yaitu takdir yang erat kaitannya dengan ikhtiar manusia. Contoh seorang siswa bercita-cita ingin menjadi insinyur pertanian. Untuk mencapai cita-citanya itu ia belajar dengan tekun. Akhirnya apa yang ia cita-citakan menjadi kenyataan. Ia menjadi insinyur pertanian. Dalam hal ini

---

<sup>63</sup> Muhammad Na'im Yasin, 1979, *Op.cit*, 135

Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ

Al-Ra'ad 12 : 11

Terjemahan : Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa Yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa Yang ada pada diri mereka sendiri.

Abdul Karim Jamak juga berkeyakinan bahawa adalah ketentuan Allah s.w.t pasti berlaku dan tidak dapat dihalangi oleh sesuatu apa pun<sup>64</sup>. Contohnya sebagaimana yang telah dijelaskan dalam .Firman Allah Ta'ala :

وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ ۗ  
وَمَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِي ظِلْمَتِ الْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ  
وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ

Al-An'am 6 : 59

Terjemahan : Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan Segala Yang ghaib, tiada sesiapa Yang mengetahuinya melainkan Dia lah sahaja; dan ia mengetahui apa Yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir bijipun Dalam kegelapan bumi dan tidak gugur Yang basah dan Yang kering, melainkan (Semuanya) ada tertulis di Dalam Kitab (Lauh Mahfuz) Yang terang nyata.

<sup>64</sup>

Abdul Karim Jamak, 1994, *Op.cit*, 5

2. *Takdir mubram*; yaitu takdir yang terjadi pada diri manusia dan tidak dapat diusahakan atau tidak dapat di tawar-tawar lagi oleh manusia. Contoh. Ada orang yang dilahirkan dengan mata sipit, atau dilahirkan dengan kulit hitam sedangkan ibu dan bapaknya kulit putih dan sebagainya.

Beriman dengan konsep Qadā dan Qadar dalam pandangan Abdul Karim Jamak, menuntut manusia memahami dua perkara dengan sebaik-baiknya: Pertama: memahami dengan jelas hak Allah sebagai *Al-Khaliq*. Kedua: memahami hak manusia sebagai *makhluq*. Hak Allah meliputi empat perkara berikut<sup>65</sup>:

Pertama: mengimani bahawa segala yang berlaku sama ada baik atau buruk adalah ketetapan yang telah tercatat di *Luh Mahfuz*.

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ إِنَّ ذَلِكَ فِي كِتَابٍ إِنَّ ذَلِكَ  
عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ

Al-Haj 22 : 70

Terjemahan : Bukankah Engkau telah mengetahui bahawasanya Allah mengetahui Segala Yang ada di langit dan di bumi? Sesungguhnya Yang demikian itu ada tertulis di Dalam Kitab (Lauh Mahfuz); Sesungguhnya hal itu amatlah mudah bagi Allah.

Kedua, mengimani ciptaan Allah. Allah lah pencipta segala sesuatu, segala yang ada di langit dan di bumi adalah hasil ciptaan Allah. Hal ini telah dijelaskan di dalam Al-Quran;

ذَٰلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَأَعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ

<sup>65</sup> Zulhadi Karim, (Ketua Umum Jam'iyatul Islamiyah Kabupaten Kerinci, Sungai Penuh) dalam temubual dengan penulis, 04 April 2014,

Terjemahan : (Yang memiliki sifat-sifat yang) demikian itu ialah Allah Tuhan kamu; tidak ada Tuhan selain Dia; Pencipta segala sesuatu, maka sembahlah Dia; dan Dia adalah Pemelihara segala sesuatu.

Ketiga: mengimani akan kehendak Allah. Segala sesuatu yang terjadi, sama ada di langit atau di bumi adalah dengan kehendak Allah. Ini berpandukan firman Allah dalam surah Yasin:

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Yasin 36 : 82

Terjemahan : Sesungguhnya keadaan-Nya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya: "Jadilah!" maka terjadilah ia.

Keempat: mengimani Ilmu Allah yang meliputi segala sesuatu, tidak ada sesuatu yang berlaku di alam maya ini kecuali ianya dibawah pengetahuan Allah. "Allah mengetahui apa-apa yang ada di langit dan apa-apa yang di bumi dan Allah maha kuasa atas segala sesuatu"

Abdul Karim Jamak, menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan memahami hak Allah s.w.t adalah **Pertama**, meyakini bahawa manusia dikehendaki beramal dan berusaha selama mana ia berada di muka bumi ini. **Kedua**, meyakini bahawa manusia mempunyai iradah dan pilihan terhadap perbuatan dan keputusan yang dibuatnya sendiri. Dan **Ketiga**, meyakini bahawa

manusia akan di pertanggungjawabkan di depan mahkamah Allah di atas segala perbuatan baik buruknya hasil daripada pilihannya sendiri<sup>66</sup>.

Penjelasan diatas dapat penulis sampaikan bahawa, Abdul Karim Jamak telah mengingatkan betapa pentingnya bagi manusia untuk melihat secara terang terhadap qadā dan qadar, yang kemudian implikasi daripada penghayatan yang telah dijelaskan diatas akan melahirkan di dalam diri manusia sifat sangka baik terhadap segala yang telah ditetapkan Allah. Menurut Abdul Karim Jamak qadā dan qadar, juga akan melahirkan rasa tenang dan redha dengan segala apa yang telah ditentukan Allah. Akhirnya manusia itu pasti akan mengenal Allah sebagai *al-Khaliq* (pencipta) segala sesuatu.

Kenyataan daripada penghayatan tersebut akan mendorong manusia berfikir menggunakan anugerah akal yang diberikan kepada mereka, untuk memutuskan segala keputusan dan pilihan sepanjang hidupnya, kerana manusia itu telah diberi *iradah* (kemahuan) dan *ikhtiar* (pilihan). Dengan iradah dan ikhtiar yang diberi, manusia akan terus berusaha gigih memilih jalan yang menuju kepada kebaikan dan kebajikan serta meninggalkan jalan yang menuju ke arah maksiat dan kesesatan. Yang paling utama sekali, ianya mengajar manusia memilih jalan yang bersesuaian dengan jalan yang telah dipilih oleh Allah.

### 5.5 Al-Kasb (Usaha)

Abu Hasan al-Asy'ā mengajukan konsep *al-kasb*, dengan pengertian bahwa yang mewujudkan perbuatan manusia adalah Allah<sup>67</sup>, namun manusia diberi daya dan

<sup>66</sup> Abdul Karim Jamak, 1994, *Op.cit*, 5

<sup>67</sup> Al-Asy'āri, *Maqalat al-Islamiyyin*, Jil. 1, hal. 315. Al-Bazdawi, *Usul al-din*, 100



pilihan untuk berbuat atas kehendak Allah. Manusia dalam perbuatannya banyak bergantung kepada kehendak dan kekuasaan Allah. Oleh karena itu, manusia, dalam pandangan al-Asy'ari, bukan *fa'cil*, tetapi *kasib*. Berdasarkan itulah muncul teori *al-kasb*. Al-Syahrastani memperjelas pengertian *al-kasb* dengan menyatakan bahwa lahirnya perbuatan manusia adalah dengan jalan Allah memperlakukan sunnah-Nya melalui daya yang baru diciptakan bersama-sama dengan terjadinya perbuatan. Berkaitan dengan itu, lahirlah konsep *al-iktisab*<sup>68</sup>.

Arti *al-iktisab*, menurut al-Asy'ari, ialah bahwa sesuatu terjadi dengan perantaraan daya yang diciptakan dan dengan demikian menjadi perolehan atau *kasb* bagi orang yang dengan dayanya perbuatan itu timbul<sup>69</sup>. Di dalam *al-Lumac*, al-Asy'ari memberikan penjelasan yang sama. Arti yang sebenarnya dari *al-kasb* ialah bahwa sesuatu timbul dari *al-muktasib* (*acquirer*, yang memperoleh) dengan perantaraan daya yang diciptakan<sup>70</sup>.

Dalam membicarakan konsep *al-Kasb* (usaha), menurut Abdul Karim Jamak, yang perlu di diperhatikan adalah konsepnya tentang kebebasan manusia, keadilan dan kehendak Allah (*iradah Allah*). Karim Jamak berpendapat bahawa manusia diberikan kesempatan dan peluang untuk ikhtiar dan berusaha dalam rangka mencukupi keperluan dan menyenangkan dirinya baik di dunia mahupun akhirat kelak, manusia diberi amanah untuk berbuat dan menggunakan kemampuannya, yang semuanya merupakan pemberian Allah s.w.t kepada makhluknya<sup>71</sup>. Manusia dengan usahanya dari sisi yang belum cukup, berjuang untuk mencukupinya, dengan selalu berserah diri kepada Allah s.w.t.

---

<sup>68</sup> Al-Syahrastani, *al-Milal wa al-nihal*, h. 97

<sup>69</sup> Al-Asy'ari, *Maqalat al-Islamiyyin*, Jil. 2, . 221.

<sup>70</sup> Al-Asy'ari, *al-Lumac*, . 76

<sup>71</sup> Abdul Karim Jamak, 2010, *Op.cit*, 70

Untuk mempermudah pemahaman tentang al-kasbu ini, maka perlu diberikan beberapa pengertian, baik dari sisi kata mahupun dari sudut bahasanya.

#### 5.5.1 Al-Kasb dari segi Bahasa.

Dalam *al-Munjid fi al-A'lam*, tertulis, baik *kasaba* mahupun *iktasaba* sama-sama mengandung arti *thalaba wa rabiha*<sup>72</sup>. (menuntut, mencari, mengusahakan dan memperoleh). Ibn Faris (m.395H) *al-kasb* bermaksud sesuatu tuntutan.<sup>73</sup>

Jadi kata *al-kasb* itu sendiri secara harfiah berarti adanya keaktifan pada pelaku, namun oleh al-Asy'ari diberikan makna khusus khas yakni *aksab al-'ibad makhluqat li Allah*. pada kesempatan lain, ia mengatakan bahawa makna *al-kasb* ialah adanya perbuatan dengan *qudrah muhdatsah*, dan orang yang terjadi perbuatan darinya dengan *qudrah muhdatsah*, maka ia adalah *muktasib*, bukan *khaliq*<sup>74</sup>.

Ulama ahl Sunnah juga menggunakan kata *al-kasb* untuk menyatakan adanya peran yang dapat dikatakan dari manusia yang mempunyai pengaruh atau efek dalam melahirkan perbuatannya. Akan tetapi tidak sampai mendudukan manusia ke derajat mencipta dan mengadakan. Pengaruh atau efektifiti atau peran yang seperti ini yang mereka namakan dengan istilah *al-kasb*, dengan asumsi bahawa lafaz ini bukan berarti mencipta atau mengadakan<sup>75</sup>.

<sup>72</sup> Louis Ma'uf, *al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam*. (Beirut : Dar al-Masyriq, 1986), 684

<sup>73</sup> Ibn Fa'ris, Abu al-Husayn Ahmad b. Fa'ris b. Zakariyya b. Muhammad b. Habi'b al-Razi, *Mu'jam Muqayis al-Lughah*, (Qahirah : ,Jsa' al Ba'bi' al-Halabi', 1969), cet. 1, 179

<sup>74</sup> Abu Hasan al-Ash'ari, *Kitab al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaig wa al-Bida'*, (Beirut : Al-Maktabah al-Katsulikiyyah, 1952), 37

<sup>75</sup> Mustafa Shabri, *Mauqif al-Basyar Tahta Sulthan al-Qadar*, (Kairo : al-Mathb'ah al-Salafiyyah wa Maktabatuha, 1352 H), 62-63

### 5.5.2 Pengertian dari sudut Istilah.

Al-Asy'ari memberikan arti yang sebenarnya dari al-kasb ialah bahwa sesuatu timbul dari al-muktasib (acquirer, yang memperoleh) dengan perantaraan daya yang diciptakan<sup>76</sup>. Alasan yang dimajukan oleh al-Asy'ari tentang diciptakannya kasb oleh Allah adalah firman Allah;

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Al-Saffat 37 : 96

Terjemahan : Padahal Allah-lah yang menciptakan kamu dan apa yang kamu perbuat itu.

Berdasarkan ayat ini, mereka berpendapat bahwa perbuatan-perbuatan manusia diciptakan oleh Allah<sup>77</sup>. Tidak ada pembuat atau fa'`il bagi *kasb* kecuali Allah<sup>78</sup>. Dengan perkataan lain, yang menentukan wujudnya *kasb* atau perbuatan manusia, dalam pandangan al-Ash'ari, sebenarnya adalah Allah sendiri.

Al-Qari memetik pandangan Abu Hanifah, mengatakan, bahawa dalam karya *al-Washiyyah*, ditemui kepercayaan Abu Hanifah dengan tiori *al-Kasb*, antara lain pernyataanya, semua perbuatan hamba/manusia adalah *kasb* mereka pada hakikat, namun Allah lah Penciptanya, dan semuanya berdasarkan *masyi'at*, *qada* dan *qadar* Allah<sup>79</sup>.

Al-Baqilani mengartikan *iktisab* dengan usaha yang sungguh-sungguh. Menurutnya, Allah memerintahkan hamba-Nya agar *yaktasibu* (berusaha dengan

<sup>76</sup> Al-Asy'ari, *al-Lumac*, *Op.cit*, 76

<sup>77</sup> Al-Asy'ari, *al-Lumac*, *Ibid*, . 70.

<sup>78</sup> Al-Asy'ari, *al-Lumac*, *Ibid*, 72

<sup>79</sup> Jalal Muhammad Abd Hamid Musa, *Nasy-at al-Asy'ariyah wa Tathawwuruha*, (Beirut : Dar al-Kitab al-Lubnani, 1390 H/1970), , 23

sungguh-sungguh) untuk memperoleh sesuatu, lalu Allah menciptakan sesuatu itu, atau berusaha dengan sungguh-sungguh untuk menghindari sesuatu yang Dia larang, lalu Dia tidak menciptakan sesuatu itu. Menurutnyanya pula, *al-kasb* adalah gerakan yang disertai *qudrah* pada waktu terjadinya perbuatan<sup>80</sup>.

Al-Syafi'i juga bicara tentang *al-kasb*, menurut beliau Allah lah yang menciptakan semua perbuatan manusia dengan *masyi-ah-Nya*. Tegasnya, *al-khalq* hanya milik Allah, dan hanya *al-kasb* milik manusia. dengan kata lain, manusia tidaklah menciptakan amal-amal mereka, semuanya adalah ciptaan Allah dan semuanya menurut *qada-Nya*<sup>81</sup>.

Muhammad Abduh, menjelaskan *al-kasb* mengandung pengertian kebebasan memilih dan manusia *yaksib* dengan *qudrah* dan *iradah*-nya sendiri. Namun *qudrah* Allah lah sumber dari segalanya di alam ini, dan menentukan tercapai atau tidaknya suatu keinginan manusia. tidak seorang pun selain Allah yang dapat membantu manusia untuk memperoleh sesuatu yang tidak ia peroleh melalui *kasb*-nya<sup>82</sup>.

Abdul Karim Jamak<sup>83</sup>, menjelaskan *al-kasb* adalah dimana manusia mempunyai kekuatan dan kemampuan untuk berbuat, yang kekuatan itu datangnya dari Allah s.w.t karena itulah setiap orang diberi kebebasan untuk berbuat, setiap perbuatan yang dilakukannya sumbernya datang dari Allah s.w.t. ertinya kehendak dan perbuatan manusia merujuk kepada keyakinan terhadap *qadā* dan *qadar*.

<sup>80</sup> Al-Qadhi Abu Bakr Muhammad ibnu al-Thayyib al-Baqillani, 1407 H/1987, *Tamhid al-Awail wa Talkhis al-Dalail*, tahqiq, al-Syaikh ,Imad al-Din Ahmad Haidar, (Al-Muassasah al-Kutub al-Tsaqafiyah, 1407 H/1987), 346

<sup>81</sup> Musa, *Ibid*, h, 31

<sup>82</sup> Muhammad Abduh, *Risalat al-Tauhid*, , 47

<sup>83</sup> Abdul Karim Jamak, 1994, *Op.cit*, . 4

Dengan kefahaman terhadap *qada* dan *qadar* menurut Abdul Karim Jamak segala sesuatu telah dikekalkan oleh kodrat dan iradat Allah s.w.t

Dari beberapa penjelasan diatas, dapat dipahami bahawa pemikiran Abdul Karim Jamak, tidak begitu berbeza konsepnya tentang *al-kasb* tersebut. Kerana bagi Abdul Karim Jamak, *al-kasb* merupakan sebuah kebebasan dan manusia mempunyai bahagian yang efektif dalam mewujudkan perbuatannya. Akan tetapi berbeza pula dengan pendapat salah seorang sarjana muslim yang lain, seperti al-Khazīn, menurut beliau, manusia diciptakan dari tiada menjadi ada, dapat mendengar dan melihat, memiliki kelengkapan anggota badan yang serba seimbang, simetris dan selaras, anggota badan yang satu tidak lebih panjang dari yang lainnya<sup>84</sup>. Tentu perjuangan dalam usaha tersebut tidak dapat dipisahkan dengan bantuan sang Maha Kuasa yakni Allah s.w.t.

Sebagai manusia yang juga lebih dikenal dengan istilah *insān*, seperti yang dijelaskan oleh Al-Asfahāni, dapat diartikan sebagai suatu entity (unsur) yang berbeza dengan jin. Hal ini menunjukkan bahawa manusia pada dasarnya tidak mempunyai kekuatan<sup>85</sup>.

Menurut Abu Hanifah sebagaimana yang dinukil oleh al-Ghazali, yang menciptakan *istitha'ah* dalam diri manusia adalah perbuatan Allah, penggunaan *istitha';ah* itu adalah sepenuhnya perbuatan manusia secara hakiki, bukan majazi<sup>86</sup>. Dari sinilah muncul dua paham yang saling berseberangan dan kontraversi, iaitu paham *Jabbariyah* (Jabariyah) dan paham *Qadariyyah* (Qadariyah).

<sup>84</sup> „Ala ad-Din al-Khazīn, *Lubab-Ta'wil fi Ma'anit-Tanzil*, juz 6, . 230

<sup>85</sup> Al-Asfahāni, al-Ragib, *Mu'jam Mufradat alfazil-Quran*, (Beirut : Darul Fikri, t.t), Juz I, 28

<sup>86</sup> Abu Hamid Muhammad al-Ghazālī, , *Kitan al-Arba'in fi Ushul al-Din*, (Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyah, t.t).

Kemudian al-Bagdadi mengemukakan bahawa, Allah lah yang menjadikan perbuatan itu, *asy-ya'* dan *'arad*. Inilah yang dimaksud dengan ungkapan bahawa Allah menciptakan semua perbuatan hambaNya. Artinya Dialah yang menjadikan *asy-ya'* dan *'arad*. Kaum Qadariyah mengatakan bahawa bukan manusia yang menjadikan keduanya itu. Maka apa yang dinafikan dari manusia itu, kami kembalikan pula dan pulangkan kepada Allah<sup>87</sup>. seorang manusia tidak punya daya untuk melakukan perbuatannya secara sendiri. Dan Allah, jika Dia ingin mengadakan perbuatan yang dianggap *kasb* bagi manusia, tentu perbuatan itu akan terwujud (tanpa ada kasb). Maka wujud perbuatan itu pada hakikatnya adalah dengan kudrah Allah. namun itu tidak menghalangi untuk mengatakan bahawa *al-muktasib* sebagai yang melakukan (*al-fa'il*) sekalipun adanya perbuatan dengan kudrah Allah<sup>88</sup>.

Nukman Abbas menjelaskan<sup>89</sup>, Jabariyah berkeyakinan bahawa Tuhan mempunyai kehendak mutlak dan tidak dibatasi oleh apapun juga. Manusia tidak mempunyai kebebasan untuk memilih dan menentukan perbuatannya. Manusia bagaikan wayang yang segala gerak perbuatannya telah dikehendaki langsung oleh sang Pencipta. Sebaliknya Qadariyah berkeyakinan bahawa Tuhan tidak lagi memiliki kehendak mutlak, kerana kemutlakannya tersebut telah dibatasi oleh kehendak Tuhan sendiri, iaitu memberikan kebebasan pada diri manusia untuk menentukan pilihannya dalam melakukan sesuatu. Tuhan tidak lagi terlibat langsung dalam penentuan perbuatan manusia.

---

<sup>87</sup> Abu Mansur Abd al-Qahir Ibnu al-Tamimi al-Bagdadi, *Kitab Ushul al-Din*, (Beirut : Dar Al-Kutub al-Ilmiyah, 1401 H/1981), cet. 3, 133

<sup>88</sup> Al-Bagdadi, *ibid*, 134

<sup>89</sup> Nukman Abbas, t.th, *Al-Ash'a'ri (874 – 935 M) Mesteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*, (Jakarta : Penerbit Erlangga,t.t), 19

Al-Syahrastāni menggambarkan pendapat Jabariyah sebagai berikut; sesungguhnya manusia tidak punya daya untuk melakukan sesuatu, dan tidak pula punya *istithā'ah*. Ia terpaksa dalam segala perbuatannya, tidak punya *qudra*, *iradah* dan *ikhtiar*. Dan hanya Allahlah yang menciptakan perbuatan padanya, sama seperti apa yang diciptakan-Nya pada semua benda-benda<sup>90</sup>. Dalam pada itu, setiap manusia selalu berusaha mempertahankan hidup. Dalam mempertahankan hidupnya ia perlu makan, minum, sandang, pangan dan papan. Untuk memenuhi keperluan tersebut, manusia dituntut untuk mencari nafkah, baik untuk dirinya, isterinya, anaknya, kerabat dan keluarganya. Oleh kerana itu, dalam mencari nafkah tidak terbatas hanya di tempat kelahiran atau ditempat ia dibesarkan, tetapi boleh sahaja mencari nafkah dimana sahaja. Bahkan Allah menyuruh mencari rezeki dan nafkah diseluruh penjuru bumi ini, sebagaimana disebutkan dalam firmanNya:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ دَلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

al-Mulk 67 : 15

Terjemahan : Dia lah Yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki Yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya).

Ayat diatas menerangkan, bahawa nikmat Allah s.w.t yang tidak terhingga kepada manusia yang telah dilimpahkan kepadanya. Allah s.w.t menyatakan bahawa Allah telah menciptakan bumi dan memudahkannya untuk mereka,

<sup>90</sup> al-Syahrastāni, *Al-Milal wa al-Nihal*, (Beirut : Dar-al-Fikr, t.t), 87

sehingga mereka dapat mengambil manfaat yang tidak terhingga untuk kepentingan hidupnya.

Al-Bāqillāni dan al-Juwayni, misalnya, berpendapat bahwa perbuatan terjadi dengan daya manusia, dengan demikian perbuatan manusia sebenarnya adalah perbuatan manusia itu sendiri<sup>91</sup>. Namun, ada perbuatan yang manusia itu terpaksa melakukannya. Misalnya, manusia mampu berdiri, duduk dan bicara dengan keinginannya sendiri, tetapi manusia tidak mampu bergerak ketika ia lunpuh dan Sakit<sup>92</sup>. Sehubungan dengan itu, al-Bāqillāni menyatakan bahwa manusia hanya mampu berbuat dengan kudrat yang diciptakan Allah padanya. Ini terlihat bahwa seseorang hanya dapat berbuat sesuatu pada suatu waktu, tetapi tidak dapat berbuat yang serupa pada waktu yang lain<sup>93</sup>.

Pada uraian tentang pengertian qada dan qadar dijelaskan bahwa antara qada dan qadar selalu berhubungan erat. Qadā adalah ketentuan, hukum atau rencana Allah sejak zaman azali. Qadar adalah kenyataan dari ketentuan atau hukum Allah. Jadi hubungan antara qadā- qadar ibarat rencana dan perbuatan. Demikian pula halnya dengan *kasb*. Pemakaian istilah *kasb* sebagai perolehan yang memberi kesan terhadap keaktifan manusia. akibatnya manusia bertanggung jawab atas segala apa yang diperolehnya.

Abdul Karim Jamak memberikan penjelasannya bahawa, *kasb* itu merupakan ciptaan tuhan. Kerananya bila ada yang memberikan kesimpulan bahawa *kasb* tersebut merupakan keaktifan manusia secara mutlak, maka perlu

<sup>91</sup> Al-Bāqillāni, al-Tamhid, hal. 346; al-Juwayni, al-Aqīdah al-nizamiyyah, hal. 34. Pada masa silam, keyakinan semacam itu memupuk keberanian dan kesabaran dalam jiwa umat Islam untuk menghadapi segala macam tantangan dan kesukaran kerana inilah umat Islam di zaman silam bersifat dinamis dan dapat mewujudkan peradaban yang tinggi. Lihat Harun Nasution, l. 155.

<sup>92</sup> Al-Bāqillāni mengakui adanya andil manusia di dalam perbuatannya. Kerana itu, manusia memiliki kebebasan di dalam menentukan perbuatan yang diinginkannya. al-Bāqillāni, , . 323

<sup>93</sup> Al-Baqilla'n , Ibid, 324



diperbaiki maknanya<sup>94</sup>. Selain itu dalam pandangan Abdul Karim Jamak, manusia tunduk dalam perwujudan perbuatannya, kerana hanya Allah yang menentukan penghidupan segala mahkluknya. Dengan berpedomankan kepada ayat Allah s.w.t :

أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَتَ رَبِّكَ نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُمْ مَعِيشَتَهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا  
وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَتَّخِذَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا سُخْرِيًّا وَرَحْمَتُ

رَبِّكَ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ

Al-Zuhruf 43 : 32

Terjemahannya : (Mengapa pemberian Kami itu mereka ingkarkan?) Adakah mereka berkuasa membahagi-bahagikan (perkara-perkara keruhanian dan keagamaan yang menjadi sebesar-besar) rahmat Tuhanmu (wahai Muhammad, seolah-olah Kami hanya berkuasa dalam perkara kebendaan dan keduniaan sahaja? Mereka tidak ingkarkan): Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini, (setengahnya Kami jadikan kaya raya dan setengahnya miskin menderita) dan juga Kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi dari darjat setengahnya yang lain; (semuanya itu) supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) setengahnya yang lain dan lagi rahmat Tuhanmu (yang meliputi kebahagiaan dunia dan akhirat) adalah lebih baik dari kebendaan dan keduniaan semata-mata yang mereka kumpulkan.

<sup>94</sup>

Abdul Karim Jamak, *Op.cit* 72.

Muhammad Sayîd Tantâwi<sup>95</sup>, menafsirkan ayat ini dengan menyatakan bahawa kebijaksanaan Allah jualah yang menjadikan manusia berbeza-beza dalam persoalan rezeki, ada yang kaya dan ada yang miskin, ada yang menjadi pengusaha (*makhdum*) dan ada pula yang menjadi pekerja (*khadim*), agar sebahagian dari mereka dapat memperoleh dari sebahagian yang lain atas dasar saling memerlukan untuk memenuhi keperluan hidup sesama manusia.

Pemahaman tentang usaha sebagai tugas penting bagi manusia dalam menjalan aktifitas hidupnya, tidak hanya untuk mempertahankan dan menjaga kelangsungan hidup, meningkatkan kualiti hidup, harkat dan martabat status social, tetapi berusaha dan bekerja adalah perintah Allah dan memenuhi tuntunan agama Islam, seperti firman Allah s.w.t:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ  
وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

Al-Taubah 9 : 105

Terjemahan : Dan Katakanlah (Wahai Muhammad): Beramalah kamu (akan Segala Yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang Yang beriman akan melihat apa Yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang mengetahui perkara-perkara Yang ghaib dan Yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa Yang kamu telah kerjakan.

Menurut ulama tafsir, seperti al-Syayuti, Fahkrudin al-Razî, dan yang lainnya, menjelaskan bahawa ayat tersebut memiliki tiga dimensi penting, iaitu; (a)

<sup>95</sup>

Muhammad Sayyid Tantâwi, *Tafsir al-Wasit*, jilid I, (al-Maktabah asy-Syamaliah t.t), 3796

perintah beramal, beraktifiti atau bekerja yang terwujud dalam dua bentuk; pekerjaan hati seperti keinginan dan pekerjaan anggota badan seperti gerakan.(b) *sayarallahu*; bermakna *al-‘ilmu*,<sup>96</sup> (c) mengetahui, menelaahnya dengan pengetahuan yang jelas,<sup>97</sup> atau penglihatan,<sup>98</sup> akan diperlihatkan oleh Allah s.w.t di hari kiamat.

Masih dalam pembicaraan aktifiti atau pekerjaan sebagai bentuk usaha manusia, Sayid Qutub turut memberikan penjelasannya, bahawa cita-cita dan harapan sahaja yang tidak dilengkapi dengan aktiviti serta langkah-langkah nyata. Niat yang tulus memang mempunyai tempat dan kedudukan tersendiri, tidaklah cukup hanya berharap dengan balasan dan pahala. Tetapi hakikatnya niat itu harus dilengkapi dengan aktifiti dan perbuatan<sup>99</sup>.

Al-Razî selanjutnya menjelaskan pula dalam tafsirnya, bahawa bersungguh-sungguh beamal dan bekerja demi masa hadapan, kerana pekerjaan di dunia mempunyai penilaian tersendiri, dan di akhirat juga mempunyai hukum tersendiri. Penilaian yang di dunia, bahawa amal dan perbuatan itu akan dilihat oleh Allah, Rasul dan orang-orang mukmin. Kalau perbuatan itu sifatnya menta‘ati Allah dan rasul-Nya, maka akan mendapatkan pujian dan pahala baik di dunia mahupun di akhirat. Jika perbuatan maksiat, akan mendapatkan celaan di dunia dan azab di yang besar di akhirat. Oleh kerana itu, lafal *al-‘amal* mencakup semua perbuatan dan pekerjaan yang diperlukan oleh manusia baik dalam agamanya, dunianya, kehidupannya, mahupun akhiratnya<sup>100</sup>.

---

<sup>96</sup> Ash-Shayuti, *Fathul Qadir*, juz 2, 581

<sup>97</sup> Shihabuddin al-Alusi, *Tafsir al-Alusi*, juz 7, 355

<sup>98</sup> Fakhruddin al-Ra‘zi, *Tafsir al-Kabir ar-Razi*, juz 16, 141

<sup>99</sup> Sayid Qutub, *Fi Zilalil ur’an*, juz 4, 76

<sup>100</sup> Fahrudin ar-Razi, *op.cit*, juz 16, 141

Tentu pemahaman yang menimbulkan perbezaan ini, oleh paham Al-Ash'ari menjelaskan *kasb* memang merupakan ciptaan Tuhan<sup>101</sup>. Akan tetapi sebagai sang *khaliq* Allah s.w.t adalah sang Pencipta dari perbuatan manusia. dan manusia adalah yang mengupayakan (*kasb*).

تِلْكَ أُمَّةٌ قَدْ خَلَتْ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَلَكُمْ مَا كَسَبْتُمْ وَلَا تُنْزَعُونَ عَمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Al-Baqarah 2 : 134

Terjemahan : Mereka itu adalah satu umat Yang telah lalu sejarahnya; bagi mereka (balasan) apa Yang mereka telah usahakan, dan bagi kamu pula (balasan) apa Yang kamu usahakan; dan kamu tidak akan ditanya (atau dipertanggungjawabkan) tentang apa Yang telah mereka lakukan.

Menurut al-Ghazali, pemakaian akar kata *kasb* dalam Alquran dengan bentuk kata kerja hanya dikaitkan kepada manusia sebagai pelakunya, itulah yang mengilhami al-Ash'ari untuk penamaan atau penyebutan terhadap perbuatan manusia. dan al-Ghazal juga menegaskan, bahawa penamaan perbuatan manusia dengan *kasb* adalah sangat sesuai dengan pemakaian Alquran<sup>102</sup>.

Para mufassir Melayu dan Indonesia umumnya menerjemahkan kata-kata *kasb* dengan usaha atau usahakan, seperti *kasaba* yang terdapat dalam surat al-Baqarah ayat 134, 141, 267, 202, 264. Hamka, Umar Bakri, Departemen Agama dan Zainuddin Hamidi, dan terjemahan bahasa Melayu, menerjemahkannya dengan “Usahakan” atau “usaha”. Dismaping itu ada juga yang berbeza mereka

<sup>101</sup>

Lihat Al-Ash'ari, dalam *Maqalat al-Islamiyyin*, jilid 1, 315 dan Al-Bazda'wi, dalam *Ushul al-Din*, 97

<sup>102</sup>

Al-Ghaza'li, *al-Iqtishad fi al-I'tiqad*, 47

menerjemahkannya, seperti kata *yaksib* yang terdapat pada surah al-Baqarah ayat 79 dan surah al-Taubah ayat 95, Hamka menerjemahkannya dengan “hasilkan”, Umar Bakri dengan “usaha”, Departemen Agama dengan “kerjakan” dan Zainuddin Hamidi dengan “lakukan”<sup>103</sup>.

Abdul Karim Jamak juga berpandangan bahawa Allah s.w.t telah menentukan segala sesuatu, namun manusia tetap berkewajiban untuk berikhtiar. Manusia tidak mengetahui apa-apa yang akan terjadi pada dirinya, oleh sebab itu ia harus berikhtiar. Jika ingin pandai, hendaklah belajar dengan tekun. Jika ingin kaya, bekerjalah dengan rajin setelah itu berdo'a. Dengan berdo'a di kembalikan segala urusan kepada Allah s.w.t . Dengan demikian apapun yang terjadi ia dapat menerimanya dengan ridha dan ikhlas.

Argumen diatas semakin mempertegas bahwa betapa pemahaman seseorang terhadap nilai-nilai yang tertanam dalam teori *al-Kasb* baik al-Asyā'ariyyah mahupun yang lain, akan memberi pengaruh yang baik terhadap pengembangan dan peningkatan hasil kerja. Karena teori ini selalu mengorientasikan penganutnya untuk senantiasa merasa dekat dengan Allah yang pada akhirnya melahirkan sebuah kesadaran sebagai manusia yang paling lemah dihadapan kekuasaan mutlak Allah, dan pada masa yang sama ia merasa paling kuat dan percaya diri, apabila berhadapan dengan makhluk ciptaan Allah, karena ia menyadari bahawa ia sedang bersama (معية الله) dengan zat Yang Maha Kuat dan Maha Berkuasa.

<sup>103</sup>

Lihat Hamka, 1984, *Tafsir Al-Azhar*, Jakarta : Panji Mas. Umar Bakri, 1983, *Tafsir Rahmat*, cet II, (Jakarta, tp. Departemen Agama RI,1979,) *Al-Quran dan Terjemahnya*, (Jakarta;Proyek Pengadaan Kitab Suci Al-Quran. Zainuddin Hamidi, 1982), *Tafsir Quran*, Jakarta; Penerbit Wijaya.

Abdul Karim Jamak meskipun dari sisi lain memiliki pandangan tentang kasb, namun yang penting pada diri seseorang tertanam kekuatan, rasa percaya diri, dan optimisme, karena ia merasa memperoleh bantuan dan kekuatan dari Allah, yakni sumber dari semua kekuatan. Apabila suatu pekerjaan dilakukan atas bantuan Allah, maka sudah pasti ia sempurna, indah, baik dan benar karena sifat-sifat Allah “berbekas” pada pekerjaan tersebut. Al-Bāqilani juga menyatakan bahwa pengaruh kuasa yang diciptakan terhadap perbuatan manusia bermaksud Tuhan campur tangan dalam gerak kerja manusia, yaitu berlakunya sesuatu perbuatan atau tidak adalah bergantung kepada wujud atau tidak kuasa atau upaya manusia. Oleh itu dengan usaha manusia, maka sesuatu perbuatan itu berlaku.<sup>104</sup>

Dengan demikian, *al-kasb* berarti manusia tetap memiliki peranan<sup>105</sup>, yaitu berusaha melaksanakan pekerjaannya, walaupun usahanya itu berada dalam „batasan“ kekuasaan mutlak Allah. Dalam perkataan lain, manusia tidak dalam keadaan terpaksa, tetapi ia juga tidak bebas. Ringkasnya, manusia dalam perbuatannya tidak terpaksa secara mutlak, namun juga tidak bebas tanpa batas. Jadi, secara teori *al-kasb* mengandung aspek dinamisme. Dengan kata lain, adanya ikhtiar dalam perbuatan, di samping tidak menafikan adanya takdir, ia juga membuat manusia bergairah dan dinamis dalam melakukan aktivitasnya.

وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٣٠﴾

Al-Insān 76 : 30

Terjemahan : Dan tiadalah kamu berkemahuan (melakukan sesuatu perkara) melainkan dengan cara yang dikehendaki Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi

<sup>104</sup>

Wensinck, A. J, *The Muslim Creed its Genesis and Historical Development*, London : t.p, 1932, 283

<sup>105</sup>

Al-Syahrastāni, *Op.cit*, 97

Maha Bijaksana (mengaturkan sebarang perkara yang dikehendakiNya).

Abdul Karim Jamak dalam perkara ini seperti memiliki pandangan yang sama, dimana bahawa manusia diberikan peran oleh Allah untuk beraktifiti sebagaimana kuasa yang diberikan. Al-,Asy'āri pula menyatakan bahawa daya tersebut diberikan Tuhan bersamaan dengan dan daya hanya untuk satu perbuatan<sup>106</sup>. Pemahaman ini memberi erti bahawa segala perbuatan dan usaha dijadikan Allah s.w.t.

Dalam firman-Nya disebutkan :

فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارِقُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَأَشْهِدُوا ذَوَىٰ عَدْلٍ مِّنكُمْ وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ ذَٰلِكُمْ يُوعَظُ بِهِ ۗ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ ٱلْآخِرِ ۖ وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ۖ وَيَرْزُقْهُ مِن حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ بَلِغُ ٱمْرِهِ ۗ

قَدْ جَعَلَ ٱللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ۝

Al-Talāq 65 : 2-3

Terjemahan : Kemudian, apabila mereka (hampir) habis tempoh idahnya, maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu (semasa kamu merujuk atau melepaskannya) dan hendaklah kamu (yang menjadi saksi) menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata. Dengan hukum-hukum yang tersebut diberi peringatan dan pengajaran kepada sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat

<sup>106</sup>

Al-,Asy'āri, *al-Luma' Op.cit*, 57

dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.

Dijelaskan pula dalam ayat lain :

وَفِي الْأَرْضِ آيَاتٌ لِّلْمُوقِنِينَ ﴿٥١﴾ وَفِي أَنفُسِكُمْ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٥٢﴾

Al-Zāriyat 51 : 20-21

Terjemahan : Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang-orang (yang mahu mencapai pengetahuan) yang yakin, Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?

Abdul Karim Jamak berpandangan ayat tersebut memberi erti bahawa segala perbuatan Allah yang mencipta, memberikan rezeki, rahmat dan menyiksa merupakan kehendak bebas dan kekuasaan mutlak daripada Allah. Kerana itu menurut Abdul Karim Jamak kehendak dan perbuatan manusia merupakan kodrat dan iradat Allah s.w.t. Kerananya Abdul Karim Jamak dalam pandangannya berpendapat bahawa semua perbuatan mestilah ada yang membuatnya. Tidak ada



suatu perbuatan yang tidak ada pembuatnya. Dan segalanya itu ditentukan oleh kehendak dan kekuasaan Allah s.w.t

Dari pandangan yang dikemukakan Abdul Karim Jamak, dapat dilihat persamaannya dengan pandangan Asy'ariy, yang menyatakan bahawa kita tidak mungkin atau tidak boleh mengusahakan (*naktasib*) sesuatu, kecuali setelah Allah menjadikannya *kasb* bagi kita. Kalau Dia tidak menjadikan sesuatu *kasb* bagi kita, mustahil kita menjadi *muktasib*-nya. Jadi adanya *kasb* itu sendiri pada manusia adalah ciptaan Allah juga<sup>107</sup>.

Dapat di simpulkan bahawa Abdul Karim Jamak sependapat dengan Asy'ariy bahawa segala sesuatu terjadi dengan perantaraan daya yang diciptakan Allah pada manusia.

### 5.5.3 Kesimpulan

Penganalisan tentang konsep *al-Qadā'* dan *al-Qadar* sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdul Karim Jamak melalui pemikirannya lebih banyak mengambil pendekatan pemikiran yang dibawa oleh al-Asy'ariy dalam teori *Qadā'* dan *Qadar* sering dimasukkan ke dalam karya mereka untuk memperincikan dan menguatkan hujjah mereka dalam perbahasan tentang isu-isu yang berkaitan dengan *Qadā'* *Qadar*. *Al-ikhtisab* membawa erti usaha atau perbuatan yang dilakukan oleh seseorang dengan kekuasaan yang baru. Ia merujuk kepada manusia sebagai pelaku kepada sesuatu usaha atau perbuatan secara majazi sahaja, sedangkan pelaku yang hakiki ialah Allah s.w.t. ini bermakna ajaran al-Asy'ariy menekankan kekuasaan Allah s.w.t pada semua perkara sama ada baik mahupun

<sup>107</sup> Abū al-Hasan al-Ash'ariy, *Kitab al-Lumā' Op.cit*, 43

buruk adalah dikehendaki oleh Allah s.w.t. hakikat daripada kenyataan di atas, Abdul Karim Jamak menjelaskan; bahawa Allah s.w.t satu-satunya pencipta yang mencipta sesuatu. Dia adalah pencipta segala sesuatu tanpa terkecuali. Tiada sesuatu yang wujud yang sebelumnya tidak wujud melainkan Allah s.w.t penciptanya.

University of Malaya

## BAB 6 : PENUTUP

### 6.1 Kesimpulan

Abdul Karim Jamak merupakan seorang da'i dan juga pemikir Islam moderat di Kerinci. Beliau terkenal dengan sikap keterbukaannya dalam memaparkan Islam sebagai agama yang mesti dianut oleh semua manusia yang hidup di bumi Allah ini. Tanpa membezakan warna kulit, suku dan bangsa. Beliau juga dapat dikatakan seorang ulama otodidag, dengan berbekal pendidikan yang diberikan oleh kedua orang tua dan dibantu oleh kedua orang datuk dan kakeknya, telah meninggalkan bekas yang mendalam dalam jiwa dan pemikirannya untuk hidup sebagai seorang pejuang yang gigih dan mantap. Kecerdasan dan bakat kepemimpinannya dapat disaksikan sejak usianya masih belasan tahun. Beliau memiliki prinsip dan tekad hidup, yakni sepanjang ada peluang dan kesempatan untuk belajar beliau akan mengikut dan mempelajarinya. Sikap rajin bertanya, mendiskusikan perkara yang belum di ketahui dan dipahami, dan ia tidak merasa malu menemui guru bila sesuatu perkara masih meragukannya. Ia tidak pernah putus asa, sentiasa berharap kepada Allah s.w.t

Keistemewaan lain Abdul Karim Jamak, ialah tutur katanya yang tidak menyakiti orang lain, sepanjang pengajian dan dakwah yang beliau jalani, prinsip dakwahnya selalu mengingatkan tentang lisan( perkataan ). Sebagaimana yang sering beliau sampaikan kepada pengikutnya:

1. Dekati musuh, mudah-mudahan dia menjadi teman-kawan.
2. Hampiri orang jahil mudah-mudahan dia taubat kepada Allah dan Rasul, tetapi jangan kamu ikut jahil.

3. Masuki masyarakat sehingga kamu memperoleh kebenaran

Islam baginya merupakan sistem dan akidah mengenai hidup dan kehidupan manusia berdasarkan bukti-bukti nyata. Islam adalah satu-satunya sistem hidup yang mampu menampung segala kebutuhan hidup manusia, baik bersifat materil maupun spritual, jasmani dan rohani, dunia dan akherat. Oleh sebab itu Islam memerlukan orang-orang yang ikhlas, yang berkemauan keras yang mampu memegang kondisi masa, serta dapat menjelas sejarah keberadaan dan kejayaan Islam. Kesungguhan Abdul Karim Jamak, mengajarkan masyarakat supaya sesuai dengan ajaran Rasulullah s.a.w, serta berusaha mengembangkan nilai keislaman dari dalam diri tanpa ada perlawanan batiniah, yang selalu mengajak orang tersesat dan jauh dari ajaran agama. Kegiatan mendidik masyarakat beliau lakukan melalui pengajian rutin yang dilaksanakan oleh beliau. Meskipun tempat dakwah yang diminta oleh masyarakat muslim berbeza lokasi atau daerah, beliau tetap menghadirinya, untuk menanamkan keyakinan terhadap Allah s.w.t.

Tentang kegiatan dakwah, Abdul Karim Jamak yang tergolong dalam barisan pemikir, guru dan da'i, beliau tidak sahaja memberikan dakwah dan pengajiannya dengan berceramah, pidato dan lain-lain. Akan tetapi beliau jauh lebih dari itu, telah menjelaskan bagaimana memahami Islam dengan benar dan mendekati diri kepada Allah s.w.t. Meskipun pelbagai tantangan dan cabaran yang harus dihadapinya, Karim Jamak tidak pernah berputus asa untuk menjalankan misi dan visi dakwahnya tersebut. Ketiga metode ini nampak sederhana, tetapi ia telah membuka mata umat Islam yang lain untuk memilih Islam sebagai agama yang benar. Abdul Karim Jamak selalu mengingatkan cara-cara, bagaimana langkah untuk memperkokoh hubungan dengan Allah s.w.t. Disamping itu beliau juga

mengajarkan bagaimana cara supaya ibadah yang dikerjakan dapat diterima oleh Allah s.w.t, bagi beliau cara yang dapat dilakukan agar dapat memperkokoh hubungan dengan Allah adalah:

- a. Dengan meyakini bahawa Allah lah Tuhan semesta alam, dan tiada Tuhan selain daripadaNya.
- b. Dengan mempelajari al-Quran dan hadits-hadits sahih dengan mendalami isinya dan membacanya berulang kali.
- c. Senantiasa zikir, dimana dan kapan saja untuk mendekatkan diri kepada Allah.
- d. Menyembah, mematuhi, mengabdikan dan mentaati Allah, sebagaimana dalam doa iftitah yang dibaca setiap kali melaksanakan shalat

Melihat Konsep sifat ketuhanan, Abdul Karim Jamak lebih tegas menyatakan bahawa, kemanunggalan merupakan ciri khas Tuhan (Allah). Tunggal pada zat, sifat dan af'al. Tuhan bagi Timur, bagi Barat dan bagi segenap penjuru alam, meskipun kemudian pembahasan tentang sifat-sifat Ketuhanan boleh sahaja berbagi dalam jumlah yang berbeza, seperti beberapa huraian dalam sifat dua puluh. Karim Jamak, juga berpandangan bahawa Tuhan adalah pencipta alam semesta ini. Tuhan itu esa dalam segala hal. Tidak ada satupun yang boleh menyerupaiNya. Allah s.w.t tidak menyerupai sesuatu, baik yang nyata mahupun yang ghaib ataupun yang tersembunyi, sama ada yang muncul dalam fikiran atau khayalan atau perasaan. Dia melampaui apa juga sifat yang disifatkan kepada-Nya. Dia melampaui bahasa apa juga yang digunakan untuk menceritakan mengenai-Nya. Menurut Abdul Karim Jamak meskipun Tuhan Allah tidak memerlukan sifat-sifat dan nilai-nilai tambahan untuk kesempurnaan-Nya, tetapi makhluk memerlukan,

berhajat dan bergantung kepada wujud, ketuhanan dan sifat-sifat ketuhanan bagi menumpang kewujudan mereka. Medan di sini bukan bermaksud ruang. Tidak boleh dikatakan di samping ruang yang diisi oleh kewujudan makhluk ada ruang yang menempatkan kewujudan sifat-sifat ketuhanan.

Bagi Abdul Karim Jamak, untuk meyakini Tuhan itu Tunggal, tidaklah begitu sukar atau sesukar meyakinkan satu tunggal tetapi terbagi atau terkumpul sesudah disatukan, selagi seseorang mahu memperhatikan alam raya ini serta susunannya. Bagi Abdul Karim Jamak, manusia yang mempunyai akal, dan berfikir secara rasional takkan terlepas dari berfikir tentang Tuhan. Berpikir atau iman demikian bukan tugas para filosof sahaja, tetapi boleh dimiliki oleh manusia awam yang berpikiran normal, dengan tetap merujuk kepada ayat-ayat Allah yakni al-Quran. Menurut Abdul Karim Jamak, Sifat Ketuhanan adalah; sifat yang sangat sempurna dengan segala kesempurnaan. Pandangan tajam Abdul Karim Jamak tentang hal tersebut dikaitkannya mengenai pemahaman manusia agar menunjukkan ketundukan dan kepatuhannya.

Pemikiran beliau Tentang qadā' dan qadar pula telah mengingatkan betapa pentingnya bagi manusia untuk melihat secara terang terhadap qadā' dan qadar, yang kemudian implikasi daripada penghayatan yang telah dijelaskan diatas akan melahirkan di dalam diri manusia sifat sangka baik terhadap segala yang telah ditetapkan Allah. Menurut Abdul Karim Jamak qadā' dan qadar, juga akan melahirkan rasa tenang dan redha dengan segala apa yang telah ditentukan Allah. Akhirnya manusia itu pasti akan mengenal Allah sebagai *al-Khaliq* (pencipta) segala sesuatu. Kepercayaan kepada takdir memberikan keseimbangan jiwa, tidak berputus asa kerana sesuatu yang gagal, seseorang juga dituntut supaya tidak

membanggakan diri atau sombong kerana suatu keberhasilan. Segala sesuatu tidak hanya bergantung pada diri sendiri, maksudnya adalah supaya manusia tidak menjadi putus asa atas kemalangan yang menimpanya dan tidak terlalu bersuka ria dengan keberhasilan yang didupatkannya.

Maka dapat dipahami, kesan qadā' dan qadar dalam kehidupan manusia adalah memelihara manusia dari sikap congkak dan sombong, jauh dari tabiat dengki yang mendorongnya kepada kejahatan. Qadā' dan qadar dapat pula memberi pencerahan bagi seseorang untuk mencapai kebahagiaan melalui jalan yang telah digariskan agama. Begitu pula Tentang konsep perbuatan Tuhan, Abdul Karim Jamak menjelaskan bahawa, tidak ada sesuatupun yang boleh menghalangi dan menghambat daripada perbuatan Tuhan dalam melakukan penciptaannya. Perbuatan yang akan dilakukan oleh Tuhan merupakan hak mutlak tanpa ada penghalang. Apakah tentang memasukkan manusia ke dalam surge atau neraka, mendapat pahala atau dosa. Kesemuanya merupakan hak mutlak dari perbuatan ketuhanan. Meskipun Allah s.w.t telah menentukan segala sesuatu, namun manusia tetap berkewajiban untuk berikhtiar. manusia tidak mengetahui apa-apa yang akan terjadi pada dirinya, oleh sebab itu ia harus berikhtiar. Jika ingin pandai, hendaklah belajar dengan tekun. Jika ingin kaya, bekerjalah dengan rajin setelah itu berdo'a. Dengan berdo'a di kembalikan segala urusan kepada Allah s.w.t. Dengan demikian apapun yang terjadi ia dapat menerimanya dengan ridha dan ikhlas. Beliau berpandangan bahawa perbuatan baik dan buruk, pemberian pahala kepada orang-orang yang taat dan menghukum mereka yang mengingkari-Nya merupakan manifestasi dari keadilan Allah s.w.t. Abdul Karim Jamak, juga berpendapat bahawa persoalan janji baik dan ancaman buruk bukanlah suatu kewajiban bagi Allah s.w.t yang dikenakan ke atas umat manusia. Bahkan ianya merupakan suatu keharusan bagi

Allah s.w.t. Abdul Karim Jamak, juga menjelaskan bahawa tiada wajib bagi Allah s.w.t menyempurnakan yang dijanjikan seksa bagi orang yang mengerjakan maksiat kerana harus bagi Allah s.w.t menyalahi sebab ia tiada dibilangkan kekurangan bagi-Nya. Selanjutnya beliau isebutkan pula, bahawa dijadikan tanda yang menunjukkan atas barang yang ia ikhtiarnya jua daripada pahala dan seksa hingga jikalau dibalaskannya dengan diberi pahala bagi orang yang mengerjakan maksiat dan seksa bagi orang yang mengerjakan taat nescaya harus pada akal.

Berhubung dengan perkara diatas, Abdul Karim Jamak menjelaskan, wajib mengiktikadkan bahawa Allah s.w.t itu menunaikan yakni menyempurnakan orang yang dijanjikan memberi kebajikan seperti pahala jika orang mengerjakan taat. Secara ringkas, Abdul Karim Jamak adalah bersependapat dengan al-Asyā'irah bahawa pemberian balasan baik dan buruk adalah harus bagi Allah s.w.t. pandangan mereka adalah bersamaan dengan pendapat al-Asyā'irah yang mengutamakan kekuasaan dan kehendak mutlak Allah s.w.t terhadap makhluk-Nya.

## 6.2 Cadangan

Dari kajian yang telah dilakukan tentang Abdul Karim Jamak, sebagai seorang ulama dan tokoh masyarakat Kerinci, ada beberapa cadangan yang diharapkan :

1. Agar masyarakat Kabupaten Kerinci mengetahui bahawa isu-isu yang disampaikan dan dikembangkan mengenai Abdul Karim Jamak selama ini perlu dihilangkan, kerana Abdul Karim Jamak dalam mengajarkan Islam tidak terlihat mengajarkan ajaran yang sesat.



2. Dalam Salinan keputusan Mahkamah, telah dinyatakan bahawa ajaran Abdul Karim Jamak sesuai dengan tuntunan al-Quran dan hadis
3. Abdul Karim Jamak seharusnya menjadi sosok ulama yang terkenal bagi masyarakat Kerinci, kerana di masyarakat di luar Kabupaten Kerinci sangat menghormati dan menerima keberadaan ilmu yang diajarkan kepada mereka.
4. Diharapkan kajian tentang Abdul Karim Jamak masih dapat diteruskan, sehingga konsep pemikirannya tentang Islam dapat didalami dan di ketahui oleh pelbagai elemen masyarakat, baik kelompok awam mahupun dikalangan para sarjana
5. Demikianhal dengan institusi pendidikan, agar memberikan peluang kepada calon-calon sarjana untuk mengkaji dan meneliti keilmuan yang dimiliki oleh Abdul Karim Jamak.

## BIBLIOGRAFI

### BAHASA ARAB

#### Al-Quran al-Karim

Abduh, Muhammad b. Hasan Khair Allah, *Hasyiah 'alā al-'Aqaid al 'Adudiyah*, tahqiq, Dr. Sulaiman Dunya, dalam *Al-Syaikh Muhammad Abduh bayn al-Falsafah wa al-Kalamiyyin*,airo : Mkt h Is l- bi al-Halabi, 1958

Abduh, Muhammad, *Risalat al-Tauhid*, Midan al-Azh r, Mkt h w M th ' h Muh mm d Ali Shu ih w Aul duh, 1358 H/1965

Abd Al-Halim Mahmud, *Al-Taftkir Al-Falsafi fi Al-Islam*, Kairo : Dar Al-m ' rif, t.t

Abd al-Jabbār, l-Q di Abu Hasan b. Ahmad, *Syarh Usūl al-Khamsh*, t h qiq, A d al-Karim Uthman, al-Qahirah : Maktabah al-Qahirah, 1965), cet. 1, 1965

A duh, Muh mm d . H s n Kh ir All h, *Hasyiah 'alā al- 'Aqāid al- 'Adūdiyyah*, Tahqid, Dr. Sulayman Dunya, dalam *Al-Syaikh Muhammad Abduh bayn al-Falafafah wa al-Kalamiyyin*, iro : Is l-Babi al-Halabi, 1958

Abdul Karim Zaidan, *Uūl al-Da'wah*, gd d; J m'iy h l-Amani, 1976

Abdurrahman Ar-Rahlawi, *Usūlu al- Tarbiyah al-islam wa Aālibuha*, Beirut : Darl Fikri, 1979

Abi al-Hasan Ali bin Ismail al-Anshari, *al-Luma' fi al-Rad ahl Ziyagh wa al-Bida'*, Beirut : Dar al-Kutu l'Ilmiyy h, 2000

Abi Jaafar Muhammad ibn Jarir At-Tabari, *Jam'i bayān fi Ta'wil al-Qurān* jil.2, t.t

Abu al Yusr Muhammad Al Bazdawi, *Kitab Usūl al -Dīn* Ed. Hans Peter Linss, Kairo; Isa al-Babi al halabi, 1963

Abu Bakar Jabir al-Jazairi, *Kitab Aqaid wa Adab, Akhlāk wa Ibadat wa Mu'amalāt*, Qahirah : M kt h A'mm h Litalibat, t.t

Abdul Rahman, b. Nasir as Saqdi, *Tafsir al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Manan*, Beirut : Muasasah, 1997

Abu Hamid Muhammad al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-D n*, Beirut : Dar al-Fikr, Juz III, t.t

- Au J'f r in Ali Husy in in Mus bin Babawayh al-Qummi al Saduq, *A Shi'te Creed, (terj)* Asaf A.A. Fayzee, Teheran, 1402-1982
- A ul A'l Al-Maududi, *Mu'ja Tarikh Tajdid Al-D n Wa Ihya'ih*, Jedah; Dar As-Su'udiy t li An-Nasyr, 1985
- Abu al-Husain Ahmad bin Faris bin Zakariya, *Mu'jam maqāyis al-lugah*, juz. 5 t.tp: Dar al-Fikr, 1979
- Abu al Yusr Muhammad Al Bazdawi, *Kitab Usūl al –Dîn* Ed. Hans Peter Linss, Kairo : Isa al-Babi al halabi, 1963
- Ahmad Amin, *Zuhr al-Islam*, Qahirah : Maktabah al-Naddah al-Misriyyah, 1965
- Ahmad bin Taimiyyah, *A'-Ubūdiyyah*, Beirut : Al-Maktabatul Islami, cet. VI,, 1983
- Ahmad Mustafa Al-Maraghi, *Tafsir Al-Maraghi*, Juz I, cet. II, Mesir, 1953/1373 H
- Al-Asy'āri, Au H s n Ali in Ism il, *Maqalat al-Islamiyyah wa ikhtilaf al Musallin*, al-Qahirah : Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1969
- \_\_\_\_\_, *Kitab al-Luma fi al-Radd'ala ahl al-Ziyagh wa al-Bida'*, Qahirah, 1975
- \_\_\_\_\_, *Al-Ibanah 'An Usūl al-Dinyanah*, Beirut: Dar al-Kitab al-Ar i,1985
- Al- ghdi, Au M nsur, Ad l-Qahir bin Tahir al-Tamimi, *Kitab Usūl al-Dîn*, Beirut : Dar al-Kitab al- Al miyy h, cet. 2, 1980
- Al-Bayādi, Kamāl al-Dī Ahmad, *Isyārat al-Maram min 'Ibarat al Imām*, Ed. Yusūf Ad l-R zz q, K iro : Must fā al-Bā î l-H l î w Awlāduh, 1949
- Al-Bazdawi, Abu al-Yusr Muhammad b. Muh m m d . Ad K rim, *Kitab Usul al-Din*, tahqiq, Dr. Hans Peter. al-Qahirah : Isa al-Babi al-Halabi, 1963
- Al-Fairū zabādī, Tahir Ahmad al-Zāwī, *al-Qamus al-Muhit*, Qahira : t.p, 1959
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, *al-I'tisad fi al-I'tiqad*, tahqiq, Dr. Ibrahim Angah Cubukcu and Dr. Hussein Atay, Ankara : Ankara Universiti, 1962
- \_\_\_\_\_, *Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din*, Beirut, Dar al-Kutub al- Ilmiyy h, t.t
- \_\_\_\_\_, *al-Munqid Min al Dalal*, Cet. IV, Mesir : t.tp, 1964

- Al- Ijī Add l-Dīn A d R hm n Ahm d, *Syarh al-Mawaqif fi 'Ilm al-Kalam*, Cairo : 1907
- Ali in Muh mm d in Ali l-jurjani, *al-Ta'rifat*, Beirut: Dar al-Kitab al- Ar i, 1405 H
- Al-Khayyat, Abu al-Hus yn A d l-Rahim Muhammad, *Kitab al-Intisar wa al-Radd 'ala Ibn al-Rawandi al-Mulh d*, Beirut : al-M t ' h l-Khatolik 1957
- Al-Maqrizi, Taqy al-Din Abi al-Abbas Ahmad bin Ali, *Kitab al-Mawa'i wa al-I'tibar bi Dhikr al-Hutat wa al-Athar al-Ma'arif bi al-Hutat al-Maqriziyyah*, Beirut, Dar-Sadir, t.t
- Al-Majlisi, Bihar al-Anwar, III
- Al-M tur îdi, A ū Mansūr Muh mm d . Muh mm d . M hmūd, *Kitāb al-Tauhiḍ*, tahqiq, Dr. Fath All h Kh lîf, Beirut : Dār l-Jāmi' h, Misriyyah, t.t
- Al-Qadhi Abu Bakr Muhammad ibnu al-Thayyib al-Baqillani, *Tamhid al-Awail wa Talkhis al-Dalail*, tahqiq, al-Sy ikh Im d l-Din Ahmad Haidar, Al-Muassasah al-Kutub al-Tsaqafiyyah, 1407 H/1987
- Al-Raghib, al-Isfahani Abu Qasim al-Husayn bin Muhammad, (m.502 H/1109 M), *Al-Mufradat fi har ib al-ur an*, Tahqiq, Muhammad Sayyid Kaylani, Mesr : M t ' h l-Mustafa al-Babi al-Halabi, 1381-1961
- Al-Razi, Fakhr al-Din A u A d All h . Muh mm d . Um r, *Muhassal Afkar al-Mutaqaddimin wa al-Muta'akhirin min al- alasi fah wa al-Mutakallimin*, al-Qahirah: Maktabah al-Kuliyat al-Azhariyyah, t.t
- Al-Razi, Fakhr al-Din A u A d All h . Muh mm d . Um r *al-Tafsir al Kabir wa Mafatihul Gaib*, Beirut : Darul Kutu l' Ilmiyy h, 1990
- Al-S dūq, A ū J 'f r Muh mm d in Alī Hus yn in Musā bin Babawayh al-Qummi, *Ma'a'nī al-Akhba'r*, N j f : Intisy r t Isl mi, D r l-Kutub al-Islamiyyah, 1378 H
- Al-Saduq, Abū J 'f r Muh mm d in Alī Hus yn in Mus in w y h l-Qummi, *al-Tauhid*, Teheran : Maktabah al-Saduq, 1387 H
- Al-Sanusi, Muhammad bin Yusuf, *Matan al-Sanusiyyah i 'Ilm al-Tauhid*, Cet. II, Mesir : Mustafa al-Babi, al-Halabi, 1955
- Al-Sayyid Ahmad Al-Hasyimi Bek, *Mukhtar al-Hadis al-Nabawiyah*, Mesir ; M th ' h Hij z i Al -Qahirah, cet. VI, 1326 H/1948

- Al-Syarastāni, , *Al-Milal wa An-Hilal*, Beirut; Dar Al-Fikri, t.t
- Al-Syahraṣṭāni, A ū al-F th Muh mm d A d l-Karim bin Abu Bakar, *Nihāyat al-Iqdām fi ‘Ilm al-Kalām*, (Bagdad : Maktabah al-Mathānī, 1964),
- Al-Taffazanī, S ’d l-Din al-M s’ ud, *Syarh Maqasid al-Talibīn*,II, D r l-Ti ’ h al- Amir h, l-Qahirah, 1277 H
- Al- Tabari, *Mukhtasar Tafsir al- Tabari*, oleh Muhammad Ali Ash Shabuni, Kairo; Darus Shabuni, jilid 1, t.t
- Al-Zabidi al-S yyid Muh mm d Murt d ’, *Tāj al-‘Arūs*, Libya : Binghāzī, t.t
- Al-Zamakhshari, *al-Kasysyaf ‘an Haqa’iq hawamid al-Tan il wa ‘uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta’wil*, Jilid I, Misr : Math ’ h Must f Muhammad, cet. 1, 1354 H
- Ibn Faris, Abu al-Husayn Ahmad b. Faris b. Zakaria b. Muhammad b. Habib al-Razi, *Mu’jam Maqayis al-Lughah*, Cet. I, Qahirah : Isa al-Babi al-Halabi, 1369 H
- I n H zm, A u Muh m m d Ali in H zm,, *al- i sal fi al-Milal wa al-Ahwal wa al-Nihal*, Bagdad : Maktabah al-Muthana, t.t
- Ibn Hajr, *at -hul Baari*, (XI/486), t.t
- Ibn Katsir, *Tafsir Ibnu katsir*, Beirut, Dar Al-Fikri, jilid 3, 1412 H/1992
- Ibn Qadamah Al-Maqdisi (w. 742H), *Mukhtashar Minhajul ashis in*, Damaskus, Mansyuratul Maktabil Islami, cet. III, 1389 H
- Ibn M nzur, *Lisan al-Arab*, Beirut; Dar Shadir, Juz 1, 1968
- Ibn Q y m Al-Jauziyyah, *Ighatsatul Lahfan min Mashyidisy Syaiṭan*, tahqiq Muhammad Hamid Al-F qi, eirut; D rul M ’rif h, juz II, t.t
- Ibnu Qayyim al-Jawzi, *Syifa’al-‘Alil fi Masail al- ad a’ wa al- adr wa al-Hikmah wa al-Ta’lil*, Beirut, Dar al-M ’rif h, 1978
- Ibrahim Anis, *Mu’jam al-Wasit*, c.3, j.2, Qahirah, Mujammad al-Lughah al-Arabiyah, t.t
- Imam Al-Mawardi, *al-Ahkam As-Sultaniyyah*, Beirut; Darul Fikr, cet. 1, 1380 H/1960
- Jafar as-Sajani, *Mafahim al- ur an Maalim at-Tauhid fi al- ur an*, Darul Kitab Islamiah, 1979

- Jalal Muhammad Abd Hamid Musa, *Nasy-at al-Asy'ariyah wa Tatawuruha*, Beirut; Dar al-Kitab al-Lubnani, 1390 H/1970
- Jamil Shaliba, *Mu'jam al-Falsafi*, Jilid I, Beirut; Dar Al-Kutub Al-Lubnany, t.t
- M. Jamil al-Lughah al-Arabiyyah, *al-Mu'jam al-Wasit*, Mesir : Darul M'arif, 1973, Jilid II, 1973
- M. N. Khalil al-Qaththan, *Mabahits 'Ulum Al-ur'an*, Riyadh, Maktabah M'arif, 1981
- Muhammad Adib Shalih, *Lambat fi Usul al-Hadis*, Beirut; Al-Maktabah al-Islamiyyah, 1399 H,
- Muhammad Ajaj al-Khatib, *'Usul al-Hadis*, Beirut; Dar Al-Fikr, 1989
- Muhammad Ali al-Sabuni, *Safwat al-Tafsir*, Jilid 2, Dar al-Kutub al-Islamiyyah, t.t
- Muhammad Ali al-Sabuni, *Mukhtasar Tafsir Ibn al-Kathir*, j.3, Beirut, Dar al-Fikr, 1981
- Muhammad Ali At-Taskhiri, *At-Tawazun fil Islam*, Beirut; Ad-Darul Islamiyyah, 1979
- Muhammad In'ad al-Karim al-Syahrastani, *Kitab al-Milal wa al-Nihal*, I, Kairo, 1951
- Muhammad Nim Yasin, *al-Iman Arkanuhu wa Haqiqatuhu*, Amman, Jam'iyyatu al-Mut'amil-Tamawaniyyah, 1979
- Muhammad Rasyid Ridha, *Tafsir al-Manar; Tafsiru'l-ur'ani 'al-Karim* oleh Muhammad Abduh, Juz I, Mesir, 1378H, 1954
- Muhammad Ridha al-Madkhali, *Haqiqatus Shufiyyah fi Dhaw'i Al-Kitab was Sunnah*, Makkah al-Mukarramah; Darul Hadis Al-Khairiyyah, 1404 H
- Muhammad Sayyid Tantawi, *Tafsir al-Wasit*, jilid I, al-Maktabah asy-Syamaliyah, t.t
- Muhammad bin Shalih Al-Utsaimin, *Syarhu Usul al-Iman*, Riyadh, Haiatul Ighatsah al-Islamiyah al-Alamiyah, 1416 H
- Muhammad Thahir al-Asyur, *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*, Juz XXI, Tunisia ; ad-Dar at-Tunisiyyah li an-Nasyr, t.t
- Muhsin Abdul Hamid, *Tajdid al-Fikri al-Islami*, Kairo; Dar-As-Sohwah, 1985

Mustafa Shabri, *Mauqif al-Basyar Tahta Sultan al-Qadar*, Kairo; al-M th ' h l-  
Salafiyah wa Maktabatuha, 1352 H

Nur Ad-Din Ith r, *Manhaj Al-naqd fi Ulumu Al-Hadis*, Libanon; Dar-Al-Fikri-  
Beirut, 1978

Yusuf Qardawi, *al-Imanu wa al-Ḥayat*, Kairo; Maktabatu Wahbah, cet.VI, 1978

## BAHASA INGGERIS

B.J. Boland, *The Struggle of Islam in Modern Indonesia*, The Hague; Martinus  
Nijhoff, 1971

Edward William Lane, *An Arabic-English Lexicon*, II, F, Unggar E.W., 1955-56

Emad Eldin Shahin, *Through Moeslem Eyes; M. Rasyid Ridha and The Weat*.  
Virginia USA; International Institute of Islamic Thought, 1994

Eric. J. Sharpe, *Comperative Relegion of History*, London; Duckworth, 1998

Felix A. Nigro dan Lloyd G. Nigro, *Modern Public Administration*, New York;  
Harper and Publishers, 1970

Gillin and Gillin, *Cultural Sociology*, a revision of An Introduction to Sosiology,  
New York; The Macmillan Campany, 1954

James D. Mooney, *The Principles of Organization*, New York; Harper & Brothers  
Publishers, 1954

John D. Millet, *Management in The Public Service*, , New York; McGraw Hill  
Book Co.Inc. 1954

John Pfiffner dan Robert V Presthus, *Public Administration*, New York; The  
Ronald Press Company. 1960

Kimbal Young dan Raymond, W. Mack, *Sociology and Social Life*, New York;  
American Book Campany, 1959

Majid, Fakhri, *A History Islamic Philosophy*, New York, Columbia Univ, Press,  
1983

Mircea Eliade, ed. *The Encyclopaedia of Religion*, vol. VII, New York, Mac Millan  
Publishing Company, 1987

- Montgomery Watt, William, *Free Will and Predistination in Early Islam*, London : 1949
- \_\_\_\_\_, *Islamic Philosophy and Theologi*, Edinburgh, University Press, 1962
- \_\_\_\_\_, *Belief in a 'High od ' in pre-Islamic Mecca*, *Journal of Semetic Studies*, xvi, 1971
- \_\_\_\_\_, *Islamie Fundamentalism and Modernity*, New York, Routledge, cet. 1, 1998
- Murtadha Muthahhari, *Man and Universe*, Iran, Ansariyan Publication, Qum, cet.1, 1997
- Philip Bob Cock Gove (ed), *Webster's Third New International Dictionary of the English Language*, G & C Merviam Company Publisher, 19966
- Thomas S. Kuhn, *The Structure Revolutions*, Cicago; University Press, 1970
- Waheeduddin Khan, *Religion Versus Science*, India, Thingker, t.t
- Wensinck, A.J, *The Muslim Creed its Genesis and Historical Development*, London : 1932
- Wilfred Cantwel Smith, *The Meaning and End of Religion*, New York; The New American Library of The World Literature, 1964
- William L Resse, *Dictionary of Philoshopy and Religion*, USA; Humanities Press Ltd, 1980

#### BAHASA MELAYU

- Abd. Rachman Assegaf, *Studi Islam Kontekstual*, Yogyakarta, Gema Insani, cet. 1, 2005
- Abujamin Roham, *Agama Wahyu dan Kepercayaan Budaya*, Jakarta, Media Dakwah, cet. 2, 1992
- Abdul Karim Jamak, *Ikhtisar Tentang Buya Kh. Abdul Karim Djamak Pembina J m'iy tul Isl miy h*, 1994



- Abdul Karim Djamak, *Munuskrip Materi Pengajian Jami'iyatul Islamiyah*. t.t
- Abdul Karim Djamak, *Rukun Sembahyang Tiga Belas*. t.t
- Abdul Majid bin Abdul Aziz al-Zindani, et al., *Mukjizat Al-Quran dan As-Sunnah Tentang Iptek*, Jakarta, : Gema Insani Press, cet. 2, 1999
- Abdul Fatah Haron Ibrahim, *Penyelematan Dari Kesesatan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 3, 1991
- Abdul Hayei bin Abdul Sukor, *Tafsir Pedoman Muttaqin*, Selangor DE ; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), cet.1, 2008
- Adullah Nshih Ulin, *Masih Tqdir, Ml ysi* , Thinkers Library, cet. 1, 1998
- Abdul Qadir Isa, *Haqaa'iq 'anit Tasawuf* (Cetak Biru Tasawuf Spritualitas Ideal dalam Islam), terj. Jakarta, Ciputat Press, cet. 1, 2007
- Adullah Sni, *Asm Ul Husn Dalam Komentari (Di Gali dari Al-Qur'an)*, Johor hru, Thinker's Library, cet. 1, 1984
- Abu Bakar Aceh, *Sejarah Filsafat Islam*, Solo, Ramadhani, cet. 2, 1982
- Abu Bakar Aceh, *Sejarah Al-Quran*, Kuala Lumpur, Pustaka Antara, cet. 2, 1997
- Abu Bakr Jabir Al-Jazairi, *Akidah Mukmin*, Kuala Lumpur, PustakaAntara, cet. 1, 1997
- Abu Bakar Yacub, *Menanti Panggilan Izrail*, Selangor, Pustaka Melayu Baru, cet. 3, 1984
- Abuddin Nata, *Metodologi Studi Islam*, Jakarta, Raja Grafindo Persada, cet. 8, 2003
- Abuddin Nata, dalam *Tokoh-Tokoh Pembaharuan Pendidikan di Indonesia*, Jakarta, Raja Grafindo, cet.5, 2005
- Abuddin Nata, *Akhlak Tasawuf*, Jakarta, Raja Grafindo Persada, Ed. 1-7, 2008
- Au J'frin Ali Hussy in in Mus bin Babawayh al-Qummi al Saduq, *A Shi'te Creed*, (terj) Asaf A.A. Fayzee, Teheran, 1402-1982
- Aul A'l al-Maududi, *Pengertian Agama, Ibadah, dan Ketuhanan Yang MAha Esa dalam Al-Quran*, (terj), Mahyuddin Syaf, Bandung, Sinar Baru, cet. 1, 1986
- Aul A'l al-Maududi, *Langkah-Langkah Pembaharuan Islam*, (terj), Dadang Kahmad dan Afif Muhammad, Bandung, Pustaka, cet. 1, 1984

- A ul A' l al-Maududi, 1988, Prinsip-Prinsip Islam, Suhaili Abdullah, Bandung, Al-M' rif, cet. 4, 1988
- A ul A' l al-Maududi, et al., Hakikat Tauhid Dalam Kehidupan Seorang Muslim, Darul Ulum-Press, cet. 1, 1990
- A ul A' l al-Maududi, *The Road To Peac and Salvation* (terj), Muhammad Ayub, Surabaya, Bungkulu Indah, cet. 1, 1993
- A ul A' l al-Maududi, Islam dan Jahiliyah (terj), Surabaya, Bengkul Indah, cet. 1, 1993
- A.Djalil Maelan, Islam Dalam Peredaran Zaman, Surabaya, Al-Ihsan.t.t
- A.Fatah Yasin, Dimensi-Dimensi Pendidikan Islam, Malang, UIN-Malang Press, cet. 1, 2008
- Ahmad Amin, Ethika (Ilmu Akhlak), terj. Jakarta, Bulan Bintang, cet. 2, 1977
- Ahmad Daudy, Segi-Segi Pemikiran Falsafi Dalam Islam, Jakarta, Bulan Bintang, cet. 1, 1984
- Ahmad Farid, *Ta kiyah An-Nufus wa Tartibuhaa Kam a uqarriruh u 'Ulama' al-Salaf*,(terj), Jakarta, Pustaka Azam, cet. 1, 2001
- A.Hasan, Pertukaran Fikiran Tentang Ada Tidaknya Tuhan, Adakah Tuhan ?, Bandung, Diponegoro. 1984
- A.Hasjmy, Duster Dakwah Menurut Al-Quran, Jakarta, Bulan Bintang, cet. 2, 1984
- Ahmad Zuhdi, Hj. Mukhtar Abdul Karim dan Usaha Dakwah Islamiahnya di Kerinci, Bangi,Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998
- Ahm d Zuhdi Ism il , Im m J 'f r l-Sadiq, Pemikirannya Tentang Konsep Ketuhanan, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, cet. 1, 2006
- Ahmad Zuhdi, Urgensi Komitmen Tauhid dalam Berdakwah, Sungai Penuh, STAIN Kerinci-Press, cet. 1, 2010
- Ahmad Zuhdi, Studi Tentang Pemahaman Islam, Sungai Penuh, STAIN Kerinci Press, cet. 2, 2011
- Ahmad Zuhdi, Teologi Dakwah dan Perubahan Sosial, Sungai Penuh, STAIN Kerinci Press, cet. 1, 2011
- Ahmad Zuhdi, dan Dede Rohaniawati, Membangun Karakter Pendidikan dengan Akhlak Mulia, Bandung, Alfabeta, cet. 1, 2012

- Ahmad Zuhdi dan Ahmad Yani, *Dinamika Intelektual dan Rohani Kh. Abdul Karim Jamak*, Pendi J m'iy tul Isl mi y h, Bandung, S g r , cet. 1, 2015
- Al-Hamdani, *Sanggahan terhadap Tasawuf dan Ahli Sufi*, Bandung, Al-M'rif, cet. 3, 1982
- Ali Anwar Yusuf, *Studi Agama Islam untuk Perguruan Tinggi*, Bandung, Pustaka Setia, cet. 1, 2003
- Ali bin Muhammad Asy-Syarif, *Peringatan Mengenai Hari Akhirat*, Selangor, Pustaka Haji Abdul Majid, cet. 1, 2009
- Amdan bin HAmid, *Pembukaan Segala Rahsia*, Johor Bahru, Perniagaan Jahabersa, cet. 3, 2004
- A.Munir dan Sudarsono, *Dasar-Dasar Agama Islam*, Jakarta, Reneka Cipta, cet. 2, 2001
- Ansori, *Transformasi Pendidikan Islam*, Jakarta, Gaung Persada, cet. 1, 2010
- A.R. Sutan Mansur, *Tauhid Membentuk Pribadi Muslim*, Kuala Lumpur, Pustaka Melayu Baru, cet. 1, 1979
- Asjmuni Abdurrahman dan Moelyadi, (pyt), *Fatwa-Fatwa Tarjih Tanya Jawab Agama Jilid 1*, Yogyakarta, Suara Muhammadiyah, cet. 7, 2003
- Asjmuni Abdurrahman dan Moelyadi, (pyt), *Fatwa-Fatwa tarjih; Tanya Jawab Agama jilid 2*, Yogyakarta, Suara Muhammadiyah, cet. 6, 2003
- Aswin Rose dan Syaikhu Usman, *Mengenang Ayahanda Kh. Abdul Karim Jamak, Pem i n J m'iy tul Isl mi y h, J k rt , DPP-J m'iy tul Isl mi y h*. 1996
- Atang Abd. Hakim dan Jaih Mubarak, *Metodologi Studi Islam*, Bandung, Remaja Rosada Karya, cet. 3, 2000
- Azyumardi Azra, *Islam Reformasi, Dinamika Intelektual dan Gerakan*, Jakarta, Raja Grafindo Persada, cet. 1, 1999
- Beni Ahmad Soebani dan Abdul Hamid, *Ilmu Akhlak*, Bandung, Pustaka Setia, cet. 1, 2010
- Berhanunndin Bin Abdullah, *Am l J m'I d l m Org nis si Isl m, Sel ngor D.E, Zabib Enterprise*, cet. 1, 1997
- Bey Arifin, *Mengenal Tuhan*, Surabaya, Bina Ilmu, cet. 10, 2003

- Bustami Said, *Ma'fhum Tajdid al-Din*, Kuwait; Dar-D 'w t, 1984
- Dadang Ahmad, *Metode Penelitian Agama; Perspekti Ilmu Perbandingan Agama*, Bandung; CV. Pustaka Setia, 2004
- Dedi Supriyadi, *Sejarah Peradaban Islam*, Bandung, Pustaka setia, cet. 3, 2008
- Didiek Ahmad Supadie, et al., *Pengantar Studi Islam*, Jakarta, Raja Grafindo Persada, cet. 1, 2011
- Endang Saefuddin Anshari, *Wawasan Islam, Pokok-Pokok Fikiran Tentang Islam dan Ummatnya*, Jakarta, Raja Grafindo Persada, cet. 4, 1993
- Fahrudin HS, *Membentuk Moral Bimbingan Agama*, Jakarta, Bina Aksara, cet. 1, 1985
- F rid M 'ruf Noor, *Dinamika dan Akhlak Dakwah*, Surabaya, Bina Ilmu, cet. 1, 1981
- Fuad Mohd. Fachruddin, *Perkembangan Kebudayaan Islam*, Jakarta, Bulan Bintang, cet. 1, 1985
- Fuaduddin dan Cik Hasan Bisri, (ed), *Dinamika Pemikiran Islam di Perguruan Tinggi*, Jakarta, Logaos Wacana Ilmu, cet. 1, 1999
- Hadari Nawawi, *Hakikat MANusia Menurut Islam*, Al-Ikhlash, Surabaya, cet. 1, 1993
- H der ni, H.N, *Ilmu Ketuh n n, M 'rif t, Musy h d h, Muk s y f h, M h h*, Surabaya, CV Amin, t.t
- Hadji A. Salim, *Tauhid-Taqdir dan Tawakkal*, Jakarta, Tintamas, cet. 5, 1954
- Hal Azwan, *Rahsia Mengenal Diri*, Selangor, Cita Khidmat, cet. 4, 1993
- Hamdan Rasyid, *Bimbingan Ulama Kepada Umara dan Umat*, Jakarta, Pustaka Beta, cet. 1, 2007
- Hamka, *Tafsir Azh r Juzu' 1*, J k rt , P njim s, c et. 8, 1985
- H mk , *T fsir Azh r Juzu' 9*, J k rt , P njimas, cet. 4, 1986
- Hamka, *Filsafat Ketuhanan*, Surabaya, Karunia, cet. 1, 1987
- Hamka, *Tasawuf Perkembangan dan Pemurniannya*, Jakarta, Panjimas, cet. 19, 1994
- Hamka, *Tasawuf Modern*, (Kuala Lumpur : Darul Nukman,1998), cet. 3

- Hamka, Tafsir Al-Azhar Edisi Baru, Jakarta, Pustaka Panjimas, cet. Desember 2007
- H m z h Y 'cu , Etika Islam Pembinaan Akhlaqul Karimah (Suatu Pengantar), Bandung, Diponegoro, cet. 4, 1988
- Hasan Langgulang, Manusia dan Pendidikan; Suatu Analisis Psikologi dan Pendidikan, Jakarta; al-Husna, 1995
- Harun Nasution, Filsafat dan Mistisisme dalam Islam, Jakarta, Bulan Bintang cet. 3, 1983
- Harun Nasution, Islam Ditinjau Dari Berbagai Aspeknya, jilid 1, Jakarta, UI-Press, cet. 5, 1985
- Harun Nasution, Islam Ditinjau Dari Berbagai Aspeknya, jilid II, Jakarta, UI-Press, cet. 6, 1986
- Harun Nasution, Teologi Islam Aliran-Aliran Sejarah Analisa Perbandingan, Jakarta, UI-Press, cet 2, 1986
- Hartono Ahmad Jaiz dan Abduh Zulfidar Akaha, Bila Kiyai diper Tuhankan, Membedah Sikap Beragama NU, Jakarta, Al-Kausar, cet. 1, 2001
- Hartono Ahmad Iaiz, Aliran dan Pemahaman Sesat di Indonesia, Jakarta, Pustaka Al-Kausar, cet. 9, 2005
- Hasbi Ash Shidqy, Sejarah dan Pengantar Ilmu Tauhid, edisi kedua, Semarang, Pustaka Rizki Putra, cet. 1, 1999
- H.A. Mukti Ali, Alam Pikiran Islam Modern di India dan Pakistan, Bandung, Mizan, cet, 1, 1993
- H.M. Rasjidi, Filsafat Agama, Jakarta, Bulan Bintang, cet. 4, 1978
- H.M. Rasjidi, Empat Kuliah Agama Islam pada Perguruan Tinggi, Jakarta, Bulan Bintang, cet. 6, 1990
- H.M. Yunan Nasution, Islam dan Problema-problema Kemasyarakatan, Jakarta, Bulan Bintang, cet. 1, 1988
- In Ath ill h l-Sakandari, *al-Tanwir fi isqath al-Tadbir*, (terj) Fauzi Faishal hreisy, Ter fi M 'rif t Misteri erser h kep d All h, J k rt , Penerbit Zaman, cet. 1, 2013
- Ibn Katsir, *Tafsir Ju 'amma min Tafsir Al- ur an Al-'Azim*, Jakarta, Pustaka Azzam, cet.8, 2005

- Ibrahim Bakar, Ilmu Kalam, Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2002
- Ibrahim Madkour, *Fi al-Falasafah al Islamiyah Manhaj wa Tatbiqub al Ju 'al sani*, terj. Aliran dan Tiori Filsfat Islam, Jakarta, Bumi Aksara, cet. 4, 2009
- Imam Munawwir, Kebangkitan Islam dan Tantangan-Tantangan Yang di Hadapi dari Masa ke Masa, Surabaya, Bina Ilmu, cet. 2, 1984
- Jalaluddin Rakhmat, Meraih Kebahagiaan, Bandung, Simbiosis Rekatama Media, cet. 5, 2009
- Jhon Rinaldi, Syekh Siti Jenar Dunia Sebagai Alam Kubur, Kritik terhadap Kaum Materialis, Yogyakarta, Pustaka Pelajar, cet. 1, 2008
- Kamus Dewan Edisi Ketiga, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 1, 1994
- Kementerian Agama RI, Tafsir Al-Quran Tematik, Jakarta, Penerbit Aku Bisa, Jilid 1-10, 2008
- Kementerian Agama RI, Tafsir al-Quran Tematik, Keniscayaan hari Akhir, Jakarta : Lajnah Pentashihan Mushaf al-Quran, Badan Litbang dan Diklat, 2012,
- Mahdi Rizqullah Ahmad, *as-Sirah an-Nabawiyah fi Dhau'i al-Mashadir al-Ashliyah : Dirasah Tahliliyyah*, (terj), Jakarta, Qhisti, 2005
- Mahmud, Pemikiran Pendidikan Islam, Bandung, Pustaka Setia, cet. 1, 2011
- Mardaham Al-Imam, Tali Yang Kuat antara Insan dengan Khaliqnya, Jakarta, Kalam Mulia, cet. 1, 1989
- M. Jamil, Cakrawala Tasawuf (Sejarah, Pemikiran dan Kontekstualitas), Jakarta, Gaung Persada Press, cet. 2, 2007
- Marno (Ed), Kawasan dan Wawasan Studi Islam, Jakarta, Prenada Media, cet. 1, 2005
- M. Amin Abdullah, Dinamika Islam Kultural, Pemetaan atas Wacana Keislaman Kontemporer, Bandung, Mizan, cet. 1, 2000
- Masataka Takeshita, Insan Kamil Pendidikan Inu Ar i, Surabaya, Rish Gusti, cet. 1, 2005
- M. Natsir, Fiqhud D'wah, Surat, Rmdh ni, cet. 7, 1987

- Moenawar Chalil, *Kembali Kepada Al-Quran dan As-Sunnah*, Jakarta, Bulan Bintang, cet. 8, 1991
- Mohammad Daud Ali, *Pendidikan Agama Islam*, Jakarta : Rajawali Press, 1997
- M. Quraish Shihab, *Wawasan Al-Quran, Tafsir M ud hu'i At s er g i Perso lan Umat*, Bandung, Mizan, cet.1, 1996
- M.Quraish Shihah, *Tafsir al-Misbah; Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*, Jakarta : Lentera Hati, cet. 3, 2007
- M.Said, *Kitab Tauhid (Sifat Dua Puluh) Awaludin Marifatullah*, Kuala Lumpur, Pustaka Melayu Baru, cet. 1, t.t
- Muhammad Ahmad, *Tauhid Ilmu Kalam*, (Bandung : Pustaka Setia, 2009), cet. 2
- Muhammad Kamil Hasan al-Mahami, *Menatap Al-Jannah Seluk Beluk Surga*,(terj), Bandung, Pustaka Hidayah, cet. 1, 2006
- Muhammad Yusoff Hussain, dkk, *Isu-isu dalam Usuluddin dan Falsafah*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, cet. 1, 1993
- Mujamil Qomar, *Epistemologi Pendidikan Islam, Dari Metode Rasional hingga Metode Kritik*, Jakarta, Erlangga, t.t
- Mulla Shadra, *Teosofi Islam, Manifestasi-Manifestasi Ilahi*, (terj), Bandung, Pustaka Hidayah, cet. 1, 2005
- Munawwar Chalil, 1991, *Kembali Kepada Al-Quran dan As-Sunnah*, Jakarta : Bulan Bintang, cet. 8, 1991
- Munawir Sajdzali, *Islam dan Tata Negara, ajaran, sejarah dan pemikiran*, Jakarta, UI-Press, cet. 4, 1992
- Mustafa Ar-R fi'I, *l-da'watu wa al-dua'ati fil Islam*, (terj) Potret Juru Dakwah, Jakarta, Pustaka al-Kautsar, cet. 1, 2002
- Ni'm t Shidqi, *Pembalasan Syorga atau Neraka*, Singapura, Pustaka Nasional PTE LTD, cet. 1, 1982
- Noraini Abu, *Sifat 20 Kearah Memahami Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah*, Selangor, Pustaka Ilmi, cet. 2, 1997
- Norhuda Ibrahim, *Keindahan dan Kenikmatan Syurga*, Selangor, Pustaka Ilmi, cet. 1, 2010
- Nuhrison, (Ed), *Aliran/Faham Keagamaan dan Sufisme Perkotaan*, Jakarta, Puslitbang Kehidupan Keagamaan, cet. 1, 2009

- Nukhbah min al-Ulama, *Usul al-Iman fi Dau'i al-kitab wa al-Sunnah* Saudi Arabia, Maktabah syamilah, juz 1, 1421 H, dengan halaman web <http://www.al-islam.com>
- Nukman Abbas, *Al-Asy' ri (874 – 935 M) Mesteri Perbuatan Manusia dan Takdir Tuhan*, Jakarta, Penerbit Erlangga, t.t
- Nurchalis madjid, *Isl m Doktrin d n Per d n, Se u h tel ' h Kritis tent ng Masalah Keimanan, Kemanusiaan, dan Kemoderenan*, Jakarta, Paramadina, cet. 2, 1992
- Nurchalis Madjid, *Islam Kemodernan dan Ke Indonesiaan*, Bandung, Mizan, cet.11, 1998
- Nurchalis Madjid, et al., *Dinamika Pemikiran Islam di Perguruan Tinggi, Wacana tentang Pendidikan Agama Islam*, Jakarta, Logos Wacana Ilmu, cet. 1, 1999
- Oemar Bakry, *Akhlak Muslim*, Bandung, Angkasa, cet. 3, 1993
- Riyanto Tri Wahono, *Syekh Siti Jenar Walyyul Rakyat*, Yogyakarta, Kreasi Wacana, cet. 3, 2008
- Rohimin, et al., *Harmonisasi Agama dan Budaya di Indonesia*, Jakarta, Balai Penelitian dan Pengembangan Agama Jakarta, cet. 1, 2009
- Rosehan Anwar, (edisi revisi), *Akhlak Tasawuf*, Bandung, Pustaka Setia, cet. 1, 2010
- Rozhan Othman, *Pengurusan Dakwah*, Selangor D.E, Ummah Media, cet. 1, 1990
- Ruhani, *Ilmu Penerang Hati dan Tenaga Peningat*, Kuala Lumpur, Al-Hidayah, cet. 4, 2007
- Sabri, AR, et al., *uku Pedom n J m'iy tul Isl mi y h, J k rt , J m'iy tul Islamiyah*, cet. 4, 2010
- Sahilun A. Nasir, *Pengantar Ilmu Kalam*, Jakarta, Raja Grafindo Persada, cet. 3, 1996
- Said Aqil Husin Al-Munawar, *Aktualisasi Nilai-Nilai Quran dalam Sistem Pendidikan Islam*, Jakarta, Ciputat Press, cet. 2, 2005
- Subana-Sudrajat, *Dasar-Dasar Penelitian Ilmiah*, Bandung; CV.Pustaka Setia, 2005
- Sudarto, *Metodologi Penelitian Filsafat*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 1996



- Sy f ' t H i , Buku Pedoman Dakwah, Jakarta, Widjaya, 1981
- Taufik Rahman, 2013, Tauhid Ilmu Kalam, Bandung : Pustaka Setia, cet. 1, 2013
- Teungku Muhammad Hasbi Ash Shiddieqy, Sejarah dan Pengantar Ilmu Tauhid/Kalam, Semarang, Pustaka Rizki Putra, cet. 1, 1999
- Th. Soekartono, Petunjuk Menuju Jalan Yang Lurus, Bandung, Al-M ' rif, cet. 1, 1981
- W.J.S, Poerwadarminta, Kamus Umum Bahasa Indonesia, Jakarta, Balai Pusta, cet. 8, 1985
- Yahya bin Musa, *Haqqullahi Ta'ala 'Ibadihi*, (terj) Saiful Aziz, Kamus Hak-Hak Allah SWT, Jawa Tengah, Al-Fajr Media, cet. 1, 2011
- Yahya Rais, Islam agama Fitrah Manusia, Surabaya, Bina Ilmu, cet. 1, 1982
- Yasmadi, Modernisasi Pesantren, Kritik Nurchalis Madjid Terhadap Pendidikan Agama Islam Tradadisional, Jakarta, Ciputat Press, cet. 1, 2002
- Yunahar Ilyas dkk (Ed), Muhammadiyah dan NU; Reorientasi Wawasan Keislaman, Yogyakarta, LPPI UMY, cet.1, 1993
- Yunahar Ilyas, Kuliyyah Aqidah Islam, Yogyakarta, Lembaga Kajian dan Pengamalan Islam, cet.4, 1998
- Yunasril Ali, Pilar-Pilar Tasawuf, Jakarta, Kalam Muliya, cet. 3, 2002
- Zainal Arifin Abbas, Perkembangan Pikiran Terhadap Agama, Jakarta, Pustaka Al-Husna, cet.2, 1984

Lampiran A

Gambar (I)



KH. ABDUL KARIM JAMAK (1906 – 1996)

Lampiran B

Gambar (ii)



Logo J m'iy tul Isl miy h  
Yang diciptakan oleh Kh. Abdul Karim Jamak

Lampiran C

Gambar (iii)



Penulis Bersama Ketua Umum Dewan Pimpinan Pusat  
Prof. Dr. H. Azhar Arsyad, MA

Lampiran D

Gambar (iv)



Penulis ers m Dew n Pengurus Pus t J m'iy tul Isl mi y h  
D n Pimpin n W il y h J m'iy tul Isl miy h Provinsi J m i  
2013

Lampiran E

Gambar (v)



Penulis ers m Pend kw hJ m'y tul Isl mi y h  
Kabupaten Kerinci dan Sungai Penuh  
Ustaz Drs. H. Basrul dan Ustaz Asmir Samin, M.PdI  
D l m S emin r Intern sion l J m'iy tul Isl mi y h  
Di Asrama Haji Provinsi Jambi  
2013

Lampiran F

Gambar (vi)



Penulis Bersama Pimpinan Daerah Muhammadiyah Kabupaten Kerinci  
Drs. H. Bahrum Jalil, M.Ag, Dan Ketua Umum Majelis Ulama Indonesia (MUI)  
Kota Sungai Penuh Drs. Nusyirwan, M.PdI

Lampiran G

(Gambar vii)



Penulis Bersama Pengurus Forum Kerukunan Umat Beragama (FKUB)  
Kota Sungai Penuh. Mereka mengenali kepribadian  
Kh. Abdul Karim Jamak semasa hidupnya.



Lampiran H

Gambar (viii)



Penulis Bersama Ketua Umum Nahdatul Ulama (NU) Kabupaten Kerinci  
Dr. H. Mohammad Rasyidin, M.Ag beliau juga  
Pensyarah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Kerinci



Penulis Bersama Sekretaris Ikatan Sarjana Nahdatul Ulama (ISNU)  
Kota Sungai Penuh, Drs. Andi Suyub, M.PdI

Lampiran I

Gambar (ix)



Masjid Raya Jami'iyatul Islamiyah Kotabaru Sungi Penuh  
Yang didirikan oleh Kh. Abdul Karim Jamak

Lampiran J

Gambar (x)



Penulis bersama Pengurus Pemuda Jemberiyatul Islamiyah  
Kota Sungailen Penuh, dalam peringatan Isra' Mi'raj  
Penceramahnya Dr. H. Tasmin Tanggareng, M.Ag

Lampiran K

Gambar (xi)



Dr. H. Tasmin Tanggareng, M.Ag  
Memberikan ceramah dalam rangka Isra' Mi'raj  
dalam rangka Pendidikan dan Penelitian Islamiyah



Penulis menjelang salat Zuhur di halaman

Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah  
Kota Sungai Penuh

Lampiran L

Gambar (xii)



Asrama yang terdiselesaikan Masjid Raya Jam'iyatul Islamiyah  
Sebagaimana tertera pada gambar di atas ini



Pr s sti Per smi n M sjid R y J m'iy tul Isl mi y h  
Desa Lawang Agung Kota Sungai Penuh

Lampiran M


Gambar (xii)



Pejabat/Kantor Dewan Pimpinan Daerah  
J m'iy tul Isl miy h Kota Sungai Penuh dan Kabupaten Kerinci

Lampiran N

Gambar (xiv)



Makam Kh. Abdul Karim Jamak  
1996

Lampiran O

Gambar (xv)



Penulis di l m mengikuti Peng ji n rutin J m'iy tul Isl mi y h  
Kota Sungai Penuh-Kerinci 2013



Gambar (xvi)



Masjid yang pertama didirikan oleh Kh. Abdul Karim Jamak Masjid Baitul Ikhlas pada tahun 1974



Penulis bersama Imam Masjid Baitul Ikhlas H. Ghazali (81 tahun) Murid Kh. Abdul Karim Jamak, masjid pertama yang didirikan

oleh Kh. Abdul Karim Jamak

Lampiran Q

Gambar (xvii)



Masjid Baitul Ikhlas yang terletak  
Di Desa Muara Perjuangan Jaya Kota Sungai Penuh 1974,  
yang semula adalah Surau atau Mushalla tempat Kh. Abdul Karim Jamak  
mengajarkan murid-murid beliau

SENARAI INFORMAN ( YANG DITEMUBUAL)

NO.	NAMA	JAWATAN
1	Prof. Dr. H. Azhar Arsyad, MA	Ketua Umum DPP J m'iy tul Isl miy h Jakarta
2	Prof. Dr. H. Shahrin Harahap, MA	Ketu DPP J m'iy tul Isl mi y h Jakarta
3	H. Azwar Anas	Dew n Pen seh t J m'iy tul Isl mi y h Jakarta
4	Ir. H. Zulhadi Karim	Ketu Umum DPD J m'iy tul Isl mi y h Kerinci
5	Drs. H. Audal Amli, MM	Ketu Umum DPD J m'iy tul Isl miy h S. Penuh
6.	Irwan Qulub, S.Pd	Ahli J w t n K u s J m'iy tul Isl mi y h
7	Yempurna, SH	Ahli J w t n K u s J m'iy tul Isl mi y h
8	H. Asnadi Anas, SE	Ahli J w t n K u s J m'iy tul Isl mi y h
9	Zulman Anwar, SE	Ahli J w t n K u s J m'iy tul Isl mi y h
10	Ali Zuriyat	Anak Kandung Kh. Abdul Karim Jamak
11	S 'diy h K rim	Anak Kandung Kh. Abdul Karim Jamak
12	Kh. Rasyid Jamak	Adik Kandung Kh. Abdul Karim Jamak
13	Drs. H. Basrun Jamil	Pend kw h J m'iy tul Isl mi y h
14	H. Asmir Samin, S.Ag, M.PdI	Pend kw h J m'iy tul Isl mi y h
15	Dr. H. Ismail Thaliby, MA	Bekas Dekan Fakulti Syariah Kerinci
16	Drs. Kh. Abd. Kadir Yasin	Bekas Ketua MUI Kabupaten Kerinci

17	Drs. H. Martunus W, M.PdI	Dekan Fakultas Tarbiyah YPI Kerinci
18	Prof. Dr. H. Yunasril Ali, MA	Ketua STAIN Kerinci dan Pensyarah UIN Jakarta
19	Drs. H. Jasrial Zakir	Ketua Penasehat MUI Kota Sungai Penuh
20	Drs. H. Martunus Rahim, M.Ag	Ketua MUI Kabupaten Kerinci
21	Drs. Nusyirwan, M.PdI	Ketua MUI Kota Sungai Penuh
22	Dr. Ahmad Jamin, M.Ag	Pimpinan Muhammadiyah Kerinci
23	Drs. Sulaiman Z, MA	Dewan Syura NU Krinci
24	Drs. Andi Suyub, M.PdI	Sekretaris ISNU Kota Sungai Penuh
25	Drs. H. Bahrum Jalil, M.Ag	Ketua Muhammadiyah Krinci
26	Ko Fat (Efendi)	Etnis China Kota Sungai Penuh
27	Si Ho (Oyong Hendra)	Etnis Cina Kota Sungai Penuh